

**PENGARUH MOTIVASI DALAM PROSES PEMBANGUNAN
DIRI REMAJA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN DI
PUSAT MOTIVASI ALIHAN PELAJAR, KUALA LUMPUR**

NUR SHAHIDAH BINTI PA'AD

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

ABSTRAK

Perlaksanaan kajian ini bertitik tolak daripada isu utama yang timbul berhubung dengan kemerosotan motivasi yang dialami oleh remaja selepas beberapa lama keluar daripada program motivasi. Umum masih mempersoalkan tentang mengapa hal ini boleh berlaku dan adakah remaja yang keluar dari program motivasi berkonsepkan Islam turut mengalami masalah yang sama. Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dilakukan, terdapat beberapa perkara yang telah dikenalpasti sebagai punca yang menyebabkan berlakunya kemerosotan tersebut. Kelompangan kajian-kajian lepas dalam membincangkan isu ini menyebabkan penyelidikan lanjutan masih diperlukan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk merungkai isu tersebut dengan lebih mendalam, memecahkan persoalan yang timbul, serta memberikan solusi yang terbaik. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian telah memilih reka bentuk kajian kes bagi meneliti lima kes remaja yang telah mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar (MAP). Data yang mengupas fenomena realiti sebenar pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri bagi kelima-lima informan, dikumpulkan dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian turut serta, analisis dokumen serta beberapa temu bual tambahan terhadap jurulatih tetap program. Kaedah teoritikal tematik yang melibatkan melibatkan beberapa peringkat pula digunakan sebagai kaedah analisis. Hasil kajian ini mendapati pengaruh motivasi dalam pembangunan diri informan adalah suatu proses yang kompleks melibatkan pelbagai elemen berhubung dengan diri informan serta elemen yang wujud dalam konteks sosial mereka. Kesedaran untuk memperbaiki diri dan keperluan terhadap kemahiran tertentu telah mendorong pembentukan komitmen pembangunan diri informan semasa berada dalam program. Walau bagaimanapun, kematangan serta peluang dalam membangunkan diri telah menentukan sejauhmana komitmen tersebut dapat

dilaksanakan. Sehubungan itu, menerusi kajian ini realiti pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri informan dapat diketengahkan, selain mencadangkan model motivasi berkonsepkan Islamik yang sesuai untuk diri mereka.

University of Malaya

ABSTRACT

The implementation of this study stems from a major issue of the decline in motivation suffered by adolescents after some time out of motivation program. This has often been questioned, and whether Islamic motivation programs have also experienced the same problem. Based on the survey of the literature, several matters have been identified as the reasons which contribute to the deterioration in motivation. The gap left by previous studies in discussing this issue warrants further research. Therefore, the present study aims to unravel the issue in greater depth, solve existing problems and provide the best solution. Using a qualitative approach, the study has selected case studies as its research design in examining five cases of adolescents who have participated in the *Motivasi Alihan Pelajar* (MAP) program. In order to explore the reality of the effect of motivation in the process of self-development of the five informants, data were collected through in-depth interviews, participants' observation, document analysis and additional interviews with the program regular coach. The theoretical thematic analysis which involves several stages was applied as the analysis method. The results reveal that the effect of self-motivation in the development of informants is a complex process involving various elements relating to the informants and elements that exist in their social context. Awareness to improve themselves and the need for certain skills has encouraged the formation of self-development commitment by the informants while in the program. However, maturity and opportunities to develop themselves have determined the extent that commitment can be implemented. Accordingly, through this study, the reality of the formation of self-development motivation of the informants is highlighted and suitable Islamic motivation model are suggested.

PENGHARGAAN

Segala puji dan puja bagi Allah S.W.T, Tuhan yang mentadbir seluruh jagat raya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah, sujud dan syukur dipanjatkan ke hadirat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua kajian ini dapat disempurnakan.

Sekalung penghargaan ditujukan khas buat kedua-dua penyelia tesis saya iaitu Dr. Yusmini bt. Yusoff dan Dr. Norrodzoh bt. Siren di atas dorongan dan tunjuk ajar yang membuatkan saya terus kuat dalam perjuangan menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga di atas kesabaran kalian berhadapan dengan segala kelemahan saya.

Selanjutnya, jutaan terima kasih diucapkan kepada suami tercinta Sabarul Azman Baharuddin kerana sentiasa ada di sisi, mengorbankan masa dan tenaga, menjadi pendengar setia dan menumpangkan bahu bagi melepaskan tangisan sementara kajian ini selesai sampi ke penghujungnya. Terima kasih kerana menjadi suami yang sangat memahami.

Tidak dilupakan kepada seluruh ahli keluarga tersayang, ‘mak’, ‘bapak’, kakak-kakak, abang-abang dan adik saya. Terima kasih atas pengorbanan, doa, kata-kata semangat dan nasihat yang dicurahkan dengan penuh kasih sayang. Terima kasih juga kerana sentiasa menceriaikan hari-hari saya dalam tempoh ini dan bersabar menunggu saya menyiapkan kajian.

Kepada sahabat-sahabat yang dikasihi, Nurul Husna Mansor, Siti Jamiaah Abdul Jalil, Norhanisah Senin, dan Siti Fairuz kerana sudi menjadi teman di sebelah meniti perjalanan kajian yang penuh dengan cabaran ini. Tidak lupa kepada sahabat-sahabat lain yang sanggup menyumbangkan masa dan tenaga untuk membantu saya menyelesaikan kajian.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak program Motivasi Alihan Pelajar (MAP) terutamanya Dr. Tengku Asmadi Tengku Mohamad selaku pengasas Pusat Motivasi Alihan Pelajar kerana mengizinkan saya untuk melaksanakan kajian di sana. Begitu juga kepada jurulatih program En. Rashid Kassim, Hakimin Hassan dan seluruh kakitangan MAP yang sangat membantu, ramah dan mesra di sepanjang saya menjalankan kajian. Terima kasih juga kepada informan kajian Ani, Man, Ira, Iz dan Ina kerana sudi meluangkan masa mengongsikan pengalaman kalian yang sangat penting untuk kajian ini.

Sekali lagi, ribuan terima kasih. Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian.

DEDIKASI

Buat anakanda Arham Sheehan :

Diri kamu mendorong semangat ini.
Manfaatkanlah, dengan nama Tuhan-mu.

ISI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan

Abstrak.....	iii
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan.....	vi
Isi Kandungan.....	vii
Senarai Kependekan.....	xiii
Senarai Jadual.....	xv
Senarai Rajah.....	xvi
Panduan Transliterasi.....	xvii
Senarai Lampiran.....	xix

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	1
1.3	Ulasan Kajian Lepas dan Pernyataan Masalah.....	6
1.4	Objektif Kajian.....	26
1.5	Definisi Tajuk.....	27
	1.5.1 Pengaruh	27
	1.5.2 Motivasi.....	27
	1.5.3 Pembangunan Diri.....	28
	1.5.4 Remaja.....	29
	1.5.5 Motivasi Alihan Pelajar.....	31
1.6	Skop Kajian.....	32
1.7	Kepentingan Kajian.....	33
1.8	Struktur Penulisan.....	34
1.9	Kesimpulan.....	36

BAB 2 : PENGARUH MOTIVASI PEMBANGUNAN DIRI REMAJA DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.1	Pendahuluan.....	37
2.2	Psikologi Remaja.....	37
	a) Perubahan Fizikal Emosi dan Pemikiran.....	38
	b) Pembentukan Identiti.....	40
	c) Tanggungjawab.....	41
2.3	Pembangunan Diri Remaja.....	43
	i) Fizikal.....	45
	ii) Intelek.....	46
	iii) Emosi.....	48
	iv) Sosial.....	50
	v) Spiritual.....	51
2.4	Proses Asas dan Faktor Pembentukan Motivasi dari Perspektif Barat.....	52
	2.4.1 Proses Asas Motivasi.....	52
	2.4.2 Faktor pembentukan Motivasi Dari Perspektif Barat.....	53
2.5	Motivasi Diri Remaja Dari Perspektif Islam.....	59
	2.5.1 Potensi al-Ruh.....	62
	2.5.2 Elemen Persekitaran.....	66
	2.5.3 Akhlak.....	69
	2.5.4 Elemen <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	70
	2.5.5 Elemen Niat.....	73

2.6	Pembentukan Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja	79
2.6.1	Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja.....	83
i) Fasa I	: Pra-Pencetusan.....	86
ii) Fasa II	: Pencetusan, Penilaian dan Penetapan.....	87
iii) Fasa III	: Perlaksanaan.....	94
2.7	Kesimpulan.....	103

BAB 3 : METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN

3.1	Pendahuluan.....	105
3.2	Kajian Kualitatif.....	105
3.3	Kajian Kes.....	109
3.3.1	Penentuan Kes.....	110
3.4	Pensampelan Kajian.....	111
3.5	Prosedur Pengumpulan Data.....	114
3.5.1	Pembinaan Soalan Temu bual.....	115
3.5.2	Proses Triangulasi Data (Dokumentasi, Pemerhatian dan Temu Bual Tambahan).....	117
3.5.3	Temu bual Mendalam.....	119
3.5.4	Mendapatkan Pengesahan Data.....	121
3.6	Prosedur Menganalisis Data.....	121
3.6.1	Membaca Data Secara Berulang.....	122
3.6.2	Mengekod dan Mengketogori Data.....	123
3.6.3	Mengenalpasti Persamaan dan Perbezaan.....	125
3.6.4	Menetapkan Tema.....	125

3.6.5 Menginterpretasi Data.....	126
3.7 Kesimpulan.....	127

BAB 4: MODUL MOTIVASI ALIHAN PELAJAR (MAP)

4.1	Pendahuluan.....	129
4.2	Pengenalan Pusat Motivasi Alihan pelajar.....	129
4.2	Pengisian Modul Motivasi Alihan Pelajar.....	130
	i) Pergantungan Kepada Allah S.W.T.....	130
	ii) Pembentukan Matlamat.....	131
	iii) Pembangunan Potensi Diri.....	134
	iv) Keupayaan Menilai dan Membuat Keputusan Berdasarkan <i>Sunnatullah</i> dan <i>Syariatullah</i>	137
	v) Ganjaran dan Elemen Persekitaran.....	139
4.4	Analisis Kandungan Modul MAP.....	141
	4.4.1 Fasa II.....	141
	4.4.2 Fasa III.....	145
4.5	Kesimpulan.....	152

BAB 5: PROSES PEMBANGUNAN DIRI REMAJA SEBELUM MENGIKUTI MAP

5.1	Pendahuluan.....	153
5.2	Tema Satu : Penilaian Terhadap Diri Dan Masa Depan.....	155
5.2	Tema Dua : Pengaruh Persekitaran dalam Pembentukan Penilaian Diri dan Akhlak.....	166

5.3	Tema Tiga : Pertembuangan antara Kehendak Persekitaran dan Keperluan Sosial.....	175
5.4	Kesimpulan.....	188

BAB 6: FAKTOR PEMBENTUKAN KOMITMEN PEMBANGUNAN DIRI REMAJA SEMASA MENGIKUTI MAP

6.1	Pendahuluan.....	190
6.2	Tema Satu : Kesedaran untuk Memperbaiki Diri.....	216
6.3	Tema Dua : Keperluan terhadap Pembentukan Kemahiran.....	225
6.4	Kesimpulan.....	213

BAB 7: PEMBENTUKAN PENGARUH MOTIVASI DALAM PROSE PERLAKSANAAN KOMITMEN PEMBANGUNAN DIRI REMAJA SELEPAS MENGIKUTI MAP

7.1	Pendahuluan.....	214
7.2	Tema Satu : Kematangan Dalam Membangunkan Diri.....	216
7.3	Tema Dua : Peluang untuk Membangunkan Diri.....	225
7.4	Kesimpulan.....	243

BAB 8: PENUTUP

8.1	Pendahuluan.....	245
8.2	Rumusan.....	245
	8.2.1 Isu, Tujuan dan Metodologi Kajian.....	245
	8.2.2 Objektif Kajian dan Rumusan.....	246
8.3	Implikasi dan Cadangan.....	256

8.3.1	Implikasi terhadap Pemahaman tentang Realiti diri Remaja.....	256
8.3.2	Implikasi terhadap Pembentukan Proses Pembangunan Diri untuk Jangka Panjang.....	260
8.3.3	Implikasi terhadap Pembentukan Model Motivasi.....	264
8.4	Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian akan Datang.....	268
8.5	Kesimpulan	271
RUJUKAN.....		272

SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AMNM	Amar Ma'ruf dan Nahi Mungkar
HAPA	<i>The Health Action Process Approach</i>
IIIT	<i>International Institute of Islamic Thought</i>
IIUM	International Islamic University Malaysia
IRDC	Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
IRT	<i>Iman Restoration Therapy</i>
ISTAC	<i>International Institute of Islamic Thought and Civilization</i>
MAP	Motivasi Alihan Pelajar
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
NLP	<i>Neuro Language Programming</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PM	Perdana Menteri
RKTM	RK Training & Management
SAW	<i>Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam</i>
SBPI	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
TESL	Teacher English as a Second Language
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Univerisiti Kebangsaan Malaysia
UNICEF	<i>United Nations Population Fund</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia

USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>

University of Malaya

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1. Skop Kajian
- Jadual 2.1. Elemen Motivasi Pembangunan Diri Remaja Menurut Islam
- Jadual 3.1. Maklumat Nama dan Umur Informan Kajian
- Jadual 3.2. Bilangan dan Tarikh Pemerhatian Turut Serta di Program Motivasi Alihan Pelajar
- Jadual 3.3. Bilangan, Tarikh dan Individu bagi Temu bual Tambahan
- Jadual 3.4. Sesi dan Tarikh Temu bual Mendalam bagi Lima Informan Kajian
- Jadual 4.1. Ringkasan Analisis Kandungan Modul MAP berdasarkan Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.1. Elemen-elemen dan Fasa Motivasi Pembangunan Diri
- Rajah 2.2. Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja
- Rajah 3.1. Kerangka Metode Pengumpulan & Analisis Data
- Rajah 5.1. Proses Pembangunan Diri Informan Sebelum Mengikuti MAP
- Rajah 8.1. Analisis Pengaruh Motivasi dalam Proses Pembangunan Diri Informan

PANDUAN TRANSLITERASI

Sistem transliterasi tulisan Arab ke tulisan rumi dalam tesis ini menggunakan *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Edisi Ketiga*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, 45-46 iaitu:

1. Konsonan

Arab	Roman	arab	roman	arab	Roman
ا،ء	a,ʾ	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	s	م	m
ج	j	ض	d	ن	n
ح	h	ط	t	ه	h
خ	kh	ظ	z	و	w
د	d	ع	ʿ	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h,t
ر	r	ف	f		

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
َ(fathah)	a	ا،ى	a
ِ(kasrah)	i	ي	i
ُ(dommah)	u	و	u

3. Diftong

Diftong	Transliterasi
اَؤْ	aw
اِئْ	ay
اَؤْ	aww
اِئْ	iy, i

Catatan:

Kalimah Bahasa Arab yang telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu tidak ditransliterasikan seperti hadis, al-Quran, Islam, Iman dan seumpamanya kecuali apabila perkataan tersebut digunakan dalam frasa Arab seperti *muqaddam*, *Imam*, *qadi*, *hakim* dan seumpamanya.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Lampiran B	Surat Persetujuan
Lampiran C	Modul Program Motivasi Alihan Pelajar
Lampiran D	Lain-lain : Dokumen Program Motivasi Alihan Pelajar

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini adalah Bab pengenalan yang akan menghuraikan tentang latar belakang kajian, ulasan kajian-kajian lepas dan pernyataan masalah, objektif kajian, definisi tajuk, skop kajian, kepentingan kajian dan struktur penulisan bagi kesemua lapan bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mengikut laporan UNICEF pada tahun 2012, populasi remaja Malaysia berumur lingkungan 10-19 tahun adalah dianggarkan sebanyak 5.8 million iaitu 19% daripada jumlah populasi penduduk Malaysia.¹ Meskipun dianggap sebagai golongan minoriti, perhatian yang besar telah diberikan oleh kerajaan terhadap golongan ini. Malah, peruntukan bajet sebanyak RM 1 Billion yang kepada Tabung Pembangunan Kemahiran Belia dalam Rancangan Malaysia ke-11 menunjukkan pembangunan diri remaja ini menjadi satu agenda penting bagi pihak kerajaan Malaysia.²

Perhatian yang cukup tinggi ini adalah kerana remaja adalah golongan yang akan mewarisi tampok kepimpinan negara sekaligus menentukan keadaan negara pada masa akan datang.

¹ UNICEF (2012) Malaysia Statistic, dicapai 28 Ogos 2012, http://www.unicef.org/infobycountry/malaysia_statistics.html#96

² Idris Haron, Teks Ucapan Bajet 2016 Oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 23 Oktober 2015, <http://www.bharian.com.my/node/91259>

Walaupun bagaimanapun, sebagai golongan yang sedang mengalami proses aktif pertumbuhan dan perkembangan diri, golongan ini sering dikaitkan dengan satu fasa kehidupan yang kritikal dan berisiko untuk terdedah dengan pelbagai masalah sosial.³ Berdasarkan kepada statistik yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes jenayah pelbagai yang melibatkan golongan remaja saban hari semakin meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2013, PDRM telah mencatatkan sebanyak 7816 kes jenayah remaja telah berlaku. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 4116 kes berbanding 3700 kes jenayah remaja yang berlaku pada tahun 2012.⁴ Walau bagaimanapun, sekiranya ciri-ciri yang ada pada diri remaja ini dibangunkan dengan baik, ia mampu menjadi satu kelebihan untuk melahirkan remaja yang lebih bijak dan matang untuk menerima tanggungjawab.⁵ Justeru, Soekarno menyebut di dalam pepatahnya “ *Beri aku seribu orang tua , nescaya akan aku cabut semeru dari akarnya, beri aku sepuluh pemuda nescaya akan kugoncangkan dunia*”. Berhubung dengan ini, para sarjana telah bersepakat bahawa fasa remaja adalah peluang yang harus digunakan untuk memberikan bimbingan dan didikan tepat agar pembangunan diri yang positif dapat dibentuk.

Sehubungan ini, pendidikan secara formal didapati tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan diri remaja secara holistik dalam mendepani pelbagai realiti dan cabaran era kemajuan dunia hari ini.⁶

³Tan, P. S.et al., “*A study of pregnant adolescents residing in a government home: Common characteristics and their views on the pregnancy*”, *Journal Malaysian Family Physician*, 7, no. 1, (2012), 11–15.

⁴ Ikhwan Hazwan Hamidun dan Mahfuz Mohammad, “Jenayah Remaja Membimbangkan”, laman sesawang, *Kosmo Online*, dicapai 23 Disember 2016, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1002&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_10.htm

⁵ Penulis tidak dikerahui, “Malaysia Development Goals Report”, laman sesawang *UNICEF*, dicapai 20 Januari 2010, www.unicef.org/malaysia/SOWC-2011-Adolescence-Malaysia

⁶ Elizabeth Jaya Joseph , “Effectiveness of Khatana Method on The Creativity of Form Four Student in A Selected School” (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 1999), 90 ; Ahmad Sarji Abdul Hamid, *Perkhidmatan awam berkualiti : dari Perspektif Ahmad Sarji Abdul Hamid*, (Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara, 1991), 20.

Tuntutan terhadap pembentukan individu remaja secara holistik ini juga adalah selari dengan harapan negara untuk melahirkan individu yang berdaya tahan tinggi bagi memenuhi aspirasi masyarakat dan negara.⁷ Hal ini kerana, untuk memastikan kemandirian remaja dalam menghadapi situasi tersebut, mereka tidak harus didedahkan kepada sistem pembelajaran yang membolehkan perolehan sijil semata-mata.⁸ Justeru, satu intervensi yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat lebih diperlukan.⁹

Intervensi yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat ini merupakan sistem pembelajaran yang lengkap serta fleksibel meliputi pelbagai bentuk pengetahuan, nilai dan kemahiran yang membantu remaja untuk berjaya menempuh kehidupan.¹⁰ Dalam usaha memenuhi keperluan ini, kaedah pendidikan yang dilaksanakan di luar waktu sekolah didapati mampu menyediakan sistem tersebut secara terancang dan berterusan tanpa terikat kepada batasan waktu dan ruang yang tertentu.¹¹ Kebebasan ini membolehkan remaja menerima bimbingan dari orang dewasa di samping dapat menggalakkan jalinan komunikasi interpersonal dalam kalangan mereka.¹² Kajian mendapati, pembelajaran tambahan dan bersifat alternatif¹³ diluar waktu sekolah ini dapat membantu remaja mengelakkan diri

⁷ Stephen T. Russell, *The Developmental of Non-Formal Education and Youth Development*, 4-H, Center for Youth Development, (The University of California : FOCUS, 2001), 3.

⁸ Enock Mambili, *The Position Of Non-Formal Education In Kakamega District in The Face of Declared Free Primary Education*, (LIFA PROGRAM COORDINATOR, 2004), 15.

⁹ Syarifah Md. Nor, *Keberkesanan Sekolah : Satu Perspektif Sosiologi*, (Serdang : Universiti Putra Malaysia, 2000), 23.

¹⁰ Jeunesses Musicales International (JMI), "Policy Paper on Recognition of Non-Formal Education : Confirming The Real Competencies of Young People", in *The Knowledge Society*, ed. The European Youth Forum, Council of Member Extraordinary General Assembly Brussel (Belgium, 11-12 November 2005) .

¹¹ Nabi Box Jumani, Fazal-ur-Rahman dan Khadija Bibi, "Potential of Non-Formal Basic Education in Promoting Woman Education in Pakistan", *International Journal of Instruction* 4, no.1, (2011), 18.

¹² Mahoney, J. L., "School extracurricular activity participation as a moderator in the development of antisocial patterns", *Journal of the Society for Research in Child Development* 71, no. 2, (2000), 502–516.

¹³ Adanan Mat Jusoh dan Mohd Azhar Abdul Hamid, "Pola Pembelajaran Non-Formal di kalangan Orang Dewasa: Kajian perbandingan antara Petani, Nelayan dan Peneroka Felda", (Laporan Penyelidikan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Manusia, Universiti Teknologi Mara, 2007)

daripada terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang kebanyakannya berlaku pada masa lapang.¹⁴ Dengan ini ia boleh mengeluarkan tenaga-tenaga muda dalam kalangan remaja yang dapat menyumbang secara berkesan kepada masyarakat dan negara.¹⁵ Hal ini kerana, sistem ini didapati mampu melahirkan remaja yang matang serta lebih bijak dalam mengatur kehidupan kesan daripada latihan dan bimbingan yang mencukupi.¹⁶

Kepentingan terhadap sistem pendidikan sepanjang hayat ini juga turut ditekankan dari perspektif Islam. Namun, pendidikan ini bukan sahaja perlu menyasarkan matlamat untuk melahirkan generasi remaja yang benar-benar berpotensi. Namun, jauh lebih penting adalah membangunkan remaja selari dengan falsafah pembangunan diri sebagaimana yang digariskan menerusi ajaran al-Quran dan sunnah. Menerusi falsafah ini kecemerlangan rohani individu remaja sebagai khalifah Allah di atas muka bumi adalah tunggak yang akan membangun kesejahteraan fizikal, emosi, intelek dan sosial pada diri remaja.¹⁷ Matlamat ini telah ditekankan menerusi rumusan seminar pendidikan dalam Islam di Makkah pada tahun 1977 iaitu : “ ... pembentukan insan baik dan soleh yang menyembah Allah dalam erti kata yang sebenar-benarnya”¹⁸ Berdasarkan kepada rumusan tersebut, sistem pendidikan di dalam Islam harus berperanan membentuk akidah remaja sehingga berupaya melahirkan generasi remaja yang berilmu,¹⁹ berpotensi tinggi

¹⁴ Hart, D., Atkins, R. dan Donnelly, T. M. “Community service and moral development” dalam *Handbook of moral development*, ed. M. Killen & J. G. Smetana’s, (Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 2006) 633–656; Bronfenbrenner, U. *Making human beings human: Bioecological perspectives on human development*. (Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 2005).

¹⁵ Jacob Kremer Tabes, “Impact of Positive Youth Development Program in Urban After School Setting on The Prevention of Adolescent Substance Use,” *Journal of Adolescence Health* 41, 239–247.

¹⁶ Larson, R. W. dan Verma, “S. How children and adolescents spend time across the world: Work, play, and developmental opportunities,” *Psychological Bulletin* 125, (1999), 701–736.

¹⁷ Abdul Halim El-Muhammadiyah, *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin, dan Peranan Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka 1991), 10.

¹⁸ Syed Sajjad Hussain dan Syed Ali Asyraf , *Crisis In Muslim Education*, (London: Hodder and Stoughton, 1979), 42.

¹⁹ Rohizan Ya, et. al, “Peranan Guru Pendidikan Islam Menerusi Falsafah Pendidikan Islam dalam membentuk kemenjadian individu murid yang berakhlak” (makalah, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam, Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, 03-06 Julai 2012).

dan seimbang serta mampu melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dengan baik.²⁰

Dalam mencapai tujuan ini juga, Islam amat menggalakkan satu sistem pendidikan²¹ yang terancang dan bersepadu.²² Sehubungan itu juga Islam melihat intervensi dalam konsep pendidikan sepanjang hayat harus menjadi satu saluran yang wajar untuk direalisasikan bagi menyuntik semangat dan motivasi pembangunan diri remaja. Ini kerana, sistem pembelajaran sepanjang hayat ini dilihat mampu memenuhi keperluan terhadap penghayatan agama dan elemen ketuhanan secara berterusan di dalam setiap pengisiannya.²³ Dengan ini, remaja dapat digerakkan untuk membangun seluruh potensi diri seterusnya membawa mereka kepada fitrah asal yang suci.²⁴ Sesuai dengan karektor remaja sebagai organisma hidup yang memiliki potensi untuk berubah dan berkembang maju,²⁵ pelbagai pendedahan yang diberi menerusi latihan-latihan yang bersifat praktikal dalam sistem pendidikan ini akan menggalakkan lagi remaja untuk mengamalkannya dalam kehidupan.²⁶ Antara yang boleh dilaksanakan ialah pembangunan modul-modul khusus seperti, modul galakan, modul pencegahan atau modul rawatan untuk memberikan khusus untuk tujuan pembangunan tersebut. Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam usaha

²⁰ Mohd Mokhtar Shafi, "Hasan al-Banna : Sumbangannya Terhadap Pendidikan dan Kebangkitan Islam" *Jurnal Pendidikan Islam - I-epistemology.net* 10, bil. 1, (2002), 9-18.

²¹ Al-Quran, surah at- Taubah ayat : 122.

²² Al-Quran, Surah Al-Ra'du ayat 11.; Abdul Halim El-Muhammadiy, Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin, dan Peranan Pendidikan; Mohd Kamil Abd Majid dan Rahimin Affandi Abd Rahim, "Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun" *Jurnal Hadhari* 1 (2009), 45-76

²³ Mohd Yusuf Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2005), 15.

²⁴ Al-Qaradāwī, "Mubadi' Wa Qayyim Li Ta'lim Fi Daw'I Al-Sunnah Al-Atarah (Asas dan Nilai Dalam Pembelajaran Menurut Sunnah)" *Jurnal Syariah dan Pengajian Islam*, (1980)

²⁵ Mohd Kamil Abd Majid dan Rahimin Affandi Abd Rahim, "Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan, 70.

²⁶ Hasrizal Abdul Jamil (Pengarah Syarikat Synergi Training & Consulting) dalam temubual dengan penulis di Pejabat Urusan Synergi Training Centre, Bandar Baru Bangi, Bangi Jun 2013.

yang penting ini perlu digembleng dengan usaha sama seluruh ahli masyarakat agar hasil yang diperoleh benar-benar mendatangkan kesan yang berimpak tinggi.²⁷

1.3 Ulasan Kajian Lepas Dan Pernyataan Masalah

Di Malaysia, kepentingan mencapai sistem dan objektif pendidikan sepanjang hayat telah lama ditekankan. Laporan kabinet sejak tahun 1979, akta pendidikan 1996 dan falsafah pendidikan kebangsaan masing-masing telah menetapkan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sebagaimana yang pernah disebut oleh mantan perdana menteri Malaysia Abdullah Ahmad Badawi di hari kemerdekaan Malaysia yang ke - 30 pada tahun 2005:

“ Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya. Kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekerti mulia, yang mempunyai hemah yang tinggi, yang berjiwa besar, cintakan negara dan mereka yang mempunyai kekuatan jasmani dan rohani”.

Selain itu, dasar pendidikan sepanjang hayat ini juga turut dilihat semakin penting apabila pelbagai permasalahan sosial yang melibatkan golongan remaja berada dalam keadaan yang membimbangkan dari semasa ke semasa. Kepelbagaian permasalahan yang melibatkan golongan remaja ini menyebabkan negara terpaksa mengeluarkan peruntukan wang yang banyak untuk memastikan pembangunan negara yang lebih seimbang.²⁸ Hal ini kerana, Malaysia tidak hanya mementingkan pembangunan dari aspek kemajuan ekonomi dan teknologi semata-mata. Sebaliknya, pembangunan insan adalah aspek terpenting yang sering menjadi keutamaan untuk membentuk pembangunan negara yang bersifat holistik.

²⁷ Toto Suharto, *Epistemologi Sejarah Kritis Ibn Khaldun* (Yogyakarta : Fajar Pustaka Baru, 2003), 15.

²⁸ Aisyah@ Esah Haji Mohamed, “ Penyebaran Aids di Malaysia : Satu perspektif Sosiobudaya” dalam *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*, ed.Abdul Rahman Embong (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 536-537.

Bertitik-tolak daripada kepentingan tersebut, intervensi yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat ini dilihat telah dibangunkan di Malaysia dengan usaha sama semua pihak. Pelbagai program yang bersifat alternatif di luar pendidikan formal di sekolah telah dibangunkan.²⁹ Malah kini, pembangunan program-program yang bersifat alternatif ini telah menjadi kehairahan bagi kebanyakan badan dan organisasi di Malaysia. Bagi tujuan pembangunan diri remaja, kepelbagaian program cuba digubal dan disesuaikan dengan keadaan dan tahap umur remaja. Program-program pembangunan remaja ini tidak hanya memfokuskan remaja sebagai golongan yang bermasalah sebaliknya pelbagai modul pengisian program dibina atas objektif bagi memperkasakan keupayaan potensi diri remaja. Antara bentuk-bentuk program pembangunan diri remaja yang telah dilaksanakan untuk remaja termasuk program seperti Program kem Motivasi Pelajar Harapan, program Mentor-Mentee dan program Pembangunan Sahsiah.³⁰ Mutakhir ini, kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan program atau intervensi untuk pembangunan diri remaja yang berkonsepkan keagamaan didapati semakin meningkat. Satu persepsi berhubung dengan kepentingan intervensi berkonsepkan keagamaan ini didapati telah terbentuk dalam setiap lapisan masyarakat tidak kira dari golongan atasan mahupun golongan bawahan. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan perutusan tahun 2015 telah mengajak masyarakat

²⁹ Hasrizal Abdul Jamil, Fadzli Yusof, Rohaizan Ismail dan Tengku Asmadi (Pakar Motivasi dan telah menjadi pengamal dalam bidang motivasi di Malaysia selama lebih 10 tahun), dalam temu bual bersama penulis, Jun 2013.

³⁰ Che' Norlia Hasan et.al, "Kajian Keberkesanan Program Mentor/Mentee Program Kecemerlangan Diri Anjuran Jabatan-jabatan UiTM Perak", (makalah, Projek Penyelidikan Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan IRDC, Universiti Teknologi Mara, 2008), 101; Khalid Isa et.al, "Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP dalam membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Pelajar FKE" (makalah, *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*, Universiti Teknologi Malaysia, Melaka, 22-23 Oktober 2008); Azmahani Abdul Aziz et.al, *Kajian keberkesanan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan* (Serdang: Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia, 2006), 43; Hasan Hushin dan Mohd Suhaimi Khalid, "Modul Program Pembangunan Sahsiah Pelajar", *Journal of Educational Psychology and Counseling* 4, (2011), 15.

agar menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam semua sistem pendidikan di Malaysia. Menurut beliau:

“ Sistem pendidikan hendaklah sentiasa berusaha ke arah memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu. Matlamatnya untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, emosi dan jasmani yang berteraskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”³¹

Sementara itu, memetik kenyataan Menteri besar Kedah, Dato’ Seri Mukhriz Mahathir di dalam akhbar utusan Malaysia sebagai berkata “ Bajet kedah 2015 juga peruntukkan sebanyak 2 juta bagi melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan bina semangat bagi golongan negeri ini”. Menurut beliau lagi berhubung dengan peruntukan tersebut:

“ Apa yang kita cuba lakukan adalah mengenai jati diri, iman dan akhlak kepada seseorang insan itu agar ia menjadi benteng mengelak mereka daripada diperkotak-katikkan atau dipesong anasir jahat”³²

Mohd Amin Zakaria, Pengerusi Pelajaran Sains Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Kerajaan Negeri Perak pula dalam mengulas tentang hal ini menyebut : “ Murid harus sentiasa diberi suntikan motivasi demi mengelakkan mereka daripada terpengaruh dengan unsur atau elemen yang melalaikan.”³³ Manakala menurut Mahmud Abd Rahim, Penyelia Pejabat Pendidikan Agama Daerah Unit Kokurikulum : “ Melalui kem ini (kem motivasi) dapat membimbing peserta terhadap pengaruh yang merosakkan akhlak, beradab sopan serta menghormati guru dan ibu bapa”³⁴

³¹ Alimuddin Mohd. Dom, “Melahirkan Modal Insan Bernilai Murni” laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 24 feb 2015, <http://www.utusan.com.my/rencana/melahirkan-modal-insan-bernilai-murni-1.62783>

³¹ Mohd Amin Zakaria, “Motivasi Mampu Elak Unsur Negatif”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 11 Ogos 2014, http://www1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20141013/pe_01/Motivasi-mampu-elak-unsur-negatif

³² Jamaliah Abdullah, “Kem Motivasi Benteng Jati Diri Pelajar”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 20 disember 2014, <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kedah/kem-motivasi-benteng-jati-diri-pelajar-1.38387>

³³ Zulhisham Isahak, “Kem Motivasi Tingkatkan Jati Diri, Adab dan Akhlak Murid”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 24 September 2014, <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/johor/kem-motivasi-tingkatkan-jatidiri-adab-dan-akhlak-murid-1.7303>

³⁴ Zulhisham Isahak, “Kem Motivasi Tingkatkan Jati Diri, Adab dan Akhlak Murid”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 24 September 2014, <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/johor/kem-motivasi-tingkatkan-jatidiri-adab-dan-akhlak-murid-1.7303>

Persepsi dan kepercayaan sama yang dipegang oleh majoriti masyarakat muslim di Malaysia menyebabkan kecenderungan mereka dilihat tertumpu kepada program-program motivasi yang berkonsepkan Islam. Keadaan ini menyebabkan pertumbuhan program dan pusat-pusat motivasi dilihat begitu cepat sehingga menjadi satu fenomena di Malaysia.³⁵ Program-program motivasi pembangunan diri seperti ini diwar-warkan sebagai suatu program yang ditubuhkan untuk mencapai matlamat utama iaitu pembangunan muslim cemerlang. Elemen-elemen motivasi dikatakan hanya diangkat sebagai alat keperluan yang membantu penyampaian modul agar lebih kemas, menarik dan berstruktur.³⁶ Dalam merealisasikan modul berkonsepkan Islam tersebut, elemen-elemen motivasi yang dibawa oleh tokoh motivasi popular Barat digunakan bagi mencantikkan lagi pengisian modul.³⁷ Antara objektif pengintegrasian ini dikatakan bertujuan untuk memberikan pengisian yang lebih tersusun serta membentuk persembahan yang lebih menarik dan bertenaga kepada modul-modul yang disampaikan.³⁸ Misalnya dalam program pembangunan diri Synergy Training & Consulting yang di asaskan oleh Hasrizal Abdul Jamil, pengisian motivasi yang digunakan adalah kombinasi antara teori pembangunan diri Al-Ghazālī dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* dengan teori *The Seven Habit of Hightly Effective People* oleh Stephen R. Covey. Begitu juga pengisian program pembangunan diri remaja RKTU (RK Training & Management) *Neuro Language Programming* atau NLP yang telah diasaskan pakar psikologi dan motivasi Barat telah digunakan dalam pengisian modul RKTU. Ia bertujuan untuk membantu remaja berfikir dengan sistematik dan mengawal pemikiran dengan baik.³⁹ Namun, kaedah pelaziman minda dalam Islam, seperti bertafakkur dan *muḥāsabah* diri masih menjadi asas dan perlu selalu dilakukan

³⁵ Hasrizal Abdul Jamil, Fadzli Yusof , Rohaizan Ismail dan Tengku asmadi (Pakar Motivasi dan telah menjadi pengamal dalam bidang motivasi di Malaysia selama lebih 10 tahun).

³⁶ Hasrizal Abdul Jamil (Pengarah Syarikat Synergy Training & Consulting, Bandar Baru Bangi, Bangi), dalam temu bual dengan penulis, Jun 2013.

³⁷ Hasrizal Abdul Jamil, "Sinergi Pasukan Unggul : Modul Al-Ghazālī dan Covey", (makalah, kertas kerja, Synergy Training & Consulting, 2013).

³⁸ Hasrizal Abdul Jamil, Temuramah, Jun 2013

³⁹ Fadzli Yusof (Professional Trainer RK Training & Management), Temu bual dengan penulis, 2014.

untuk menambah keberkesanan teknik NLP tersebut.⁴⁰ Dalam hal ini, NLP hanya merupakan alat untuk membantu remaja menyusun sistem kognitif mereka bagi mencapai kehendak pembangunan yang digariskan oleh Islam.⁴¹ Kaedah yang sama juga telah dipraktikkan dalam modul program pembangunan remaja Rebutia. Menurut pengasasnya Rohaizan Ismail,⁴² penerapan tentang kepentingan penggunaan potensi kesedaran dalaman kognitif dan afektif secara berkesan di dalam modulnya adalah untuk membantu remaja membina kesedaran tentang potensi tersebut dan keupayaannya untuk membangunkan potensi-potensi diri yang lain.⁴³ Dalam pelaksanaan modul ini, konsep-konsep dakwah diterapkan dengan dua cara iaitu sama ada secara langsung dan secara tidak langsung untuk setiap pengisian⁴⁴ sesuai dengan situasi peserta.

Antara objektif-objektif yang telah disusun menerusi modul-modul program tersebut adalah untuk meningkatkan motivasi, prestasi pembelajaran, membentuk jati diri dan sahsiah serta membangun kemahiran komunikasi dan kepimpinan.⁴⁵ Pelbagai pendekatan telah digunakan dalam modul tersebut untuk mencapai objektif-objektif yang disasarkan ini.⁴⁶ Menerusi objektif yang cuba untuk dicapai ini, keupayaan remaja yang menghubungkan tugas yang diberi dengan pembelajaran serta pengalaman-pengalaman mereka yang sedia ada diuji. Ia bertujuan membantu

⁴⁰ Fadzli Yusof, "Pengamal Asas Neuro Language Programming (NLP)", (Kursus sijil, t.tp, Mac 2013).

⁴¹ Fadzli Yusof, Temuramah, 2014.

⁴² Rohaizan Ismail (Pengarah Urusan dan Perunding Motivasi Utama, Rebutia Corporation Sdn.Bhd., Batu Cave, Selangor), dalam temu bual dengan penulis, Jun 2013.

⁴³ *Ibid.*, Jun 2013.

⁴⁴ *Ibid.*, Jun 2013

⁴⁵ Che' Norlia Hasan et.al, "Kajian Keberkesanan Program Mentor/Menti Program Kecemerlangan Diri Anjuran Jabatan-jabatan UiTM Perak", 101; Khalid Isa et.al, "Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP dalam membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Pelajar FKE", 103.; Azmahani Abdul Aziz et.al, "Kajian keberkesanan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan", 24; Hasan Hushin dan Mohd Suhaimi Khalid, "Modul Program Pembangunan Sahsia Pelajar", 13.

⁴⁶ Mohamad Hashim Bin Othman dan Sharifah Amnah binti Syed Ahmad, "Aplikasi Taksonomi Blooms dalam Merekabentuk Program Pembangunan Pelajar", laman sesawang *Universiti Teknologi Malaysia*, dicapai 27 April 2012, http://eprints.utm.my/513/1/MohamadHashimOthman2006_Aplikasitaksonomibloomsdalammerekabentuk.pdf

remaja, menjana pemikiran yang matang serta membangun potensi diri.⁴⁷ Selain itu, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini pendidikan bermodul di luar waktu sekolah ini juga dapat menggalakkan perkongsian cerita, minat, pengalaman dan masalah antara remaja dan orang dewasa. Menerusi perkongsian ini, pembimbing akan menggunakan pelbagai kemahiran dan pengalaman yang ada untuk memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang sewajarnya kepada remaja. Dengan ini, remaja bukan sahaja dapat menguasai pelbagai ilmu kemahiran daripada orang dewasa, malah pendekatan ini juga membantu remaja membangunkan kemahiran komunikasi interpersonal yang berkesan dan mengelakkan penglibatan terhadap gejala negatif.⁴⁸ Pelbagai aspek yang disentuh termasuk aspek pemikiran, perasaan dan tingkahlaku yang melibatkan diri remaja menerusi program-program ini⁴⁹ adalah untuk membantu remaja dalam pembinaan kognitif, pembangunan nilai, identiti, kesihatan fizikal, kesihatan moral, hubungan interpersonal, serta pembangunan sosial remaja.⁵⁰ Oleh yang demikian, remaja yang profesional, berkredibiliti, aktif dan cergas dapat dilahirkan.⁵¹

Rentetan daripada kecenderungan dan keghairahan pembentukan model-model motivasi yang berkonsepkan Islam ini, muncul golongan akademik yang cuba mengkaji tentang keberkesanan model-model motivasi tertentu terhadap pembangunan diri remaja. Usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan akademik ini lebih bersifat saintifik dengan perlaksanaan kajian tersebut adalah melibatkan data, bukti-bukti yang sah serta kajian empirikal. Sehingga kini, pelbagai mekanisme menerusi pembentukan model motivasi oleh golongan akademik ini juga telah

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Che' Norlia Hasan et.al, "Kajian Keberkesanan Program Mentor/Menti Program Kecemerlangan Diri Anjuran Jabatan-jabatan UiTM Perak", 102-104.

⁴⁹ Hasan Hushin dan Mohd Suhaimi Khalid, "Modul Program Pembangunan Sahsiah Pelajar", 6.

⁵⁰ *Ibid.*, 1-7.

⁵¹ *Ibid.*, 5.

dibangunkan bagi memastikan matlamat pembangunan diri remaja secara holistik dapat direalisasikan.

Meneliti sorotan literatur bermula dari tahun 2009, terdapat banyak kajian yang didapati memberikan tumpuan dalam mengenalpasti pelbagai elemen motivasi keagamaan dan kerohanian seperti iman, ketakutan dan harapan kepada Allah, amal ibadah zahir dan batin seperti solat, membaca al-Quran serta berzikir kepada diri remaja. Berdasarkan kajian ini, elemen-elemen keagamaan tersebut telah terbukti mampu memberi kesan yang positif terhadap pembangunan potensi diri remaja.

Sabri Mamat et.al pada tahun 2009 telah melakukan satu kajian bagi melihat kesan amal ibadah ke atas para pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).⁵² Menerusi kajian mereka, amal ibadah seperti puasa, membaca al-Quran dan berzikir didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi remaja. Bukan sahaja membantu remaja membina kesedaran sendiri, malah amal ibadah tersebut juga didapati mampu meningkatkan regulasi sendiri serta motivasi diri remaja. Keupayaan amal ibadah terhadap kecerdasan emosi remaja ini juga turut dibuktikan menerusi kajian Salasiah et.al.⁵³ Salasiah dan rakan-rakannya telah membuat satu kajian tinjauan terhadap 291 orang pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM. Hasil dapatan Salasiah et.al menunjukkan amal ibadah yang dilakukan oleh para pelajar telah meningkatkan prestasi akademik mereka.

Selain memperlihatkan kesan motivasi keagamaan tersebut terhadap peningkatan potensi diri, kajian juga telah dijalankan bagi mengetahui hubungan elemen-elemen tersebut dengan daya ketahanan diri dan jiwa remaja. Hisham dalam kajiannya telah membina soal selidik untuk menguji tahap kegelisahan para pelajar di sekolah Berasrama Penuh Integrasi di selangor serta hubungkaitnya dengan amal

⁵² Mohd Sabri Mamat et.al, "Amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi" *Journal of Islamic Arabic education* 1, no.1, (t.t), 29-40.

⁵³ Salasiah Hanin Hamjah et.al, "Methods of Increasing Learning Motivation among Students", *Social and Behavioral Sciences* .18, (2011), 138-147.

ibadah seperti solat dan doa.⁵⁴ Meskipun berada jauh dengan ahli keluarga, para pelajar tersebut didapati masih dapat mengawal diri dari masalah kegelisahan yang boleh menyebabkan kemerosotan disiplin dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kepada skor tinggi yang dicatatkan menerusi hubungan kedua-dua pembolehubah tersebut (amal ibadah dan masalah gelisah), solat dan doa yang diamalkan oleh para pelajar telah dibuktikan berkesan untuk memberi kekuatan kepada jiwa remaja.

Hasil dapatan yang sama juga telah ditunjukkan menerusi kajian yang dibuat oleh Nor Azah⁵⁵ dan Che' Haslina.⁵⁶ Kedua-dua kajian ini menunjukkan ibadah solat dan zikir didapati berupaya memberi kesan ketenangan dan menghilangkan rasa ketakutan dalam diri seorang individu. Che' Haslina dalam hal ini menjelaskan, keupayaan solat untuk membina daya ketahanan jiwa adalah kerana ibadah tersebut menghimpunkan beberapa kaedah rawatan jiwa sekaligus yang meningkatkan motivasi intrinsik diri remaja seperti meditasi, doa, zikir serta penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. Meskipun menunjukkan pelbagai kesan positif, kajian-kajian ini didapati hanya melibatkan satu aspek iaitu ritual ibadah. Ini menyebabkan timbulnya persoalan adakah motivasi daripada perspektif Islam hanya melibatkan ritual ibadah sahaja? Adakah dengan hanya menumpukan kepada domain pelaksanaan ritual ibadah sahaja memadai untuk mengkaji keberkesanan motivasi pembangunan diri remaja secara holistik dari segi emosi, intelek, sosial, fizikal dan rohani?

Habibah et.al dalam mengulas tentang perkara ini menyatakan bahawa mengkaji hanya dari satu aspek motivasi sahaja tidak dapat menjelaskan tentang

⁵⁴ Ahmad Hisham Azizan, "Solat Dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (Sbpi), Selangor" (Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009)

⁵⁵ Nor Azah Abd Aziz, "Kaedah Menangani Stress dengan Solat" *Journal of Islamic and Arabic Education* 3, no. 2 (2011), 1-10.

⁵⁶ Che' Haslina Abdullah et.al, "Generalized Anxiety disorder from Islamic and Western Perspective" *World Journal of Islamic History and Civilization* 2, no. 1, (2012), 44-52.

proses motivasi pembangunan diri individu.⁵⁷ Hal ini kerana, menurut Habibah et.al : *“motivation cannot be explained by only one theory since people are surely driven by different types of motivation at different levels.”* Justeru, Habibah et.al telah menggunakan enam elemen motivasi sekaligus dalam kajian mereka untuk melihat faktor dorongan motivasi 377 orang pelajar yang bakal menduduki peperiksaan akhir tahun. Menerusi kajian tersebut, analisis telah dilakukan bagi mengenalpasti elemen motivasi yang paling berkesan dalam memberi dorongan kepada para pelajar untuk melakukan yang terbaik di dalam peperiksaan. Hasil kajian mendapati bahawa kematangan remaja dalam melihat dan menilai masa depan adalah elemen terkuat yang merangsang motivasi para pelajar tersebut. Dapatan ini menunjukkan bukan sahaja melalui ritual amalan ibadah, malah remaja juga perlu kepada kebijaksanaan untuk menstruktur minda pemikiran mereka secara aktif sebagai salah satu dorongan intrinsik ke arah kecerdasan mental dan emosi. Selain itu, kajian ini juga turut mendapati bahawa semakin tinggi motivasi remaja untuk bergerak sendiri dan berdikari, semakin rendah pula motivasi remaja untuk melakukan yang terbaik di dalam peperiksaan. Justeru, kajian ini turut menyimpulkan motivasi intrinsik sahaja tidak mencukupi untuk merangsang motivasi remaja. Sebaliknya, sokongan dan bimbingan dari orang dewasa serta persekitaran yang baik juga amat penting sebagai dorongan motivasi ekstrinsik yang menggalakkan konsistensi motivasi diri tersebut. Walau bagaimanapun, perspektif Islam berhubung elemen-elemen motivasi intrinsik dan ekstrinsik ini tidak dikaji menerusi kajian Habibah et.al.

⁵⁷ Habibah et.al , “Motivational Predictors of Academic Performance in End Year Examination” *Social and Behavioral Sciences* 29, (2011), 1179 – 1188.

Dalam mengulas kajian Habibah et.al ini, Zainab et.al⁵⁸ dan Fariza⁵⁹ menyatakan bahawa perbincangan pelbagai aspek dan domain motivasi pembangunan diri remaja dari perspektif Islam adalah perlu untuk membangunkan satu perbahasan yang lebih tepat dan komprehensif. Kenyataan tersebut adalah berdasarkan statistik majoriti remaja di Malaysia yang beragama Islam. Dalam hal ini, Fariza yang juga bersetuju tentang kepentingan dorongan motivasi intrinsik dan ekstrinsik menekankan bahawa dua bentuk dorongan ini mestilah dilaksanakan dalam kerangka ajaran Islam. Selain itu, Fariza juga mencadangkan agar suntikan terhadap penjiwaan minda yang cerdas dan matang kepada remaja serta sokongan dari pelbagai elemen persekitaran perlu diberikan secara bersekali dalam usaha merangsang motivasi pembangunan diri remaja yang berkesan. Persoalannya, apakah kaedah Islamik paling efektif yang boleh dilaksanakan dalam menyuntik motivasi intrinsik dan ekstrinsik tersebut kepada remaja ?

Kajian yang dilaksanakan oleh Krauss⁶⁰ menunjukkan suntikan keagamaan dan kerohanian oleh orang dewasa menerusi program-program terancang didapati berkesan mencetuskan motivasi yang positif terhadap pembangunan diri dan sahsiah remaja. Walaubagaimanapun, kajian yang dilaksanakan oleh Norwati dan Syahidah⁶¹ didapati telah memberikan hasil dapatan yang agak bercanggah dengan kajian Bahrom dan Krauss tersebut. Menerusi kajian mereka ke atas mahasiswa dari tiga fakulti berbeza di Universiti Islam Antarabangsa (IIUM), para pelajar dari fakulti Islamic Education didapati mempunyai motivasi pencapaian akademik yang paling rendah berbanding pelajar-pelajar dari *Guidance and Counseling* dan *Teacher*

⁵⁸ Zainab Mahirah Ismai dan Nik Suryani Nik Abdul Rahman, "School Violence and Juvenile Delinquency in Malaysia: A Comparative Analysis between Western Perspectives and Islamic Perspectives" *Social and Behavioral Sciences* 69, (2012), 1512 – 1521.

⁵⁹ Fariza Md Sham, "The Approaches of Da'wah in Developing Personality of Adolescents", *Advances in Natural and Applied Sciences* 7, no. 2, (2013), 173-178.

⁶⁰ Steven Eric Krauss et.al, "Youth-Adult Partnership: Exploring Contributions to Empowerment, Agency and Community Connections in Malaysian Youth Programs", *Journal of Youth Adolescence*, (2013), 27.

⁶¹ Norwati Mansor dan Nur Syahidah Khalid, "Spiritual well-being of INSTED, IIUM student and its relationship with college adjustment" *Social and Behavioral Sciences* 69, (2012), 1314 – 1323.

English as a Second Language (TESL). Dapatan ini menunjukkan bimbingan agama dan kerohanian yang diperoleh menerusi pembelajaran sehari-hari atas bimbingan orang dewasa juga tidak semestinya dapat menentukan keberkesanan pembentukan motivasi pembangunan diri remaja.

Dalam menjelaskan situasi yang berlaku ini dapatan kajian yang dibuat oleh Baharom⁶² dan Khairani⁶³ menunjukkan bahawa meskipun bimbingan serta program terancang oleh orang dewasa didapati berupaya memberi efek positif terhadap pembangunan diri remaja, namun kajian Baharom juga pada masa yang sama menunjukkan sokongan keluarga adalah elemen yang amat membantu dalam menghasilkan keberkesanan tersebut. Sementara itu, kajian Khairani berhubung faktor penyebab masalah salah laku seksual dalam kalangan remaja pula menunjukkan bahawa bukan sahaja faktor keluarga malah faktor-faktor lain juga wujud sebagai elemen penting yang menentukan keberkesanan suatu suntikan motivasi yang diberikan ke atas diri remaja. Ini termasuklah latar belakang sosioekonomi, rakan serta pengaruh sosial atau budaya negatif yang turut mempengaruhi diri remaja.

Farizah pula berkenaan perkara ini telah menyentuh soal kepentingan proses pembentukan sikap dan personaliti individu.⁶⁴ Menerusi kajiannya berhubung dengan peranan agama dalam pembinaan kekuatan diri, beliau menjelaskan bahawa hubungan kompleks antara diri individu dengan elemen sosial serta budayanya telah membentuk sikap dan personaliti diri remaja. Sikap dan personaliti inilah yang berperanan mencorakkan sistem nilai seterusnya menentukan cara dan keputusan remaja dalam mendepani sebarang situasi. Justeru menurut Farizah memahami

⁶² Baharom Mohamad et.al, "Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti" (makalah, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23oktober 2008).

⁶³ Khairani Binti Zakariya @ Abd Hamid, "Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam Al-Ghazālī: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia." *ATIKAN* 2, no.1 (2012), 53.

⁶⁴ Farizah Ahmad et.al, "Religion and Spirituality in Coping with Advanced Breast Cancer: Perspectives from Malaysian Muslim Women", *Journal of Religious Health* 50, (2011), 36–45.

hubungan antara diri individu dengan konteks sosial dan budayanya berupaya menambahkan lagi keberkesanan suatu suntikan keagamaan dan kerohanian yang diberi. Peranan yang dimainkan oleh sikap dan personaliti ini juga turut dinyatakan di dalam kajian Fuziah.⁶⁵ Kajian yang dilaksanakan oleh Fuziah untuk melihat kesan program pembangunan diri yang dinamakan sebagai VAT-2008 ke atas 120 orang remaja bermasalah mendapati telah menghasilkan kesan yang pelbagai. Kepelbagaian kesan ini disifatkan oleh Fuziah sebagai suatu yang unik kerana melihatkan pelbagai ciri latarbelakang, nilai, sikap dan personaliti remaja responden yang berbeza-beza.

Selain itu, satu kesepakatan juga telah dicapai oleh para sarjana bahawa bukan sahaja perlu mempertimbangkan aspek personaliti, konteks sosial dan budaya remaja malah, pelbagai bentuk suntikan kesedaran dan kemahiran juga perlu menjadi agenda utama dalam strategi perancangan intervensi yang berkesan terhadap golongan tersebut. Hal ini bertujuan supaya penambahbaikan dapat dilakukan sekiranya wujud kekurangan atau kesilapan pada sistem nilai dan sikap yang mempengaruhi pembinaan personaliti remaja. Salasiah et.al.⁶⁶ di dalam kajian mereka menjelaskan bahawa kesedaran serta pelbagai kemahiran yang diberi untuk memperbaiki dan membentuk nilai, sikap dan personaliti yang baik kepada remaja dibuktikan berjaya meningkatkan motivasi diri mereka. Dapatan Salasiah ini juga turut disokong oleh kajian Aslina⁶⁷ dan Mastura et.al.⁶⁸ Menurut mereka suntikan kesedaran dan kemahiran yang diberi bukan sahaja dapat membantu remaja

⁶⁵ Fuziah Shaffie & Ruzlan Md-Ali, "Tracing VAT-2008 program participants' self-development: Effect of social work program undergraduates intervention strategies", *Social and Behavioral Sciences* 171, (2015), 34 – 39.

⁶⁶ Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail, Fariza Md Sham, and Adawiyah Ismail. "Strategies to enhance work motivation among Islamic studies lecturer." *Social Sciences (Pakistan)* 7, no. 4, (2012), 630-634.

⁶⁷ Aslina Ahmad dan Suradi Salim, "The effect of psychological intervention in reducing disciplinary cases among Malaysian secondary school students", *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 30, (2011), 2592 – 2596.

⁶⁸ Mastura Mahfar et.al, "Effects of rational emotive education module on irrational beliefs and stress among fully residential school students in Malaysia", *Social and Behavioral Sciences*, 114, (2014), 239 – 243.

memperbetulkan cara pemikiran yang salah malah dalam masa yang sama juga membantu remaja untuk merencana kehidupan mereka dengan lebih baik. Di dalam kajian Aslina, 90 orang pelajar yang bermasalah disiplin telah diberi kaunseling dengan menggunakan metod kognitif sebagai intervensi psikologi. Dapatan kajian tersebut menunjukkan masalah disiplin dalam kalangan 90 orang pelajar tersebut berjaya dikurangkan dan para pelajar mengakui sedar akan kesilapan tingkahlaku mereka serta kesan negatif perbuatan tersebut. Manakala di dalam kajian Mastura et.al pula, pendekatan yang sama juga telah diberi kepada para pelajar tingkatan satu di tiga buah sekolah di Johor. Rawatan kognitif telah diberi kepada para pelajar untuk memperbetulkan kepercayaan yang salah serta mengatasi masalah tekanan yang dihadapi. Antara kaedah yang dimuatkan dalam rawatan tersebut ialah kemahiran berfikir secara rasional dan strategi penyelesaian masalah berdasarkan pemikiran rasional. Hasil kajian mendapati kaedah rawatan tersebut berjaya mengurangkan masalah tekanan serta masalah pemikiran tidak rasional dalam kalangan para pelajar. Walau bagaimanapun, sebagaimana kajian yang dibuat oleh Habibah et.al, kedua-dua kajian ini juga masih tidak mendatangkan ulasan perspektif Islam berhubung dengan pelbagai elemen kesedaran dan kemahiran mental-kognitif remaja tersebut.

Musliha⁶⁹ dalam mengkritik kajian-kajian seumpama ini menyatakan bahawa, kaedah pendidikan generik yang mengajar kemahiran berfikir, cara berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah serta mengurus dan menganalisis maklumat telah banyak dibangunkan di Malaysia. Walaupun berjaya meningkatkan tahap kecerdasan intelektual dan jasmani para remaja namun, menurut Musliha kaedah tersebut di dapati masih gagal membangunkan kecerdasan remaja dari aspek kerohanian. Justeru, menurut Musliha kemahiran generik yang didedahkan kepada golongan

⁶⁹ Musliha Salma Mohd Radzi et.al, "Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Pelajar : Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan," *Journal of Edupres* 1,(2011), 223-229.

remaja ini juga tidak seharusnya terpisah dengan elemen keagamaan dan kerohanian. Kenyataan oleh Musliha ini telah disokong oleh beberapa dapatan lain yang menggunakan elemen psikologi Islam dalam mengkaji tentang kecerdasan mental-emosi remaja. Kajian-kajian ini membuktikan penghayatan kerohanian dan keagamaan ini adalah asas yang membentuk kesedaran dalaman diri individu seterusnya mempengaruhi nilai, sikap dan seterusnya personaliti yang ditunjukkan. Menurut Sulaiman et.al,⁷⁰ suntikan kesedaran yang dihubungkan dengan kefahaman terhadap tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah berupaya meningkatkan lagi motivasi pembangunan diri individu. Ini adalah berdasarkan kepada dapatan kajian mereka yang membuktikan bahawa kesedaran yang mendalam terhadap peranan sebagai hamba dan khalifah Allah serta kefahaman terhadap syariat Allah tersebut telah menjadi faktor utama yang merangsang pembentukan motivasi intrinsik dalam kalangan respondennya untuk menunjukkan prestasi kerja yang baik. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Khaidzir⁷¹ ke atas 472 orang remaja yang berada di pusat pemulihan juga telah menunjukkan perkara yang sama. Khaidzir yang menggunakan alat pengukuran berteraskan Islam untuk menguji tahap kecerdasan mental respondennya mendapati para remaja tersebut mempunyai tahap kecerdasan mental yang rendah. Menurut Khaidzir, rendahnya aras kecerdasan mental ini membawa makna signifikan tentang pemahaman Islam yang syumul dalam kalangan remaja berada dalam keadaan kritikal. Keadaan ini dikatakan adalah punca yang menyebabkan pelbagai masalah sikap dan tingkahlaku remaja tersebut. Justeru Khaidzir mencadangkan agar, tahap kecerdasan mental remaja tersebut terus dibangunkan dengan penghayatan dan kefahaman Islam yang mendalam agar masalah salah laku yang melibatkan golongan remaja ini dapat diatasi. Turut

⁷⁰ Mohammed Sulaiman et.al, "The Perspective Of Muslim Employees Towards Motivation And Career Success," *E-Bangi Journal Of Social Science And Humanities* 9, no. 1, (2014), 045-062.

⁷¹ Khaidzir Hj. Ismail dan Khairil Anwar , "Psikologi Islam: Suatu Pendekatan Psikometrik Remaja Berisiko," *Journal E-Bangi* 6, no. 1, (2011), 77-89.

memperakui dapatan ini juga adalah kajian yang dibuat oleh Soraya et.al.⁷² Di mana menurut mereka kecerdasan rohani itu sendiri adalah melibatkan proses pemikiran rasional yang menentukan sebarang perbuatan dan keputusan seorang individu. Ini di sokong pula oleh dapatan kajian mereka ke atas 92 orang remaja sekolah membuktikan para pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi juga didapati mempunyai akhlak yang baik.

Persoalannya, adakah suntikan kesedaran serta pelbagai kemahiran yang diajar kepada remaja menerusi pelbagai program intervensi masih berkesan dalam tempoh jangka masa yang panjang selepas intervensi tersebut? Dalam satu kajian yang dilaksanakan oleh Maryam et.al⁷³ kesan positif yang diperoleh seurus selepas intervensi ke atas 34 orang pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan rohani rendah didapati semakin berkurangan selepas tempoh 3 minggu. Manakala kajian yang dilaksanakan oleh Rohani e.al⁷⁴ bagi melihat kesan intervensi menghentikan tabiat merokok dalam kalangan pelajar sekolah menengah juga turut memberikan dapatan yang sama. Selepas intervensi selama empat bulan diberikan menerusi kaunseling berkelompok, kesedaran, jarak merokok dan sikap terhadap merokok didapati meningkat pada 4 bulan pertama, namun kesemuanya merosot selepas 4 bulan berikutnya. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa selepas beberapa tempoh tertentu, suntikan kesedaran dan kemahiran yang diberi kepada remaja tidak dapat mengekalkan konsistensi tahap motivasi pembangunan diri remaja.

Berhubung dengan persoalan ini, model intervensi yang memuatkan elemen-elemen *tazkiyah al-nafs* mula dibangunkan. Para pengkaji juga telah melaksanakan kajian bagi melihat kesan pengaplikasiannya ke atas diri remaja. Menerusi kaedah

⁷² Siti Soraya Lin et.al, "Emotional intelligence and akhlak among Muslim adolescents in one of the Islamic schools in Johor, South Malaysia", *Social and Behavioral Sciences* 114, (2014), 687 – 692.

⁷³ Maryam Hosseini et.al, "The Effect of SI-G Training on Increase SQ among Iranian Student in Malaysia", *International Journal of Psychological Studies* 2, no. 2, (2010), 45.

⁷⁴ Rohani Ismail et.al, "Effectiveness of group counseling in smoking cessation program amongst adolescent smokers in Malaysia", *Med J Indones* 19, no. 4, (2010), 23.

tazkiyah al-nafs, model intervensi yang diberikan kepada remaja bukan sahaja melibatkan suntikan kesedaran dan pelbagai kemahiran bagi menstruktur semula cara fikir, dan memperbaiki nilai dan sikap remaja. Malah remaja juga perlu diajar dengan kaedah-kaedah pembersihan jiwa yang perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan konsistensi tahap motivasi remaja tersebut. Khairani di dalam kajiannya telah menyenaraikan beberapa kaedah *tazkiyah al-nafs* yang mengikut kaedah pembentukan akhlak oleh tokoh terkemuka Islam Al-Ghazālī. Kaedah tersebut termasuk kaedah membersihkan jiwa, kaedah melawan hawa nafsu, melazimi diri dengan amalan kebaikan, membuat perkara yang bertentangan dengan akhlak yang buruk serta sentiasa mengawal diri dengan merasai kehadiran Allah. Menurut Khairani, kaedah ini amat penting di masukkan ke dalam program tarbiyah di sekolah untuk membangunkan karektor atau personaliti yang baik pada diri remaja. Bagi mengesahkan keupayaan kaedah motivasi *tazkiyah al-nafs* ini pula, Mohd Noor⁷⁵ telah membangunkan satu model *tazkiyah al-nafs* untuk diuji ke atas 62 orang remaja. Dapatan kajian beliau membuktikan kaedah tersebut berjaya meningkatkan kekuatan jiwa dalaman yang memastikan konsistensi proses pembangunan diri remaja. Bersetuju dengan kajian Khairani dan Mohd Noor ini, Mardzelah et.al⁷⁶ pula menyatakan peri penting kaedah ini di muatkan di dalam silibus mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Kajian telah dilaksanakan oleh mereka untuk melihat sama ada kaedah *tazkiyah al-nafs* ini digunakan dalam pengajaran pendidikan Islam untuk para pelajar sekolah tingkatan 4. Menerusi kajian ini, mereka juga cuba mengenalpasti bagaimanakah kaedah *tazkiyah al-nafs* ini digunakan di dalam kehidupan para pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan penerapan elemen motivasi *tazkiyah al-nafs* menerusi pengajaran matapelajaran pendidikan telah

⁷⁵ Md Noor Bin Saper, "Pembinaan Modul Bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Resiliensi Remaja", (Tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2012), 132.

⁷⁶ Mardzelh Makhsin et.al, "Hisbah pembelajaran sendiri dalam pendidikan Islam", *Jurnal of Islamic Arabic Education* 4, no. 1, (2012), 16.

berupaya merangsang para pelajar untuk melaksanakan kaedah *tazkiyah al-nafs* dalam kehidupan mereka menerusi pelbagai cara.

Rentetan daripada kajian Mardzilah et.al ini, beberapa penyelidik lain pula telah cuba menstruktur satu intervensi yang lebih bersepadu menerusi gabungan pelbagai faktor dan elemen motivasi diri remaja dengan berasaskan kepada kaedah *tazkiyah al-nafs* tersebut. Kajian juga telah dilaksanakan oleh para penyelidik untuk menguji tahap keberkesanannya ke atas pembangunan diri remaja. Abdul Latif et.al⁷⁷ misalnya, telah merangka satu model motivasi yang disebut sebagai model Iman Restoration Therapy atau IRT. Daripada model yang dibina ini, Abdul Latif dan rakan-rakannya telah menyasarkan pembangunan diri remaja dari seluruh aspek melibatkan kemantapan iman, kecerdasan aspek intelektual dan psikologikal, serta kemahiran sosial dan interpersonal. Bagi membolehkan pembangunan secara holistik ini, tiga dimensi utama *tazkiyah al-nafs* telah diintegrasikan di dalam pembangunan model IRT tersebut iaitu pembinaan pengetahuan, kekuatan jiwa dalaman serta disiplin. Intipati ilmu pengetahuan yang dimuatkan ialah, memahami realiti berhubung dengan ketuhanan, manusia, dunia dan akhirat. Menerusi pembinaan kekuatan jiwa dalaman pula, aspek kekuatan dan perjuangan melawan hawa nafsu telah dimasukkan. Manakala dalam pembinaan disiplin, aspek pembinaan tabiat dan karektor diri yang baik ditekankan bagi menggantikan tabiat perbuatan buruk. Hasil intervensi menggunakan model IRT ini selama dalam tempoh dua bulan didapati berjaya membentuk pelbagai perubahan ke atas diri responden kajian mereka. Hal ini termasuklah perubahan positif dari aspek kecerdasan mental-emosi, peningkatan motivasi, perubahan positif pada tingkahlaku, serta peningkatan kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai hamba Allah S.W.T.

⁷⁷ Abdul Latif Abdul Razak, et.al "Iman Restoration Therapy (IRT): A New Counseling Approach and its Usefulness in Developing Personal Growth of Malay Adolescent Clients," *Revelation and Science* 01, no.03, (1433H/2011), 97-107.

Menggunakan konsep yang sama, Roslee et.al⁷⁸ pula telah membentuk model pembangunan diri yang dinamakan sebagai model Amar Ma'ruf dan Nahi Mungkar (AMNM) untuk mengatasi masalah salah laku seksual remaja di pusat pemulihan. Menerusi model ini, Roslee et.al telah menggunakan beberapa elemen *tazkiyah al-nafs* yang diklasifikasikan kepada dua iaitu pertama Amar Ma'ruf dan kedua pula Nahi Mungkar. Bagi kaedah Amar Ma'ruf, kaedah mendisiplinkan diri dengan latihan secara konsisten sebagaimana yang dilaksanakan di dalam model IRT telah dimuatkan. Antaranya ialah dengan melazimi diri untuk selalu mengingat Allah, mengambil wudu' apabila merasa nafsu tidak terkawal, segera bertaubat sekiranya melakukan kesalahan atau dosa, sentiasa memohon perlindungan Tuhan dari bisikan syaitan dan sentiasa membaca al-Quran. Sementara melalui kaedah Nahi Mungkar pula kaedah *mujāhadah* yang bertujuan mengawal hawa nafsu pula dimasukkan seperti tidak membaca novel berunsur romantis, mengelakkan menerima banyak wang yang membolehkan pembelian bahan-bahan lucah, mengelakkan berkawan dengan rakan yang kurang bermoral, tidak melakukan aktiviti seksual apabila bersama rakan berlainan jantina, menghentikan perbuatan memuat turun bahan porno, serta berhenti daripada melawat tempat-tempat maksiat. Berdasarkan intervensi secara berterusan yang diberi kepada responden kajian selama lapan minggu, pembangunan diri remaja didapati meningkat. Kaedah ini didapati dapat mengurangkan masalah seksual, tingkahlaku buruk serta berjaya meningkatkan kesedaran untuk mendekatkan diri kepada Allah.

⁷⁸ Roslee Ahmad et.al, "Amar Makruf Nahi Mungkar approach to handle sexual misbehavior and awareness for pregnancy female inmates in Taman Seri Puteri Cheras, Selangor", *Social and Behavioral Sciences* 97, (2013), 160 – 166.

Walaupun kedua-dua model pembangunan diri yang dilaksanakan oleh Abdul Latif et.al dan Roslee at.al ini dilihat telah memasukkan dua elemen penting untuk memastikan konsistensi motivasi pembangunan diri remaja iaitu elemen pembinaan kesedaran, dan elemen pembinaan kekuatan jiwa (pengawalan hawa nafsu dan latihan berterusan), terdapat beberapa kelemahan yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji dalam kedua-dua model tersebut. **Pertama;** Tiada penekanan diberi tentang kesesuaian model dengan keadaan dan tahap psikologikal responden yang terdiri daripada pemikiran, emosi dan tahap motivasi mereka.

Dengan ini elemen yang lebih sesuai dengan keadaan psikologikal tersebut tidak dapat diberikan.⁷⁹ **Kedua;** Walaupun pelbagai ilmu untuk tujuan menyuntik kesedaran didedahkan kepada responden kajian, namun peranan elemen taubat sebagai asas yang penting untuk memperbaiki sistem nilai, dan sikap remaja tidak di ditekankan secara mendalam di dalam model IRT dan AMNM. Strategi pembentukan azam dan perjanjian untuk melakukan perubahan yang menjadi prasyarat utama kepada elemen taubat juga tidak dinyatakan.⁸⁰ **Ketiga;** aspek pembinaan strategi perancangan teliti untuk pelaksanaan ilmu, kesedaran dan kehendak untuk persediaan berdepan dengan cabaran persekitaran tidak dimuatkan. **Keempat;** tiada penekanan diberi terhadap pembinaan aspek kepercayaan dan keyakinan diri.⁸¹ Kekurangan dari empat perkara ini menyebabkan wujudnya kelompangan kajian dalam mengetengahkan model motivasi yang lebih

⁷⁹ Dalam proses pembangunan diri khususnya dalam satu jangka masa yang panjang, remaja berdepan dengan cabaran ketidakstabilan keadaan psikologikal yang disebabkan pelbagai faktor. Dalam hal ini, suntikan motivasi yang bertepatan dengan keadaan psikologikal tersebut amat penting sebagai satu bentuk sistem sokongan kepada diri remaja. Perkara ini akan dijelaskan secara lebih lanjut dalam Bab 2.

⁸⁰ Taubat dan kaedah perlaksanaannya adalah salah satu perkara yang sangat penting dalam pembentukan motivasi pembangunan diri remaja. Pemahaman dan penghayatan yang betul terhadap elemen ini akan memberi kekuatan yang mendorong hasrat yang kuat untuk berubah ke arah yang lebih baik. Justeru, penekanan terhadap aspek ini amat penting sebagai langkah pertama yang perlu dilakukan dalam usaha memperbaiki diri.

⁸¹ Keyakinan kepada Allah juga akan mendorong kepercayaan terhadap pelbagai potensi diri yang diberikan oleh-Nya. Keadaan ini akan mendorong rasa percaya, harga diri dan keyakinan terhadap keupayaan diri sendiri untuk mencapai matlamat kebahagiaan dunia dan akhirat.

komprehensif dan sistematik.⁸² Beberapa elemen penting motivasi yang sesuai dengan keperluan pembangunan diri remaja untuk kesan jangka masa yang panjang tidak dijelaskan secara terperinci. Perkara ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam kerangka teori kajian pada Bab 2.

Oleh itu, berdasarkan kepada penelitian kajian-kajian di atas, secara keseluruhan pengkaji mendapati terdapat dua isu utama yang timbul dan perlu diselesaikan. **Isu pertama** : Masalah berhubung dengan kemerosotan motivasi remaja yang keluar daripada program intervensi berkonsepkan Islamik untuk pembangunan diri selepas tempoh tertentu masih belum dijawab dengan baik. **Isu kedua** : Wujud kelompangan kajian yang berhubung dengan mekanisme pelaksanaan suntikan motivasi berasaskan Islam yang lebih bersifat komprehensif dan sistematik sesuai dengan diri dan psikologikal remaja.

Berikutan daripada dua isu ini menyebabkan keupayaan intervensi yang menghidangkan suntikan elemen motivasi berkonsepkan Islam dalam mempengaruhi pembangunan diri remaja masih boleh dipersoalkan. Justeru, kajian lanjutan bagi merungkai isu-isu tersebut perlu dilakukan. Khususnya untuk mengetahui bagaimanakah pengaruh elemen motivasi berlaku dalam proses pembangunan diri remaja. Menerusi kajian ini, selain menghuraikan elemen motivasi pembangunan diri dari perspektif Islam, proses pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja dan fasa-fasa motivasi yang terlibat juga akan dibincangkan bagi mengisi kelompangan dalam kajian-kajian lepas.

⁸² Kepentingan dan keperluan keempat-empat perkara ini dalam proses pembangunan diri remaja akan dibincangkan dalam Bab 2 kajian

Selain itu penerokaan terhadap pengalaman pembangunan diri remaja dalam tempoh jangka masa panjang juga akan dilaksanakan bagi memastikan perkara tersebut.

Dengan ini, beberapa persoalan kajian akan dijawab iaitu :

1. Apakah perspektif Islam berhubung dengan pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja?
2. Bagaimanakah proses pembangunan diri remaja berlaku sebelum mendapat suntikan motivasi berkonsepkan Islam?
3. Apakah faktor yang mendorong pembentukan komitmen pembangunan diri remaja semasa mengikuti program motivasi berkonsepkan Islam?
4. Bagaimanakah pengaruh elemen motivasi berlaku dalam proses perlaksanaan komitmen pembangunan diri remaja yang mengikuti program motivasi berkonsepkan Islam?

1.4 Objektif Kajian

Rentetan daripada persoalan di atas, kajian ini dilaksanakan dengan menyasarkan kepada beberapa objektif iaitu :

1. Membincangkan pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja menurut perspektif Islam
2. Mengenalpasti proses pembangunan diri remaja sebelum mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar
3. Menganalisis faktor pembentukan komitmen pembangunan diri remaja semasa mengikuti Program Motivasi Alihan Pelajar

4. Menganalisis pembentukan pengaruh elemen motivasi dalam proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri remaja yang mengikuti Motivasi Alihan Pelajar

1.5 Definisi Tajuk

1.5.1 Pengaruh

Menurut Kamus Dewan istilah pengaruh bermaksud kuasa yang terbit daripada orang atau benda ke atas orang atau benda lain. Manakala dalam kamus english Merriam Webster pengaruh ialah “ *the power to change or effect someone or something : the power to cause changes without directly forcing them to happen.*” Definisi yang ini juga adalah selari dengan definisi yang diberi oleh Baron dan Byron yang menjelaskan pengaruh sebagai suatu keupayaan melakukan perubahan pada suatu benda atau orang.⁸³

Dalam kajian ini, pengaruh elemen motivasi terhadap proses pembangunan diri remaja dari perspektif Islam cuba dikenalpasti. Dengan ini, pengkaji akan melakukan analisis secara mendalam ke atas lima orang informan bagi mengetahui bagaimanakah pengaruh elemen motivasi berasaskan Islam yang diterima menerusi program MAP berlaku di sepanjang proses pembangunan diri mereka.

1.5.2 Motivasi

Motivasi ialah keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang individu membentuk hala tuju atau keputusan individu untuk berusaha melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai suatu matlamat. Matlamat yang berjaya

⁸³ Baron, R. A dan D.Byrne, *Social Psychology: Understanding human interaction* (Boston: Allyn and Bacon, 1991), 12.

dipenuhi ini akan memberikan kesan kepuasan kepada individu tersebut.⁸⁴ Oleh itu, elemen motivasi adalah unsur-unsur atau perkara-perkara yang membentuk motivasi kepada diri seorang individu.

Dalam kajian ini, elemen motivasi tersebut adalah terdiri daripada pelbagai elemen yang telah disepakati oleh para sarjana dan ahli-ahli psikologi Islam dan juga barat sebagai elemen yang membentuk motivasi individu remaja. Elemen motivasi dari perspektif Islam adalah terdiri daripada elemen asas pembentukan motivasi (akhlak, potensi al-ruh dan elemen persekitaran), elemen *tazkiyah al-nafs* (*mu'ātabah*, *mushāraṭah*, *mur'āqabah*, *muḥāsabah*, *mujāhadah* dan *mu'āqabah*) serta elemen niat. Elemen-elemen ini juga digunakan dalam membentuk kerangka teori kajian. Semasa menjawab objektif kajian, pengaruh, kepentingan dan keperluan elemen-elemen motivasi tersebut akan dikenalpasti dalam proses pembangunan diri remaja sebelum, semasa dan dalam tempoh enam bulan selepas mengikuti program MAP.

1.5.3 Pembangunan Diri

Pembangunan adalah suatu proses perkembangan, kemajuan atau pertumbuhan ke arah yang lebih baik.⁸⁵ Manakala pembangunan diri, ialah perkembangan dan kemajuan terhadap pelbagai aspek diri individu yang berlaku sepanjang hayat kehidupan.⁸⁶ Dari perspektif Islam, pembangunan ini meliputi keseluruhan aspek diri

⁸⁴ Ormrod, J.E, *Educational Psychology: Developing Learner* (cet. ke-5, New Jersey: Pearson Education Inc., 2006), 365. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di tempat kerja* (Selangor: PTS Publication, 2003), 7.

⁸⁵ Jacquelynne S. Eccles and Carol Midgley, "Change in Academic Motivation and Self-perception During Early Adolescence," dalam *From Childhood to Adolescence : A Transitional Period, Advance in Adolescent Development*, ed. Raymond Montemayor et.al, *An Annual Books Series* 1, no. 2, (California : SAGE Publication Inc., 1990), 135.

⁸⁶ Hamilton, S.F., Hamilton, M.A., and Pittman, "K. Principles for Youth Development," in *The Youth Development Handbook: Coming of Age in American Communities*, ed. S.F. Hamilton and M.A. Hamilton,(Thousand Oaks: Sage Publications, Inc, 2004), 3-22.

individu yang terdiri daripada fizikal, emosi, intelek, sosial dan spiritual.⁸⁷ Selain itu, dalam Islam juga proses pembangunan diri manusia proses ini berlaku secara semula jadi melalui hubungan antara tiga dimensi manusia-Tuhan-persekitaran untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.⁸⁸

Dalam konteks kajian ini, proses pembangunan diri lima orang informan kajian sebelum, semasa dan dalam tempoh enam bulan selepas mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar akan dianalisis bagi mengetahui bagaimanakah pembentukan pengaruh elemen motivasi berlaku di sepanjang proses pembangunan diri tersebut. Dalam hal ini, segala elemen yang terlibat dalam proses pembangunan diri informan akan turut diterokai agar pembentukan pengaruh elemen motivasi dalam proses tersebut dapat difahami secara mendalam dan terperinci.

1.5.4 Remaja

Remaja merupakan satu fasa dalam kehidupan manusia yang terletak di antara fasa kanak-kanak dan fasa dewasa. Dari perspektif Islam, tidak ada bilangan tepat yang ditetapkan bagi menetapkan umur remaja.⁸⁹ Walaubagaimanapun, dalam kaedah Islam, remaja diklasifikasikan sebagai mereka yang telah mencapai usia akil baligh sehingga mencecah usia 30-an.⁹⁰ Para ulama bersepakat, akil baligh bagi remaja lelaki dicapai apabila mereka menerima tanda melalui mimpi iaitu dalam lingkungan

⁸⁷ Abul Hasan M. Sadeq “Entrepreneurship, Achievement Motivation and Economic Development” *Light on Islamic Economics* 2, no.1, (1990), 42. `Abd al-Wah īd dan Muṣṭafa“ *al-Mujṭama’ al-Islāmī*,” (Beirūt: Dār al-Jayl,t.t), 12. Najātī, Muhammad ‘Usmān. “*‘Ilmu an-naḥs al-Islāmī*,” (Meṣir: Dārus Syuruk, 1968), 9.

⁸⁸ Nadrotul Naim Abdul Jalil, “Konsep Pembangunan : Satu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Barat dan Islam” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007), 76-78. Mohd Syukri Salleh, *Pembangunan berteraskan Islam* (Bangi : Utusan Publications & Distributors, t.t.),57-58.

⁸⁹ Kuhlen R.G., *The Psychology of Adolescence Development*. (New York : Harper and Row Publisher, 1982),42.

⁹⁰ Fuād Irfah al-Bustānī, *Mu’jam al-Thulāb* (Beirūt: Dār Masyrīq, 1982), 354.

usia 15 tahun.⁹¹ Manakala akil baligh bagi remaja perempuan pula apabila telah didatangi haid yang boleh berlaku seawal usia 9 tahun.⁹²

Pandangan ini turut disokong oleh beberapa pakar psikologi perkembangan. Mereka menyatakan golongan remaja ini adalah mereka yang berumur 12 hingga 18 tahun⁹³ atau 12 tahun hingga 20 tahun atau 12 tahun hingga 25 tahun. Selain itu, ahli psikologi perkembangan ini juga telah membahagikan remaja kepada dua kategori berdasarkan kepada beberapa perbezaan kriteria. Kategori pertama ialah kategori awal remaja manakala kategori kedua pula adalah kategori akhir remaja. Awal remaja adalah mereka yang berusia 12 hingga 17 tahun di mana remaja pada usia ini adalah mereka yang sedang mengalami kepesatan dari aspek perkembangan fizikal dan penentuan identiti diri. Sementara remaja akhir pula adalah mereka yang berusia 17 hingga 25 tahun di mana pada ketika ini remaja mulai aktif berlatih memainkan peranan sebagai orang dewasa.⁹⁴

Dalam kajian ini, remaja yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 15 tahun iaitu di bawah kategori awal remaja telah dipilih sebagai informan bagi kajian ini. Terdiri daripada tiga orang remaja perempuan dan dua orang remaja lelaki yang mempunyai pelbagai latar belakang. Kriteria latar belakang diri remaja dalam kajian ini tidak ditentukan. Mereka telah dipilih di atas dasar persetujuan untuk menyertai kajian selain sukarela untuk berkongsi pengalaman secara mendalam dalam dua temu bual yang telah diatur.

⁹¹ Jamāl al-Dīn Muhammad Mukram ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Juz. 1 (Beirūt : Dār al-Ihyā’ al-‘Arabī, 1996), 468.

⁹² Wahbah al- Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Jil.1 (Damsyik : Dar al-Fikr, 1987), 455.

⁹³ Anuar Puteh, “Perkembangan dan Pembentukan Remaja Menurut Perspektif Islam,” *Kajian Malaysia* XIX, no.2, (2001), 80.

⁹⁴ Zainudin Sharif dan Norasmah Mohamad Roslan, “Faktor-faktor yang mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka”, *Journal of Education Psychology & Caunseling* 1, (2011), 115-140.

1.5.5 Motivasi Alihan Pelajar

Motivasi Alihan Pelajar adalah program motivasi anjuran Pusat Motivasi Alihan Pelajar selama lebih 17 tahun. Program ini telah diasaskan oleh seorang pakar motivasi iaitu Tengku Asmadi Tengku Mohamad sejak tahun 1995. Program motivasi selama dua hari ini telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan menjadikan golongan remaja sebagai sasaran utama. Matlamat utama program ini adalah untuk mendorong individu yang menyertai program tersebut agar menggunakan kekuatan dan kehebatan diri ke arah kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam kajian ini, program Motivasi Alihan Pelajar selama dua hari yang bermula dari 8 pagi hingga 7 malam telah digunakan sebagai platform bagi mendapatkan informan kajian. Bagi tujuan ini, keseluruhan pengisian program dua hari tersebut yang terdiri daripada 8 slot motivasi telah dianalisis berdasarkan kepada elemen-elemen motivasi berasaskan Islam sebagaimana yang dinyatakan di atas. 8 slot ini adalah terdiri daripada slot Disiplin, Hidup satu Ibadah, Strategi Pembelajaran Aktif dan Prinsip Memori, Jasa Ibubapa, serta slot Berani, Yakin Diri dan Prinsip Berpidato. Analisis kandungan ke lapan-lapan slot ini akan dihuraikan lebih lanjut dalam bab empat

1.6 Skop Kajian

Skop bagi kajian ini telah ditentukan mengikut batasan tertentu. Batasan ini dapat diringkaskan dalam Jadual 1.1 di bawah :

Jadual 1.1. Skop Kajian

Perkara	Justifikasi
Informan : 5 orang remaja peringkat awal (13 tahun hingga 15 tahun)	Kategori peringkat umur yang sedang mengalami proses perkembangan diri yang paling aktif. ⁹⁵
Tempoh : 6 bulan (bermula dari hari pertama program MAP sehingga 6 bulan selepas program MAP)	Tempoh yang mencukupi untuk berlaku kemerosotan motivasi. ⁹⁶
Lokasi Mendapatkan Informan : Pusat Motivasi Alihan Pelajar Program Motivasi Alihan Pelajar (selama 2 hari)	Diasaskan oleh pengerusi NGO Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia. ⁹⁷ Menggunakan modul motivasi yang sama secara konsisten selama lebih 15 tahun. ⁹⁸

⁹⁵ Jacquelynne S. Eccles and Carol Midgley, "Change in Academic Motivation and Self-perception During Early Adolescence," 26.

⁹⁶ James O. Prochaska et al., "Evaluating Theories Of Health Behavior Change: A Hierarchy Of Criteria Applied To The Transtheoretical Model", *Applied Psychology: An International Review* 57, no. 4,(2008), 561–588. Ralf Schwarzer, "Social-Cognitive Factors in Changing Health-Related Behaviors, Current Direction In Psycological Science," *American Psychological Society* 10, no. 2, (2001), 35.

⁹⁷ Firdaus Arshad (Juru bimbing insaf Training Management & Consultancy), dicapai 22 September 2015, <http://www.insaff.net>

⁹⁸ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temu bual dengan penulis, 15 Mei 2013.

1.7 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada isu dan objektif kajian yang telah digariskan sebelum ini, kajian melihat bahawa penerokaan berhubung dengan pengaruh elemen motivasi dalam proses pembangunan diri remaja dari perspektif Islam ini adalah penting untuk dilaksanakan. Dengan ini, kepentingan motivasi yang berkonsepkan Islam dalam pembentukan proses pembangunan diri remaja dapat dibuktikan secara saintifik berdasarkan data-data yang lebih bersifat terkini. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pihak tertentu yang memerlukan bahan-bahan penyelidikan semasa untuk menyediakan intervensi yang lebih sesuai dengan konteks realiti remaja hari ini.

Sehubungan itu, bagi menyediakan sumber rujukan yang berkualiti dan berkredibiliti, kajian ini akan mencadangkan mekanisme pengaplikasian elemen motivasi dari perspektif Islam yang sesuai dengan perkembangan psikologikal diri remaja. Selain itu, perspektif pengalaman pembangunan diri remaja yang mendapat suntikan motivasi berkonsepkan Islam juga telah dibawakan secara lebih dekat dengan menghidangkan data-data yang kaya dan mendalam melalui kajian kualitatif yang dijalankan. Proses pembangunan diri remaja untuk tempoh jangka masa yang panjang iaitu dalam tempoh enam bulan akan diterokai. Dengan ini, kekurangan dan kelompangan dapatan kajian-kajian lepas berhubung dengan motivasi pembangunan diri dari perspektif Islam akan dapat diisi menerusi perlaksanaan kajian ini.

1.8 Struktur Penulisan

Terdapat sebanyak sembilan bab berasingan telah dibentuk untuk memudahkan lagi pemahaman terhadap pelaksanaan kajian ini. Dibawah adalah perincian bagi setiap bab tersebut.

Bab Satu

Bab satu merupakan bab pendahuluan yang akan menjelaskan secara umum beberapa perkara penting yang membawa kepada pelaksanaan kajian. Oleh itu, di awal bab ini, latarbelakang, permasalahan kajian untuk menjelaskan keperluan menjalankan kajian. Pengkaji juga mengulas serta menghuraikan kajian-kajian lepas yang dilaksanakan berhubung dengan topik kajian bagi memperlihatkan kelompangan yang terdapat di dalam kajian-kajian lepas. Sementara untuk memudahkan lagi pemahaman pembaca terhadap kajian ini, skop kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk serta struktur penulisan kajian juga turut dihuraikan di dalam bab ini.

Bab Dua

Di dalam bab dua pula, pengkaji akan membawa pembaca kepada teori yang membentuk landasan dan hala tuju bagi kajian. Kemudian, kerangka konseptual kajian pula turut dihuraikan bagi tujuan menjelaskan bagaimana kajian ini cuba mengisi kekurangan kajian-kajian lepas. Justeru, teori motivasi pembangunan diri remaja dari perspektif Islam dan Model Proses Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri (PPMPR) akan dihuraikan.

Bab Tiga

Bab ketiga ini juga adalah bab yang penting bagi kajian. Ini kerana, pada bab ini pengkaji akan menjelaskan metodologi kajian serta prosedur yang digunakan untuk pelaksanaan kajian ini. Bukan sahaja menjelaskan pendekatan dan reka bentuk

kajian, bab ini juga akan menghuraikan teknik-teknik yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis dan mengumpul data-data kajian. Matlumat informan kajian juga turut disertakan dalam bab ini.

Bab Empat

Pada bab empat perkara yang berhubung dengan lokasi pengkaji mendapatkan informan kajian akan dijelaskan. Dengan ini, pengkaji akan memberikan huraian ringkas berhubung dengan Pusat Motivasi Alihan Pelajar. Selain itu, untuk menjelaskan kandungan modul program motivasi tersebut, hasil analisis keseluruhan kandungan modul program dua hari Motivasi Alihan Pelajar tersebut juga turut dibentangkan.

Bab Lima

Bab lima akan menghuraikan dapatan kedua bagi kajian iaitu berhubung dengan proses pembangunan diri remaja sebelum mengikuti program MAP. Data temu bual dan perbincangan kajian berdasarkan analisis berhubung objektif turut dihuraikan secara terperinci dalam bab ini.

Bab Enam

Objektif kajian yang ketiga akan dihuraikan dalam bab ini. Dengan itu, data temu bual serta penerangan secara mendalam tentang faktor-faktor yang membentuk komitmen pembangunan diri informan semasa mengikuti program MAP akan diberikan.

Bab Tujuh

Dalam bab tujuh ini pula, dapatan kajian yang keempat iaitu hasil temu bual tentang pengaruh motivasi dalam proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri bagi kelima-lima informan akan dihuraikan. Analisis yang dibuat berdasarkan kerangka teori kajian juga turut dibincangkan.

Bab Lapan

Pada bab lapan ini, kesimpulan keseluruhan kajian akan diberi selain mendatangkan implikasi dan cadangan pada pihak-pihak tertentu serta para pengkaji akan datang.

1.9 Kesimpulan

Agama Islam mempunyai strategi dan kaedah yang sempurna untuk pembangunan diri remaja dari segenab aspek fizikal dan kerohanian. Walau bagaimanapun, pengaplikasiannya secara tepat dan berkesan sesuai dengan realiti remaja dan masyarakat amat diperlukan dalam cabaran era harini. Hal ini bagi memastikan pendekatan yang di bawa oleh Islam benar-benar mendapat tempat dalam setiap jiwa individu untuk terus mengislahkan diri. Dalam bidang motivasi pembangunan diri remaja, khususnya dari perspektif Islam, perkara ini masih memerlukan kepada penyelidikan secara mendalam.

Menerusi kajian ini, konsep-konsep Islam dalam proses pembangunan diri ini secara lebih sistematik dan komprehensif akan dibincangkan. Dua isu serta persoalan yang diketengahkan berhubung dengan pengaplikasiannya dalam kalangan remaja peringkat awal akan dijawab. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan untuk kebaikan agama dan kesejahteraan masyarakat di dunia dan akhirat.

BAB 2 : PENGARUH MOTIVASI PEMBANGUNAN DIRI REMAJA DARI PERSPEKTIF ISLAM

2.1 Pendahuluan

Pada bab ini, kajian akan menghuraikan konsep-konsep asas yang membawa kepada pembentukan landasan teori serta pelaksanaan kajian ini. Perbincangan akan dimulakan dengan huraian tentang psikologi remaja, asas pembangunan diri serta asas pembentukan motivasi. Setelah itu, huraian akan diteruskan pula dengan perbincangan tentang motivasi pembangunan diri remaja dari perspektif Islam. Pada bahagian ini, keperluan terhadap teori pengaruh motivasi pembangunan diri juga akan turut diperjelaskan. Di akhir bab, perincian landasan teori kajian iaitu Model Pengaruh Proses Motivasi Pembangunan Diri (PPMPR) akan diberi.

2.2 Psikologi Remaja

Remaja merupakan satu fasa dalam kehidupan manusia yang terletak di antara fasa kanak-kanak dan fasa dewasa. Dari perspektif Islam, tidak ada bilangan tepat yang ditetapkan bagi menetapkan umur remaja.⁹⁹ Walaubagaimanapun, dalam kaedah Islam, remaja diklasifikasikan sebagai mereka yang telah mencapai usia akil baligh sehingga mencecah usia 30-an.¹⁰⁰ Para ulama bersepakat, akil baligh bagi remaja lelaki dicapai apabila mereka menerima tanda melalui mimpi iaitu dalam lingkungan usia 15 tahun.¹⁰¹ Manakala akil baligh bagi remaja perempuan pula apabila telah didatangi haid yang boleh berlaku seawal usia 9 tahun.¹⁰²

⁹⁹ Eeqbal Hassim, *Elementary Education and Motivation in Islam: Perspectives of Medieval Muslim Scholars, 750–1400 CE* (New York: Cambria Press, 2010) 22-23.

¹⁰⁰ Fuad Irfah al-Bustani, *Mu'jam al-Thulab* (Beirut : Dar Masyriq, 1982), 354.

¹⁰¹ Jamal al-Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzūr, *Lisan al-Arab*, Juz. 1 (Beirut : Dar al-Ihya' al-Arabi, 1996), 468.

¹⁰² Wahbah al-Zuhāyī, *al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*, 455.

Pandangan ini turut disokong oleh beberapa pakar psikologi perkembangan. Mereka menyatakan golongan remaja ini adalah mereka yang berumur 12 hingga 18 tahun¹⁰³ atau 12 tahun hingga 20 tahun atau 12 tahun hingga 25 tahun. Selain itu, ahli psikologi perkembangan ini juga telah membahagikan remaja kepada dua kategori berdasarkan kepada beberapa perbezaan kriteria. Kategori pertama ialah kategori awal remaja manakala kategori kedua pula adalah kategori akhir remaja. Awal remaja adalah mereka yang berusia 12 hingga 17 tahun di mana remaja pada usia ini adalah mereka yang sedang mengalami kepesatan dari aspek perkembangan fizikal dan penentuan identiti diri. Sementara remaja akhir pula adalah mereka yang berusia 17 hingga 25 tahun di mana pada ketika ini remaja mulai aktif berlatih memainkan peranan sebagai orang dewasa.¹⁰⁴ Di bawah, ciri-ciri perkembangan, identiti dan motivasi remaja ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut.

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dilakukan oleh pengkaji, Sekurang-kurangnya terdapat empat ciri utama yang melambangkan diri individu remaja. Ciri-ciri tersebut ialah perubahan fizikal, pemikiran dan emosi, perubahan pada pembentukan identiti dan tahap motivasi serta perubahan dari aspek tanggungjawab.¹⁰⁵ Dalam Islam keempat-empat ciri yang dimiliki oleh remaja ini telah menentukan tahap kesediaan remaja untuk mula menuju ke arah kematangan dan menerima tanggungjawab.¹⁰⁶

a) Perubahan Fizikal, Pemikiran dan Emosi

Perubahan fizikal adalah antara perubahan yang mula berlaku pada diri individu apabila menginjak ke alam remaja. Menurut Zakiah Darejat, perkembangan dari

¹⁰³ Anuar Puteh, "Perkembangan dan Pembentukan Remaja Menurut Perspektif Islam," *Kajian Malaysia* XIX, no.2, (2001), 80.

¹⁰⁴ Zainudin Sharif dan Noraszmah Mohamad Roslan, "Faktor-faktor yang mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", 115-140.

¹⁰⁵ Al-Qur'an, surah al-Rum :54, surah al-Nahl : 78

¹⁰⁶ Ansari, Z, "Islamic Psychology", dalam *Religious Theories of Personality and Psychotherapy : East Meet West*, ed. R.P. Olsen (New York : Haworth Press,2002), 325-357.

aspek fizikal berlaku secara pesat di awal remaja iaitu pada usia 11 hingga 15 tahun.¹⁰⁷ Perubahan yang berlaku ini termasuklah perubahan pada bentuk badan,¹⁰⁸ pertumbuhan bulu¹⁰⁹ di bahagian-bahagian tertentu pada badan serta perkembangan fungsi organ seksual lelaki dan wanita. Aspek perubahan fizikal yang berlaku pada usia remaja ini juga telah disebut secara umum di dalam al-Quran misalnya menerusi surah al-Rum : ayat 54 dan surah al-Hajj : ayat 6. Meskipun tidak menjelaskan secara terperinci tentang perubahan yang berlaku pada setiap inci anggota badan remaja, namun dalam kedua-dua ayat tersebut terdapat kenyataan yang menyebut tentang perpindahan manusia dari tahap yang lemah kepada satu tahap perubahan fizikal yang lebih kuat sejak dilahirkan sehingga mencapai usia tua. Perpindahan dari 'lemah' kepada 'kuat' ini membuktikan tentang berlakunya aspek perubahan fizikal apabila memasuki usia remaja.¹¹⁰

Selain itu, bukan sahaja mengalami perubahan fizikal malah al-Quran juga menunjukkan terdapat perkembangan dari aspek pemikiran dan emosi pada fasa remaja. Tahap pemikiran remaja pada ketika ini berbeza dengan tahap pemikiran kanak-kanak. Di mana, remaja mula dapat memikirkan perkara yang bersifat abstrak dan subjektif. Ini berbeza dengan tahap pemikiran kanak-kanak yang hanya mampu berfikir dan menilai menerusi apa yang dapat ditanggapi oleh pancaindera. Perubahan dari aspek fizikal dan pemikiran yang berlaku pada usia remaja ini akan turut memberi kesan kepada emosi mereka yang juga sedang mengalami perkembangan.¹¹¹ Setiap perubahan pada diri, perbuatan dan cara fikir remaja akan memberi kesan terhadap emosi mereka. Malah, kajian menunjukkan bahawa emosi

¹⁰⁷ Zainudin Sharif dan Noraszmah Mohamad Roslan, "Faktor-faktor yang mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", 115-140.

¹⁰⁸ Noordin Yahaya dan Sharin Hashim, "Remaja dan Pengaruh Keluarga" dalam *Personaliti Gaya Hidup Remaja*, ed. Azizi Yahaya et.al, (Johor : Penerbit UTM, 2008), 38.

¹⁰⁹ Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Ahmad bin Qudāmah, *al-Mughnī*, Jil.4 (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 556.

¹¹⁰ Nasib, Muhammad Ar-Rifa'i, Ibu Kathir, Jil. 3 (Depok: GEMA INSANI, 2006)

¹¹¹ Alwi Al-attas, *Pendidikan Remaja dari sudut Pandang Psikologi Islami*, (Jakarta: Fakultas Psikologis Universiti Indonesia, 2006). 35.

remaja lebih sensitif dan agresif.¹¹² Remaja didapati mudah marah dan memberontak sekiranya berlaku sebarang perkara yang bertentangan dengan kehendak mereka. Ini kerana, meskipun sedang mengalami perkembangan dari aspek pemikiran namun pengalaman remaja yang masih kurang menyebabkan keupayaan remaja untuk menilai lebih terhad.¹¹³ Keterbatasan daya penilaian inilah yang boleh menyebabkan berlakunya kegagalan dalam mengawal emosi.

b) Pembentukan Identiti

Perkembangan dari aspek fizikal dan mental pada diri remaja juga telah meletakkan mereka pada satu peringkat kehidupan yang kritikal.¹¹⁴ Perkara ini dikatakan berlaku kerana perkembangan tersebut telah mendorong remaja untuk menentukan identiti baru diri mereka.¹¹⁵ Justeru, terdapat banyak hadith-hadith nabi S.AW serta ayat-ayat al-Quran yang memberikan tumpuan dan perhatian kepada golongan remaja demi memastikan kejayaan mereka dalam menempuh fasa ini. Para ahli psikologi perkembangan dalam menjelaskan tentang perkara ini menyatakan bahawa perubahan-perubahan fizikal, pemikiran dan emosi telah menyebabkan meningkatnya sensitiviti remaja terhadap diri dan persekitaran keliling mereka.¹¹⁶ Remaja awal dijelaskan sebagai kelompok remaja yang paling aktif dalam proses mencari dan menentukan identiti diri.¹¹⁷ Sensitiviti remaja tersebut akan merangsang daya inisiatif dan kreativiti mereka bagi mendapatkan identiti diri tersebut.

¹¹² Azizi Yahaya dan Nurulhuda Azizi, " Alam Remaja", dalam *Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja*, ed. Azizi Yahaya et.al, (Johor : Penerbit UTM, 2008), 4.

¹¹³ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi*, 218.

¹¹⁴ Alwi Al-attas, *Pendidikan Remaja dari sudut Pandang Psikologi Islami*, (Jakarta: Fakultas Psikologis Universiti Indonesia, 2006), 24.

¹¹⁵ Hall, GS, *Adolescence: Its Psychology and Its Relation, anthropology, sociology, sex, crime, religion, and education*, Vol 2. (New York: D. Appleton & Co. h, 1904), 26.

¹¹⁶ Fathī Yakan, *Generasi Muda dan Perubahan*, terj. Ahmad Kamil Abdul Majid, ed 1, (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1983), 7.

¹¹⁷ Azizi Yahaya et. al, *Personaliti Gaya Hidup Remaja*, 38.

Ketika ini, remaja didapati akan berusaha mendapatkan pelbagai maklumat baru berhubung dengan persoalan diri mereka. Remaja juga lebih gemar mendekati dan berada dalam kelompok rakan sebaya berbanding ahli keluarga.¹¹⁸ Hal ini kerana, rakan sebaya sering dianggap sebagai sumber penting untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang diperlukan oleh mereka. Daripada pelbagai maklumat yang diperoleh, remaja akan mula membina kehendak dan minat mereka.¹¹⁹ Remaja juga mudah untuk meniru perbuatan rakan atau personaliti individu yang sama-sama berkongsi minat dengan mereka. Dengan minat yang sama ini, remaja bukan sahaja bebas untuk melakukan aktiviti kesukaan mereka, malah turut diterima dalam kelompok rakan sebaya. Keadaan ini secara tidak langsung membolehkan remaja untuk merealisasikan keperluan daya inisiatif dan kreativiti mereka serta memenuhi keperluan mereka terhadap penghargaan sosial dan autonomi.¹²⁰ Walaubagaimanapun, kajian juga menunjukkan kebebasan dalam proses menentukan identiti diri ini boleh menyebabkan remaja terdedah dengan pelbagai risiko dan konflik diri.¹²¹ Keadaan ini, sekiranya tidak dapat diurus serta tidak dikawal dengan baik akan menyebabkan krisis identiti yang merosakkan remaja.

c) Tanggungjawab

Dalam perspektif Islam, segala bentuk perkembangan positif dan keupayaan remaja dalam menentukan identiti diri, adalah untuk memperkukuh dan menyediakan remaja dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim. Tanggungjawab yang diwajibkan sejurus memasuki alam remaja ini adalah bertujuan untuk melatih remaja supaya berdisiplin dalam mengamalkan tuntutan agama, menyediakan diri menjadi

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Cashwell, C.S and Vas N.A, "Family Functioning and Risk Behavior : Influences On Adolescent Delinquency", *The School Counselor* 44, (1996), 105-114.

¹²⁰ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial* (Selangor : Pearson Malaysia, 2011), 19. Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2004), 140.

¹²¹ Azizi Yahaya et. al, *Personaliti Gaya Hidup Remaja*, 4.

seorang dewasa yang beriman dan mencapai matlamat kesejahteraan dunia dan akhirat.¹²² Dengan ini, remaja tidak hidup terumbang ambing kerana amanah ini memberikan remaja hala tuju, makna dan nilai kepada kehidupan mereka.¹²³ Justeru, menerusi kajian-kajian yang dilakukan ke atas diri remaja, kecuaihan dan kelalaian dalam melaksanakan tanggungjawab agama dapat menyebabkan kegagalan remaja untuk menjalani kehidupan yang seimbang.¹²⁴ Walaubagaimanapun, bimbingan yang sesuai, sistematik dan konsisten diperlukan oleh remaja bagi menjadi medium yang kondusif dalam membantu mereka melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan baik.¹²⁵

Ringkasnya, berdasarkan kepada ciri-ciri remaja yang disenaraikan di atas pengkaji menyimpulkan bahawa remaja adalah satu golongan individu yang amat penting untuk diberi perhatian. Pelbagai perubahan dari aspek fizikal, pemikiran dan emosi yang berlaku pada diri remaja boleh menjadi agen sama ada agen pembinaan atau agen yang merosakkan diri remaja.¹²⁶ Hal ini adalah bergantung kepada cara keupayaan remaja untuk pengawal perubahan dan perkembangan diri mereka. Dalam hal ini, proses pembangunan diri yang baik dan berkesan harus dilaksanakan supaya fasa remaja ini dapat menjadi satu peluang yang positif untuk diri dan masa depan remaja.¹²⁷

¹²² Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-anak*, (Selangor : Alam Pintar Enterprise, 2003), 225.

¹²³ *Ibid.*

¹²⁴ Hanafi Mohamed, *Penyakit ROhani dan Pengaruhnya*, (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1998), 10.

¹²⁵ Jacquelynne S. Eccles and Carol Midgley, "Change in Academic Motivation and Self-perception During Early Adolescence," 135.

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ Richard M. Lerner, "Contemporary Development Theory and Adolescent : Development System and Applied Development Science", *Journal of Adolescence Health* 31, no. 6, (2002), 122-136.

2.3 Pembangunan Diri Remaja

Definisi istilah ‘pembangunan’ adalah merujuk kepada suatu ‘proses’ transformasi ke arah yang lebih baik. Ia sering dikaitkan dengan kemajuan,¹²⁸ pertumbuhan¹²⁹ atau ada juga yang melihat ia sebagai pemodenan.¹³⁰ Definisi yang berbeza-beza ini diberi bergantung kepada bentuk pembangunan yang ingin dimaksudkan dalam satu-satu bidang.¹³¹ Maimunah, seorang sarjana dalam bidang pembangunan ini misalnya telah memberikan kesimpulan tentang istilah pembangunan tersebut dengan menyatakan bahawa ia ibarat satu lingkaran yang tidak terputus, merentasi pelbagai aspek seperti budaya, sosial, ekonomi, dan politik.¹³²

Dari perspektif Islam, meskipun turut mengiktiraf kepentingan pelbagai aspek pembangunan sebagai yang diketengahkan oleh Barat,¹³³ namun Islam menyasarkan matlamat pembangunan yang lebih seimbang dan bersifat komprehensif meliputi kedua-dua elemen asas diri manusia iaitu jasad dan rohani.¹³⁴ Hal ini selari dengan definisi pembangunan yang diberikan oleh Mohd Taib Al-Najmi dan Abu Bakar Hamzah iaitu perkembangan yang dicapai oleh manusia dari aspek pemikiran dan kebendaan.¹³⁵ Berbeza dengan Barat yang hanya memberikan tumpuan kepada kecemerlangan hidup di dunia, matlamat pembangunan diri dalam Islam adalah mencakupi pencapaian kecemerlangan dunia dan akhirat.¹³⁶

¹²⁸ Sally Wehmeier, Colin McIntosh, Joanna Turnbull, “Pembangunan” dalam *Oxford Advanced learner’s Dictionary*, ed. Ke-7 (New York: Oxford University Press, 2005), 660.

¹²⁹ Sally Wehmeier, Colin McIntosh, Joanna Turnbull, “Pertumbuhan” dalam *Oxford Advanced learner’s Dictionary*, ed. Ke-7 (New York: Oxford University Press, 2005), 660.

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ Rahimah Abdul Aziz, *Introduction to Sociology of Development* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 34.

¹³² Maimunah Ismail, *Pengembangan Implikasi Ke atas Pembangunan Masyarakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1999) h. 8.

¹³³ Abul Hasan M. Sadeq, “Entrepreneurship, Achievement Motivation and Economic Development”, *Light on Islamic Economics* 2, no. 1, (1990), 42.

¹³⁴ Muhammad ‘Uthmān El-Muhammady, *Peradaban Islam*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1976), 23.

¹³⁵ Abu Bakar Hamzah *Sejarah Kebudayaan Umat Islam*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972) 12. Mahmood Mohd. Taib al-Najmi *Sejarah Tamadun Islam*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, (1971), 9.

¹³⁶ Al-Qur‘ān: Surah al-Baqarah: 128.

Justeru, matlamat pembangunan juga tidak boleh hanya terikat kepada ganjaran dunia yang bersifat material semata-mata tetapi juga untuk mendapatkan ganjaran akhirat.¹³⁷ Ibn khaldun dan Ali syariati selaku tokoh pembangunan kemanusiaan Islam dalam hal ini menegaskan hanya dengan keseimbangan pembangunan dari dua aspek ini matlamat pembinaan tamadun kemanusiaan yang berjaya dapat dicapai.¹³⁸ Muratha dan William yang turut bersetuju dengan kenyataan Ibn Khaldun ini menyatakan :¹³⁹

The goal of Islamic civilization have never been scientific and technological progress, but rather perfection of the human soul.

Justeru itulah, Zakariya Stapa menjelaskan proses pembangunan diri adalah :

Usaha-usaha berterusan sepanjang hayat dalam memupuk dan mengembangkan potensi-potensi yang ada dalam diri manusia, agar menjadi subur dan kental rasa keimanannya terhadap Rukun Iman serta berupaya untuk menggesa dan menyumbang ke arah kebaikan dan kesejahteraan hidup diri sendiri, orang lain dan alam seluruhnya.¹⁴⁰

Hal ini bertepatan dengan Firman Allah S.W.T :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ أَبْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

Al-Mu'minun 23:1-11

Terjemahannya : Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Dan

¹³⁷ Mohd Syukri Salleh, *Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Dewan Ekonomi, Projek Pengurusan Pembangunan Islam, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 17.

¹³⁸ Nadrotul Naim Abdul Jalil, "Konsep Pembangunan : Satu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Barat dan Islam" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007), 76-78. Mohd Syukri Salleh, *Pembangunan berteraskan Islam* (Bangi : Utusan Publications & Distributors, t.t.), 57-58.

¹³⁹ Muratha, Sachiko, William Chittick, *The Vision of Islam* (New York: Paragon House, 1994), 331

¹⁴⁰ Zakaria Stapa, *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd, 2001), 39.

mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya; Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela; Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas; Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi; Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.

Oleh yang demikian, dalam proses pembangunan diri remaja, kesedaran ini harus menjadi kunci yang akan memandu keseluruhan aspek diri mereka yang terdiri daripada fizikal, emosi, intelek, sosial dan spiritual untuk benar-benar berada di atas landasan Islam.¹⁴¹ Di bawah, huraian secara lebih terperinci kelima-lima aspek pembangunan diri tersebut dari perspektif Islam pembangunan diri ini akan diberikan dengan lebih lanjut.

(i) Fizikal

Pembangunan fizikal atau jasmani adalah penjagaan terhadap hak keperluan jasad yang merangkumi makan, minum, tempat tinggal, kesihatan, alat komunikasi, pengangkutan dan sebagainya.¹⁴² Menurut Pittman ia merangkumi sikap, tingkah laku serta pengetahuan yang membentuk kesejahteraan fizikal seorang individu.¹⁴³ Dari perspektif Islam memenuhi keperluan jasmani juga adalah fitrah kemanusiaan yang wajib dipenuhi untuk memastikan kelestarian hidup.¹⁴⁴ Al-Quran dan hadith tidak pernah menyatakan keburukan memenuhi keperluan jasad ini, sebaliknya telah menekankan kepentingan untuk mengendalikan keperluan tersebut dengan cara yang betul. Dalam hal ini Islam menuntut agar keperluan tersebut dipenuhi mengikut

¹⁴¹ Ismail Rājī al-Farūqī, al-Tawhīd, *It's Implication for thought and Life*, ed. Ke 2, (Virginia USA: International Institute of Islamic Thought), 12.

¹⁴² al-Baqarah : 168; Uthmān Najātī (1985), *al-Qur'ān dan Ilmū Jiwā* (Indonesia : Penerbit Pustaka, 1985), 50

¹⁴³ Pittman, K., Irby, M., and Ferber, T. *Unfinished Business: Further Reflections on a Decade of Promoting Youth Development*. Tacoma Park, MD: The Forum for Youth Investment.

¹⁴⁴ Uthmān Najātī (1985), *al-Qur'ān dan Ilmū Jiwā*, Indonesia : Penerbit Pustaka, h.46

batas-batas hukum yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam. Sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T : ¹⁴⁵

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Al-Baqarah 2:168

Terjemahannya : Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh nyata bagimu.

Oleh itu, untuk membina pembangunan aspek fizikal, remaja perlu berusaha memenuhi keperluan fizikal mereka dalam rangka batasan yang dibenarkan oleh agama supaya tidak melampaui batas sehingga memudharatkan diri sendiri dan orang lain.¹⁴⁶

(ii) Intelek

Pembangunan intelektual ialah merujuk kepada keupayaan dalam menggunakan fungsi akal secara optimum dan mencapai kecerdasan akal fikiran. Remaja dengan kecerdasan akal adalah mereka yang mempunyai corak pemikiran yang matang dan menguasai pelbagai ilmu kemahiran.¹⁴⁷ Selain itu, remaja yang memiliki kecerdasan akal juga akan menggunakan akal untuk berfikir secara yang positif, sistematik dan berstrategi dalam membuat sebarang pertimbangan.¹⁴⁸

Namun, bukan sekadar itu, pembangunan akal dalam Islam tidak hanya merujuk kepada keupayaan berfikir dengan menggunakan logik akal semata-mata.

¹⁴⁵ al-Qur'ān , surah al-Baqarah ayat 168.

¹⁴⁶ Al-A'raaf : 31-32; Uthmān Najātī (1985), Uthmān Najātī (1985), *al-Qur'ān dan Ilmū Jiwā*, 46

¹⁴⁷ Ibrahim Madkūr, *Mu'jam al-Falsafī*, (Kairo: al-Hai'ah al-Amānah li al Syu'ūn al-Mutabi' al-Amīriyah,1979), 120.

¹⁴⁸ Malik Badri, *Contemplation : An Islamic Psychospiritual Study*, (London: Cambridge University Press, 2000) ,28. Mohd Nasir Omar, *Falsafah Akhlak* (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 143

Sebaliknya ia adalah keupayaan menjana pemikiran yang ‘benar’ dan ‘adil’ sebagaimana yang telah digariskan menurut al-Quran dan sunnah. Dalam hal ini, remaja perlu berfikir melalui konteks akidah yang betul iaitu dengan memahami hukum, peranan dan tanggungjawab sebagai hamba Allah S.W.T.¹⁴⁹ Selain itu, dari perspektif Islam juga remaja yang mempunyai kecerdasan akal akan bijak menilai setiap perkara secara holistik iaitu dengan mempertimbangkan perkara tersebut mengikut keadaan realiti konteks semasa serta pengalaman dan sejarah orang terdahulu. Perkara ini bertepatan dengan sifat agama Islam itu sendiri yang bersifat realistik.¹⁵⁰ Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran dan hadith yang memberikan kisah dan sejarah umat Islam berzaman untuk dijadikan iktibar dan pengajaran dalam hidup.¹⁵¹

Selain itu, Islam juga menggesa untuk mengelakkan pemikiran ekstrimis dalam satu-satu pegangan. Oleh itu remaja yang mempunyai kecerdasan akal juga seharusnya mampu membentuk pemikiran yang lebih terbuka dan fleksibel berdasarkan pandangan-pandangan yang diutarakan melalui pelbagai sumber ilmu.¹⁵² ‘Uthman Najātī dalam hal ini menjelaskan terdapat beberapa perkara yang dapat mengelakkan remaja daripada terikat dengan corak pemikiran yang sempit iaitu dengan mengelakkan taklid buta atau berpegang kepada kepercayaan ikut-ikutan tanpa pengetahuan, terbuka dalam menimba ilmu secara meluas dan mendalam serta mengelakkan pengaruh emosi dalam membuat sebarang penilaian.¹⁵³ Hal ini, menuntut remaja untuk menggunakan gabungan potensi akal dan hati yang dimiliki.

¹⁴⁹ Ibrāhīm Madkūr, *Mu’jam al-Falsafī*, (Kairo : al-Hai’ah al-Amanah li al-Syu’un al-Mutabi’ al-Amiriyah, 1979), 120.

¹⁵⁰ Noor Syakirah Mohd Akhir dan Mohd Hilmi Mohd Said, “Pembangunan modal insan : peranan dan sumbangan pendekatan *tazkiyah al-Nafs* melalui modul raksi”, (International Conference on Human Capital Development, Kuantan, Pahang, 25-27 May 2009). Ahmad Fazullah Mohd. Zainal Abidin ...[et al.] (Proceedings, Kuantan, Pahang: Centre for Modern Languages & Human Science, Universiti Malaysia Pahang, 2009), 12.

¹⁵¹ Abd Aziz Mohd. Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 1999), 189-199.

¹⁵² ‘Uthmān Najātī, *‘Ilmu an-Nafs al-Islamī* (Al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, 1968). 39-67

¹⁵³ *Ibid.*

Seruan terhadap penggunaan akal dan hati ini adalah sebagaimana yang termaktub dalam firman Allah S.W.T : ¹⁵⁴

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾
الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Al-Imran 3 :190-191

Terjemahannya : Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal, iaitu orang yang berfikir dan berzikir menggunakan akal dan hati. Orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan lain dan bumi (seraya berkata) : Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau Maka peliharalah kami dari siksa neraka.

Ayat ini jelas menunjukkan bagaimana kombinasi kedua-dua fungsi akal dan hati ini memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha membangunkan keupayaan fungsi intelek manusia. Dengan keupayaan mengoptimumkan dua fungsi ini sebaik mungkin daya kecerdasan intelek remaja akan berkembang seiring dengan prinsip ajaran Islam.¹⁵⁵

(iii) Emosi

Pembangunan emosi pula adalah keupayaan seorang individu untuk mengekalkan kesejahteraan dan kesihatan mental.¹⁵⁶ Ia juga merujuk kepada keupayaan untuk memahami emosi diri sendiri serta emosi orang lain. Remaja yang mempunyai kecerdasan dari aspek emosi akan memiliki emosi yang penuh kesedaran, ketenangan, motivasi dan keyakinan diri yang tinggi serta rasa empati tinggi terhadap

¹⁵⁴ Al-Qur'ān , Surah al-Imran 190-191

¹⁵⁵ Al-Ghazālī, *Ihyā' Ulūmuddīn*, jil. 1, (Singapura:Sulaiman Mar'I,t,t), 84-85.

¹⁵⁶ Hamilton, S.F., Hamilton, M.A., and Pittman, "K. Principles for Youth Development," 3-22.

orang sekeliling.¹⁵⁷ Keadaan ini akan mendorong remaja untuk sentiasa menunjukkan reaksi dan tindak balas emosi yang positif, rasional dan matang tidak kira dalam apa juga situasi. Selain itu, Dzakiyah Darajat dalam hal ini pula menegaskan, remaja yang memiliki kecerdasan emosi mampu berkongsi dan menyelesaikan bersama permasalahan yang dihadapi dengan orang lain di sekeliling mereka.¹⁵⁸ Turut mempersetujui kenyataan ini, Jaz laile menyatakan melalui hubungan interaksi dengan masyarakat sekeliling, remaja akan dapat membangunkan corak emosi yang lebih stabil.¹⁵⁹ Oleh itu, bukan sahaja memberi kesan positif terhadap diri sendiri, pembangunan dari aspek emosi juga dapat membantu remaja membina hubungan yang baik dengan orang sekeliling.

Dari perspektif Islam, pembangunan emosi melibatkan pembentukan jiwa yang tunduk kepada Allah S.W.T.¹⁶⁰ Remaja yang memiliki jiwa seperti ini akan sentiasa merasai kewujudan dan kehadiran Allah S.W.T pada setiap masa dan keadaan. Penghayatan terhadap rasa kehambaan adalah asas yang mencetuskan rasa pada diri remaja.¹⁶¹ Dengan perasaan tunduk dan ihsan kepada Allah ini, remaja akan memupuk sifat yakin, sabar dan redha di atas segala ketentuan hidup yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.¹⁶² Dalam masa yang sama, mereka akan turut berusaha gigih mendapatkan pertolongan dan keredhaan Allah S.W.T. Dalam usaha mendapatkan keredhaan Allah inilah remaja akan menjaga diri mereka dari sifat-sifat yang didorong oleh emosi negatif seperti marah yang keterlaluan, memberontak, kesombongan, dendam, riya' dan sebagainya. Menurut Malik Badri penyingkiran emosi yang negatif ini boleh dilakukan melalui kaedah *muhāsabah* dan mendekatkan

¹⁵⁷ Elkind,D, "Egocentrisme in adolescence", *Child Development* 38, (1967), 19.

¹⁵⁸ Zakiyah Darajat, *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*, (Jakarta: Gunung Agung,1970.) 15

¹⁵⁹ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial* , 20.

¹⁶⁰ Syed Muhammad Naquib al-Atas, *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* (Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC),1990), 12.

¹⁶¹ Manzurul Haq, " 'Heart' : The Locus of Human Psyche", in *Quranic Concept of Human Psyche*, ed. Zafar Afaq Ansari, (Islamabad : International Institute of Islamic Thought,1992), 59.

¹⁶² Hamid Reva Alavi, "Al-Ghazālī on Moral Education", *Journal of Moral Education* 36, no.3 (2010), 309-319.

diri dengan Allah S.W.T.¹⁶³ Dalam hal ini, ibadah-ibadah wajib dan sunat yang dituntut dalam Islam seperti, solat, berzikir, bersedekah dan amalan-amalan kebajikan yang lain adalah antara kaedah untuk *muhāsabah* dan mendekatkan diri dengan Allah yang telah diajarkan dalam Islam.

(iv) Sosial

Pembangunan dari aspek sosial ialah keupayaan untuk memahami dan membentuk hubungan interaksi yang baik dengan orang sekeliling. Dalam hal ini, pembangunan dari aspek sosial menjadikan remaja memahami peranan mereka dalam masyarakat dan cuba bertanggungjawab memainkan peranan tersebut dengan sebaik mungkin.¹⁶⁴ Perkembangan pada usia remaja biasanya akan turut menyebabkan beberapa perubahan dari aspek sosial. Remaja pada ketika ini lebih aktif membentuk pergaulan dengan rakan-rakan sebaya. Mereka juga sering menunjukkan kecenderungan untuk mendapatkan perhatian sosial dari orang sekeliling.¹⁶⁵ Berhubung dengan ini, pembangunan dari aspek sosial juga akan membantu remaja membentuk pergaulan yang baik di samping dapat mengawal diri daripada terjebak dengan gejala-gejala yang merosakkan.¹⁶⁶ Selain itu, remaja juga akan menunjukkan fungsi mereka dengan menyumbangkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki serta membangun hubungan kerjasama dalam kelompok masyarakat.¹⁶⁷ Berdasarkan kepada prinsip Islam, hubungan interaksi dan komunikasi dengan masyarakat ini akan dilaksanakan

¹⁶³Malik Badri, *Contemplation : An Islamic Psychospiritual Study*, (London: Cambridge University Press, 2000) 23.

¹⁶⁴ Greenberg, Mark T., et al., "Enhancing school-based prevention and youth development through coordinated social, emotional, and academic learning." *American psychologist* 58, no. 6-7 (2003): 466.

¹⁶⁵ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*, 20.

¹⁶⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomeno to The Methaphysics of Islam*, (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, t.t.), 37-38.

¹⁶⁷ Zakaria Stapa et. al, "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri", *Jurnal Hadhari Special Edition*, (2012), 155-172.

mengikut tuntutan agama.¹⁶⁸ Segala tanggungjawab sosial yang dijalankan adalah bertujuan bagi memenuhi amanah sebagai khalifah dan hamba Allah S.W.T di atas muka bumi.¹⁶⁹ Melalui penghayatan ini, remaja akan sentiasa mengaplikasikan akhlak Islam dalam mencorak interaksi dan pergaulan hidup seharian mereka.

(v) Spiritual

Pelbagai makna telah diberikan oleh para sarjana berhubung dengan pembangunan spiritual. Walau bagaimanapun, secara umum kesemuanya telah merujuk pembangunan spiritual ini sebagai keupayaan dalam membina kesedaran dalaman yang tinggi dengan berasaskan kepada nilai, kepercayaan atau matlamat tertentu.¹⁷⁰ Hodge melihat pembangunan spiritual ini sebagai keupayaan membina kesedaran diri melalui hubungan dengan Tuhan di samping memahami fungsi serta makna sebenar kehidupan.¹⁷¹ Kesedaran ini akan digunakan sebagai panduan dalam menjalani hidup selain menjadi sumber yang memberikan rasa tenang, kepercayaan, pengharapan dan pergantungan dalam kehidupan.¹⁷²

Dari persepektif Islam, remaja yang mempunyai kecerdasan dari aspek spiritual ialah mereka yang menghayati tujuan penciptaannya sebagai hamba dan khalifah Allah dalam seluruh aspek kehidupan.¹⁷³

¹⁶⁸ Kadar M. Yusof, "Tipologi Kepribadian Manusia dalam Perspektif al-Quran", *Jurnal Hadhari* 4, no.2, (2012), 1-28

¹⁶⁹ Mohd Sabri Mamat et. al, "Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada kecerdasan Emosi Remaja", *Journal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 1, (t.t), 29-40.

¹⁷⁰ Frame, M.W, *Integrating And Spiritualityinto Counseling: A Comprehensive Approach* (California: Brooks/Cole, 2003), 3.

¹⁷¹ Hodge, David R. "Spiritually modified cognitive therapy: A review of the literature." *Social Work* 51, no. 2 (2006), 157-166.

¹⁷² Feyza S. Menagi et. al, "Religiousness and Colledge Student Alcohol Use : Examining The Role Of Social Support", *Journal Religious Health* 47, (2008), 217-266. Newman , J. and Pargament, K., "The Role of Religion in The Solving Process" *Review of Religious Research* 31, (1990), 390.

¹⁷³ Mohd Syukri Salleh, "Religiosity in Development : A Theoritecal Construct of an Islamic-Based Development, International", *Journal of Humanities and Social Sciences* 2, no.14, (2012), 271.

Dengan penghayatan ini, kehidupan dunia dapat dilihat dalam konteks yang lebih luas dan kaya.¹⁷⁴ Di mana, kecemerlangan hidup di dunia adalah jambatan bagi mencapai kesejahteraan hidup di akhirat. Justeru, remaja dengan kesedaran spiritual ini sentiasa bertingkahtaku dan beramal mengikut mengikut panduan agama, berfikiran jauh, lebih terbuka, tenang dalam setiap ujian dan sentiasa menjaga hubungan yang baik dengan Allah S.W.T., manusia dan alam.¹⁷⁵

2.4 Proses Asas dan Faktor Pembentukan Motivasi Dari Perspektif Barat

2.4.1 Proses Asas Motivasi

Dalam perspektif yang dikemukakan oleh para sarjana dari Barat, motivasi adalah dorongan tingkah laku yang melibatkan sistem biologi serta potensi dalaman manusia iaitu elemen kognitif dan afektif.¹⁷⁶ Dari sudut definisi, elemen kognitif dan afektif ini adalah merujuk kepada keupayaan akal dan emosi manusia dalam berfikir, menilai serta memberi tindakbalas tertentu terhadap suatu maklumat yang diperoleh sama ada dari dalam diri manusia itu sendiri atau melalui persekitarannya.¹⁷⁷ Sementara elemen biologi pula adalah keupayaan fungsi sistem deria badan manusia yang berperanan menerima dan menghantar maklumat yang diperoleh dari rangsangan persekitaran kepada elemen kognitif dan afektif untuk di analisis. Selain itu, sistem biologi ini juga berfungsi menghasilkan gerakan anggota badan sebagai

¹⁷⁴ Ali al-Quraysiyyi, *Malik Bin Nabi dan Pergolakan Sosial*, jil. 2, terj. Mohd Sofwan Amrullah (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, 1996), 106-107; ‘Alī al-Qurayshiyyī, *Mālik bin Nabī wa Mushkilah al-Thaqāfah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1959). 120

¹⁷⁵ Sayyed hossien Nasr, *Sciences and Civilization in Islam* (Cambridge: The Islamic Texts Society, 1987), 30.

¹⁷⁶ Richard M. Steers and Lyman W. Porter, *Motivation and Work Behavior*, ed. 5 (New York: McGraw-Hill, 1991), 6-8.

¹⁷⁷ Anderson, L. W. et al., *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*, (New York: Pearson, Allyn & Bacon, 2000), 34.

tindakbalas terhadap maklumat yang diterima.¹⁷⁸ Dalam pembentukan motivasi, ketiga-tiga elemen ini akan berperanan menerima maklumat¹⁷⁹ membuat penilaian dan membentuk matlamat tertentu.¹⁸⁰ Matlamat yang dimaksudkan ini ialah sebarang keperluan dan kehendak yang mendorong tingkahlaku, hala tuju¹⁸¹ atau keputusan individu untuk melakukan sesuatu perbuatan.¹⁸² Penilaian terhadap hasil perbuatan tersebut pula, sama ada positif mahupun negatif¹⁸³ akan membentuk input-input baru dan disimpan dalam sistem memori manusia untuk menghasilkan tindakan pada masa akan datang.¹⁸⁴

2.4.2 Faktor Pembentukan Motivasi dari Perspektif Barat

Ahli-ahli psikologi berpendapat, membentuk maklumat dan dorongan yang betul dan tepat adalah cara yang berkesan untuk membangunkan keupayaan fungsi elemen kognitif dan afektif individu.¹⁸⁵ Bagi mencapai tujuan ini, memahami faktor-faktor yang dapat mencetuskan motivasi diri individu adalah sangat penting.¹⁸⁶ Menyedari akan hal ini, ahli-ahli psikologi dari Barat sejak dari beberapa abad yang lalu telah memberikan perhatian terhadap perbincangan berhubung dengan faktor-faktor motivasi diri tersebut.

Terdapat beberapa ideologi berbeza dalam kalangan ahli-ahli psikologi terdahulu yang membincangkan tentang perkara ini. Ahli psikologi Sigmund Freud

¹⁷⁸ Elliot, A.J., and Thrash, T.M., "Approach-avoidance motivation in personality: Approach and avoidance temperaments and goals", *Journal of personality and Social Psychology* 82, no. 5, (2003), 804-818.

¹⁷⁹ Azizi Yahaya et.al, *Psikologi Sosial*, 58.

¹⁸⁰ Noor Azli Muhamed Masrop et.al, "Rekabentuk Motivasi di Dalam Perisian Permainan Pembelajaran Jawi bagi Kanak-kanak : Pengintegrasian di antara Model Motivasi Barat dan Islam", (Proceeding of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT, 2010), 378.

¹⁸¹ Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di tempat kerja*, 7.

¹⁸² Ormrod, J.E, *Educational Psychology: Developing Learner*, Cet. Ke-5, (New Jersey: Pearson Education Inc, 2006), 365.

¹⁸³ Richard M. Steers and Lyman W. Porter, *Motivation and Work Behavior*, ed. 5(New York: McGraw-Hill, 1991), 6-8.

¹⁸⁴ *Ibid.*

¹⁸⁵ Carol S. Dweck, "Motivational Processes Affecting Learning", *American Psychologist* 41, no. 10, (1986), 1040-1048.

¹⁸⁶ *Ibid.*

dari fahaman psikoanalisis mempercayai bahawa faktor dalaman iaitu naluri adalah faktor utama yang menyebabkan turun atau naik tahap motivasi seseorang.¹⁸⁷ Dalam hal ini, menurut Sigmund Freud naluri yang wujud secara semulajadi dalam diri setiap individu telah membentuk pelbagai kehendak yang ingin dipenuhi.¹⁸⁸ Desakan naluri inilah yang mendorong motivasi individu untuk melakukan suatu perbuatan.¹⁸⁹ Menurut Freud individu akan mengalami tekanan dan konflik diri sekiranya desakan kehendak tersebut tidak dapat dipenuhi. Konflik inilah yang sering menyebabkan motivasi hidup terjejas.¹⁹⁰

Berbeza dengan pendapat Freud, Ivan Pavlov daripada fahaman behavioristik pula tidak percaya dengan kewujudan naluri pada diri manusia.¹⁹¹ Beliau sebaliknya lebih percaya bahawa kewujudan dan peranan yang dimainkan oleh elemen persekitaran adalah faktor utama yang merangsang motivasi individu.¹⁹² Menurut beliau, segala reaksi tingkah laku yang ditunjukkan oleh seorang individu adalah kesan daripada rangsangan eksternal atau luaran terhadap sistem biologi manusia.¹⁹³ Dalam hal ini, berdasarkan pembelajaran tentang hukum sebab dan akibat individu akan bermotivasi untuk memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak mereka melalui aktiviti yang dilakukan sehari-hari.¹⁹⁴ Oleh itu, mengikut pandangan ini kematangan

¹⁸⁷ Hanna D. Bustamam, Integrasi Psikologi dengan Islam : *Menuju Psikologi Islamī* (Jogjakarta : Pustaka Pelajar, 1997), 56.

¹⁸⁸ Sharifudin Ismail dan Noordin Yahaya, "Personaliti Remaja" dalam *Personaliti Gaya Hidup Remaja*, ed. Aziz Yahaya et. al, (Skudai : Penerbit UTM Press, 2008), 4.

¹⁸⁹ Abbas Abd Razak, 158-159; Hassan langgulung, *Teori-teori kesihatan Mental*

¹⁹⁰ Freud, A *The Ego and The Mechanisme of Defense* (New York: International Universities Press, 1946), 17.

¹⁹¹ Watson, John Broadus, *The ways of behaviorism* (New York and London:Harper & Brothers, 1928), 24.

¹⁹² *Ibid.*

¹⁹³ Skinner, B.F, Teaching Machines, 128, Science (1958), 969-977; Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi*, 26. Mohd Abbas Abdul Razak, *Human Nature : A Comparative Study between Western and Islamic Psychology* (Selangor: IIUM Press,1997), 184.

¹⁹⁴ Gregory J. Farmer, "Motivational Factors Influencing High Academic Achievement By Student Enrolled In A High School Magnet Program" (tesis kedoktoran, Capella University, 2007) ,17.

motivasi pembangunan diri individu berlaku berdasarkan kepada apa yang diperhati dan dipelajari dari persekitaran mereka.¹⁹⁵

Pendapat ini walau bagaimanapun telah dikritik oleh ahli psikologi dari fahaman kognitif. Alfred Adler misalnya melihat tindakbalas seseorang terhadap sebarang rangsangan persekitaran bukan hanya melibatkan elemen-elemen biologi sahaja. Sebaliknya menurut Adler setiap individu mempunyai daya kognitif yang membolehkan mereka untuk membuat penilaian dan persepsi kepada apa yang berlaku terhadap diri dan persekitaran.¹⁹⁶ Dalam hal ini, keupayaan berfikir dengan betul diiringi dengan kesedaran yang tinggi dalam menilai kehidupan adalah penting untuk memastikan motivasi pembangunan diri yang positif.¹⁹⁷ Pendapat ini juga turut disokong oleh ahli psikologi seperti Maslow dan Carl Rogers. Walau bagaimanapun, kedua-dua tokoh humanistik ini berpendapat bahawa keupayaan kognitif dan afektif sahaja masih tidak dapat membentuk motivasi pembangunan diri yang sempurna. Menurut mereka, kefahaman tentang tujuan dan realiti kehidupan juga penting terhadap motivasi individu.¹⁹⁸ Melalui kefahaman ini, manusia akan terdorong untuk bertanggungjawab, membangunkan potensi diri dan memenuhi segala keperluan hidup¹⁹⁹ selaras dengan tujuan sebenar kehidupan.²⁰⁰ Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, manusia juga akan berusaha memilih jalan kehidupan yang baik untuk kesempurnaan diri mereka.

¹⁹⁵ Sharon K. Gibson, "Social Learning (Cognitive) Theory and Implications for Human Resource Development", *Advances in Developing Human Resource*, (2004), 193-210.

¹⁹⁶ Hefer Bembenuatty, "An Interview With Allan Wigfield: A Giant Research on Expectancy-Value, Motivation, and Reading Achievement", *Journal of Advanced Academics* 23, no. 2, (2012), 185-193.

¹⁹⁷ Kluwe, R.H, "Cognitive Knowledge and Executive Control : Metacognition" in *Animal Mind-Human Mind*, ed. Griffin D.R. (New York: Springer Verlag, 1982), 201-224. Aaron T. Beck, A. John Rush, Brian F. Shaw, and Gary Emery, *Cognitive Therapy of Depression* (t.tp: t.p.), 8-9. AnneMarie M. Coley, "Pattern of Motivation Beliefs : Combining Achievement Goal and Expectancy-Value Perspectives", *Journal of Educational Psychology* 104, no. 1, (2012), 32-47.

¹⁹⁸ Martin E. Ford, *Motivating Humans : Goals, Emotions and Personal Agency Beliefs* (California : SAGE Publication, Inc. 1992), 35,

¹⁹⁹ Abraham Maslow, *A Memorial Volume* (California: Pasific Grove, 1972), 88-95, Robert E. Franken, *Human Motivation*, ed ke 3, (California: Wardsworth, Inc, 1994), 7.

²⁰⁰ Carl R. Rogers, "A Note On The Nature of Man" *Journal Of Consulting Psychology* 4, (1957), 200. Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi*, 27. Potensi semula jadi yang unik pada diri remaja ini adalah seperti kehendak memajukan diri, kebebasan membuat pilihan dan bertindak serta memiliki sifat bertanggungjawab.

Berdasarkan kepada huraian di atas, terdapat pelbagai faktor motivasi telah dibincangkan mengikut empat perbezaan fahaman iaitu fahaman psikoanalisis, behavioristik, kognitif dan humanistik. Fahaman psikoanalisis dan kognitif lebih menekankan tentang faktor psikologikal seperti naluri, elemen kognitif dan afektif. Behavioristik pula lebih cenderung kepada faktor biologi dan sosial seperti rangsangan luaran dan tindakbalas biologi. Manakala fahaman humanistik telah menekankan ketiga-tiga faktor sekali gus iaitu biologi, psikologi dan sosial yang terdiri daripada keperluan diri, hubungan dengan persekitaran, kognitif dan afektif serta pelbagai potensi diri yang lain.

Walau bagaimanapun, selain daripada faktor biologikal, psikologikal dan sosial di atas, masih terdapat satu lagi faktor yang sama sekali tidak boleh diabaikan untuk membentuk motivasi pembangunan diri remaja yang lebih sempurna.²⁰¹ Sulmasy dalam hal ini menjelaskan kesejahteraan diri remaja tidak hanya bergantung kepada tiga faktor tersebut (faktor biologikal, psikologikal dan sosial), sebaliknya juga memerlukan kepada faktor spiritual dan keagamaan.²⁰² Tanpa faktor spiritual dan keagamaan, remaja tidak mempunyai tempat bergantung serta peraturan pengawalan diri dari Tuhan.²⁰³ Dari perspektif agama, keadaan ini akan menyebabkan terjejasnya potensi kognitif dan afektif²⁰⁴ seterusnya menimbulkan pelbagai konflik dan penyakit jiwa kepada diri remaja.²⁰⁵ Justeru, kekurangan aspek spiritual dan keagamaan ini juga sekaligus menyebabkan kelemahan dalam kajian-kajian berhubung dengan psikologi kemanusiaan.

²⁰¹ Sulmasy, D. P., A biopsychosocial-spiritual model for the care of patients at the end of life ([Electronic version]: The Gerontologist, 2002), 42, 24–33.

²⁰² *Ibid.*

²⁰³ Feyza S. Menagi et. al, “Religiousness and College Student Alcohol Use : Examining The Role Of Social Support”, *Journal Religious Health* 47, (2008), 217-266. Newman , J. and Pargament, K., “The Role of Religion in The Solving Process” 390.

²⁰⁴ Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami*, 391-392. Najāfī, Muhammad ‘Usmān. “*Ilmu an-nafs al-Islāmī*,” 8-10.

²⁰⁵ Peter C. Hill and Kenneth I Pargament, “Advances In Conceptualization And Measurement Of Religion and Spirituality, Implications for Physical and Mental Health Research American Psychologist”, *American Psychological Association, Inc.* 58, no. 1, (2003), 64-74.

Sehubungan itu, terdapat sesetengah tokoh psikologi Barat pada abad 20-an seperti Gordon Allport, William James, Erich Fromm dan Carl Jung²⁰⁶ yang cuba membawa elemen spiritual dan ketuhanan di dalam proses motivasi dan menjelaskan tentang keperluannya. Dalam hal ini, agama dikatakan dapat memberi kehidupan yang lebih bermakna kepada remaja di samping dapat menjadi sumber kekuatan ketika menghadapi saat kesukaran. Hal ini kerana, kesedaran bertuhan akan memberikan rasa ketenangan dan harapan yang optimis pada diri dan kehidupan. Keadaan ini akan membantu remaja berdepan dengan pelbagai masalah kehidupan.²⁰⁷

Perkara tersebut juga telah dibuktikan menerusi beberapa kajian saintifik yang dijalankan. Dalam kajian-kajian tersebut, individu tanpa agama didapati mengalami masalah kesukaran menjalani kehidupan yang mencabar.²⁰⁸ Sebab utama yang dapat dikenalpasti adalah kerana kegagalan memberikan makna yang penting untuk kehidupan sehingga menyebabkan individu tidak mempunyai matlamat hidup yang lebih jelas.²⁰⁹ Keadaan ini membuatkan individu mudah berputus asa dan gagal membangunkan diri dengan baik.²¹⁰

Sehubungan itu, kajian juga mendapati remaja yang berpegang dengan kepercayaan agama mempunyai motivasi untuk mengelak diri daripada tekanan

²⁰⁶ *Ibid*, 64–74; Bergan, A. dan McConatha, J. T., “Religiosity and Life Satisfaction,” *Activities, Adaptation & Aging* 24, no. 3 (2000), 23-34; Feyza S. Menagi, Zaje A. T. Harrell and Lee N. June “Religiousness and College Student Alcohol Use: Examining the Role of Social Support,” *Journal of Religion and Health* 47, no. 2 (2008), 217-226.

²⁰⁷ Newman, J. & Pargament, K. “The Role of Religion in The Solving Process,” *Review of Religious Research* 31 (1990), 390.

²⁰⁸ *Ibid*. ; Carmody, D.L. and T. L. Brink, *Ways to The Center: An Introduction to World Religions*, (Belmont, CA : Thomson Learning, 2002), 31. Jung, C.G. (1933) *Modern man in search of a soul* (New York: Harcourt Brace, t.t.), 278.

²⁰⁹ Hergenhann, B.R. and Matthew, O.H, *Introduction to Theories of Personality* (New Jersey: Prentice Hall, 1999), 180.

²¹⁰ Amber Haque, “Psychology and Religion: The Relationship and Integration from an Islamic Perspectives”, *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15, no. 4, (t.t.), 101.

perasaan,²¹¹ kes-kes bunuh diri,²¹²terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat²¹³ seperti ketagihan rokok, dadah dan alkohol.²¹⁴

Walaupun begitu, elemen agama yang diakui penting ini didapati tidak dijadikan sebagai asas yang mendasari proses motivasi dalam semua aspek kehidupan.²¹⁵ Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dibuat berhubung dengan motivasi, pengkaji mendapati perbincangan teori dan kajian yang berhubung motivasi spiritual dan keagamaan ini telah diasingkan dalam kebanyakan aspek yang berhubung dengan kompleksiti kehidupan diri remaja. Hal ini berbeza dengan prinsip agama Islam yang bersifat sempurna dan menyeluruh dalam kehidupan manusia.

Menerusi sub-topik berikutnya, perspektif Islam dalam proses motivasi pembangunan diri remaja serta elemen-elemen penting dalam proses tersebut akan dibincangkan.

²¹¹ Christian Smith, "Theorizing Religious Effects Among American Adolescents", *Journal for the Scientific Study of Religion* 42, no.1, (2003), 17-30.

²¹² McCullough, M.E., and Larson, D.B., "Religion and Depression : A Review of The Literature:", *Twin Research* 2, no. 2, (1999), 126-136.

²¹³ Northcutt HC, Jarvis Gk (1987), *Religion and Differences in Morbidity and Mortality*, Soc Sci Med, vol.25 h.813.

²¹⁴ Gartner, F., "Religious Commitment, Mental Health, and Prosocial Behavior: A Review of empirical Literature", dalam, *Religion and the Clinical Practice Psychology*, ed., E.P. Shafranske (Washington, DC: American Psychological Association,1996), 187-214. Larson, D.B., Sherrill, K.A Lyons, J.S Craigie, F.C. Theiman, S.B., Greenwold, M. A. et.al, "Association between dimensions of religious Commitment and mental Health reported in the American Journal of Psychiatry and Archives of General Psychiatry: 1978-1989", *American Journal of Psychiatry* 149, (1992), 557-559.

²¹⁵ Chandra Muzafar, "Masa Depan & Hala Tuju Hubungan Islam dan Barat", (Syarahan Anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam APIUM, 16 Mei 2014).

2.5 Motivasi Pembangunan Diri Remaja Dari Perspektif Islam

Daripada perspektif Islam agama adalah perkara asas yang mendasari seluruh aspek kehidupan manusia.²¹⁶ Dalam konteks psikologi, Fareed dan Hussain Khan menjelaskan bahawa manusia dan kehidupannya hanya dapat difahami dengan sempurna bukan sahaja melalui faktor-faktor alam, biologi dan psikologikal malah turut melibatkan elemen-elemen kerohanian.²¹⁷ Dalam hal ini, Islam melihat elemen kerohanian seperti fitrah kejadian manusia dan potensi al-ruh²¹⁸ adalah elemen yang berperanan menghubungkan antara diri manusia dengan Tuhan dan ia menjadi asas utama yang membentuk motivasi serta menghindarkan remaja daripada pelbagai masalah sosial.²¹⁹ Elemen-elemen ini bukan sahaja menjelaskan tentang aspek motivasi pembangunan diri yang melibatkan keupayaan elemen kognitif-afektif, malah lebih dari itu ia turut menunjukkan bahawa motivasi remaja juga dapat didorong melalui daya spiritual yang merentasi had kemampuan kognitif dan afektif tersebut.²²⁰ Dalam hal ini, elemen ketuhanan dan kerohanian ini menjadikan kehidupan manusia lebih bermakna²²¹ sekaligus menjadi sumber kekuatan kepada remaja apabila elemen kognitif dan afektif dalam keadaan tidak berdaya. Abdul Latif et.al dalam satu penulisannya telah menyebut hubungan dengan Tuhan menerusi elemen kerohanian ini sebagai hubungan dengan 'The Higher Power'.

²¹⁶ Zulkifli Khair, "Divine Motivation And Adult Learning, In: Conference of Management Entrepreneurship and Technology (COMET 2013)", dicapai 2 April 2013, http://www.academia.edu/2969770/Divine_Motivation...

²¹⁷ Saiyad Fareed Ahmad, *The Islamic Personality : A Sequential Model dalam Psychology of Personality : Islamic Perspectives*, ed. Amber Haque dan Yasein Mohamed, (Singapore : Cengage Learning Asia Pte Ltd, 2009), 283-316 ; Sharafat Hussain Khan, *Islamization of Knowledge : A Case for Islamic Psychology* dalam Husain M.G (ed.), *Psychology and society in Islamic Perspective* (New Delhi : Genuine Publication & Media Pvt. Ltd. 1996), 49.

²¹⁸ Huraian berhubung potensi al-ruh ini akan dijelaskan lebih lanjut lagi di bawah pada bahagian Motivasi Pembangunan Diri Remaja.

²¹⁹ Wan Hashim Wan Teh & Mahyuddin Yahaya, *Sains Sosial dari Perspektif Islam*, (Bangi : Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996), 43.

²²⁰ Shafiq Falah Alawneh, "Human Motivation : An Islamic Perspective dalam Psychology of Personality : Islamic Perspectives" ed. Amber Haque dan Yasein Mohamed, *The American Journal Of Social Sciences* 15, no. 4, (CANGAGE Learning Asia Pte Ltd: Singapore, 2009), 218-219; Adibah Abdul Rahim, "General Overview on The Study of Islamic Ethics" dalam, *Psycho-Spiritual Well-Being*, ed. Fatimah Abdullah, (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2014), 29-31.

²²¹ *Ibid.*.

Jelas mereka .²²²

Based on how in-depth this personal relationship is with our Higher Power, man can experience the fruits of guidance and support. He posits that guidance can be attained in the form of clear intuitions and insights that bring about the divine direction on how to act and conduct ourselves. On the other hand, support comes in the form of an enthusiasm that helps to raise and sustain us in depressive states and disappointments.

Oleh yang demikian, asas pembentukan motivasi pembangunan diri dalam Islam adalah berbeza dengan asas motivasi yang diketengahkan oleh Barat. Motivasi dalam Islam adalah berasal daripada kehendak fitrah diri manusia yang mendorong pembentukan sebarang keputusan dan tingkah laku manusia. Dalam Islam, manusia diciptakan dengan mempunyai dua kecenderungan fitrah semula jadi iaitu fitrah terhadap kehambaan dan fitrah terhadap keduniaan.²²³ Fitrah sebagai hamba adalah fitrah yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T ketika berlakunya peristiwa pengakuan dan perjanjian (*mithaq*) antara manusia dan Allah di alam roh.²²⁴ Melalui perjanjian ini, setiap manusia yang lahir di atas dunia telah mempunyai kesedaran tentang kewujudan Tuhan.²²⁵ Oleh itu, manusia secara semulajadi mempunyai fitrah yang dapat menghayati ke-Esaan Allah S.W.T serta cenderung untuk menyembah dan beribadah kepada-Nya.²²⁶ Sementara fitrah pada keduniaan pula adalah kecenderungan manusia terhadap kesemua unsur-unsur alamiah yang memberikan kenikmatan dan keseronokan.²²⁷ Fitrah yang dibawa oleh manusia sejak lahir di atas dunia ini²²⁸ memberikan manusia dorongan terhadap rasa lapar, haus, keinginan

²²² Abdul Latif Abdul Razak et al., "Iman Restoration Therapy", 97-107

²²³ Amber Haque, "Psychology and Religion: The Relationship and Integration from an Islamic Perspectives", 107

²²⁴ al-Qur'ān surah al-A'raf: ayat 172

²²⁵ Amber Haque, "Psychology and Religion: The Relationship and Integration from an Islamic Perspectives", 107.

²²⁶ Aisha Utz, *Psychology From The Islamic Perspective* (International Islamic Publishing House (IIPH): Arab Saudi, 2011), 184.

²²⁷ Al-Qur'ān, surah al-Imran ayat 14.

²²⁸ Bahruddin, *Paradigma Psikologi Islam : Studi tentang elemen psikologi Dāri al-Quran* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007) 154.

seksual, kasih sayang, keinginan untuk memiliki, menguasai, berdikari, bersaing dan sebagainya.²²⁹

Menurut ‘Uthman Najātī keseimbangan dalam memenuhi kedua-dua kecenderungan ini mengikut syariat Islam dapat memberikan kesejahteraan kepada diri manusia dan kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.²³⁰ Walau bagaimanapun, di atas pelbagai faktor manusia boleh terdorong untuk membentuk perbuatan yang menentang kesejahteraan fitrah tersebut. Pengaruh dari elemen persekitaran adalah salah satu faktor tersebut. Walaupun boleh memberikan kesan yang positif, namun elemen persekitaran juga pada masa yang sama boleh mendatangkan kesan yang negatif.²³¹ Pelbagai kesan pengaruh yang buruk pada tingkahlaku, mental dan emosi²³² menyebabkan berlakunya konflik yang memberi pelbagai masalah pada diri manusia.²³³ Justeru, bagi mengelakkan berlakunya konflik ini, Allah S.W.T telah menurunkan agama Islam sebagai panduan kepada manusia supaya sentiasa berada di atas landasan fitrah yang benar. Gamal dan Hedayat Diba dalam mengulas tentang hal ini menyebut:²³⁴

It is believe that by following Islamic principles, muslim can achieve and enjoy the four ingredients of healthy and balanced life,namely physical, social mental and spiritual health.

Sehubungan itu, dalam peroses pembentukan motivasi, elemen kerohanian (akhlak, potensi al-ruh, *tazkiyah al-nafs* dan niat) adalah asas penting yang diperlukan untuk perlaksanaan tanggungjawab sebagai hamba dan menyeimbangkan pelbagai dorongan fitrah manusia mengikut panduan ajaran Islam.

²²⁹ Al-Za’balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq Baina al-Islām wa ‘Ilmi al-Nafs* (Al-Qāhirah: Maktabah al-Thawbah, 1989).

²³⁰ ‘Uthman Najātī, *‘Ilmu an-Nafs al-Islamī*, 39-67

²³¹ Zakaria Stapa et. al, “Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri”, 155-172.

²³² Ibrahīm Madkūr, *Mu’jam al-Falsafī*, 120.

²³³ *Ibid.*

²³⁴ Gamal Abou El Azayem and Zari Hedayat Deba, “The Psychological Aspect of Islam : Basic Principle of Islam and Their Psychological Corrolary” , *International Journal for The Psychology of Religion* 4, no. 1, (1994), 41-50.

Justeru, pembentukan motivasi pembangunan diri remaja dari perspektif Islam adalah untuk membawa remaja menghayati elemen ketuhanan dan kehambaan serta mengoptimumkan elemen kerohanian dalam usaha membangunkan diri selaras dengan kehendak ajaran Islam. Di bawah, peranan elemen kerohanian ini dan kaedah mengoptimulkannya dalam proses motivasi akan dibincangkan secara lebih lanjut.

2.5.1 Potensi al-Ruh

Perkataan potensi al-ruh²³⁵ yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada elemen-elemen kejiwaan atau rohaniah yang membentuk akhlak seterusnya mendorong pembentukan motivasi pembangunan diri remaja. Potensi al-ruh ini adalah potensi kesedaran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada manusia dan terdiri daripada *al-aql*, *al-qalb*, *al-nafs* dan *al-ruh*. Potensi ini telah diberikan sejak manusia masih lagi berada di dalam rahim ibu.²³⁶ Melalui *al-aql*, *al-qalb* manusia boleh menjalankan fungsi kognitif dan efektif seperti menyelidik, berfikir, dan menghayati sesuatu perkara dan membentuk pelbagai emosi.²³⁷ Bukan itu sahaja, malah dengan dua elemen ini juga manusia mampu menilai dan memahami sesuatu perkara menerusi persepsi spiritual dan keagamaan.²³⁸ Melalui *al-nafs* pula, manusia mempunyai kecenderungan terhadap pelbagai bentuk kesenangan dan kenikmatan dunia.²³⁹ Manakala menerusi *al-ruh*, manusia memiliki dan mewarisi sifat-sifat terpuji di dalam diri sekaligus membolehkan pelaksanaan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T.²⁴⁰

²³⁵ Penggunaan perkataan al-ruh dalam kajian ini adalah bersandarkan kepada penggunaan perkataan 'rūḥi' yang bermaksud ruh-Ku (Allah) yang ditiupkan oleh Allah kepada manusia semasa di dalam rahim dalam surah al-Hijr 5: 29

²³⁶ Baharuddin Paradigma Psikologi Islam, 146.

²³⁷ Muhammad Uthman Najati, *al-Dirayah al-Nafsiyah 'inda Ulama' al Muslimin* (Kaherah: Dar al-Syuruq, 1993)36.

²³⁸ Yasein Mohamed, Fitrah and Its Bearing on Islamic Psychology, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 12: 1 (1998), 5

²³⁹ Muhammad Uthman Najati, *al-Dirayah al-Nafsiyah 'inda Ulama' al Muslimin*

²⁴⁰ Muhammad Uthman Najati, *al-Dirayah al-Nafsiyah 'inda Ulama' al Muslimin*

Dalam proses pembentukan motivasi pembangunan diri remaja, gabungan dari keempat-empat potensi ini membolehkan remaja mendapatkan ilmu daripada pelbagai sumber untuk membentuk penilaian, persepsi dan sistem kepercayaan mereka.²⁴¹ Dari perspektif Islam, melalui penilaian, persepsi dan sistem kepercayaan inilah remaja membangunkan iman seterusnya membentuk keadaan jiwa yang menentukan akhlak mereka.²⁴² Dalam hal ini, kombinasi antara keupayaan *al-aql*, *al-qalb* dan *al-ruh* dalam mendisiplinkan *al-nafs* amat penting untuk menentukan keadaan *al-nafs* tersebut dan meletakkannya pada tahap-tahap tertentu.

Ulama' membahaskan bahawa terdapat tiga bentuk keadaan *al-nafs* yang dapat dibangunkan menerusi seluruh potensi al-ruh tersebut, iaitu sama ada *nafs al-mutmainnah*, *nafs al-lawwamah* atau *nafs al-ammarah*.²⁴³ Menurut Hassan Langgulung pembentukan tiga bentuk jiwa ini adalah bergantung kepada cara bagaimana potensi al-ruh diguna dan dibangunkan.²⁴⁴ Sekiranya kombinasi *al-aql*, *al-qalb* dan *al-ruh* digunakan dengan baik dalam mengawal kehendak hawa nafsu, remaja boleh berada pada tahap *al-nafs al-mutmainnah*.²⁴⁵ Dengan *al-nafs al-mutmainnah* ini, remaja akan menjadi seorang yang sedar dan menghayati fitrah kehambaan serta akan diredhai oleh Allah.²⁴⁶ Bagi mencapai tahap *nafs al-mutmainnah* ini remaja perlu mempunyai keimanan yang benar iaitu kepercayaan dan penghayatan yang teguh kepada kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah S.W.T.²⁴⁷ Menurut Alawneh, kepercayaan ini akan membentuk cara pandang remaja terhadap diri dan seluruh kehidupan mereka dengan penghayatan sebagai

²⁴¹ Shafiq Falah Alawneh, Human Motivation From Islamic Perspektif, The American Journal, of Islamic Social Sciences, 15:4, (1998),19-38.

²⁴² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Miftah Daral-Sa'adah (Riyadh: Ri'asat al-Iftah, t.t) 183

²⁴³ Mohd. Nasir Omar (2010), *Falsafah Akhlak*, Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia, h.130.

²⁴⁴ Mohd Abbas bin Abdul Razak, Contribution of Iqbal's Dynamic Personality Theory to Islamic Psychology : A Constrastive Analysis with Freud and Selected Mainstream Western Psychology, (Tesis PhD IIUM, 2011),310.

²⁴⁵ Yasein Mohamed, Fitrah, 7.

²⁴⁶ Yasein Mohamed, Fitrah, 7.

²⁴⁷ Muhammad Sulaiman Yassin, Akhlak dan Tasawwuf , (Bangi : Yayasan Salman, 1992),200,

hamba kepada Allah S.W.T.²⁴⁸ Sementara menurut Ja'far Shadiq pula, remaja yang memiliki cara pandang ini akan membentuk jiwa yang tunduk kepada Allah, sentiasa menyerah dan bergantung kepada-Nya serta mamatuhi syariat-Nya.²⁴⁹ Cara pandang inilah yang seterusnya menjadi asas kepada pembentukan akhlak dan menentukan tingkah laku mereka.²⁵⁰

Namun begitu, kelemahan dalam mengoptimumkan penggunaan *al-aql*, *al-qalb* dan *al-ruh* tersebut pula menyebabkan jiwa remaja menjadi kotor. Keadaan ini membuka peluang kepada remaja untuk terjebak dengan pelbagai bentuk dosa.²⁵¹ Walau bagaimanapun, sekiranya remaja sentiasa menyesali dosa-dosa yang dilakukan, mereka boleh berada pada tahap *nafs al-lawwamah*.²⁵² Tetapi, sekiranya mereka gagal mengawal hawa nafsu dari menguasai jiwa, remaja boleh berada pada tahap *nafs al-ammarah*.²⁵³ Dalam keadaan ini, remaja akan mengalami pelbagai masalah kehidupan kerana tidak boleh berfikir dan menilai sesuatu perkara dengan baik mengikut lunas-lunas keagamaan.²⁵⁴ Dengan demikian, mereka akan mudah dibelenggu oleh pelbagai penyakit jiwa seperti takut, gelisah, hasad dengki, riak, dendam dan sebagainya.²⁵⁵

Walaupun bagaimanapun, keadaan perkembangan psikologikal yang sedang aktif ketika usia ini menjadikan proses pembentukan jiwa begitu mencabar kepada

²⁴⁸ *Ibid.*,200; Fariyah Hussain, Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja : Satu Kajian di Alor Setar (Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 2006),37; Warul Walidin, AK, Konstelasi Pemikiran Pedagogik Ibn Khaldun Perspektif Pendidikan Moden, (Yogyakarta : Suluh Press, 2005),97-98.

²⁴⁹ Jalaluddin Rakhmat, Kuliah-kuliah Tasawuf (Bandung : Pustaka Hidayah,2000)198.

²⁵⁰ Abbas J. Ali, Levels of existence and motivation in Islam, Journal of Management History, Vol. 15 Iss: 1 pp. 50 – 65,

²⁵¹ Zaleha Izhah & Ahmed M.H. Hassoubah, Motivation and Student Learning : An Islamic Perspective, Jurnal Pendidikan Islam, 13-1,81-97

²⁵² Al-Quran, surah al-Qiyaamah : ayat 1-2.

²⁵³ Al-Quran, surah yusuf : ayat 53.

²⁵⁴ Ibrahim Madkūr, *Mu'jam al-Falsafi* (Kairo: al-Hai'ah al-Amanah li al-Syu'un al-Mutabi' al-Amiriyah, 1979) 120.

²⁵⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) 1990)12.

mereka. Keperluan dan kehendak mereka mula beragam.²⁵⁶ Daya ingin tahu dan penerokaan yang mula bangkit membuatkan mereka cenderung untuk mencuba pelbagai perkara, terutama kepada sesuatu yang menarik menurut penilaian mereka.²⁵⁷ Dalam hal ini, motivasi diri mereka akan merosot sekiranya peluang untuk memenuhi pelbagai kehendak tersebut tidak dapat dipenuhi.²⁵⁸ Walaupun kehendak dan keperluan ini juga penting dalam proses pembangunan diri, namun ilmu dan pengalaman yang terhad sering membuatkan remaja mengalami kesukaran dan kekeliruan untuk mengawal pelbagai kehendak tersebut dan membuat penilaian dengan baik.²⁵⁹ Dalam situasi ini, hanya remaja yang mempunyai daya kesedaran dalaman yang tinggi sahaja dikatakan mampu menghadapi situasi ini dengan baik.²⁶⁰ Menurut Vroom, remaja dengan kesedaran yang tinggi biasanya berkemampuan untuk membuat penilaian dan persepsi yang positif selain mempunyai matlamat hidup yang lebih bernilai.²⁶¹ Dengan ini, mereka tidak mudah dipengaruhi oleh jolokan ganjaran yang bersifat sementara dan sering menunjukkan motivasi diri yang cemerlang.²⁶²

Namun begitu, dari perspektif Islam kesedaran dalaman diri remaja ini hanya akan meningkat menerusi potensi al-ruh yang dibangunkan dengan baik.²⁶³ Menurut Khaliq, kesedaran potensi ini akan mendorong remaja untuk membuat penilaian dan memenuhi pelbagai kehendak mereka selaras dengan syariat Islam.²⁶⁴ Hal ini kerana,

²⁵⁶ Sayyid Muhammad az-Za'balawi, *Tarbiyyatul al-Murahiḳ baina al-Islam wa Iimin Nafs*, (terj.) Abdul Hayyie et.al, Pendidikan Remaja : Antara Islam dan Ilmu Jiwa (Jakarta : Gema Insani, 2007) 185-371.

²⁵⁷ Mayer, J.E. The Personality Characteristic of Adolescents Who Use and Misuse Alcohol." *Adolescence*, 23(1988),383-404.

²⁵⁸ Martyn Standage, A Test of Self Determination Theory in School Physical Education, *British Journal of Educational Psychology* : In Press, (2003),6

²⁵⁹ Najāfī, Muḥammad 'Uthman, *'Ilmu an-Nafs al-Islamī* (Al-Qāhirah: Dār al- Shurūq, 1968).39-67

²⁶⁰ Ronald E. Smith, Frank L. Smoll. & Sean P.Cumming, *Motivational Climate and Changes in Young Athletes' Achievement Goal Orientation*, (Motiv Emot), vol.33 ,74

²⁶¹ Van Eerde, Wendelien, and Henk Thierry. "Vroom's expectancy models and work-related criteria: A meta-analysis." *Journal of applied psychology* 81, no. 5 (1996): 575.

²⁶² *Ibid.*

²⁶³ 'Uthman Najāfī, *'Ilmu an-Nafs al-Islamī* (Al-Qāhirah: Dār al- Shurūq, 1968).39-67

²⁶⁴ Khaliq Ahmad (2012), Leadership and work Motivation From The Islamic Perspective dalam Khaliq Ahmad et.al , Issues in Islamic Management, Theories and Practices, IIUM Press, h.261-262

keseimbangannya (potensi al-ruh) akan mendorong remaja untuk membuat pilihan-pilihan hidup sewajarnya sebagai mana yang dituntut dalam agama.²⁶⁵ Keimanan kepada Allah akan mendorong rasa tanggungjawab untuk membuat pilihan hidup yang dapat memberi kesejahteraan dunia dan akhirat.²⁶⁶ Dalam hal ini, pelbagai ilham negatif yang diperoleh dari pengaruh persekitaran mahupun bisikan syaitan akan sentiasa diawasi agar tidak dapat mempengaruhi emosi dan pemikiran dan merosakkan jiwa.²⁶⁷ Sehubungan itu, meskipun keperluan dan ganjaran berbentuk materialistik atau duniawi juga penting, namun ia tidak menjadi keperluan primer kepada remaja.²⁶⁸ Sebaliknya, ia hanya dipenuhi sebagai alat perantaraan bagi mencapai matlamat amanah pelaksanaan tanggungjawab sebagai khalifah untuk beribadah kepada Allah S.W.T.²⁶⁹

Justeru, untuk penjana motivasi pembangunan yang lebih sempurna pada diri remaja, peranan al-ruh ini dan cara pembentukannya perlu difahami untuk memastikan pembangunan diri yang lebih sempurna.

2.5.2 Elemen Persekitaran

Selain potensi al-ruh, proses pembentukan motivasi pembangunan diri juga tidak dapat dipisahkan dengan elemen persekitaran. Hal ini selari dengan hakikat bahawa manusia tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan persekitarannya.²⁷⁰ Al-Farabi dalam menjelaskan perkara ini menyatakan, manusia tidak mungkin hidup tanpa

²⁶⁵ Aisya Utz., *Psychology from the Islamic Perspective* (Riyadh: International Islamic Publishing House, 2011).

²⁶⁶ Al-Quran, surah Al-Baqarah : 168., Surah al-Nur : 32; 47

²⁶⁷ Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id*

²⁶⁸ 'Uthman Najāfī, *al-Quran dan Ilmu Jiwa*, (Indonesia : Penerbit Pustaka, 1985), 50

²⁶⁹ Abdul Latif Abdul Razak (2012), *Ibid.*, h.113-127

²⁷⁰ Kadar M. Yusof, Tipologi Kepribadian Manusia dalam perspektif al-Quran, Jurnal Hadhari 4(2) (2012) 1-28

bermasyarakat kerana sifat saling memerlukan antara satu sama lain adalah fitrah kehidupan. Jelas beliau:²⁷¹

Manusia secara fitrahnya memerlukan hidup bermasyarakat. Mereka perlu bermasyarakat untuk wujud dan tegak mencapai kemakmuran di dunia ini. Masyarakat yang sempurna ialah yang saling tolong-menolong mencapai kebahagiaan, yang berada di *madinah al-fadhilah* yang dinamakan masyarakat *al-fadhilah*.

Dalam hal ini, elemen persekitaran akan sentiasa mempengaruhi individu dalam membentuk pengalaman, persepsi dan nilai-nilai pengangan hidup.²⁷² Dalam al-Quran, Allah S.W.T telah menunjukkan satu situasi emosi dan pemikiran Rasulullah S.A.W sendiri yang pernah dipengaruhi oleh elemen persekitaran. Seperti mana yang dijelaskan menerusi surah al-Hijr ayat 97 :

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ ﴿٩٧﴾

Al-Hijr 15: 97

Terjemahannya : Demi sesungguhnya kami mengetahui bahawa engkau bersusah hati dengan apa yang mereka katakan

Dalam konteks pembangunan diri remaja, elemen persekitaran yang sering mempengaruhi mereka biasanya adalah terdiri elemen kemanusiaan yang terdiri daripada ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat serta elemen bukan manusia seperti media sosial.²⁷³ Pada usia ini, kecenderungan untuk dipengaruhi oleh elemen persekitaran tersebut tidak kira sama ada pengaruh baik atau buruk adalah sangat tinggi.²⁷⁴ Hal ini kerana, remaja sangat aktif membuat pemerhatian dan belajar dari persekitaran mereka.²⁷⁵ Apa sahaja yang dilihat akan menjadi salah satu sumber

²⁷¹ Al-Fārābī, Abū Naṣr Muḥammad, *Kitab Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*, ed-7, (Beirut: Dar al-Masyriq, 1996) 117.

²⁷² Zakaria Stapa et.al, Faktor Persekitaran Sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri, *Journal Hadhari Special Edition*, (2012) 155-172.

²⁷³ *Ibid.*

²⁷⁴ Mohd Qutb, *Manhaj al-Tarbiyah al-Islamiyah*, Jil.2, (Mesir: Dar al-Syuruq,1993) 93.

²⁷⁵ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazali : A Composite Ethics In Islam* (Selangor : Penulis, 1975), Ilham yang mempengaruhi tingkah laku manusia boleh diperoleh dari pelbagai sumber, sama ada ilham dari Tuhan, persekitaran mahupun dari syaitan.

ilham dan rujukan dalam membentuk tingkahlaku.²⁷⁶ Hasutan syaitan juga boleh mendorong remaja supaya mengikut contoh negatif dari persekitaran. Oleh itu, menurut Hassan Langgulung, sekiranya tersilap langkah, pengaruh inilah yang sering menjadi punca berlakunya pelbagai penyelewengan sikap dan salah laku dalam kalangan remaja.²⁷⁷ Justeru itulah, Islam begitu menekankan tentang pembentukan pergaulan yang sihat dalam kehidupan seharian.²⁷⁸

Perkara ini turut diakui dalam oleh sarjana-sarjana dari Barat. Tidak hanya bergantung kepada faktor keyakinan dan pegangan kepercayaan sendiri, norma masyarakat sekeliling juga sering menjadi faktor yang turut dipertimbangkan dalam pembentukan tingkah laku.²⁷⁹ Malah menurut Bandura, pengalaman, persepsi dan penilaian mereka juga sering dipelajari dari persekitaran.²⁸⁰ Keadaan ini menentukan usaha, kesungguhan dan prestasi pencapaian remaja. Remaja dikatakan lebih bermotivasi untuk melakukan sesuatu perkara sekiranya, perkara tersebut meningkatkan rasa penghargaan diri dan penerimaan kelompok sosial terhadap diri mereka.²⁸¹ Tanpa kawalan yang betul, keadaan ini dapat mendedahkan remaja kepada tingkah laku berisiko. Justeru menurut Elliot, dorongan motivasi yang betul dari orang dewasa sangat diperlukan untuk mengelakkan remaja daripada terjebak dengan pengaruh yang negatif.²⁸²

Dengan demikian, dalam proses pembentukan motivasi pembangunan diri, Islam menekankan aspek kefahaman yang jelas terhadap segala elemen persekitaran

²⁷⁶ Malik Badri, *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study* (London: Cambridge University Press, 2000).

²⁷⁷ Hassan Langgulung, *Teori-teori Kesehatan Mental* (Indonesia: Pustaka al-Husna, 1986) 325.

²⁷⁸ Mustafa Achoui, Human Nature from a Comparative Psychological Perspective, *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 15: 4, 83.

²⁷⁹ Ajzen, Icek, and Martin Fishbein. "Attitude-behavior relations: A theoretical analysis and review of empirical research." *Psychological bulletin* 84, no. 5 (1977): 888.

²⁸⁰ Albert Bandura, *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. (Prentice-Hall, Inc, 1986.)

²⁸¹ Mayer, J.E. The Personality Characteristic of Adolescents Who Use and Misuse Alcohol." *Adolescence*, 23(1988),383-404

²⁸² Elliot ,D.S., *Youth Violence : An Overview* (F-693) Boulder, CO: Centre for the study and Prevention of Violence.

yang terdapat dalam ruang lingkup konteks sosial remaja. Dalam hal ini, pembangunan akhlak menerusi potensi al-ruh sekali lagi tidak dapat dielakkan agar interaksi dengan persekitaran dapat dibentuk selaras dengan kehendak Islam.

2.5.3 Akhlak

Daripada perspektif Islam akhlak adalah perkara asas yang menentukan proses pembentukan motivasi pembangunan diri remaja. Peranan dan kepentingan akhlak ini telah disebut oleh ahli-ahli psikologi Islam seperti Al-Ghazālī, Miskawayh, Al-Balkhī dan banyak lagi. Abul Quasem dalam menjelaskan tentang akhlak ini mengatakan bahawa ia adalah tabiat yang mendorong tingkahlaku spontan tanpa perlu berfikir kesan daripada suatu perbuatan yang dilakukan secara berulang.²⁸³ Pembentukannya berlaku melalui satu ekologi yang melibatkan interaksi antara potensi al-ruh serta elemen-elemen persekitaran yang wujud dalam konteks sosial remaja. Justeru, akhlak boleh ditentukan keadaannya sama ada menjadi baik atau buruk. Abul Quasem dalam menjelaskan tentang akhlak ini menyatakan :

“ Character (akhlak) means an established state (of the soul) from which actions proceed easily, without any need for reflection and deliberation. If this state is such that good actions – i.e. those which are praised by reason and the syari’a – proceed from it, it is called good character. If the action which proceed from the state are evil, the state from which they derive, is called bad character.”

Bagi memastikan akhlak yang baik, remaja perlu menggunakan potensi al-ruh yang dimiliki serta sumber-sumber dari elemen persekitarannya untuk mendorong pembentukan tingkah laku perbuatan yang baik. Melalui konsistensi tingkah laku ini secara rutin, remaja akan mula dapat membentuk tabiat dan akhlak yang baik.²⁸⁴ Hal ini selari dengan konsep hubungan antara roh dan jasad yang pernah

²⁸³ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī : A Composite Ethics In Islam* (Selangor : Penulis, 1975), 79-81.

²⁸⁴ Malik Badri, *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study* (London: Cambridge University Press, 2000).

diketengahkan oleh Al-Ghazālī.²⁸⁵ Menurut beliau, jiwa dan jasad ini adalah dua entiti yang sentiasa saling berhubungan dan memberi kesan antara satu sama lain. Setiap perbuatan yang dilakukan oleh jasad atau anggota manusia, akan memberi kesan psikologi kepada jiwa seperti, keyakinan, kepuasan, kepercayaan dan sebagainya. Kesan ini seterusnya akan mendorong individu untuk mengulangi perbuatan tersebut seterusnya membentuk akhlak diri.²⁸⁶

Sehubungan itu, bagi memastikan proses pembentukan motivasi pembangunan diri yang baik, elemen-elemen pembentukan akhlak yang terdiri daripada potensi al-ruh dan elemen persekitaran di atas perlu difahami. Kegagalan dalam memahami sistem ekologi ini bukan sahaja boleh menyebabkan kecacatan dalam pembentukan akhlak dan proses motivasi pembangunan diri remaja,²⁸⁷ malah boleh mengundang pelbagai kemudharatan pada diri mereka.²⁸⁸

2.5.4 Elemen *Tazkiyah al-Nafs*

Dalam Islam, *Tazkiyah al-nafs* adalah merupakan kaedah pembangunan diri yang sangat penting. Selari dengan kepentingan akhlak dan potensi al-ruh yang telah dinyatakan di atas, Sidi Gazalba turut mengakui bahawa pelbagai masalah yang berlaku pada akhlak dan kehidupan adalah berpunca daripada hubungan hati yang jauh dengan Allah S.W.T.²⁸⁹ Justeru, dalam proses pembangunan diri, *tazkiyah al-nafs* yang merupakan satu metode penting untuk memperbaiki semula keadaan

²⁸⁵ Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb al-Niyyah wa al-Ikhlāṣ wa al-Ṣidq* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986).130-183

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ Siti Soraya Lin, Abdullah Kamal and Faizah Abd.Ghani, "Emotional intelligence and akhlak among Muslim adolescents in one of the Islamic schools in Johor, South Malaysia", *Social and Behavioral Sciences* 114, (2014), 687 – 692 ; Khaidzir Ismail dan Khairil Anwar, "Psikologi Islam: Suatu Pendekatan Psikometrik Remaja Berisiko," 77-89 ; Mohammed Sulaiman et al. "The Perspective of Muslim Employees Towards Motivation and Career Success," *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities* 9, no. 1 (2014), 045-062.

²⁸⁸ *Ibid.*; Hassan Langgulung, *Teori-teori Kesehatan Mental*, 325 ; Norwati Mansor, Nur Syahidah Khalid, "Spiritual Well-Being of INSTED, IIUM Student's and Its Relationship with College Adjustment" *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 69, (2012), 1314 – 1323.

²⁸⁹ Sidi Gazalba, *Ilmu Islam 3–Fondamen Kebudayaan Islam*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 1982.),3

potensi al-ruh remaja dan akhlak mereka.²⁹⁰ Hal ini kerana *tazkiyah al-nafs* ini merupakan satu proses pembersihan atau penyucian jiwa yang membina semula jambatan perhubungan hati dengan Allah S.W.T. untuk menguatkan iman dan menghapuskan dosa.²⁹¹ Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menyatakan keutamaan dan *tazkiyah al-nafs* ini seperti dalam surah al-Jumuah ayat 3 dan surah al-Nisa' ayat 49. Hubungan amalan *tazkiyah al-nafs* ini dengan kejayaan terhadap pembentukan jiwa dan akhlak juga telah dinyatakan oleh Allah S.W.T menerusi surah al-Syams ayat 9-10. Allah S.W.T berfirman :

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿٩﴾

As-Syams 91: 9-10

Terjemahannya : Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikannya (jiwa) dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya

Al-Ghazālī menganalogikan proses pembersihan jiwa ini ibarat membersihkan debu-debu kotoran yang terdapat pada sebuah cermin. Menurut beliau, jiwa yang sakit ibarat cermin kotor yang tidak dapat memantulkan imej dengan baik. Hanya melalui proses pembersihan cermin tersebut dapat memantulkan semula gambaran imej yang baik dan sempurna.²⁹² Oleh itu, bagi melahirkan akhlak yang baik, usaha pembersihan jiwa sama sekali tidak boleh dielakkan. Para sarjana Islam dalam hal ini telah menggariskan beberapa faedah yang akan diperoleh dengan perlaksanaan *tazkiyah al-nafs*. Antaranya ialah menjadikan individu berpegang teguh kepada akidah Islamiyah dan menyuburkan semula perasaan kehambaan yang sememangnya

²⁹⁰ Noor Syakirah Mohd Akhir and Mohd Hilmi Mohd Said, *Pembangunan modal insan*, 33-47.

²⁹¹ Fatimah Abdullah, *Psycho-Spiritual Well-being*, 151.

²⁹² Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Mizān al-ʿAmal* (Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1989). 5-7

telah wujud secara semula jadi dalam diri.²⁹³ Selain itu, kaedah ini juga dapat berperanan menguatkan jiwa individu dengan mengelakkan diri daripada tersimpang ke jalan yang salah²⁹⁴ selain memberikan rasa tenang serta kegigihan dalam menghadapi segala cabaran dan dugaan dalam hidup.²⁹⁵

Walaupun bagaimanapun, *tazkiyah al-nafs* ini bukan suatu kaedah pembersihan jiwa yang mudah dan dapat dilakukan dalam tempoh yang singkat. Sebaliknya, ia merupakan suatu yang sukar dari segi perlaksanaan dan perlu dilakukan secara berterusan melalui pengorbanan jiwa. Ia perlu dimulakan dengan pembinaan jiwa yang penuh dengan kesedaran serta rasa kepercayaan atau keimanan yang tinggi terhadap Allah S.W.T, peranan kehambaan, takdir qada' dan qadar serta kewujudan hari pembalasan di akhirat. Kemudian, ia juga perlu diikuti dengan usaha perlaksanaan yang dilakukan secara bersungguh-sungguh.²⁹⁶ Dalam hal ini, terdapat dua dimensi utama yang perlu dilakukan bagi menjalin hubungan dengan Allah S.W.T iaitu dengan melazimkan diri dengan amal ibadah zahir dan batin bagi menghiasi diri dengan sifat-sifat yang baik²⁹⁷ serta membuang sikap negatif yang turut menghalang proses pembangunan diri.²⁹⁸ Melalui penyingkiran sifat-sifat negatif remaja perlu menginsafi segala perbuatan maksiat dan dosa yang telah dilakukan dan berusaha mengelakkan diri daripada segala perbuatan tersebut melalui pengawalan hawa nafsu.²⁹⁹ Hal ini termasuklah dengan melenyapkan perasaan cinta yang berlebihan terhadap dunia dan menumpukan kepada tujuan hidup untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Antara sifat yang perlu disingkirkan ini

²⁹³ Yusuf Al-Qaradāwī, *Madkhal Ia Ma`rifah al-Islam*, (Kaherah: Maktabah al-Wahbah, 1996), 16.

²⁹⁴ Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydānī *al-'Aqidah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, (Damshik: Dār al-Qalam, 1997), 29-30

²⁹⁵ Rafqi Zahir, *Qissah al-Adyan Dirasat Tarikhiyyah Muqaranah*, (Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1980), 7.

²⁹⁶ Che'Zarrina Sa'ari, Peranan Penyucian Jiwa (*Tazkiyah Al-Anfus*) Terhadap Pembangunan Insan Dalam Masyarakat Bertamadun, di petik dari <http://www.muftins.gov.my/> pada 26 November 2016.

²⁹⁷ Muhammad Faruq Khan, *Self Development*, 37.

²⁹⁸ *Ibid.*

²⁹⁹ Alwi al-Attas, *Pendidikan Remaja dari sudut Pandang Psikologi Islami* (Jakarta: Fakultas Psikologis Universiti Indonesia, 2006).

adalah sifat-sifat mazmumah seperti sifat hasad, riya', dengki, tamak, bakhil, riak dan sebagainya. Sementara itu, bagi menghiasi diri dengan sifat-sifat yang baik pula, remaja perlu sentiasa membersihkan pemikiran, emosi dan tingkah laku dari kepercayaan dan pemahaman yang salah serta berusaha memperbaikinya menurut sebagaimana yang dituntut dalam syariat Islam.³⁰⁰ Antara amalan yang boleh dilakukan ini tidak kira sama ada amalan yang bersifat ibadah ritual ataupun yang bersifat sosial. Amalan yang bersifat ritual adalah seperti solat, puasa, haji, bertafakkur, memupuk sifat syukur, tawakkal dan sebagainya. Manakala amalan yang bersifat sosial pula adalah seperti menjaga hubungan dengan masyarakat di sekeliling dan hubungan dengan alam sekitar seperti , menjaga kebersihan, menghiasi diri dengan sifat-siat mahmudah iaitu zuhud, tawadu', sabar dan lain-lain.

Dalam proses pembangunan diri remaja, perlaksanaan kesemua kaedah *tazkiyah al-nafs* ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada sub-topik berikutnya menerusi model pengaruh motivasi pembangunan diri remaja yang dicadangkan.

2.5.5 Elemen Niat

Selain daripada perlaksanaan *tazkiyah al-nafs*, pembentukan hasrat dan niat yang ikhlas kerana Allah S.W.T. juga merupakan satu elemen yang penting dalam proses pembentukan motivasi pembangunan diri remaja. Hal ini kerana, konsistensi yang diperlukan dalam pembinaan akhlak individu tidak akan berlaku tanpa adanya hasrat yang kuat serta niat untuk melakukannya.³⁰¹ Ibn Qayyim dalam mengulas tentang hal ini menyebut :

“Sincerity of determination is achieved through resolving and removing any hesitation. If he is sincere in his determination, the truth of his deeds still remains to be fulfilled. Which is dedicating one's power and effort without losing anything from either the

³⁰⁰ *Ibid.*

³⁰¹ *Ibid.* ;Amilah Awang, “Moral and Ethics Concept in Islam, 89. Fatimah Abdullah, *Psycho-Spiritual Well-being*, 151.

inner or the outer. Determination prevent weakness of will and intention, and the truthful deed prevent him from laziness and apathy.”³⁰²

Menghuraikan lagi dengan lebih lanjut, Ibn Qayyim menyatakan akhlak terbentuk dalam satu aturan sistem yang melibatkan hasrat yang kuat serta niat ini sebagai elemen penting dalam urutan sistem tersebut. Jelas beliau :

“The beginning of every theoretical capacity of awareness and a practical capacity is ideas and thought, they cause imagination and imagination leads to will and will necessitates action, and repeating that many times produces habit.”³⁰³

Menerusi beberapa siri kajian, kepentingan hasrat yang kuat sebagai dorongan terhadap suatu keputusan dan perbuatan individu ini turut diakui oleh ahli psikologi Barat.³⁰⁴ Menurut Ajzen hasrat ini adalah “*indicators of how hard people are willing to try, of how much effort they are planning to exert, in order to perform the behavior.*”³⁰⁵ Dalam hal ini, Ajzen juga menyatakan bahawa kekuatan hasrat yang dibentuk oleh seseorang individu untuk melakukan suatu perbuatan adalah kerana adanya kepercayaan bahawa perbuatan tersebut mampu memenuhi matlamat yang disasarkan.

³⁰² Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Al-Fawaid*, terj. Muhamad Fadel et al. (Egypt: Umm al-Qura, 2004), 289; Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1984). 273-291

³⁰³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Al-Fawaid*, terj. Muhamad Fadel et al. (Egypt: Umm al-Qura, 2004), 289.

³⁰⁴ Leona Tam, Richard P. Bagozzi, Jelena Spanjol, “When Planning is Not Enough: The Self-Regulatory Effect of Implementation Intentions on Changing Snacking Habits,” *Health Psychology* 29, 3(2010), 284-292 ; Anastasia Soureti, et al, “Moderators of the Mediated Effect of Intentions, Planning and Saturated- Fat Intake in Obese Individuals,” *Health Psychology* 31, 3(2012), 371-379; Yupares Payaprom et al., “Using the Health Action Process Approach and Implementation Intentions to Increase Flu Vaccine Uptake in High Risk Thai Individuals: A Controlled Before-After Trial,” *Psychological Bulletin* 30, 4 (2011), 492-500.

³⁰⁵ Ajzen, Icek, and Martin Fishbein. "Attitude-behavior relations, 181.

Justeru, berdasarkan kajian yang pernah dijalankan, individu yang memiliki kekuatan hasrat untuk membangunkan diri akan menunjukkan ciri-ciri motivasi yang tinggi seperti tetap pendirian, mempunyai hala tuju yang jelas serta mempunyai semangat yang kuat untuk mencapai matlamat.³⁰⁶

Walau bagaimanapun, konsep hasrat yang diketengahkan oleh Barat ini adalah berbeza dengan Islam. Perspektif Islam melihat tujuan pembinaan hasrat yang kuat mempunyai kesan yang jauh lebih mendalam dalam segenap aspek kehidupan manusia.³⁰⁷ Agama Islam menjelaskan hasrat yang kuat bukan sekadar usaha untuk membentuk matlamat sebagaimana yang difahami oleh ahli psikologi Barat, bahkan lebih jauh dari itu ia juga bertujuan bagi membentuk niat. Dalam hal ini, niat menurut Islam pula adalah penetapan matlamat yang diputuskan secara nekad dan muktamad di dalam hati,³⁰⁸ dan berkait rapat dengan soal kehambaan kepada Allah S.W.T. Niat juga bukan sekadar keinginan untuk melaksanakan suatu perbuatan, sebaliknya ia adalah hasrat yang dipegang dengan penuh kesedaran, kesungguhan serta perancangan untuk mencapai matlamat untuk menjadi hamba Allah yang taat.³⁰⁹

Oleh itu, berdasarkan peranan niat di atas, Islam menetapkan bahawa setiap perbuatan perlu dilakukan melalui sasaran niat yang ikhlas. Penetapan matlamat yang tidak disertai dengan penghayatan ke arah pembentukan niat ini akan menjadikan segala usaha pembangunan diri yang dirancang dan dilakukan menjadi sia-sia.³¹⁰

³⁰⁶ Brown, T., "Effectiveness of Distal and Proximal Goals as Transfer of Training Intervention: A field experiment," *Human Resource Development Quarterly*, v.16, 3 (2005), 369-387 ; Locke, E. A. dan Latham, G. P., "Building a Practically Useful Theory of Goal Setting and Task Motivation: A 35-Year Odyssey," *American Psychologist*, 57 (2002), 705-717.

³⁰⁷ Fatimah Abdullah, *Psycho-Spiritual Well-Being*, 86-70.; Sulaiman al-Asyqar, *Al-Niyyat fi al-'Ibadat* (Kuwait: Maktabah al-Falah, 1981).

³⁰⁸ Abdullah Draz, *The Moral World of the Qur'ān*, terj. Danielle Robinson dan Rebecca Masterton, (London : I.B. Tauris, 2008).

³⁰⁹ *Ibid.*; Sulaiman al-Asyqar, *Al-Niyyat fi al-'Ibadat*.

³¹⁰ *Ibid.*

Keutamaan niat ini juga telah dijelaskan dalam sebuah hadis dari Sayidina ‘Umar R.A., beliau mendengar Nabi S.A.W. bersabda:

الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَاجَرَهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوُّهَا فَهَاجَرَهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Terjemahan: Sesungguhnya sah dan sempurna amal ibadah adalah bergantung kepada kebaikan dan kesucian niat. Dan sesungguhnya bagi setiap urusan seseorang itu, balasannya adalah menurut apa yang telah diniatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana ingin mendapatkan keredaan Allah dan Rasulnya, maka pahala hijrahnya adalah di atas urusan Allah dan keredhaan Rasulnya. Dan sesiapa yang berhijrah kerana urusan keduniaan maka dia akan memperolehnya, atau kerana ingin mendapatkan seorang wanita maka dia akan menikahnya. Maka hijrah seseorang itu bergantung kepada suatu yang diniatkan untuk hijrah tersebut.³¹¹

Berdasarkan hadis ini, niat ternyata mempunyai nilai yang begitu tinggi di sisi Allah S.W.T dan menjadikannya lebih utama berbanding perlaksanaannya melalui perbuatan. Oleh itu, dalam konteks kajian ini sekiranya terdapat kekangan yang menghalang remaja untuk merealisasikan perencanaan yang telah dibuat, niat yang telah diputuskan untuk pelaksanaan perbuatan membangunkan diri tersebut sahaja sudah diterima di sisi Allah dan tetap diberikan ganjaran.³¹²

Walau bagaimanapun, perspektif Islam melihat niat tidak memadai sekadar pengakuan sama ada berbentuk lafaz atau berbisik seperti; “aku berniat untuk...,” sebaliknya, niat dalam erti kata yang sebenar adalah disandarkan kepada Allah dan ia hanya akan berlaku dengan kehendak-Nya.³¹³ Hal ini bermaksud, dalam usaha pembentukan niat, seorang individu perlu berusaha bersungguh-sungguh mensasarkan matlamatnya untuk mendapatkan keredhaan Allah. Perkara ini

³¹¹ Hadis Riwayat Bukhari, *Sahih Bukhari*, Kitab al-Iman, Bab Ma Jaa Inna al-A'mal bi al-niyyati wa al-Hisbati wa li Kulli Imri'in Ma Nawa, no. hadis. 52.

³¹² Sayyid Mujtaba Musawi Lari, *Ethics and Spiritual Growth* (Iran: Foundation of Islamic Cultural Propagation in the world, 1997), 387.

³¹³ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din, Kitab al-Niyyat wa al-Ikhlas wa al-Sidq* (Beirut: Dar al-Ma'rifa, t.t), 2: 130-183

termasuklah dengan melakukan sebarang tindakan yang menjadikan perbuatan tersebut benar-benar ikhlas; seperti membersihkan hati daripada tujuan lain selain daripada Allah di samping menghayati dan menginsafi tanggungjawab sebagai hamba-Nya. Selain itu, individu juga perlu berdoa kepada Allah S.W.T supaya mendatangkan keikhlasan tersebut di dalam hati. Hanya melalui kesungguhan ini, Allah S.W.T akan membentuk kecenderungan hati yang benar-benar ikhlas pada diri individu melalui dorongan *taufiq* (kekuatan) dan *hidayah*-Nya (petunjuk)³¹⁴

Bertitik tolak dari hakikat ini, remaja perlu berusaha bersungguh-sungguh membentuk hasrat untuk mencapai matlamat pembangunan dirinya yang disasarkan untuk pembentukan niat yang ikhlas kerana Allah S.W.T.³¹⁵ Kesungguhan inilah yang akan menjadi pendorong utama serta kekuatan motivasi remaja untuk terus konsisten membangunkan diri selaras dengan kehendak Islam. Saranan ini dapat difahami dengan jelas menerusi firman Allah S.W.T:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

Al- Baqarah 2 : 282

Terjemahan: Dan bertaqwalah kepada Allah; Allah akan mengajarmu dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu.

Dalam konteks kajian ini, memandangkan niat sangat diperlukan dalam proses pembentukan hasrat dan motivasi pembangunan diri, maka remaja perlu membuat pelbagai persiapan bermula dari dalam diri sendiri. Perkara paling utama ialah remaja perlu kepada ilmu pengetahuan dan kesedaran mengenai tanggungjawab

³¹⁴ Sulaiman al-Asyqar dalam membahaskan tentang niat ini menyatakan bahawa niat adalah pekerjaan hati yang berlaku diluar kuasa manusia. Hanya Allah S.W.T yang berkuasa menguasai hati dan membentuk kecenderungan hati tersebut. Justeru itulah, menurut beliau membentuk niat yang ikhlas hanya boleh dilakukan melalui kesungguhan usaha menasaskan matlamat kerana Allah dan melakukan perkara-perkara yang boleh membersihkan matlamat tersebut dari tujuan selain daripada Allah S.W.T. Lihat Sulaiman al-Asyqar, *Al-Niyyat fi al- Ibadat*.

³¹⁵ *Ibid.*; Al-Ghazālī, *Intention, Sincerity and Truthfulness*, terj. Anthony F. Shaker (UK: The Islamic Texts Society, 2013), 11-14.

yang digarap melalui kecerdasan potensi al-ruh. Ilmu dan kesedaran ini akan membantu remaja membuat pertimbangan secara rasional dalam memikirkan tentang matlamat pembangunan diri mereka serta cara terbaik yang perlu dilakukan bagi mencapai matlamat tersebut.³¹⁶

Kelima-lima elemen motivasi yang dihuraikan ini penting dalam pembentukan motivasi pembangunan diri remaja. Namun begitu, meskipun kesemua elemen ini telahpun dibahaskan secara meluas oleh para sarjana terdahulu, kajian mendapati perbincangannya masih lagi bersifat umum. Penyusunan elemen-elemen tersebut dalam bentuk yang lebih sistematik sesuai dengan cabaran dan halangan berhubung motivasi dan proses pembangunan diri remaja masih perlu kepada penyelidikan lanjutan.³¹⁷ Khususnya dalam bentuk yang lebih sesuai dengan konteks realiti remaja hari ini. Cabaran dan halangan dalam pembentukan motivasi ini akan menentukan sejauhmana keupayaan suatu intervensi dalam membantu konsistensi remaja dalam proses pembangunan diri mereka. Hal inilah yang menjadi pokok perbincangan serta asas kepada pembentukan model pengaruh motivasi pembangunan diri dalam kajian ini.

Bagi tujuan tersebut, konsep pengaruh motivasi dan pembentukan model motivasi dalam proses pembangunan diri remaja akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam sub-topik berikutnya.

³¹⁶ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din. Kitab al-Niyyat wa al-Ikhlas wa al-Sidq*. 130-183; Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Miftah Dar al-Sa'adah* (Riyadh: Ri'asat al-Ifta', t.t.), 183.; Shahibudin Laming, *Pemikiran Al-Kindi: Pengaruh terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 152.

³¹⁷ Eeqbal Hassim, *Elementary Education and Motivation in Islam*, 22-25.

2.6 Pembentukan Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja

Perkataan pengaruh merujuk kepada keupayaan untuk merangsang perubahan pada suatu benda atau individu.³¹⁸ Dalam konteks kajian ini, mempengaruhi diri individu sasaran bermaksud melakukan tindakan tertentu bertujuan merubah sikap, tingkah laku atau perasaan mereka termasuk perubahan pada niat, kepercayaan serta nilai yang dipegang.³¹⁹ Perubahan dikatakan boleh berlaku setelah elemen kognitif dan afektif individu sasaran telah terkesan dengan faktor-faktor pengaruh yang dikenakan ke atasnya.³²⁰ Elemen kognitif dan afektif individu yang telah berjaya dipengaruhi akan ditunjukkan menerusi tanda-tanda perubahan pada diri mereka seperti pengakuran, penurutan atau pematuhan.³²¹ Misalnya, seorang bapa telah berjanji kepada anaknya untuk memberikan beliau hadiah seandainya berjaya menghabiskan bacaan sebuah buku cerita. Tawaran hadiah tersebut berjaya membuat anaknya teruja lalu bermotivasi untuk membaca buku. Daripada contoh ini, perasaan teruja adalah kesan daripada rangsangan yang dikenakan ke atas elemen kognitif dan afektif bagi mempengaruhi motivasi membaca.

Terdapat tiga faktor utama yang perlu dikuasai untuk mempengaruhi seseorang diri individu iaitu pertama, pengawalan sistem ekologi atau elemen persekitaran, kedua, pengawalan peneguhan dan ketiga pengawalan maklumat. Pengawalan sistem ekologi atau elemen persekitaran bermaksud, melakukan tindakan tertentu terhadap persekitaran fizikal individu supaya dapat menghasilkan kesan pada diri mereka. Contohnya, suasana pembelajaran yang nyaman dan selesa akan mempengaruhi tumpuan pelajar di dalam kelas. Pengawalan peneguhan pula

³¹⁸ Baron, R. A dan D. Byrne, *Social Psychology: Understanding Human Interaction* (Boston: Allyn and Bacon, 1991).

³¹⁹ Tedeschi, J.T. et al., *Introduction to Social Psychology* (St. Paul: West Publishing Company, 1985).

³²⁰ Betz, A. L. et al. *Social Psychology: Understanding Human Interaction* (1996), *Shared Realities: Social Influence and Stimulus Memory. Social Cognition*, 2, 113-140; Albert Bandura, *Social Learning Theory* (USA: General Learning Corporation, 1971), 3-4.

³²¹ Joseph P. Forgas dan Kipling D. Williams, *Social Influence Direct and Indirect Processes* (USA: Psychology Press, 2011).

ialah memberikan suatu ganjaran atau hukuman untuk tujuan mempengaruhi. Ia boleh dilakukan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.³²² Contohnya, menawarkan harga murah ke atas jualan *gajet* mungkin boleh menggalakkan seorang remaja untuk membelinya. Akhirnya, pengawalan maklumat boleh dilakukan dengan memberi maklumat-maklumat tertentu sehingga mendatangkan kesan kepada cara fikir, sikap dan kepercayaan individu. Misalnya maklumat tentang keseronokan penyertaan suatu kem motivasi, mungkin dapat mendorong remaja untuk menyertai kem tersebut.³²³

Walau bagaimanapun, pengaruh tidak semestinya terjadi secara sehalu. Sebaliknya, pengaruh-mempengaruhi saling berlaku antara diri remaja dengan elemen-elemen persekitaran serta konteks sosialnya.³²⁴ Dalam kajian Maryam dan Rohani berhubung dengan suntikan motivasi yang diberi kepada remaja responden mendapati kesan suntikan tersebut semakin berkurangan dan hilang setelah beberapa bulan berlalu.³²⁵ Prochaska dan DiClemente dalam hal ini menjelaskan, keadaan yang berlaku ini adalah kerana wujudnya tiga faktor halangan terhadap proses pengaruh motivasi pembangunan diri remaja iaitu³²⁶ pertama, kesan pengaruh dari persekitaran. Kedua, keadaan kognitif dan afektif yang tidak dikawal selia dengan baik dan ketiga, perubahan pada keadaan dan tahap motivasi diri remaja.³²⁷

Selain boleh dikawal untuk memberi kesan pengaruh tertentu ke atas motivasi diri remaja, elemen persekitaran dan konteks sosial yang terdapat di

³²² *Ibid.*

³²³ *Ibid.*

³²⁴ Prochaska, J. O., dan DiClemente, C. C., "Stages and Processes of Self-Change of Smoking: Toward an Integrative Model of Change," *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 51(1983), 390–395.

³²⁵ Maryam Hosseini et al., "The Effect of SI-G Training on Increase SQ among Iranian Student in Malaysia," *International Journal of Psychological Studies* 2, (2 December 2010).; Rohani Ismail, Syed Mohamed Aljunid Syed Aljunid, Khalib A. Latip, Sharifa E. W. Puteh, "Effectiveness of Group Counseling in Smoking Cessation Program Amongst Adolescent Smokers in Malaysia," *Med J Indones* 19, 4 (November 2010).

³²⁶ Prochaska, J. O., DiClemente, C. C., dan Norcross, J. C., "In search of How People Change: Applications to Addictive Behaviors," *American Psychologist* 47 (1992), 1102-1114.

³²⁷ Ralf Schwarzer & Sonia Lippke, Mechanisms of Health Behavior Change in Persons With Chronic Illness or Disability: The Health Action Process Approach (HAPA), *Rehabilitation psychology* 56, no. 3 (2011): 161.

sekeliling remaja juga pada masa yang sama boleh mempengaruhi keadaan motivasi diri mereka.³²⁸ Dalam hal ini, kesan pengaruh persekitaran yang mengenai daya kognitif dan afektif remaja boleh menyebabkan tahap motivasi remaja berada dalam keadaan tidak stabil dan berubah-ubah sepanjang proses tersebut.³²⁹

Sekiranya dipengaruhi oleh pengaruh yang negatif, motivasi remaja boleh merosot walaupun pada awalnya tanda-tanda perubahan yang positif telah kelihatan.³³⁰ Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan tanpa kawal selia yang baik akan mengakibatkan remaja berputus asa seterusnya menjejaskan proses membentuk pembangunan diri.³³¹ Sebagai contoh, kerana berasa malu diejek oleh rakan-rakan, motivasi membaca buku seorang kanak-kanak yang pada mulanya meningkat telah kembali merosot. Dalam situasi ini, ejekan rakan-rakan adalah bentuk pengaruh negatif yang datang dari elemen persekitaran. Perasaan malu kanak-kanak tersebut pula ialah kesan pengaruh ke atas kognitif dan afektif yang tidak terkawal. Manakala peralihan motivasi daripada meningkat kepada merosot pula menunjukkan keadaan tahap motivasi yang berubah disebabkan oleh kesan pengaruh tersebut.

Dengan demikian, dalam proses pembangunan diri remaja langkah-langkah pencegahan secara tepat dan efektif perlu diambil untuk memastikan proses tersebut berlaku dengan lancar dan berkesan. Oleh kerana elemen kognitif dan afektif adalah

³²⁸ Abbas Hussain Ali, *Al-Ghazālī's Contribution to Personality Theory: Intellectual Discourse 3*, 1995; Saiyad Fareed Ahmad, "The Islamic Personality: A Sequential Model" dalam *Psychology of Personality : Islamic Perspectives*, ed. Amber Haque dan Yasein Mohamed (Singapore: Cengage Learning Asia Pte Ltd, 2009), 283-316.

³²⁹ Prochaska, J. O., dan DiClemente, C. C., "Stages and Processes," 390-395; Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, terj. Constantine K. Zurayk (Beirut: The American University Of Beirut, 1968), 31-33 ; Saiyad Fareed Ahmad, "The Islamic Personality," 283-316.

³³⁰ Mary E. Larimer, Rebekka S. Palmer, dan G. Alan Marlatt, "Relapse Prevention : An Overview of Marlatt's Cognitive Behavioral Model" 3, 2(1999), 151-160. ; Katie Witkiewitz dan Sarah Bowen, "Depression, Craving and Substance Use Following a Randomized Trial of Mindfulness-Based Relapse Prevention," *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 78, 3 (2010), 362-374.; R. Othman, A., Sheeran, P., dan Wood, W., "Reflective and Automatic Processes in the Initiation and Maintenance of Dietary Change," *Annals of Behavioral Medicine*, 38(2009), 4-17. <http://dx.doi.org/10.1007/s12160-009-9118-3>; Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33.

³³¹ *Ibid.* ; Saiyad Fareed Ahmad, "The Islamic Personality," 283-316.

elemen asas yang penting dalam pembentukan pengaruh motivasi remaja, tindakan yang efektif perlu dilakukan ke atas dua elemen ini.³³²

Namun begitu, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, dari perspektif Islam elemen kerohanian dan ketuhanan adalah asas yang membentuk dan menentukan hala tuju pembentukan motivasi diri remaja. Hanya menerusi kedua-dua elemen ini elemen kognitif dan afektif remaja dapat berfungsi dengan lebih sempurna. Oleh itu, mempengaruhi motivasi pembangunan diri remaja, tidak hanya bergantung kepada kawalan faktor persekitaran, maklumat serta peneguhan untuk memberi kesan tertentu kepada elemen kognitif dan afektif. Sebaliknya, faktor utama yang menentukan berlakunya kesan pengaruh tersebut adalah pertolongan, kehendak serta keizinan Allah S.W.T.³³³ Dalam erti kata lain, kesan pengaruh ke atas elemen kognitif dan afektif hanya boleh berlaku dengan keizinan dan kehendak dari Allah S.W.T. Justeru, selain menitik beratkan soal kognitif dan afektif tersebut, tindakan untuk mempengaruhi diri remaja juga perlu dilaksanakan dalam rangka membina perhubungan dengan Allah S.W.T melalui elemen kerohanian.³³⁴ Zainab, Nik Suryani serta Fariza dalam hal ini menjelaskan hanya dengan pendekatan ini, proses mempengaruhi motivasi remaja dapat dilaksanakan secara tepat dan lebih komprehensif.³³⁵

Di bawah, pembentukan model pengaruh motivasi pembangunan diri remaja yang lebih sistematik akan dijelaskan.

³³² Kreuter, M. W., Caburnay, C. A., Chen, J. J., dan Donlin, M. J., "Effectiveness of Individually Tailored Calendars in Promoting Childhood Immunization in Urban Public Health Centers," *American Journal of Public Health*, 94 (2004), 122–127; Skinner, C. S., Campbell, M. K., Rimer, B. K., Curry, S., dan Prochaska, J. O. "How Effective is Tailored Print Communication?" *Annals of Behavioral Medicine*, 21(1999), 290–298.

³³³ Abdur Rashīd Siddīqī, ed., *How to Attain Self-Development dalam Tazkiyah: The Islamic Path of Self Development* (UK : The Islamic Foundation, 2004), 99-101.

³³⁴ Hassan Langgulung, *Teori-teori Kesihatan Mental*, 408.; Malik Badri, *Contemplation*, 21-23.


³³⁵ Zainab Mahirah Ismail dan Nik Suryani Nik Abdul Rahman, "School Violence and Juvenile Delinquency in Malaysia: A Comparative Analysis between Western Perspectives and Islamic Perspectives," *Social and Behavioral Sciences* 69(2012), 1512-1521 ; Fariza Md. Sham, "The Approaches of Da'wah in Developing Personality of Adolescents," *Advances in Natural and Applied Sciences* 7, 2 (2013), 173-178.

2.6.1 Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja

Berhubung dengan cabaran dan halangan dalam proses pengaruh motivasi yang dinyatakan sebelum ini, satu model proses pengaruh motivasi pembangunan diri remaja akan diketengahkan dalam sub-topik ini. Model ini sekaligus mengisi kelompangan kajian-kajian lepas berhubung proses tersebut sekaligus menjawab isu utama yang diketengahkan sebelum ini.³³⁶ Oleh itu, idea asas pembinaan model ini ialah bagi membangunkan satu model motivasi pembangunan diri yang lebih praktikal dan sistematik (iaitu mengikut kesesuaian keadaan pemikiran, emosi serta tahap motivasi remaja dalam tempoh jangka masa panjang) berasaskan kepada elemen kerohanian.

Bagi mencapai tujuan tersebut, model ini diaplikasikan dengan menggabungkan keseluruhan elemen motivasi daripada perspektif Islam yang terdiri daripada elemen akhlak, potensi al-ruh dan elemen persekitaran, niat, dan enam elemen *tazkiyah al-nafs* (*mu'atabah*, *mushāraṭah*, *mur'āqabah*, *mujāhadah*, *muḥāsabah* dan *mu'aqabah*) dengan tiga fasa motivasi pembangunan diri iaitu pertama; fasa pra-pencetusan, kedua; fasa pencetusan, penilaian dan penetapan manakala ketiga; fasa perlaksanaan. Secara keseluruhan, fasa ini dirangka berasaskan kepada perbezaan skala masa perjalanan proses pembangunan diri bagi remaja yang mendapatkan suntikan motivasi iaitu; terdiri daripada masa sebelum remaja mendapat suntikan motivasi (fasa I), semasa menerima suntikan (fasa II) dan dalam tempoh enam bulan selepas menerima suntikan (fasa III). Selain itu, setiap fasa ini juga menjelaskan perbezaan keadaan pemikiran dan emosi serta tahap motivasi yang di alami oleh mereka di sepanjang proses tersebut. Gabungan keseluruhan elemen dan fasa motivasi pembangunan diri ini dapat diringkas dalam Rajah 2.2 di bawah.

³³⁶ Kelompangan ini adalah seperti mana yang telah dijelaskan dalam Bab 1 kajian.



Rajah 2.2. Elemen-elemen dan Fasa Motivasi Pembangunan Diri

Sumber: Al-Ghazālī 1986, 1989, Hassan Langgulong, 1986, ‘Uthman Najātī 1968, 1993, Ibn Qayyim al-Jawziyyah t.t, 1984, Naquib al-Attas 1990, Muhammad Al-Fārābī 1996, Mohd Qutb 1993, Sulaymān Al-Ashqar 1981, Miskawayh 1961, Al-Balkhī 1984, Schwarzer et.al 2011, Schwarzer 1998, Prochaska & DiClemente, 1983, Prochaska et. al., 2008, Bandura, 1986

Pembinaan fasa motivasi yang berbeza ini adalah bertujuan bagi memberikan suntikan elemen motivasi yang lebih tepat dan sesuai dengan keperluan diri remaja pada setiap fasa tersebut.³³⁷ Sebagai contoh, remaja pada fasa II akan lebih terkesan sekiranya diberi dengan suntikan motivasi yang menekankan tentang kepentingan membentuk sikap yang baik dan kesan buruk sikap tersebut. Suntikan ini akan memberi kesedaran, membangkitkan rasa penyesalan, membuka pemikiran dan mendorong motivasi untuk membentuk hasrat melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Hal ini berbeza dengan remaja yang berada pada fasa III. Pada fasa ini, remaja mungkin kurang mendapat manfaat daripada suntikan yang bertujuan untuk membangkitkan atau mendorong hasrat membangunkan diri sebagaimana fasa sebelumnya. Hal ini kerana, kesedaran dan hasrat tersebut telahpun terbentuk

³³⁷ Ralf Schwarzer, Sonia Lippke dan Aleksandra Luszczynska. "Mechanisms of health behavior change in persons with chronic illness or disability: the Health Action Process Approach (HAPA)." *Rehabilitation psychology* 56, no. 3 (2011): 161.

sebelum ini. Sebaliknya, suntikan motivasi yang lebih diperlukan pada fasa ini ialah kaedah untuk pelaksanaan hasrat yang telah dibentuk secara lebih berkesan dan sistem sokongan bagi mengekalkan momentum motivasi diri mereka ketika berhadapan dengan situasi mencabar selepas keluar dari program.

Kewujudan peribagai tahap dalam proses pembangunan diri ini juga telah dinyatakan dari perspektif Islam. Menurut Miskawayh proses pembangunan diri boleh berbeza antara setiap orang bergantung kepada keadaan individu tersebut dan tahap penerimaannya.³³⁸ Abd. Aziz dalam mengulas tentang perkara ini menyatakan, sesuatu mesej dakwah akan lebih menarik perhatian sekiranya mesej tersebut disampaikan tepat pada waktu yang sesuai serta mengikut keperluan individu. Hal ini kerana, individu sasaran pada ketika itu sedang tertunggu-tunggu atau bersedia untuk mengetahui mengenainya.³³⁹ Selain itu, ketepatan mesej ini penting kerana individu juga tidak akan terdorong untuk melakukan sesuatu perkara sekiranya tidak mempunyai keinginan, tidak tertarik serta tidak ada tujuan tertentu untuk melakukannya.³⁴⁰ Penurunan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan secara beransur-ansur juga adalah salah satu contoh yang menunjukkan kepentingan suatu mesej untuk disampaikan mengikut keperluan dan kesesuaian keadaan psikologi (emosi, pemikiran dan motivasi) sasaran.³⁴¹

Dalam model ini, elemen-elemen *tazkiyah al-nafs* adalah elemen suntikan motivasi yang dicadangkan mengikut kesesuaian remaja pada setiap fasa. Dua tujuan dan kepentingan melakukan *tazkiyah al-nafs* yang ditekankan dalam pembinaan model ini ialah; (i) menstrukturkan emosi dan pemikiran dan (ii) membina kekuatan jiwa dan konsistensi diri. Melalui penstrukturkan emosi dan pemikiran, *tazkiyah al-*

³³⁸ Constantine K. Zurayk, *The Refinement of Character* (terj.) (Beirut: American University of Beirut, 1968) 31-33 ; Miskawayh, Abū 'Alī Aḥmad ibn Muḥammad, *Tahdhīb al-akhlāq* (Beirut: Dār al-Maktabah al-Ḥayyāh., 1961). 233-264

³³⁹ Abd Aziz Mohd.Zin, *Psikologi Dakwah*, 72-76.

³⁴⁰ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb al-Niyyah wa al-Ikhlāṣ wa al-Ṣidq*. 130-183

³⁴¹ Al-Qaṭṭān, Manna', *Mabahith fi ulum al-Qur'ān* . (al-Risalah: 1976),106

nafs berperanan menambahkan ilmu dan membuka ufuk pemikiran, bagi menyuntik rasa kesedaran dan menyingkirkan pegangan yang salah dari aspek nilai, persepsi, kepercayaan dan keyakinan yang terdapat dalam diri individu. Manakala dalam membina kekuatan jiwa dan konsistensi diri pula, elemen *tazkiyah al-nafs* ini akan berperanan membentuk sistem sokongan pada diri individu dengan memberikan peneguhan, menguatkan disiplin, membina semula kepercayaan dan keyakinan diri (Kedua-dua peranan ini akan dijelaskan secara lebih lanjut di bawah).

Walau bagaimanapun, keperluan elemen motivasi mengikut kesesuaian fasa ini, tidak bermakna elemen-elemen *tazkiyah al-nafs* tersebut tidak boleh digunakan atau tidak boleh berlaku pada mana-mana fasa yang lain (fasa II atau fasa III). Apa yang lebih penting, remaja perlu melepasi fasa-fasa tersebut bagi membolehkan proses pengaruh motivasi pembangunan diri berlaku dengan sempurna. Berikut merupakan penjelasan lanjut mengenai ketiga-tiga fasa yang telah dicadangkan berserta elemen-elemen *tazkiyah al-nafs* yang digunakan:

i) Fasa I: Pra-Pencetusan

Fasa pertama merupakan fasa Pra-Pencetusan yang menjelaskan situasi remaja sebelum mengikuti program motivasi. Di fasa ini, remaja belum dirangsang oleh sebarang elemen motivasi yang membawa kepada pembentukan hasrat dan pelaksanaan untuk membangunkan diri melalui program motivasi.³⁴² Oleh itu, motivasi pembangunan diri remaja pada fasa ini bergantung kepada keadaan akhlak sedia ada yang terbentuk sebelum mengikuti program. Proses pembentukan akhlak ini adalah sebagaimana yang dijelaskan pada bahagian pembentukan motivasi pembangunan diri remaja sebelum ini.

³⁴² *Ibid.*

Dalam model proses pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri ini, akhlak remaja ini adalah elemen tumpuan yang akan dibentuk dan diperbaiki berasaskan prinsip Islam. Berhubung dengan kewujudan pelbagai bentuk halangan dan cabaran yang telah dijelaskan sebelum ini, pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja yang berkesan perlu dilaksanakan menerusi pembinaan akhlak diri yang ampuh.³⁴³ Hal ini kerana, akhlak adalah elemen yang berperanan menentukan sebahagian besar konsistensi motivasi diri remaja. Hal ini kerana, akhlak yang telah terbentuk secara tabiat di dalam jiwa akan menjadi entiti yang sangat kukuh dan sukar diubah.³⁴⁴ Dalam menghadapi situasi yang tidak dijangka, akhlak mampu membuatkan remaja dapat mengawal keadaan motivasi diri mereka dengan lebih baik dan tidak mudah terpengaruh dengan situasi tersebut.³⁴⁵ Justeru dengan pembentukan akhlak yang baik, remaja dapat mengatasi cabaran dan halangan dari persekitaran serta merangsang pembentukan motivasi yang lebih stabil mengikut syariat Islam.³⁴⁶

Sementara itu, bagi membentuk akhlak pula, kaedah *tazkiyah al-nafs* perlu dilakukan dalam proses pembentukan motivasi pembangunan diri remaja.³⁴⁷

ii) Fasa II: Pencetusan, Penilaian dan Penetapan

Fasa kedua diklasifikasikan sebagai fasa pencetusan, penilaian dan penetapan yang menjelaskan situasi remaja semasa mengikuti program motivasi. Ini bermaksud, motivasi pembangunan diri remaja semasa berada di fasa ini akan bermula dengan

³⁴³ Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33; Malik Badri, *Contemplation*, 21-35 ; Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus* (Istanbul : Ayasofya Library), 283-287. Photocopied by the Institute of Arabic-Islamic Sciences, Frankfurt A.M, 1984).; Fatimah Abdullah, *Psycho-Spiritual Well-Being dalam Islamic Ethics and Character Building*, 150.

³⁴⁴ Abul Quasem, *The Ethics of Al-Ghazālī*, 79-80.

³⁴⁵ Abū Zayd Aḥmad ibn Sahl Al-Balkhī, *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus* (Kuwait: Dār al-Da`wah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1990). 283-287.

³⁴⁶ Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33; Malik Badri, *Contemplation*, 21-35; Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*, 283-287

³⁴⁷ Al-Baqarah: 282 ; Muhammad Faruq Khan, "Self Development and Its Roles in Life" dalam ed. Abdur Rashid Siddiqui, *Tazkiyah : The Islamic Path of Self Development* (UK : The Islamic Foundation, 2004), 37.

suntikan pelbagai elemen dan rangsangan motivasi bagi tujuan pembentukan akhlak. Bagi melengkapkan fasa ini, remaja perlu melalui dua proses penting iaitu;

a) Proses Menstruktur Emosi dan Pemikiran.

Di fasa kedua ini, remaja perlu membuat penilaian ke atas setiap maklumat atau rangsangan yang diterima sebelum menetapkan keputusan dan hasrat untuk membangunkan diri.³⁴⁸ Justeru, proses pertama yang perlu dilalui oleh remaja di fasa kedua ialah penstrukturan emosi dan pemikiran sedia ada. Ini bermaksud, remaja perlu dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan supaya dengannya timbul kesedaran untuk memperbetulkan pemikiran yang salah dan negatif. Suntikan mengenai keyakinan kepada Allah dan keyakinan terhadap keupayaan diri juga perlu diberi mengikut keperluan dan tahap motivasi mereka.³⁴⁹ Di samping itu, remaja perlu disuntik dengan dorongan membina keazaman untuk pembentukan komitmen dan konsistensi dalam pembangunan diri.³⁵⁰ Bukan sekadar itu, kemahiran membentuk perancangan yang bersifat objektif dan spesifik, kemahiran mengurus masalah dan tekanan serta kemahiran mengawal motivasi diri juga perlu diberikan tumpuan.³⁵¹

James O. Prochaska et al. menjelaskan, pelbagai bentuk usaha dengan tujuan untuk memberi kesedaran boleh dilakukan dengan cara membentuk pemikiran dan emosi positif, membina pelbagai kemahiran dan strategi untuk mengawal halangan dan cabaran persekitaran serta membina dan memperbaharui kepercayaan terhadapdiri dan keupayaan diri.³⁵² Kajian Salasiah et al., Aslina dan Suradi serta

³⁴⁸ Jutta Heckhausen dan Richard Schulz, "A Life Span," 284-304.

³⁴⁹ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 3: 187 ; Al-Ghazālī, *Mizan al-'Amal* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989).5-11 ; Miskawayh, *Tahdhib al-akhlaq wa tathir al-a'raq* (Beirut: Dar al-Maktabat al-Hayah, t.t.). 233-437 Terj., Zurayk, *Constantine, The refinement of character* (Beirut: Centennial Publications, 1968). Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*, 236-283

³⁵⁰ *Ibid.*

³⁵¹ *Ibid.*; Isfahani, *Al-Dhari'ah ila Makarim al-Shari'ah* (Egypt: Dar al-Wafa', 1987), 333.

³⁵² James O. Prochaska et al., "Evaluating Theories Of Health Behavior Change: A Hierarchy Of Criteria Applied To The Transtheoretical Model", *Applied Psychology: An International Review* 57, no. 4,(2008), 561-588 ; Ralf Schwarzer, "Social-Cognitive Factors in Changing Health-Related Behaviors, Current Direction In Psychological Science," *American Psychological Society* 10, no. 2, (2001), 35 ; Aisya Utz, *Psychology from The Islamic Perspective*, 95 ; Abdur Rashid Siddiqui, *Self-Developmet*, 64-72.

Mastura et.al turut mendedahkan kepelbagaian teknik dan strategi yang membina kesedaran dan kemahiran kognitif dan efektif ini terbukti berupaya meningkatkan motivasi diri remaja untuk melakukan perubahan diri.³⁵³

Berpanduan kepada konsep *tazkiyah al-nafs* yang diketengahkan dalam kajian ini, elemen *mu'atabah*, *mushāraṭah* dan *mur'āqabah* adalah bentuk sokongan yang sesuai diberikan kepada remaja pada fasa ini. Hal ini kerana, ketiga-tiga elemen ini bukan sahaja berupaya membantu remaja menstrukturkan emosi dan pemikiran tetapi juga mendorong mereka untuk lebih mengenal diri dan Tuhan, memahami tujuan kehidupan, memperbetulkan pemahaman dan pemikiran yang salah, membina kepercayaan serta membentuk perencanaan hidup secara lebih teliti, sistematik dan lebih spesifik.³⁵⁴

Secara lebih terperinci, *mu'atabah* merupakan elemen penting dan paling utama yang perlu diberikan perhatian kerana melibatkan proses taubat atau pembersihan diri daripada segala perbuatan salah dan dosa.³⁵⁵ Menurut Al-Ghazālī, taubat adalah langkah pertama yang perlu dilakukan dalam proses membangunkan diri kerana sifat-sifat yang baik tidak dapat ditanam sekiranya sifat buruk masih berada dalam diri remaja.³⁵⁶ Hal ini kerana, segala sifat buruk dan dosa yang dilakukan akan membuatkan hati remaja menjadi gelap sehingga membuatkan jiwa mereka sukar dilembutkan.³⁵⁷ Justeru, remaja perlu berazam dengan bersungguh-

³⁵³ Salasiah Hanin Hamjah et al., "Methods of Increasing Learning Motivation among Students," *Social and Behavioral Sciences* 18(2011), 138-147; Aslina Ahmad dan Suradi Salim, The Effect of Psychological Intervention in Reducing Disciplinary Cases Among Malaysian Secondary School Students," *Social and Behavioral Sciences* 30(2011), 2592-2596 ; Mastura Mahfar et al., "Effects of Rational Emotive Education Module on Irrational Beliefs and Stress Among Fully Residential School Students in Malaysia," *Social and Behavioral Sciences* 114 (2014), 239-243.

³⁵⁴ Abul Quasem, *The Ethics of Al-Ghazālī*, 90-91.

³⁵⁵ Ibid, 153-154.

³⁵⁶ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din, Kitab Sharh 'Ajaib al-Qalb*, terj. Walter James Skellie (USA: Fons Vitae, 2010), 506-588

³⁵⁷ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 5-99

sungguh untuk meninggalkan perbuatan salah yang pernah dilakukan.³⁵⁸ Rasa penyesalan yang tinggi terhadap kesalahan tersebut perlu wujud dalam diri remaja.³⁵⁹

Bagi membangkitkan rasa penyesalan ini, taubat perlu bermula dengan ilmu, kesedaran serta keyakinan diri yang tinggi, kepercayaan kepada Allah S.W.T, memahami tujuan hidup dan realiti kehidupan seterusnya menyedari peranan sebagai hamba.³⁶⁰ Dengan ini, remaja bukan sahaja dapat membina kesedaran berhubung dengan kesalahan yang dilakukan, tetapi juga tentang kesan buruk kesalahan tersebut dan langkah-langkah menghapus dan mengelakkannya.³⁶¹ Kesemua perkara ini penting dalam membantu remaja memperbetulkan pemikiran yang salah dan negatif seterusnya memperbaiki sistem kepercayaan mereka.³⁶² Setelah itu, barulah proses taubat boleh dilakukan dengan perasaan yang penuh khushyuk dan merendahkan diri kepada Allah S.W.T.

Selesai proses taubat, remaja perlu membuat perjanjian dengan diri sendiri. Proses ini begitu dekat dengan elemen kedua yang terkandung dalam konsep *tazkiyah al-nafs* yang dikenali sebagai *mushāraṭah*. *Mushāraṭah* ini bermaksud menyenaraikan perkara penting yang perlu dilakukan dalam proses membangunkan diri dan membuat perjanjian di dalam hati atau menanam azam dalam diri untuk perlaksanaannya.³⁶³ Elemen *mushāraṭah* penting diterapkan bertujuan membentuk komitmen dan iltizam yang tinggi pada diri remaja.³⁶⁴ Ia melibatkan tindakan penyerahan hati sepenuhnya untuk melakukan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik. Fathī Yakan dalam menjelaskan tentang iltizam ini menyatakan

³⁵⁸ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 5-18

³⁵⁹ *Ibid.*

³⁶⁰ Fatimah Abdullah, "Therapeutic Ethics Managing Anger, Negative Thought and Depression According to Al-Balkhī," *Jurnal Aqidah dan Pemikiran Islam* 12, (2011), 77-100. Abu Zayd al-Balkhī, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*, 286-290; Malik Badri, *Contemplation*, 21-36.

³⁶¹ *Ibid.*

³⁶² *Ibid.*

³⁶³ Yatimah Sarmani dan Mohd. Tajudin Ninggal, *Teori Kaunseling Al-Ghazālī* (Selangor: PTS Islamika, 2008,) 97.

³⁶⁴ Zaleha Izhah dan Ahmed M.H. Hasoubah, "Motivation and Student Learning : An Islamic Perspective," *Jurnal Pendidikan Islam* 13 (t.t), 1.

bahawa ia adalah komitmen dengan menjadikan Islam dan hukum-hukumnya sebagai paksi hidup, pola pemikiran dan rujukan dalam semua bidang kehidupan.³⁶⁵

Menerusi proses ini, remaja bukan sahaja perlu menetapkan cita-cita dan hala tuju mengenai kehidupan, malah terlebih dahulu perlu menyusun strategi yang jelas dan lebih spesifik dalam bentuk jangka pendek dan panjang sebagai persediaan diri dari aspek mental, emosi dan fizikal untuk mencapai matlamat mereka.³⁶⁶ Dalam Islam, penguasaan terhadap kemahiran dan strategi ini juga adalah bagi mengelakkan remaja dari bersandar kepada kaedah yang salah,³⁶⁷ taklid atau ikut-ikutan secara membuta tuli,³⁶⁸ serta cuai dan gopoh³⁶⁹ dalam tindakan. Hal ini bertepatan dengan kefahaman dan penghayatan terhadap *sunnatullah* dan *syariatullah*.³⁷⁰ Hal ini kerana, peraturan *sunnatullah* akan menjadikan proses pelaksanaan pembangunan diri diurus dengan baik serta matlamatnya berjaya dicapai.³⁷¹ Sementara *syariatullah* pula membolehkan pelaksanaan tersebut mendapat keredaan Allah dan kebahagiaan di akhirat.³⁷²

Pengiktirafan terhadap individu yang memiliki ilmu kemahiran ini telah dinyatakan di dalam al-Quran misalnya menerusi surah al-Zumar ayat 9 dan surah al-Mujadalah ayat 11. Menerusi surah al-Zumar Allah S.W.T menunjukkan perbezaan di antara mereka yang melakukan sesuatu dengan ilmu berbanding mereka yang tidak berilmu. Hal ini termasuk juga dari segi ketepatan dan kualiti dan pekerjaan tersebut. Manakala dalam ayat dalam al-Mujadalah pula telah menekankan tentang

³⁶⁵ Fathī Yakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam* (Shah alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008)

³⁶⁶ Fatimah Abdullah, "Virtues and Character Development in Islamic Ethics and Positive Psychology," *International Journal of Education and Social Science* 1, 2(September 2014); Peter M. Gollwitzer, "Implementation Intentions, American Psychologist," *American Psychological Association, Inc.* 54, 7(1999), 493-503; Ralf Schwarzer, "Modeling Health".

³⁶⁷ Al-Qur'ān : Surah al-An'am, ayat 116,

³⁶⁸ Al-Qur'ān : Al-Ahzab, ayat 67

³⁶⁹ Al-Qur'ān : Surah al-Anbiya', ayat 37

³⁷⁰ Abbas Husein Ali, "The Nature of Human Disposition: Al-Ghazālī's Contribution to an Islamic Concept of Personality," *Intellectual Discourse* 3, 1(1995), 51-64.

³⁷¹ Haron Din, *Manusia dan Islam*, ed. 5, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 3:222

³⁷² Kusairi, "Pengembangan Fitrah Manusia dalam Pandangan Pendidikan Islam: Analisis Konsep Pendidikan Anak Menurut Imam Al-Ghazālī" (Tesis Master Universiti Islam Negeri Malang, 2008); Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, xxii.

kelebihan yang diberi oleh Allah S.W.T kepada mereka yang memiliki kemahiran berbanding mereka yang tiada.³⁷³ Selain itu, sejarah penurunan ayat al-Quran secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad S.A.W serta ilmu *asbab al-nuzul* yang menjelaskan sebab sesuatu ayat diturunkan menjadi bukti jelas tentang keperluan suatu usaha dilakukan secara bersistem atau strategi mengikut keperluan semasa.³⁷⁴

Justeru, para sarjana Muslim amat menekankan kepentingan mengatur pelbagai usaha dan strategi sebagai sokongan untuk membentuk pengaruh motivasi pembangunan diri yang berkesan.³⁷⁵ Sebagai contoh, Ibn Khaldun menjelaskan bahawa setiap individu lebih bersemangat membentuk azam dan mempunyai potensi untuk berubah ke arah yang lebih baik sekiranya perancangan pembangunan yang rapi dan tersusun dapat dilakukan.³⁷⁶ Hal ini kerana, perancangan ini dapat memberikan gambaran tentang peluang positif yang diperoleh untuk membangunkan diri sekaligus meningkatkan keyakinan diri individu.³⁷⁷

Lebih penting, kesemua proses di atas akan menjadi lengkap dan segala perancangan yang telah diatur dapat dilaksanakan dengan baik jika remaja memiliki keikhlasan hati. Bagi tujuan tersebut, remaja mesti mempunyai hubungan yang erat dengan Allah S.W.T. Maka, elemen ketiga dalam konsep *tazkiyah al-nafs* yang boleh diterapkan ialah *mur'āqabah* atau pengawasan diri.³⁷⁸ *Mur'āqabah* bermaksud berwaspada dengan sebarang penyakit rohani yang terdapat dalam jiwa. Ia melibatkan proses memeriksa semula keadaan hati serta mendekatkan diri dengan

³⁷³ Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkeflee Haron, *Kemahiran Generik menurut Perspektif Islam*, (Skudai: Penerbitan UTM Press, 2012), 15-16.

³⁷⁴ Ariffin, *Psikologi Da'wah: Satu Pengantar Studi* (Jakarta: BA 1991); Al-Qaṭṭān, *Manna' Mabaiḥiṭ fi 'Ulum al-Qur'ān* (al-Risalah, 1976), 106.

³⁷⁵ Suhaimi Mohd Sarif dan Yusof Ismail, "Spirituality in Business Ethics from an Islamic Perspective," dalam *Spirituality in Management from Islamic Perspectives*, ed. Ahad M. Osman Ghani dan Suhaimi Mohd Sarif (Selangor: IIUM Press, 2011), 120. Sayyid Muhammad az-Za'balawi, *Tarbiyyatul al-Murāḥiq baina al-Islām wa Ilmin Nafs*, 185-371.

³⁷⁶ Mohd Kamil Abd. Majid dan Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Perubahan Sosial dan Impaknya, 14.

³⁷⁷ Abd Aziz Mohd. Zin, *Psikologi Dakwah*, 191.

³⁷⁸ Malik Badri, *Contemplation*, 21-36; Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami: Studi tentang Elemen Psikologi dari al-Qur'ān*, 227-235; Malik Badri, *al-Tafakkur min al-Mushahadah ila al-Shuhud* (Herndon: IIT Publication, 1993), 23.

Allah S.W.T. dengan cara membina keyakinan tentang kewujudan Allah yang sentiasa melihat dan memerhati, memikirkan kebesaran dan kekuasaan-Nya serta memohon pertolongan-Nya dengan penuh kerendahan hati.³⁷⁹ Dalam proses ini, remaja perlu memeriksa hati mereka sama ada azam pembangunan diri yang ingin dilaksanakan ditujukan semata-mata kerana Allah S.W.T atau bercampur dengan keinginan hawa nafsu. Sekiranya terdapat tujuan yang disasarkan kepada selain Allah, remaja perlu segera membuang perasaan tersebut dan memperbetulkan semula niat.³⁸⁰ Oleh itu, dengan perlaksanaan proses ini bukan sahaja dapat membantu remaja memiliki kekuatan dan kesedaran rohani bahkan secara tidak langsung membantu memudahkan perjalanan diri remaja dalam proses pembangunan diri selaras dengan kehendak Islam.

Ringkasnya, ketiga-tiga elemen yang terkandung dalam konsep *tazkiyah al-nafs* iaitu *mu'atabah*, *mushāraṭah* dan *mur'āqabah* sebagaimana yang dicadangkan berfungsi sebagai satu bentuk sokongan terhadap proses menstrukturkan emosi dan pemikiran remaja yang membawa kepada proses seterusnya iaitu pembentukan hasrat dan niat.

b) Pembentukan Hasrat dan Niat.

Proses kedua yang perlu disuntik di fasa ini ialah pembentukan hasrat. Dalam konteks kajian ini, pembentukan atau penetapan hasrat ini adalah bertujuan untuk menghasilkan niat yang benar-benar ikhlas kerana Allah S.W.T. Pembinaan hasrat dan niat seperti ini penting bagi membekalkan kekuatan dalam jiwa dalaman remaja dalam proses pembangunan diri.³⁸¹ Hal ini kerana, pembentukan hasrat dan niat yang

³⁷⁹ *Ibid.*; Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 3:

³⁸⁰ *ibid.*

³⁸¹ Md. Noor Saper, "Pembinaan Modul Bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' Dan Kesannya Ke Atas Religiositi dan Resiliensi Remaja" (Tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2012); Abdul Latif Abdul Razak, et.al "Iman Restoration Therapy (IRT): A New Counseling Approach and its Usefulness in Developing Personal Growth of Malay Adolescent Clients," *Revelation and Science* 01, no.03, (1433H/2011), 97-107; Roslee Ahmad et al., "*Amar Makrūf Nahi Mungkar*, (2013), 160-166.

ikhlas dapat menambahkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.,³⁸² selain membina komitmen, rasa tanggungjawab dan juga kesungguhan pada diri remaja. Kesemua ini akan menjadikan motivasi pembangunan diri remaja lebih kuat dan stabil meskipun terpaksa menempuh apa jua situasi, halangan dan cabaran. Huraian lanjut berhubung pembentukan hasrat dan niat ini adalah sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini pada bahagian elemen motivasi pembangunan diri remaja.

iii) Fasa III: Perlaksanaan

Fasa ini menjelaskan situasi remaja selepas mendapat suntikan motivasi daripada program yang diikuti. Dalam konteks kajian ini, fasa ketiga bermula sebaik sahaja remaja selesai mengikuti program sehingga enam bulan berikutnya. Sebagaimana fasa dua, fasa ini juga melibatkan dua proses penting yang perlu dilalui oleh remaja iaitu; pertama, proses pembentukan inisiatif iaitu apa jua tindakan yang membolehkan perlaksanaan hasrat yang telah ditetapkan pada fasa dua. Manakala, proses kedua membentuk konsistensi dan pengekalan dalam perlaksanaannya sehingga terbentuk akhlak.

Fasa perlaksanaan ini adalah penting kerana, hasrat untuk membangunkan diri tidak dapat dicapai sekiranya usaha perlaksanaan hasrat tersebut tidak dilakukan. Berhubung kenyataan ini, Bandura menyebut: *“Neither intention nor desire alone has much effect if people lack capability for exercising influence over their own motivation and behavior”*.³⁸³ Bersetuju dengan hal ini Jutta Heckhausen dan Richard Schulz menyatakan inisiatif untuk membangunkan diri akan terbentuk di fasa ini

³⁸² *Ibid.*

³⁸³ Albert Bandura, *Social Foundations of Thought and Action*, 53.

sekiranya remaja diberikan ruang dan peluang untuk melakukannya.³⁸⁴ Shwarzer pula dalam mengulas tentang peluang menyebut : ³⁸⁵

If the appropriate opportunity for a desired action is clear defined the probability of procrastinate reduced. People take initiative when the critical situation arises and they give the action a try.

Perkara yang sama juga telah ditakankan dari perspektif psikologi Islam. ‘Uthman Najātī dalam mengulas tentang hal ini menyatakan peluang adalah perkara atau peristiwa yang membuatkan individu lebih bersedia dan terdorong untuk melakukan sesuatu perbuatan.³⁸⁶ Mengulas dengan lebih lanjut sebarang peneguhan, cerita berpengajaran ataupun ruang berlakunya peristiwa-peristiwa penting adalah contoh peluang yang baik untuk mendorong tingkah laku individu.³⁸⁷

Sehubungan itu, pada fasa III, elemen motivasi yang memberikan peluang bagi menggalakkan dan memudahkan lagi proses pembentukan inisiatif dan pengekalan perlu diberi. Remaja pada fasa ini memerlukan suntikan motivasi yang dapat menambah kekuatan diri, semangat dan keyakinan diri serta kepercayaan terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T.³⁸⁸ Di samping itu, pelbagai bentuk sokongan daripada persekitaran juga diperlukan termasuk suasana persekitaran yang positif dan kondusif, guru, rakan, ibu bapa dan masyarakat sekeliling.³⁸⁹

Berbalik kepada konsep *tazkiyah al-nafs* yang telah disarankan bagi model ini, elemen *mujāhadah*, *muḥāsabah* dan *mu’aqabah* adalah bentuk sokongan motivasi yang sesuai diberikan kepada remaja pada fasa ini bagi tujuan pembinaan

³⁸⁴ Jutta Heckhausen dan Richard Schulz, "A Life Span," 284-304.

³⁸⁵ Ralf Schwarzer "Social-cognitive factors in changing health-related behaviors." *Current directions in psychological science* 10, no. 2 (2001): 47-51.

³⁸⁶ ‘Uthmān Najātī, *‘Ilmu an-Nafs al-Islamī* (Al-Qāhirah: Dār al- Shurūq, 1968).39-67

³⁸⁷ *Ibid.*

³⁸⁸ Al-Ghazālī, *Kimiya’ al-Sa’adah* (Tehran, 1919), 1-11. Yusuf al-Qaradawī, *Al-Ṣabr fi al-Qur’an* (al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1977), 112.

³⁸⁸ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*, 91.

³⁸⁸ Al-Rāzī, *Tib al-Ruhani: The Spiritual Physick of Rhazes*, terj. Arberry (London: John Murray, 1950), 22.

³⁸⁹ Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33.; Malik Badri, *Contemplation*, 21-35; Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*, 3741; Fatimah Abdullah, "Psycho-Spiritual Well-Being", 150.

kekuatan jiwa dan konsistensi diri. Elemen *mujāhadah* merupakan elemen utama yang diperlukan bagi membina kekuatan jiwa dan mengoptimumkan keupayaan potensi al-ruh iaitu akal dan hati bagi melawan kehendak hawa nafsu agar perancangan dan matlamat pembangunan diri yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan.³⁹⁰

Kepentingan melakukan *mujāhadah* dalam proses pembangunan diri ini telah ditekankan dalam banyak ayat al-Quran misalnya menerusi firman Allah S.W.T :

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Al-Ankabut 29 : 69

Terjemahannya : dan orang yang berusaha bersungguh-sungguh kerana kami, sesungguhnya kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan kami dan sesungguhnya Allah beserta dengan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Bagi merealisasikan elemen *mujāhadah*, mental dan fizikal remaja perlu dipastikan bekerja keras bagi memberi tumpuan terhadap pencapaian matlamat yang ditetapkan.³⁹¹ Justeru, remaja perlu melatih diri melakukan amalan-amalan yang baik secara berterusan.³⁹² Namun begitu, perkara ini menjadi sukar sekiranya masih terdapat tabiat atau akhlak buruk di dalam diri remaja.³⁹³ Bagi mengatasi hal ini, remaja perlu memaksa dan melatih diri dengan bersungguh-sungguh untuk meninggalkan tabiat buruk tersebut melalui disiplin diri secara konsisten.³⁹⁴ Dalam hal ini, remaja perlu memohon rahmat Allah supaya dapat mengatasi kelemahan manusiawi dan perlindungan dari bisikan syaitan yang menguasai jiwa.³⁹⁵ Pada

³⁹⁰ Al-Ghazālī, *Kimiya' al-Sa'adah*, 1-11. Yusuf al-Qaradawi, *Al-Ṣabr fi al-Qur'an*, 112.

³⁹¹ Abul Quasem, *The Ethics*, 91.

³⁹² Al-Rāzī, *Tib al-Ruhani*, 22.

³⁹³ *Ibid.*; Abū Dāud, Sulaimān Ibn al-Ash'āth, *Sunan* (Riyādh: Maktabah al-Makkiyyah, t.t.), 127.

³⁹⁴ Mohammed Galib Hussain and S.Y. Anver Sheriff, *Islamic Theory of Motivation, Insight from the Qur'an and the Sunnah*, (USA: LAP Lambert Academic Publishing, 2011) 111-112.

³⁹⁵ Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Hanit Osman, *Kaunseling Dalam Islam*, (Negeri Sembilan: Penerbit USM, 2014), 122.

masa yang sama, kaedah peneguhan melalui ganjaran dan hukuman juga diperlukan untuk merangsang disiplin diri dan pembentukan akhlak.³⁹⁶ Hakikatnya, Islam menuntut agar setiap usaha dilakukan secara sederhana namun berterusan. Oleh itu, kejayaan kecil melakukan perubahan wajar diraikan dan diberikan ganjaran.³⁹⁷ Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi remaja untuk membuang tabiat lama, malah berupaya menambah keyakinan mereka terhadap kemampuan diri untuk membangunkan diri.³⁹⁸

Selain itu, Ibn Miskawayh mencadangkan supaya remaja membina suasana persekitaran serta lingkungan interaksi sosial yang baru untuk mengelakkan diri dari terus melakukan tabiat lama.³⁹⁹ Manakala, Al-Ghazālī pula menyarankan supaya remaja membina perhubungan dengan mentor atau guru yang alim dan soleh agar pelbagai ilmu serta nasihat sentiasa diperoleh untuk memperbaharui motivasi dan menambah kemahiran mereka.⁴⁰⁰

Bagi memastikan diri remaja sentiasa berada di landasan yang betul serta terus bermotivasi mengharungi pelbagai cabaran dan masalah, elemen *muḥāsabah* atau perhitungan diri perlu diterapkan.⁴⁰¹ Menurut Nasih Ulwan, *muḥāsabah* adalah perhitungan kembali seorang mukmin terhadap amalan dirinya.⁴⁰²

³⁹⁶ Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*.283-285

³⁹⁷ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*; Wan Mazwati Wan Yusoff, "The Impact of Prophet Muhammad Motivation Techniques on Student Performance," *Social and Behavioral Sciences* 69, (2012), 1700-1708; Muhammad Shobirin, "Implementasi Metode *Tarhib* dan *Tarhib* dalam Pembelajaran Aqidah Akhlak untuk Mengembangkan Kepribadian Siswa SDI Nurul Qur'an Kudu Genuk Semarang," *Innovative Journal of Curriculum and Educational Technology* 1, no. 1, (2012).

³⁹⁸ Fatimah Abdullah, "Virtues and Character.," Ibn Qayyim, *Medicine of the Prophet* (United Kingdom, The Islamic Texts Society, 1998), 151.

³⁹⁹ Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33; Malik Badri, *Contemplation*, 21-35; Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*, 3741; Fatimah Abdullah, "Psycho-Spiritual Well-Being," 150.

⁴⁰⁰ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*.

⁴⁰¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Fawa'id* (Beirut: Dar al-Nafa'is, 1984), 173; Malik Badri, *al-Tafakkur*, 23-25.

⁴⁰² 'Abd Allāh Nāṣih Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlad Fī al-Islām* (t.tp.: Dār al-Fikr, 1996).610-616

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Hasyr ayat 18 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Surah Al-Hasyr 59 : 18

Terjemahannya : Wahai orang-orang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah, dan setiap diri hendaklah melihat apa yang telah berlalu dari amalan-amalannya untuk hari esok, dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu lakukan.

Muḥāsabah ini perlu dilaksanakan dengan cara mengkoreksi diri sejauh mana perancangan dan matlamat telah cuba dicapai.⁴⁰³ Remaja juga perlu mengenal pasti sekiranya terdapat perbuatan yang dilakukan melanggar perjanjian dan berazam tidak akan mengulanginya.⁴⁰⁴ Langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi memperbaiki amalan-amalan yang telah lalu juga hendaklah difikirkan.⁴⁰⁵ Antaranya, memperbaharui motivasi diri serta menguasai kemahiran mengawal kemerosotan motivasi menerusi pengurusan tekanan mental-emosi. Kesemua ini membantu dalam membina kekuatan jiwa dan semangat yang berterusan. Selain itu, pendekatan dan strategi yang berbeza-beza yang boleh mengikut keperluan dan keadaan motivasi diri remaja sepanjang proses tersebut dipraktikkan juga perlu difikirkan supaya meninggalkan impak yang benar-benar berkesan.⁴⁰⁶

⁴⁰³ Nurdeen Deuraseh dan Mansor Abu Talib, "Mental Health in Islamic Medical Tradition," *The International Medical Journal* 4, 2 (Dec 2005).

⁴⁰⁴ Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Hanit Osman, *Kaunseling Dalam Islam*, 122.

⁴⁰⁵ 'Abd Allāh Nāṣiḥ Ulwān., *Tarbiyyah al-Awḷād Fī al-Islām* (t.tp.: Dār al-Fikr, 1996). 610-616.

⁴⁰⁶ Seth M. Noar, et al., "Does Tailoring Matter?," 673-693.

Dengan ini, remaja dapat mengingatkan semula diri tentang matlamat yang ingin dicapai, mengenal pasti kekurangan dan kelebihan diri, memperbaiki kualiti diri, serta menguatkan lagi pergantungan kepada Allah.⁴⁰⁷

Dengan kata lain, proses ini membantu remaja menstrukturkan semula pemikiran serta membina pendekatan atau strategi yang baru bagi membolehkan mereka memperbaiki diri dan memberi tumpuan terhadap matlamat dan penyelesaian masalah.⁴⁰⁸ Pendekatan *muḥāsabah* sesuai diaplikasikan ke arah pembentukan konsistensi motivasi dan membentuk pengekalan tingkah laku pembangunan diri. Hal ini kerana, *muḥāsabah* berupaya membantu remaja memperbaharui motivasi sedia ada, menstrukturkan pemikiran, membina disiplin,⁴⁰⁹ menambahkan keyakinan diri serta menguatkan pergantungan kepada Allah S.W.T.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, membentuk pengaruh motivasi yang berkesan pada diri remaja perlu kepada tindakan untuk melaksanakan perancangan dan matlamat yang telah ditetapkan serta konsisten dalam melakukannya. Walau bagaimanapun, bermula dari langkah pertama remaja membentuk inisiatif, pelbagai cabaran dan halangan juga mula berlaku.⁴¹⁰

⁴⁰⁷ Mohamed Hatta Shahrarom, *Psikologi dan Kaunseling Remaja: Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri* (Kuantan: PTS Publication and Distributors, 2003), 2, 8 dan 9; Sa'īd Ḥawwā, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus* (Beirut: Dār 'Ammar, t.t.), 10; Mohd Sulaiman Yasin, *Akhlak dan Tasawuf* (Bangi: Yayasan Salman, 1992), 219-220. Keterangan lanjut mengenai konsep *tazkiyah al-nafs* boleh dirujuk daripada, Che Zarrina Sa'ari, "Purification of Soul According to Sufism: a Study of Al-Ghazālī's Theory," *Afkar* 3 (Mei-Jun 2002), 95-112.

⁴⁰⁸ *Ibid.*

⁴⁰⁹ Abdul Latif Abdul Razak, "The Impacts of Globalization on Mental Disorders: An Effective Solution From Islamic Perspective," *Journal of Islam in Asia, Special* 2, (June, 2011).

⁴¹⁰ Albert Bandura, *Social Cognitive Theory of self-Regulation, Organizational Behavior, Human Decision Processes*, 50, 248-287; Ralf Schwarzer, "Social-Cognitive."

Oleh itu, jika tiada semangat yang kuat serta kepercayaan yang teguh terhadap keupayaan diri dan pertolongan Allah S.W.T, remaja akan mudah mengalah dan berputus asa.⁴¹¹ *Muḥāsabah* membantu remaja mengembalikan semula semangat mereka.

Selain elemen *muḥāsabah*, remaja perlu diterapkan dengan elemen *mu'aqabah*. *mu'aqabah* ini bermaksud mendenda diri atau menghukum diri setelah melakukan kesilapan⁴¹² Tujuan *mu'aqabah* ini ialah untuk melahirkan keinsafan dalam diri, membina semula kesedaran dan mengukuhkan pembentukan tabiat dan akhlak yang baik.⁴¹³ Berpandukan kepada elemen ini, remaja perlu mendisiplinkan diri dengan menetapkan denda bagi setiap perbuatan yang melanggar perjanjian, perancangan dan peraturan yang ditetapkan dalam mencapai matlamat.⁴¹⁴

Dalam proses pembangunan diri denda yang ini boleh dilakukan dengan perbuatan yang bertentangan dengan kesalahan yang dibuat.⁴¹⁵ Al-Ghazālī memperkenalkan kaedah ini sebagai kaedah rawatan praktikal yang digunakan untuk menguatkan lagi jiwa individu.⁴¹⁶ Perbuatan yang bertentang dengan kesalahan tersebut apabila dilakukan secara berulang akan memberi kesan dalam diri remaja. Kesan inilah yang menguatkan jiwa seterusnya membantu penyingkiran tabiat yang

⁴¹¹ Adibah Abdul Rahim, "General Overview on The Study of Islamic Ethics" dalam Fatimah Abdullah, *Psycho-Spiritual Well-Being*, (t.t), 29-31; Ahmad Munawar Ismail et al., "The Development of Human Behavior: Islamic Approach," *Jurnal Hadhari* 3, 2(2011), 103-116; Ahmad Ibn Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33; Malik Badri, *Contemplation*, 21-35; Abu Zayd al-Balkhi, *Masalih al-Abdan wa al-Anfus*, 236-284; Fatimah Abdullah, "Psycho-Spiritual Well-Being", 150.

⁴¹² 'Abd Allāh Nāṣiḥ Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlad Fī al-Islām* (t.tp.: Dār al-Fikr, 1996). 610-616.

⁴¹³ *Ibid.*

⁴¹⁴ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*; Al-Hārith bin Asad al-Muḥāsibī, *al-Masā'il fī A'māl al-Qulūb wa al-Jawārīḥ* (al-Qāhirah: 'Alam al-Kutub, 1929), 119. Ibrahim Hilal, *Tasawuf antara Agama dan Filsafat*, terj. Ija Suntana dan E. Kusdian (Jakarta: Pustaka Hidayah, 2002), 77.

⁴¹⁵ *Ibid.*

⁴¹⁶ Abū Zayd Aḥmad ibn Sahl, Al-Balkhī *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus* (Kuwait: Dār al-Da'wah lī al-Nashr wa al-Tawzi', 1990).

buruk. Abul Quasem dalam memetik kenyataan Al-Ghazālī berhubung kaedah ini menyatakan :⁴¹⁷

The cure of every diseases (of the soul) is by cutting off its substance (madda) and removing its causes (asbab) .. These must be removed by means of their opposites (addad).

Justeru kaedah *mu'āqabah* ini, bukan sahaja membantu memperbaiki diri dan mendisiplinkan diri remaja dalam tempoh yang singkat, bahkan secara tidak langsung membantu remaja mengikis tabiat buruk yang ada dalam diri dengan mudah.⁴¹⁸ Akhirnya, hasil dan kesan dari perbuatan yang dilakukan di fasa ini akan dinilai semula sebagai rujukan untuk membentuk dan menentukan tingkah laku pembangunan diri mereka pada masa hadapan.⁴¹⁹

Secara keseluruhannya, pembentukan motivasi diri remaja melibatkan tiga proses utama iaitu suntikan elemen motivasi yang dapat merangsang motivasi diri, membentuk tingkah laku dan akhirnya mengekalkan konsistensi motivasi pembangunan diri. Memandangkan terdapat kemungkinan proses boleh diganggu oleh pelbagai faktor, maka keperluan terhadap pembentukan suatu pengaruh serta kefahaman terhadap fungsi pelbagai elemen motivasi adalah penting supaya elemen motivasi yang diberi benar-benar berkesan untuk membentuk pengaruh tersebut. Jadual 2.7 menjelaskan elemen motivasi pembangunan diri remaja menurut Islam.

⁴¹⁷Abul Quasem, *The Ethics*; Al-Hārith bin Asad al-Muḥāsibī, *al-Masā'il fī A'māl al-Qulūb wa al-Jawārīh* (al-Qāhirah: 'Alam al-Kutub, 1929), 119. Ibrahim Hilal, *Tasawuf antara Agama dan Filsafat*, terj. Ija Suntana dan E. Kusdian (Jakarta: Pustaka Hidayah, 2002), 77.

⁴¹⁸ *Ibid.*


⁴¹⁹ *Ibid.*

Jadual 2.1: Elemen Motivasi Pembangunan Diri Remaja Menurut Islam

Elemen Motivasi	Strategi	Fasa Motivasi Pembangunan Diri
Potensi al-ruh Elemen Persekitaran Akhlak	Pelbagai	Fasa I: Pra-Pencetusan
<i>Mu'atabah</i> <i>Mushāraṭah</i> <i>Mur'aqabah</i> Niat	Memberi kesedaran dan penyesalan Membetulkan pemikiran Membina kepercayaan Membentuk Matlamat Memberi kemahiran merancang Memberi kemahiran mengurus masalah Memberi kemahiran mengurus tekanan Memberi kemahiran mengawal motivasi Membina keazaman	Fasa II: Pencetusan, Penilaian dan Penetapan
<i>Mujāhadah</i> <i>Muḥāsabah</i> <i>Mu'aqabah</i>	Membina semula keyakinan dan kepercayaan Membentuk sokongan persekitaran Merangsang <i>muḥāsabah</i> Memberi peneguhan (ganjaran dan hukuman)	Fasa III: Perlaksanaan

Sumber: Al-Ghazālī, 1989, 2010, 2013; Ibn Miskawayh, 1968, t.t.; al-Razi, 1950.

Rajah 2.2. di bawah pula meringkaskan model pengaruh motivasi pembangunan diri remaja dan elemen-elemen motivasi yang digunakan.



Rajah 2.2 Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja

Sumber: Al-Ghazālī 1986, 1989, Hassan Langgulung, 1986, ‘Uthman Najātī 1968, 1993, Ibn Qayyim al-Jawziyyah t.t, 1984, Naquib al-Attas 1990, Muhammad Al-Fārābī 1996, Mohd Qutb 1993, Sulaymān Al-Ashqar 1981, Miskawayh 1961, Al-Balkhī 1984, Schwarzer et.al 2011, Schwarzer 1998, Prochaska & DiClemente, 1983, Prochaska et. al., 2008, Bandura, 1986

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya remaja adalah individu yang sedang mengalami tahap perkembangan hidup yang begitu aktif. Corak kehidupan yang kompleks adalah cabaran yang besar dalam proses membangunkan diri mereka. Justeru, usaha-usaha merangsang motivasi pembangunan diri remaja tidak harus dipandang ringan. Dalam hal ini, untuk merangsang motivasi pembangunan diri remaja harus dimulai dengan memahami diri mereka serta faktor-faktor yang dapat mencetuskan motivasi diri mereka untuk membangunkan diri. Ini supaya elemen motivasi yang disuntik adalah

elemen yang tepat dan bersesuaian dengan diri mereka dan tahap motivasi mereka. Bagi memberikan suntikan yang tepat dan bersesuaian ini, pelbagai usaha telah diketengahkan oleh ahli psikologi Barat mahupun Islam. Namun, inisiatif yang diketengahkan oleh Islam berasaskan kepada konsep *tazkiyah al-nafs* dan pembentukan niat dilihat bersifat lebih komprehensif. Konsep niat dan *tazkiyah al-nafs* yang telah dibahasakan bukan sekadar berfungsi untuk memperbaiki diri remaja dalam pelbagai aspek sosial, pemikiran dan kepercayaan, terhadap kehidupan bahkan ia berfungsi sebagai sistem sokongan dalam membantu remaja mengekalkan konsistensi dalam motivasi pembangunan diri dalam jangka masa yang cukup panjang.

BAB 3 : METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Metodologi dan prosedur pelaksanaan kajian adalah nadi yang menghasilkan kajian ini dan memastikan objektif tercapai. Pada bab ini, kajian akan menghuraikan keseluruhan metodologi dan prosedur kajian yang digunakan. Kesemuanya adalah terdiri daripada paradigma falsafah yang menentukan perjalanan pelaksanaan kajian, kaedah rekabentuk kajian yang dipilih serta prosedur-prosedur terlibat termasuk prosedur pengumpulan data, pemilihan informan dan prosedur analisis data kajian.

3.2 Kajian Kualitatif

Kajian ini adalah kajian *exploratory*⁴²⁰ yang bertujuan untuk memahami secara mendalam bagaimana suatu pengaruh motivasi berlaku dalam proses pembangunan diri remaja khususnya kepada remaja peringkat awal.⁴²¹ Dalam hal ini, pengaruh elemen motivasi kepada remaja yang mengikuti Program Motivasi Alihan Pelajar (MAP) cuba dikenalpasti.⁴²² Bagi tujuan tersebut beberapa objektif telah disasarkan iaitu :

1. Membincangkan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja menurut perspektif Islam

⁴²⁰ Kajian *exploratory* dijalankan apabila hanya terdapat terlalu sedikit maklumat atau tiada maklumat awal berhubung dengan subjek di bawah kajian. <http://lynn-library.libguides.com/> dicapai pada 11 Mei 2017.

⁴²¹ Dalam kajian ini, bagi menjawab dua isu utama seperti yang dikemukakan dalam Bab 1, pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri informan dikaji secara mendalam. Kaedah *exploratory* digunakan bagi menjalankan kajian secara terperinci dan lebih sistematik untuk menggali jawapan tentang apa, mengapa dan bagaimana realiti pengaruh motivasi tersebut berlaku dalam satu tempoh jangka masa yang panjang pada diri informan.

⁴²² Program Motivasi Alihan Pelajar dalam kajian ini bukanlah subjek utama yang ingin dikenalpasti keberkesanannya. Sebaliknya, program ini hanya sebagai lokasi yang dipilih untuk mendapatkan informan bagi mengetahui bagaimana pengaruh motivasi berlaku dalam proses pembangunan diri mereka. Pemilihan Program Motivasi Alihan Pelajar sebagai lokasi mendapatkan informan adalah sebagaimana yang telah dijelaskan pada bahagian Skop Kajian dalam Bab 1.

2. Mengenalpasti proses pembangunan diri remaja sebelum mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar
3. Menganalisis faktor pembentukan komitmen pembangunan diri remaja semasa mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar
4. Menganalisis pembentukan pengaruh elemen motivasi dalam proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri remaja yang mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang dilaksanakan berhubung dengan isu ini, kajian mendapati bahawa pembentukan pengaruh dalam proses pembangunan diri remaja bersifat kompleks dan dinamik. Terdapat pelbagai elemen yang menghubungkan antara diri remaja serta konteks sosialnya terlibat di dalam proses tersebut. Sehubungan itu, kajian menyedari bahawa penyelidikan saintifik yang menggunakan kaedah penomboran tidak dapat membantu pengkaji untuk mamahami fenomena ini secara lebih mendalam.⁴²³ Hal ini kerana, kajian percaya bahawa hanya individu yang berada dalam situasi tersebut sahaja yang dapat menjelaskan bagaimana sebenarnya suatu pengaruh itu terbentuk.⁴²⁴ Dalam hal ini, pengalaman yang dialami sendiri oleh remaja, pandangan dan suara mereka sangat penting dan bermakna.⁴²⁵ Kepercayaan ini didapati selari dengan paradigma falsafah konstruktivist dan interpretif⁴²⁶ yang melihat suatu realiti itu terbentuk melalui hubungan interaksi sosial dan pengalaman.⁴²⁷

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, proses pengaruh motivasi pembangunan diri remaja dari kaca mata Islam adalah

⁴²³ Strauss, A. I., and Corbin, J. M. *Basics of qualitative research: Grounded theory procedures and techniques* (Newbury Park, CA: Sage 1990),17.

⁴²⁴ Stainback, S., and Stainback, *Understanding and conducting qualitative research* (Dubuque, IA: Kendall/Hunt., 1988), 7.

⁴²⁵ *Ibid.*

⁴²⁶ Guba, E. G., & Lincoln, Y. S , “Competing paradigms in qualitative research”, dalam *Handbook of qualitative research*, ed., N. K. Denzin & Y. S. Lincoln, (Thousand Oaks, CA: Sage, 1994), 105-117.

⁴²⁷ *Ibid.*

bermatlamatkan pengabdian kepada Allah S.W.T serta mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Matlamat ini adalah menepati dengan fitrah penciptaan diri remaja itu sendiri yang terdiri daripada elemen jiwa dan jasad. Justeru, pemahaman terhadap kompleksiti dan dinamika proses pengaruh motivasi pembangunan diri remaja dalam kajian ini bukan sahaja melibatkan interaksi sosial dan pengalaman tetapi lebih holistik dan komprehensif selaras dengan prinsip Islam.⁴²⁸ Dalam hal ini, pengalaman, pandangan dan suara remaja akan diinterpretasi melalui elemen material dan kerohanian dengan meliputi penerokaan menyeluruh terhadap elemen jasad, kejiwaan dan konteks sosial diri remaja.⁴²⁹ Oleh itu, asas yang digunapakai oleh falsafah konstruktivist dan interpretif yang dintegrasikan dengan paradigma Islamik akan diaplikasikan menerusi kajian ini.

Berasaskan kepada paradigma tersebut kaedah kajian secara kualitatif adalah kaedah yang paling sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Hal ini kerana, kajian secara kualitatif ini membolehkan pengkaji untuk memperoleh maklumat secara lebih dekat dengan informan.⁴³⁰ Kajian berhubung dengan pengalaman, pandangan, sikap, kepercayaan dan motif perbuatan informan dapat diperoleh secara lebih holistik dalam konteks sebenar diri mereka.⁴³¹ Kaedah ini bertepatan dengan data-data yang diperlukan oleh kajian untuk mengetahui bagaimana informan melihat dan menginterpretasikan diri dan pengalaman proses pembangunan diri mereka. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hesse-Biber & Leavy⁴³²

⁴²⁸ Zahra al-Zeera, *Wholeness and Holiness in Education, An Islamic Perspective* (USA: The international Institute of Islamic Thought, 2001), 103.

⁴²⁹ *Ibid.*

⁴³⁰ Nelson, M. L., & Quintana, S. M. Qualitative clinical research with children and adolescents. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 34, (2005) 344– 356.

⁴³¹ Wiersma, W. *Research methods in education: An introduction*, 6th ed.. (Boston, MA: Allyn and Bacon, 1995).

⁴³² HesseBiber, S.N ., and Leavy, L.P., *The Practice of Qualitative Research*, , (Thousand Oaks, CA: Sage Publicatios 2005), 70.

Qualitative research aims to examine a 'process' or the 'meaning' that people give to their social situation. It does not require a generalization of the findings as in positivist science.

Pelbagai strategi pengumpulan data dibenarkan melalui pendekatan ini untuk mendapatkan maklumat seperti temubual mendalam (*in-depth interview*), analisis dokumen dan observasi. Justeru, menerusi kepelbagaian kaedah ini, pengkaji dapat memahami suatu fenomena yang dikaji dalam keadaan yang lebih natural dan realistik.⁴³³ termasuk penerokaan terhadap elemen-elemen dalaman diri remaja seperti pemikiran, emosi dan jiwa remaja.⁴³⁴ Dalam konteks kajian ini, sepanjang tempoh kajian kaedah pengkajian secara natural tanpa mengenakan sebarang manipulasi telah diaplikasikan terhadap para informan. Informan telah dibiarkan mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar selama dua hari dan menjalani kehidupan seharian mereka seperti biasa selepas daripada mengikuti program tersebut tanpa sebarang gangguan atau kawalan. Strategi ini bagi membolehkan penerokaan terhadap proses sebenar pengaruh motivasi pembangunan diri remaja dapat difahami dan dikenalpasti secara mendalam dalam konteks diri mereka.⁴³⁵ Selain itu, melalui fleksibiliti strategi pula, data-data yang bersifat induktif boleh diperolehi melalui kajian ini. Misalnya, menerusi kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, kajian bukan sahaja boleh mendapatkan data primer daripada informan. Malah, isi kandungan modul program Motivasi Alihan Pelajar yang diberi kepada mereka juga dapat diteliti dan difahami dengan baik.

Oleh yang demikian, kajian kualitatif ini adalah pendekatan yang benar-benar sesuai dan diperlukan untuk memahami secara mendalam tentang pengaruh elemen motivasi yang berlaku dalam proses pembangunan diri informan kajian.

⁴³³ Patton, M. Q. *Qualitative research and evaluation methods*, 3rd ed., (Thousand Oaks, CA: Sage 2002) 39

⁴³⁴ Zahra al-Zeera, *Wholeness and Holiness in Education, An Islamic Perspective*, 110.

⁴³⁵ Merriam, S. B. *Case study research and case study applications in education* (San Francisco, CA: Jossey-Bass, 1998)

3.3 Kajian Kes

Terdapat pelbagai rekabentuk kajian kualitatif yang telah diperkenalkan oleh para sarjana. Namun, untuk melaksanakan kajian ini pengkaji telah memilih untuk menggunakan rekabentuk kajian kes bagi memahami fenomena di bawah kajian. Pemilihan terhadap kajian kes adalah kerana menurut Creswell, kajian ini membolehkan satu penyelidikan dijalankan ke atas suatu kes atau beberapa kes secara mendalam dan terperinci menggunakan beberapa sumber data.⁴³⁶ Selain itu, sebagaimana yang telah dijelaskan, tujuan utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk memahami suatu fenomena menerusi keaslian dan kesahihan data dan sumber data.⁴³⁷ Ini memerlukan pengalaman natural informan dalam proses membangunkan diri serta maklumat berhubung aspek-aspek 'dalaman' seperti sikap, kepercayaan, perasaan dan sebagainya berpandukan realiti sebenar.

Dengan menggunakan kajian kes, penerokaan ke atas seluruh aspek pengalaman informan tersebut dapat dilakukan melalui kerjasama yang erat antara pengkaji dan informan.⁴³⁸ Menurut Yin, penerokaan ini juga boleh dibuat tanpa perlu mengenakan sebarang manipulasi ke atas diri informan.⁴³⁹ Justeru, kaedah ini didapati bersesuaian dengan kehendak kajian yang memerlukan kedalaman kupasan berhubung dengan persoalan bagaimana dan mengapa fenomena kompleks pengaruh elemen motivasi berlaku dalam konteks realitinya yang sebenar.⁴⁴⁰

⁴³⁶ Yin, R. K. *Case study research: Design and methods*, (Thousand Oaks, CA: Sage 2003), 34.

⁴³⁷ Silverman, D. *Interpreting Qualitative Data: Methods for Analysing Talk, Text and Interaction*. (London: Sage 1993) 91

⁴³⁸ Crouch, Mira, and Heather McKenzie, "The logic of small samples in interview-based qualitative research." *Social science information* 45, no. 4 (2006) 483-499.

⁴³⁹ Patton, M. Q. *Qualitative evaluation and research methods*, 2nd ed., (Newbury Park, CA: Sage 1990).

⁴⁴⁰ Stake, R. E. *The art of case study research*. (Thousand Oaks, CA: Sage, 1995)

Stephen T. Russell, *The Developmental of Non-Formal Education and Youth Development*, 4-H, Center for Youth Development, (The University of California : FOCUS, 2001), 3.

3.3.1 Penentuan Kes

Kes-kes yang boleh dikaji termasuklah individu, suatu proses, organisasi, program atau kumpulan sosial. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kajian kes yang berbentuk kolektif (*collective case-study*) seperti yang diperkenalkan oleh Creswell. Dalam hal ini, kompleksiti berhubung dengan pengaruh elemen motivasi dalam proses pembangunan diri remaja akan cuba dirungkai dengan menggunakan beberapa kes.

Penentuan terhadap kes bagi kajian ini telah dibuat berdasarkan kepada kerangka teori yang melandasi kajian ini. Menurut teori tersebut, remaja yang cuba dipengaruhi melalui suntikan elemen motivasi daripada suatu program, akan membentuk tahap motivasi yang berbeza-beza di sepanjang proses pembangunan diri mereka. Dalam hal ini, tahap motivasi remaja sebelum mengikuti program adalah berbeza dengan tahap motivasi mereka semasa mengikuti program dan selepas beberapa lama keluar dari program. Perbezaan tahap motivasi ini boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor sama ada berpunca dari dalam diri (seperti kepercayaan dan sikap) mahupun dari luar (seperti rakan dan norma masyarakat) yang juga mempengaruhi diri remaja. Kewujudan pelbagai faktor yang memberi kesan terhadap tahap motivasi remaja ini, turut menentukan bagaimana suatu pengaruh elemen motivasi berlaku.⁴⁴¹ Keadaan ini menjadikan proses pengaruh motivasi pembangunan diri remaja suatu fenomena yang begitu kompleks untuk difahami. Penerokaan ini memerlukan penjelasan sendiri secara mendalam daripada individu yang terlibat. Justeru, bagi meneroka fenomena tersebut beberapa orang remaja yang dapat menceritakan pengalaman proses pembangunan diri mereka sebelum, semasa dan selepas menyertai program motivasi telah ditentukan sebagai kes bagi kajian ini. Bagi mengenalpasti kes yang berlaku pada remaja yang mendapat

⁴⁴¹ Huraian lanjut berhubung dengan perbezaan tahap motivasi remaja dalam proses pengaruh motivasi ini boleh dirujuk dalam bab teori kajian (Bab 2) di halaman

suntikan motivasi yang berkonsepkan Islam pula, remaja yang dipilih juga telah dipastikan sebagai individu yang akan menerima suntikan mengikut konsep Islamik tersebut.

Data yang dikumpulkan daripada remaja tersebut adalah terdiri daripada pengalaman berhubung dengan proses dan elemen-elemen internal dan eksternal yang terlibat dalam pembangunan diri mereka, elemen-elemen motivasi yang diperoleh daripada program motivasi serta faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pembentukan motivasi di sepanjang proses pembangunan diri tersebut. Data-data yang diperoleh ini kemudian akan dianalisis untuk menghasilkan tema-tema tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang fenomena pembentukan pengaruh elemen motivasi dalam proses pembangunan diri. Kaedah pemilihan remaja sebagai informan bagi kajian ini akan dijelaskan pada bahagian seterusnya.

3.4 Pensampelan Kajian

Kaedah pemilihan sampel yang betul membolehkan data diperoleh adalah tepat dan menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, kaedah *purposive* dan *convenience sampling* telah digabungkan untuk mendapatkan informan kajian.⁴⁴² Kaedah *purposive sampling* digunakan bagi memastikan pemilihan informan benar-benar menepati kehendak kajian dan kriteria yang telah ditetapkan.⁴⁴³ Sebagaimana yang dijelaskan oleh Craswell :⁴⁴⁴

“the inquirer selects individuals and sites for study because they can purposefully inform an understanding of the research problem and central phenomenon in the study”

⁴⁴² Othman Talib, dicapai 23 Ogos 2015, <http://drotspss.blogspot.my/2010/11/tajuk-20-purposive-atau-convenience.html>

⁴⁴³ Creswell, J. W., *Research design: Qualitative and quantitative approaches*, 2nd edition, (London, England: Sage 1994).

⁴⁴⁴ Creswell, J. W., *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). (Thousand Oaks, CA: Sage., 2007), 125.

Sementara kaedah *convenience sampling* pula digunakan bagi memudahkan proses mendapatkan informan selain mengurangkan kos dan menjimatkan masa.⁴⁴⁵

Beberapa kriteria yang telah ditentukan untuk pemilihan informan ialah :

1. Remaja peringkat awal iaitu berumur 13 tahun hingga 15 tahun. Kriteria ini dipilih kerana remaja peringkat awal adalah mereka yang mengalami tahap perkembangan yang paling aktif berbanding remaja di peringkat akhir.⁴⁴⁶
2. Remaja yang mengikuti mendapat mengikuti program motivasi sehingga selesai(dua hari) dari pusat motivasi yang dipilih.
3. Sukarela untuk menjadi peserta kajian dan berkongsi pengalaman secara mendalam.
4. Bersetuju untuk hadir dalam dua sesi temubual dalam tempoh enam bulan kajian.

Dalam kajian ini, Pusat Motivasi Alihan Pelajar (MAP) telah dipilih sebagai lokasi untuk mendapatkan informan kajian. Menerusi kaedah *convenience sampling*, remaja yang telah berdaftar sebagai peserta untuk menyertai program motivasi di pusat tersebut telah dihubungi untuk dijemput bagi mendengar penjelasan berhubung dengan pelaksanaan kajian pada hari pertama program. Ibu bapa dan peserta yang menandatangani borang persetujuan untuk menyertai kajian telah dipilih sebagai informan.

⁴⁴⁵ Pranee Liamputtong, Haliza Mohd Riji dan Syed Tajuddin Syed Hassan, *Qualitative Research Methods in Health, Fundamental and Relevance*, (Selangor: UPM Press, 2015) 32.

⁴⁴⁶ Jacquelynne S. Eccles & Carol Midgley. *Change in Academic Motivation and Self-perception During Early Adolescence*, dalam (eds) Raymond Montemayor et.al, *From Childhood to Adolescence : A Transitional Period, Advance in Adolescent Development , An Annual Books Series*, Vol 2, (California : SAGE Publication Inc., 1990),

Seramai lima orang remaja telah dipilih sebagai informan bagi kajian ini.⁴⁴⁷

Pembentukan saiz sampel yang kecil tersebut adalah untuk membolehkan penerokaan terhadap kes secara mendalam dilakukan. Guest dalam hal ini menjelaskan : ⁴⁴⁸

“No description of how saturation might be determined and no practical guidelines for estimating sample sizes for purposively sampled interviews”

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, fokus kajian ini adalah untuk mendapatkan pengalaman diri remaja termasuk aspek-aspek ‘dalaman’ diri mereka. Pelbagai aspek termasuk aspek ‘dalaman’ diri remaja tersebut akan diterokai secara terperinci semasa mengumpulkan data. Menurut Bryman, penggunaan terlalu banyak kes adalah tidak praktikal untuk mendapatkan data yang kaya dan mendalam.⁴⁴⁹ Hal ini kerana, ia akan menyebabkan data menjadi lebih kompleks dan sukar untuk diurus. Dalam hal ini, data yang diperoleh daripada lima orang peserta ini bukan untuk digeneralisasikan. Sebaliknya bertujuan untuk memahami dengan baik dan mendapatkan perincian yang jelas berhubung dengan perspektif pengalaman sebenar informan yang masih jarang diterokai serta kurang mendapat perhatian. Penggunaan saiz sampel ini juga menepati pendapat yang dikemukakan oleh Polkinghorne. Menurut beliau, 5 hingga 25 adalah jumlah sampel yang memadai bagi menjalankan kajian kualitatif secara mendalam.⁴⁵⁰ Selain itu, Kuzal yang turut menyokong pendapat ini Polkinghorne menjelaskan, bagi sampel homogenous atau sampel yang berkongsi sama kriteria, bilangan 5 hingga 8 orang

⁴⁴⁷ Pada awalnya, seramai 10 orang remaja telah dihubungi sebagai jemputan untuk menyertai kajian ini. Walau bagaimanapun, setelah taklimat dan sesi temu bual pertama dilaksanakan, seramai lima orang remaja telah menarik diri untuk terus menyertai kajian sehingga selesai. Oleh kerana kajian ini memerlukan individu remaja yang benar-benar sukarela menceritakan pengalaman proses pembangunan diri mereka secara mendalam, penarikan diri adalah dibenarkan serta tidak dihalang.

⁴⁴⁸ Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L., How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability, *Field Methods*, 18(1), 59-82. . (2006). doi: 10.1177/1525822X05279903

⁴⁴⁹ Bryman, Alan. *Social research methods*. (Oxford university press, 2015)

⁴⁵⁰ Polkinghorne, D. E. Language and meaning: Data collection in qualitative research. *Journal of Counseling Psychology*, 52, (2005) 137–145.

adalah mencukupi untuk memaksimumkan variasi sampel.⁴⁵¹ Jadual 3.2 di bawah meringkaskan maklumat nama dan umur bagi setiap informan.

Jadual 3.1. Maklumat Nama dan Umur Informan Kajian⁴⁵²

Nama	Umur
Man	14 tahun
Ani	14 tahun
Ira	14 tahun
Iz	15 tahun
Ina	13 tahun

Sumber : Temu bual Informan pada 16-19 Disember 2013

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data yang mendalam tentang fenomena yang dikaji, beberapa prosedur pengumpulan data telah dijalankan. Data primer melalui temu bual mendalam dengan bentuk soalan semi-struktur telah digunakan untuk mendapatkan data daripada para informan. Selain itu, kaedah triangulasi seperti analisis dokumen, temu bual tambahan (terhadap para pelatih) dan pemerhatian juga telah dijalankan

⁴⁵¹ Kuzel AJ, "Sampling in Qualitative inquiry" dalam Crabtree BF, Miller WL, eds. *Doing Qualitative Research*. Edisi ke 2 (Thousand Oaks, California : Sage 1999)

⁴⁵² Man, Ani, Ira, Iz dan Ina adalah bukan nama sebenar bagi kelima-lima informan kajian. Penggunaan nama samaran ini bertujuan untuk menjaga maklumat peribadi diri informan. Walau bagaimanapun, maklumat umur adalah sahih (mengikut umur sebenar) sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual.

bagi menganalisis pengisian modul dan pelaksanaan program Motivasi Alihan Pelajar secara lebih terperinci. Huraian bagi kesemua kaedah ini akan dijelaskan di bawah.

3.5.1 Pembinaan Soalan Temu bual

Sebagai persediaan yang rapi sebelum menjalankan temu bual terhadap para informan, set soalan temu bual berbentuk separa berstruktur telah disediakan dengan lebih awal. Penggunaan soalan berbentuk separa berstruktur ini adalah bagi memastikan informan dapat memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi temu bual berlangsung selain membantu mereka memahami soalan dengan baik. Selain itu, memahami cabaran dan kesukaran dalam mendapatkan data maklumat yang tepat dan mendalam juga adalah sebab yang mendorong penggunaan bentuk soalan ini.⁴⁵³ Oleh itu, semasa sesi temu bual berlangsung, beberapa soalan tambahan juga telah diajukan kepada informan bagi memastikan data pengalaman yang kaya dapat diperoleh.

Pembinaan set soalan temubual ini pula telah dilaksanakan mengikut kerangka teori bagi kajian dan dibincangkan bersama dua orang pakar dari bidang pendidikan serta pengukuran iaitu Profesor Madya Dr Mohd Noor Mamat⁴⁵⁴ dan Profesor Madya Saidfudin Mas'udi.⁴⁵⁵ Sebagaimana yang telah dijelaskan, terdapat tiga fasa motivasi pembangunan diri remaja perlu dianalisis bagi mengetahui bagaimana pembentukan pengaruh elemen motivasi berlaku di sepanjang proses pembangunan diri remaja. Ini melibatkan fasa sebelum, semasa dan enam bulan

⁴⁵³ Marshall, C., & Rossman, G. *Designing qualitative research* ed. Ke- 4, (Thousand Oaks, CA: Sage, 2006).

⁴⁵⁴ Profesor Madya Dr Mohd Noor Mamat bertugas di Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM, memegang jawatan sebagai pendakwah dan penceramah bertauliah di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) dan ahli Jawatankuasa Dakwah Negeri di Majlis Agama Islam Selangor.

⁴⁵⁵ Profesor Saidfudin Mas'udi bertugas sebagai Pensyarah Pelawat dalam bidang pengukuran di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM dan Penolong Madya/perunding psychometrik di Institute Pengukuran di Universiti Umm al-Qura' Mekah.

selepas mengikuti program MAP. Sehubungan itu, bagi menganalisis ketiga-tiga fasa ini, dua set soalan temu bual mendalam telah dibina seperti berikut :

- i. **Set soalan 1** : Set soalan ini dibahagi kepada dua bahagian yang merangkumi dua perkara. **Pertama:** Soalan berhubung dengan pengenalan diri informan dan proses pembangunan diri mereka sebelum mengikuti MAP. **Kedua :** soalan berhubung dengan program MAP, suntikan elemen motivasi yang diterima daripada program, komitmen pembangunan diri yang telah dibentuk kesan dari program serta faktor-faktor yang mendorong pembentukan komitmen tersebut. Gabungan dua perkara ini dalam satu temu bual dilaksanakan agar informan serta pengkaji dapat membuat perkaitan yang jelas antara elemen motivasi yang diperolehi dengan komitmen yang dibentuk serta proses pembangunan diri informan sebelum mengikuti MAP.
- ii. **Set soalan 2** : Set soalan ke-dua ini pula mengandungi soalan-soalan berhubung dengan pengaruh elemen motivasi terhadap proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri informan selama dalam tempoh enam bulan selepas mengikuti program MAP. Ini termasuklah soalan berhubung dengan proses pembangunan diri mereka selama dalam tempoh tersebut serta elemen-elemen motivasi yang mempengaruhi perjalanan proses tersebut. Elemen-elemen motivasi ini tidak kira sama ada elemen motivasi yang diperolehi menerusi program MAP mahupun lain-lain elemen yang diperolehi diluar daripada program.

3.5.2 Proses Triangulasi Data (Dokumentasi, Pemerhatian dan Temu Bual Tambahan)

Proses dokumentasi, pemerhatian dan temu bual tambahan terhadap para pelatih adalah kaedah triangulasi yang telah dilaksanakan untuk menganalisis kandungan dan pelaksanaan elemen motivasi Islam yang terkandung di dalam modul MAP. Kaedah triangulasi yang digunakan ini adalah bertujuan bagi menambahkan kredibiliti terhadap data dan kajian yang dijalankan.⁴⁵⁶ Menurut Schostak, dengan penggunaan kaedah triangulasi ini kaedah *cross-checked* terhadap data boleh dijalankan untuk mengesahkan lagi data-data yang diperoleh.⁴⁵⁷ Bagi mencapai tujuan tersebut, sebanyak empat kali pemerhatian turut serta telah dilaksanakan. Sebelum mendapatkan informan, empat kali pemerhatian turut serta secara pasif telah dilakukan ke atas program MAP bagi mengetahui secara terperinci kandungan modul tersebut. Satu dari lawatan pemerhatian telah dilakukan pada hari mendapatkan persetujuan penyertaan kajian oleh penjaga dan informan. Keempat-empat pemerhatian ini telah dijalankan ke atas modul program yang sama sebagaimana telah diberikan kepada informan kajian.⁴⁵⁸ Menerusi pemerhatian ini, segala butiran elemen motivasi yang telah digunakan dan disuntik kepada informan telah dikenalpasti secara mendalam. Ini termasuklah kesemua 11 slot motivasi yang terdiri daripada slot, Disiplin, Tumpuan, SPA atau Strategi Pembelajaran Aktif, Matlamat Hidup Insan, Matlamat Pelajar Super, Sikap, Tanggapan, Pelaziman Minda, Ibu bapa, Palestin dan Slot Yakin dan Berani. Dengan ini, apa-apa maklumat

⁴⁵⁶ Krathwohl, D.R., *Methods of educational and Social Sciences Research: An Integral Approach*. (Whites Plains, NY: Longman, 1993)

⁴⁵⁷ Schostak, J.F., *Understanding, designing and conducting qualitative research: Framing the project*(Buckingham: Open University Press, 2002)

⁴⁵⁸ Program Motivasi Alihan Pelajar telah menggunakan pengisian modul yang sama secara konsisten sejak awal penubuhannya. Modul yang telah di analisis adalah modul terkini yang telah dikemaskini oleh MAP.

berhubung dengan pengisian program yang mungkin tidak disedari oleh informan kajian dapat diketahui.⁴⁵⁹

Sementara itu, proses semakan terhadap segala dokumen berhubung dengan MAP serta pengisiannya seperti modul MAP, jurnal dan data-data maklumat mengenai program MAP pula dilakukan bagi mendapat maklumat lanjut berhubung dengan pengisian program. Begitu juga dengan pelaksanaan temu bual tambahan secara bersemuka dengan seramai empat orang pelatih tetap program MAP. Kedua-dua kaedah dokumentasi dan temu bual tambahan ini telah digunakan untuk mendapatkan data maklumat seperti maklumat pusat motivasi serta pemahaman terhadap pengisian dan tujuan pengisian bagi setiap slot yang disampaikan.

Jadual 3.2. Bilangan dan Tarikh Lawatan Pemerhatian Turut Serta di Program Motivasi Alihan Pelajar

BIL	TARIKH
1.	29-30 Mei 2013
2.	16-17 November 2013
3.	14-15 Disember 2013 Pemilihan Informan & Penyerahan Surat Persetujuan Menyertai Kajian
4.	22-23 Februari 2014

Jadual 3.3 Bilangan, Tarikh dan Individu bagi Temu bual Tambahan

⁴⁵⁹ Wolcott, H.F., The Art of Fieldwork, (Altamera Press, University of Michigan,1995)102-105.

1.	15 Mei 2013 – Dr Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Pusat Motivasi Alihan Pelajar)
2.	8 Oktober 2013 – En. Hakimin Hassan (Jurulatih Tetap Program Motivasi Alihan Pelajar)
3.	22 Februari 2014 – En. Rashid Kassim ((Jurulatih Tetap Program Motivasi Alihan Pelajar)

3.5.3 Temu Bual Mendalam

Menurut Wolcott, kaedah interview secara mendalam atau in-depth interview adalah kaedah pengumpulan data yang paling banyak digunakan dalam kajian kualitatif. Dengan menggunakan kaedah ini, perbualan antara pengkaji dan informan dapat dilaksanakan secara interaktif sekaligus membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap pemikiran, perasaan, pendapat dan pengalaman informan.⁴⁶⁰ Sehubungan itu, kaedah temu bual ini adalah kaedah yang paling tepat untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, sebanyak dua sesi temu bual secara mendalam telah diatur oleh pengkaji untuk mendapatkan data primer bagi kajian ini.

Bagi menepati etika menjalankan kajian, ibu bapa penjaga dan juga informan telah diberi surat persetujuan menyertai kajian untuk ditandatangani. Kandungan surat tersebut termasuklah keterangan berhubung dengan tujuan pelaksanaan kajian, tempoh masa kajian, serta hak-hak sebagai informan kajian. Informan juga diberi

⁴⁶⁰ Marvasti, A.B Qualitative Research in Sociiology ((London: Sage Publications, 2004)21.

kebebasan untuk memilih tempat untuk temu bual mengikut keselesaan mereka. Sesi pertama temu bual telah dilaksanakan dalam tempoh seminggu selepas program MAP ke atas kelima-lima orang informan. Manakala temu bual kedua pula dilaksanakan enam bulan selepas mengikuti MAP. Masa selama 60 minit telah diperuntukkan untuk setiap sesi temu bual. Penggunaan masa yang tidak terlalu lama ini adalah untuk mengelak para informan kajian daripada merasa bosan serta tidak fokus dalam temu bual.⁴⁶¹

Sementara itu, bagi mengelakkan bias, pengkaji telah berusaha untuk bersifat natural dan mengelakkan sebarang persepsi dan tanggapan terhadap informan sepanjang sesi temu bual berlangsung.⁴⁶² Bagi memastikan kredibiliti data pula pengkaji telah mengekalkan sifat mesra dan membentuk hubungan yang baik dengan informan semasa temu bual. Selain itu, pengkaji juga telah memastikan hubungan kepercayaan terbentuk dengan informan dan memastikan tempat temu bual yang lebih privasi untuk agar proses temu bual berjalan dengan lebih lancar. Menurut Creswell, kaedah privasi secara bertemu muka ini penting bagi membantu informan menyampaikan maklumat mereka dengan lebih selesa.⁴⁶³ Keyakinan juga telah diberi kepada informan bahawa segala maklumat kerahsiaan dijaga dengan baik.

Dalam mendapatkan kebolehpercayaan data (*trustworthiness*) pula, pengkaji akan sentiasa memastikan temu bual sentiasa dijalankan mengikut landasan yang betul, tidak terkeluar dari topik, menjawab persoalan kajian dan menjelaskan fenomena yang ingin dikaji secara mendalam.⁴⁶⁴ Jadual 3.3 menunjukkan sesi dan tarikh temu bual mendalam yang dijalankan.

⁴⁶¹ Leedy, P. D., Newby, T. J., & Ertmer, P. A, Practical research: planning and design/ Paul D. Leedy and Jeanne Ellis Ormrod. edn,(Great Britain: Prentice Hall, Upper Saddle River, NJ. 2005).

⁴⁶² *Ibid*

⁴⁶³ Creswell, J. W, *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*, 110.

⁴⁶⁴ Mantzoukas, Stefanos. "Facilitating research students in formulating qualitative research questions." *Nurse education today* 28, no. 3 (2008), 371-377.

Jadual 3.4. Sesi dan Tarikh Temu bual Mendalam bagi Lima Informan Kajian

Sesi Temu bual	Tarikh
Sesi I (Sejurus Selepas Program MAP)	16-19 Disember 2013
Sesi II (Enam Bulan Selepas Program MAP)	7-12 Jun 2014

3.5.4 Mendapatkan Pengesahan Data

Bagi mengekalkan kebolehpercayaan dan kredibiliti data yang diperoleh, pengesahan data telah dilaksanakan bersama informan, penyelia dan rakan penyelidikan.⁴⁶⁵ Selepas setiap sesi temu bual kelima-lima informan, proses pemindahan keseluruhan data secara bertulis terus dilakukan untuk tujuan pembacaan dan mengenalpasti kekurangan, unsur-unsur perbualan tidak jelas yang terkandung dalam temu bual. Kekurangan tersebut dibincangkan bersama rakan penyelidikan, penyelia dan informan. Transkrip keseluruhan data juga telah diberi kepada informan untuk tujuan semakan.

3.6 Prosedur Menganalisis Data

Masa yang panjang telah digunakan dalam proses menganalisis data bagi kajian ini adalah bertujuan untuk menjaga kredibiliti data dan memastikan proses analisis ini mencapai tahap tepu (*saturated point*). Secara keseluruhan, segala data yang telah

⁴⁶⁵ Kvale, S., *Interview: An Introduction to qualitative research interviewing* (London: Sage,1996)

diperoleh, sama ada menerusi temu bual mendalam, analisis kandungan modul melalui pemerhatian dan kaedah dokumentasi serta data-data yang diperoleh daripada temu bual tambahan bersama para pelatih telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis induktif dan deduktif serta kaedah analisis teoritikal tematik yang diperkenalkan Braun dan Clark.⁴⁶⁶ Walaupun kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan, namun untuk menambahkan lagi nilai kredibiliti data, kajian telah berusaha untuk memastikan hasil analisis yang diperoleh dapat digunapakai sebagai rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang.⁴⁶⁷ Bagi mencapai tujuan ini, proses analisis secara berperingkat dan bersilang atau *cross-checked* seperti yang dicadangkan oleh Leedy dan Ormrod telah dilaksanakan.⁴⁶⁸ Dalam hal ini, sebanyak tiga kali proses analisis telah dijalankan secara manual selepas kerja-kerja pemindahan data dalam bentuk transkrip dilakukan. Perincian bagi keseluruhan proses ini adalah seperti berikut :

3.6.1 Membaca Data Secara Berulang

Pada peringkat ini, ayat, tanpa merujuk kepada kerangka teori, keseluruhan data-data yang telah diperoleh daripada transkrip informan dibaca terlebih dahulu secara berulang agar gambaran dan kefahaman keseluruhan isi penceritaan pengalaman mereka diperoleh.⁴⁶⁹ Frasa atau perenggan yang mempunyai perkaitan dengan topik kajian ditandakan. Selain itu, corak pembentukan pengaruh motivasi yang berlaku dalam proses pembangunan diri kelima-lima informan secara umum juga dicatat. Proses mengekod dan pengkategorian belum dijalankan pada peringkat ini.

⁴⁶⁶ Braun, V. and Clarke, V. "Using thematic analysis in psychology" *Qualitative Research in Psychology* 3, no. 2, (2006), 77-101.

⁴⁶⁷ Guba, E. G., & Lincoln, Y. S , "Competing paradigms in qualitative research", 31.

⁴⁶⁸ Leedy, P. D., Newby, T. J., and Ertmer, P. A , *Practical research: planning and design/ Paul D. Leedy and Jeanne Ellis Ormrod. Edn, 42. Ibid.*

⁴⁶⁹ Braun, V. and Clarke, V. "Using thematic analysis in psychology"

Manakala, bagi proses menganalisis kandungan modul Motivasi Alihan Pelajar pula, pengisian kandungan yang terdiri daripada jumlah dan bentuk slot serta tujuan pengisian bagi setiap slot tersebut, yang diperoleh melalui nota lapangan pemerhatian, data temu bual pelatih dan buku modul MAP telah dikumpul dan diteliti dengan baik. Selain itu, sebarang perkaitan yang timbul antara kandungan modul dengan data transkrip temu bual informan turut diperhatikan. Misalnya, jika ada sebarang elemen motivasi MAP yang mempengaruhi proses pembangunan diri informan. Catatan penelitian ini disimpan dalam satu dokumen untuk penilitian pada peringkat berikutnya.

3.6.2 Mengkod dan Mengkategorikan data

Setelah cuba memahami keseluruhan isi kandungan modul MAP dan data transkrip temubual informan, pembacaan yang lebih terperinci dilakukan. Kali ini teori dan persoalan kajian adalah asas yang memandu pengkaji untuk menandakan isi-isi penting pada data. Kod-kod dengan label tertentu telah diberi kepada isi-isi tersebut.⁴⁷⁰ Isi-isi yang dianggap penting atau menarik tetapi tidak berkait dengan teori dan persoalan kajian telah diasingkan dan disimpan untuk semakan kemudian. Akhir sekali, keseluruhan data yang telah dikod dikategorikan pula mengikut kategori-kategori tertentu berdasarkan kepada persamaan ciri yang terdapat di antara kod-kod tersebut.

Sebagai contoh, antara kod-kod atau label yang telah diberikan kepada cerita pengalaman mereka ini termasuklah *latar belakang diri, pandangan terhadap diri, pandangan terhadap hidup, hubungan dengan orang sekeliling, peristiwa-peristiwa penting dalam hidup, hubungan dengan Tuhan, pandangan terhadap MAP, azam dan komitmen dan aktiviti dan perubahan dalam tempoh enam bulan MAP, motivasi*

⁴⁷⁰ Braun, V. and Clarke, V. "Using thematic analysis in psychology"

diri selepas MAP, usaha pembangunan diri selepas MAP, peristiwa penting yang berlaku selepas MAP, pandangan terhadap MAP selepas enam bulan dan sebagainya.

Kesemua kod ini kemudiannya telah dikategorikan pula dalam kategori-kategori yang lebih besar di bawah mengikut setiap fasa proses pembangunan diri iaitu fasa I (sebelum MAP), fasa II (semasa MAP) atau fasa III (selepas MAP). Contohnya *latar belakang diri* dan *elemen motivasi yang mempengaruhi proses pembangunan diri* sebelum mengikuti MAP. *Proses pembangunan diri semasa mengikuti MAP* dan *elemen motivasi yang mempengaruhi proses pembangunan diri semasa mengikuti MAP*. *Motivasi pembangunan diri selepas MAP* dan *elemen motivasi yang mempengaruhi motivasi pembangunan diri selepas MAP*. Akhir sekali, keseluruhan kategori ini ditandakan pula mengikut elemen motivasi yang dicadangkan dalam Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja. Iaitu sama ada di tanda sebagai elemen *enam tazkiyah al-nafs* atau elemen *pembentukan hasrat dan niat*.

Sementara kod-kod atau label yang ditandakan untuk pengisian modul MAP pula adalah seperti suntikan elemen motivasi internal dan elemen motivasi eksternal yang terkandung dalam modul. Kod motivasi internal seperti *elemen pergantungan kepada Allah, pembentukan matlamat, pembangunan potensi diri* dan *galakan dan panduan untuk membuat penilaian dan keputusan hidup*. Manakala elemen motivasi eksternal yang terkandung dalam pengisian tersebut pula dikodkan dengan tanda *elemen ganjaran* dan *elemen persekitaran*. Akhirnya, kod-kod ini juga telah dikategorikan mengikut elemen motivasi *tazkiyah al-nafs* atau elemen *pembentukan hasrat dan niat* sebagai mana di atas.

3.6.3 Mengenalpasti Persamaan dan Perbezaan

Selepas selesai fasa pertama, pengkaji sekali lagi telah membuat pembacaan berulang kepada keseluruhan data. Kali ini, fokus pembacaan ialah untuk melihat sekiranya terdapat persamaan dan perbezaan diantara setiap pengalaman informan.⁴⁷¹ Proses ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan pelbagai lagi perspektif terhadap data-data temu bual informan, mengetahui pengaruh motivasi berlaku dalam pelbagai konteks yang berlainan serta mengenalpasti faktor-faktor perbezaan dan persamaan pada setiap peserta yang menentukan perjalanan proses pengaruh motivasi yang berlaku. Dalam proses ini, isi-isi penting yang diasing dan disimpan sebelum ini, dikeluarkan semula untuk disemak. Kelebihan proses analisis pada peringkat ini adalah dapat mengenalpasti keunikan pada dapatan kes-kes informan.

Antara keunikan dapatan yang diperoleh melalui proses ini misalnya seperti *peranan tabiat dan kecenderungan semula jadi diri informan dalam menentukan proses pembangunan diri, kepentingan hubungan komunikasi keluarga dengan proses pembangunan diri, pengaruh kematangan dan keterbukaan minda dalam proses pembangunan diri dan kesan tahap penerimaan elemen motivasi MAP dengan proses pembangunan diri*. Perkara ini turut dibincangkan semasa proses menginterpretasi data.

3.6.4 Menetapkan Tema

Penentuan dan penetapan tema dilakukan selepas selesai tiga peringkat analisis di atas.⁴⁷² Dalam kajian, penentuan tema ini adalah antara proses yang agak sukar dan mencabar untuk dilakukan. Hal ini kerana, proses ini memerlukan ketelitian bagi memastikan tema yang digunakan adalah tepat dan dapat menjelaskan keseluruhan

⁴⁷¹ Leedy, P. D., Newby, T. J., and Ertmer, P. A , *Practical research: planning and design*

⁴⁷² Braun, V. and Clarke, V. "Using thematic analysis in psychology"

kod dan kategori yang terbentuk sebelum ini. Selain itu, kajian juga bertanggungjawab untuk memastikan tema-tema tersebut dapat menjelaskan situasi kes bagi kelima-lima informan dengan baik berdasarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, dalam proses ini selepas kesesuaian, kepentingan dan konsistensi bagi kesemua tema telah dipastikan dengan betul, barulah proses penetapan tema dilaksanakan.

Keseluruhan tema yang telah ditetapkan ini boleh dilihat pada Bab 4 untuk analisis kandungan modul MAP, Bab 5 untuk objektif ke-dua, Bab 6 untuk objektif ke-tiga dan bab 7 pula bagi objektif yang ke-empat.

3.6.5 Menginterpretasi Data


Fasa interpretasi ini pula adalah fasa terakhir dalam proses analisis. Analisis berhubung dengan kandungan modul MAP telah diinterpretasikan pada bab 4 kajian. Manakala Interpretasi temu bual para informan pula dibuat pada bab 5, 6 dan 7 kajian. Sementara kesimpulan interpretasi yang menghubungkan dapatan antara keseluruhan objektif kajian (objektif 1 hingga 4) pula dibuat pada bab terakhir tesis, iaitu pada Bab 8. Kesimpulan interpretasi ini akan menghuraikan secara keseluruhan bagaimana pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri pada informan kajian.

Pada fasa ini, keseluruhan interpretasi telah dibuat berdasarkan analisis dari perspektif Islam dengan merujuk kepada landasan teori berhubung psikologi diri remaja, matlamat pembangunan diri remaja, elemen asas motivasi pembangunan diri remaja dan proses pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja.

3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan lima orang informan kajian untuk mengenalpasti secara mendalam bagaimana proses pengaruh motivasi pembangunan diri berlaku. Kajian kes telah dipilih untuk meneliti kes kelima-lima informan dengan menggabungkan beberapa prosedur pengutipan data. Prosedur tersebut adalah terdiri daripada temu bual mendalam, pemerhatian, penelitian dokumen modul serta beberapa temu bual tambahan terhadap para pelatih tetap pusat Motivasi Alihan Pelajar.

Bagi menganalisis data yang diperoleh dari perspektif Islam, kaedah analisis bersilang, kaedah induktif dan deduktif serta kaedah teoritikal tematik sebagaimana yang dikemukakan oleh Leedy dan Ormrod serta Braun dan Clark telah digunakan. Keseluruhan proses analisis ini telah melibatkan lima fasa berasingan yang dibuat secara manual. Rajah 3.1 di bawah meringkaskan kseseluruhan prosedur yang digunakan untuk memperoleh dapatan kajian.



Rajah 3.1. Kerangka Metode Pengumpulan & Analisis Data

Sumber : Marshall & Rossman 2006, Krathwohl 1993, Schostak 2002, Wolcott 1995, Marvasti 2004, Leedy, P. D., Newby, T. J., & Ertmer 2005, Creswell 2007, Mantzoukas 2008, Kvale 1996, Braun dan Clarke 2006, Lincoln & Guba 1985

BAB 4 : MODUL PROGRAM MOTIVASI ALIHAN PELAJAR

4.1 Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, program Motivasi Alihan Pelajar (MAP) adalah tempat yang telah digunakan bagi mendapatkan informan kajian. Penetapan program MAP sebagai tempat pengambilan para informan ini adalah berdasarkan kriteria program tersebut yang menepati kehendak kajian terutama dari segi penggunaan modulnya. Bagi memastikan perkara ini, proses dokumentasi, pemerhatian serta temu bual tambahan terhadap para pelatih program telah dilakukan bagi menganalisis seluruh kandungan modul tersebut.

Pada bab ini, pengisian keseluruhan modul serta hasil analisis terhadapnya berdasarkan kepada kerangka teori kajian akan dihuraikan. Sebelum itu, pengenalan terhadap program Motivasi Alihan Pelajar juga akan turut diberi.

4.2 Pengenalan Pusat Motivasi Alihan Pelajar (MAP)

Pusat Motivasi Alihan sebuah organisasi yang mementingkan pembelajaran sepanjang hayat, Pusat Motivasi Alihan Pelajar yang diasaskan oleh Tengku Asmadi sejak tahun 1995 telah ditubuhkan dengan untuk membimbing golongan remaja ke arah pembangunan diri yang holistik. Dengan konsistensi kandungan modul yang digunakan sejak tahun 1995 tersebut, Motivasi Alihan Pelajar telah berjaya menarik seramai lebih 200,000 orang pelajar yang pernah berdaftar di bawah program ini. Keupayaan program ini dalam mengekalkan prestasinya sehingga kini, menyebabkan pengasasnya iaitu Tengku Asmadi dilantik untuk menjadi pengerusi kepada sebuah badan NGO Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia.

4.3 Pengisian Modul Motivasi Alihan Pelajar (MAP)

Modul Motivasi Alihan Pelajar yang digunakan di dalam program MAP telah dibangun sendiri oleh pengasasnya Tengku Asmadi dengan kerjasama urusetia yang bersama-sama dengan beliau di awal penubuhan pusat motivasi tersebut. Secara keseluruhan modul ini mengandungi sebelas slot motivasi yang terdiri daripada, slot Disiplin, Tumpuan, Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, Teknik Belajar SPA, Palestin, Sikap, Pelaziman Minda, Tanggapan, Ibu bapa dan Yakin dan Berani.

Berdasarkan kepada analisis terhadap pengisian keseluruhan 11 slot MAP ini, kajian mendapati ia boleh dibahagikan kepada lima kategori utama iaitu pergantungan kepada Allah S.W.T., pembentukan matlamat, pembangunan potensi diri, keupayaan menilai dan membuat keputusan berdasarkan *sunnatullah* dan *syariatullah* dan ganjaran dan elemen persekitaran. Pengisian bagi kelima-lima kategori ini adalah seperti berikut :

i) Pergantungan kepada Allah S.W.T.

Berdasarkan analisis, elemen pergantungan kepada Allah S.W.T dalam usaha membentuk motivasi pembangunan diri telah diterapkan ke dalam semua slot MAP sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.⁴⁷³ Menerusi beberapa slot seperti Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, Palestin, Tanggapan dan slot ibu bapa, para pelajar telah ditegaskan bahawa, kejayaan dan kebahagiaan dalam hidup amat bergantung kepada kehendak, kuasa dan kebesaran Allah S.W.T. ⁴⁷⁴Justeru, menerusi slot-slot tersebut para pelajar digesa agar membina matlamat yang tidak membawa kepada kemurkaan Allah untuk memastikan supaya matlamat tersebut mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah S.W.T.⁴⁷⁵ Konsep berkat ini juga

⁴⁷³ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁴⁷⁴ *Ibid.*

⁴⁷⁵ *Ibid.*

telah ditekankan menerusi slot Palestin. Para pelajar dalam hal ini telah digalakkan untuk bersedekah kepada rakyat Palestin dan amalan ini juga telah dijelaskan sebagai amal ibadah yang turut dapat membuka pintu rahmat dan pertolongan Allah S.W.T.⁴⁷⁶

Sementara itu, di dalam slot Tanggapan pula meskipun para pelajar ditekankan boleh membuat pilihan sendiri dalam kehidupan, namun segalanya hanya dapat berlaku dengan kekuasaan dan keizinan Allah S.W.T. Justeru, menerusi slot Ibu bapa dan Matlamat Hidup Insan, para pelajar digesa agar membentuk niat yang benar dan ikhlas, sentiasa melakukan munajat memohon keampunan serta mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. sebagai usaha untuk mendapatkan *taufiq* (kekutan) dan *hidayah* (petunjuk) daripada Allah dalam membangunkan diri sebagai ummat yang cemerlang.⁴⁷⁷

ii) Pembentukan Matlamat

Dalam modul MAP elemen pembentukan matlamat yang selaras dengan kehendak Islam didapati telah ditekankan menerusi beberapa slot iaitu, slot Disiplin, Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, dan slot Pelaziman Minda.⁴⁷⁸ Menerusi slot-slot tersebut, modul MAP didapati telah menjelaskan dan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang dua matlamat kehidupan yang perlu dicapai.⁴⁷⁹ Sebagai manusia, para pelajar diingatkan bahawa matlamat utama mereka dalam kehidupan adalah untuk menjadi hamba dan khalifah Allah yang baik.⁴⁸⁰ Bagi menjelaskan perkara ini, mereka telah dibentangkan dengan kenyataan Allah S.W.T mengenai dua tujuan

⁴⁷⁶ *Ibid.*

⁴⁷⁷ *Ibid.*

⁴⁷⁸ *Ibid.*

⁴⁷⁹ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁴⁸⁰ Rashid Kassim (Trainer dan Pengurus Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temu bual dengan penulis, 22 Februari 2013.

tersebut menerusi surah az-Dzaariyat dalam ayat 56.⁴⁸¹ Sementara sebagai seorang pelajar pula, para pelajar telah ditekankan tentang kepentingan memiliki matlamat atau cita-cita tertentu yang harus dicapai dalam kehidupan di dunia, supaya mereka menjadi seorang individu yang mempunyai hala tuju, perancangan yang teliti, bermotivasi, dan sentiasa berada pada landasan yang betul.⁴⁸² Dalam hal ini, para pelajar juga telah diingatkan dengan kata-kata saidina Ali bahawa “ *nilai seorang manusia adalah berdasarkan kepada cita-citanya*”. Kenyataan ini telah digunakan bagi menguatkan lagi hujah tentang kepentingan matlamat dan cita-cita tersebut.⁴⁸³

Berhubung dengan ini juga, garis panduan yang betul untuk mencapai dua matlamat tersebut telah diberi iaitu dengan memastikan matlamat yang disasar dan kaedah pencapaian matlamat yang digunakan adalah selari dengan kehendak syariat Islam.⁴⁸⁴ Para pelajar juga dinasihatkan agar lebih serius dan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan tersebut. Dalam Slot Matlamat Pelajar Super, pendekatan dan pengisian yang tegas telah digunakan untuk memastikan kesungguhan tersebut.⁴⁸⁵ Dalam hal ini, setelah diminta untuk menyenaraikan cita-cita mereka, kesemua cita-cita tersebut telah dibacakan satu persatu oleh penceramah dan kemudian disusuli pula dengan satu soalan yang ditanya secara tegas iaitu : “ *ketika kamu tulis cita-cita itu serius atau main-main?*”⁴⁸⁶ Soalan ini bukan bertujuan untuk menimbulkan persoalan tanpa jawapan dalam kalangan pelajar. Sebaliknya, ia bertujuan untuk membuka pemikiran para pelajar, menyuntik rasa semangat, kesungguhan dan tanggungjawab untuk

⁴⁸¹ *Ibid.*

⁴⁸² *Ibid.*

⁴⁸³ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 19 Mei 2013, 15 Disember 2013 dan 23 Februari 2014

⁴⁸⁴ Hakimin Hassan (Trainer Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013, jam 5.30 Petang.

⁴⁸⁵ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁴⁸⁶ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

memastikan pencapaian cita-cita tersebut. Ketika ini, bentuk gimik yang menyentuh psikologi para pelajar telah digunakan dengan meminta agar kertas yang ditulis dengan cita-cita tersebut dikoyakkan sekiranya mereka tidak bersedia untuk memberikan sepenuh komitmen dan kesungguhan untuk mencapai cita-cita tersebut.

Selain itu, menerusi slot Disiplin penceramah juga telah menekankan tentang kepentingan disiplin diri dalam mencapai matlamat. Dalam hal ini, para pelajar disarankan agar terus menjaga disiplin dalam solat serta konsisten melakukan *muḥāsabah* diri agar sentiasa dapat mendekatkan hubungan dengan Allah S.W.T.⁴⁸⁷ Menurut Tengku Asmadi, konsistensi dalam melakukan *muḥāsabah* diri ini akan membantu para pelajar menstruktur dan mengawal emosi serta pemikiran mereka, supaya motivasi diri yang lebih stabil dapat dikekalkan dalam apa juga situasi, cabaran dan halangan.⁴⁸⁸ Kaedah *muḥāsabah* diri ini juga telah dimuatkan dalam Slot Pelaziman Minda. Dalam slot ini, para pelajar diajar supaya sentiasa melazimi diri untuk menyebut azam dan cita-cita mereka secara positif. Hal ini bertujuan supaya azam dan cita-cita tersebut mudah untuk digarap dan diprogramkan ke dalam sistem pemikiran dan jiwa para pelajar seterusnya berubah menjadi tabiat diri mereka.⁴⁸⁹ Menurut Rashid yang merupakan salah seorang pelatih MAP menyatakan bahawa mereka berpegang kepada kepercayaan bahawa segala yang dilakukan di alam realiti adalah bermula dengan satu gambaran yang dibentuk dalam pemikiran.⁴⁹⁰ Oleh itu, para pelajar perlu mempunyai gambaran yang jelas tentang matlamat yang ingin di capai dan disemat di dalam jiwa dan pemikiran mereka agar ia benar-banar mampu direalisasikan.

⁴⁸⁷ *Ibid.*

⁴⁸⁸ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2013.

⁴⁸⁹ *Ibid.*

⁴⁹⁰ Rashid Kassim (Trainer dan Pengurus Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013.

iii) Pembangunan Potensi Diri

Menurut Tengku Asmadi antara tujuan utama program selama dua hari yang dilaksanakan oleh MAP ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada para pelajar tentang siapa diri mereka dan potensi diri yang dimiliki⁴⁹¹ Justeru, menurut beliau memberi pengetahuan dan menyuntik kesedaran para pelajar adalah kaedah utama yang banyak digunakan menerusi modul MAP tersebut.⁴⁹² Dalam hal ini, aspek keagamaan diakui sebagai elemen yang sering dikaitkan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam setiap slot.⁴⁹³

Berdasarkan kepada pemerhatian dan penilaian modul, pengisian untuk mengajak para pelajar membangunkan potensi diri adalah pengisian yang terbanyak telah diterapkan di dalam modul MAP.⁴⁹⁴ Pengisian yang menyentuh aspek potensi diri peserta ini didapati telah dimuatkan dalam kesemua 11 slot motivasi MAP tersebut. Penekanan terhadap elemen potensi diri ini bertujuan menjelaskan dan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang keistimewaan diri, peranan setiap potensi tersebut dan keupayaannya dalam menjana motivasi pembangunan diri mereka.⁴⁹⁵ Dalam hal ini, menerusi slot Matlamat Hidup Insan, para pelajar telah diingatkan bahawa kurniaan potensi adalah untuk mencapai matlamat sebagai hamba dan khalifah Allah.⁴⁹⁶ Justeru, para pelajar disarankan supaya membangunkan segala potensi yang dimiliki mengikut *sunnatullah* dan *syariatullah* untuk mencapai matlamat tersebut.⁴⁹⁷ Garis panduan yang terperinci

⁴⁹¹ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2013.

⁴⁹² *Ibid.*

⁴⁹³ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁴⁹⁴ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁴⁹⁵ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temu bual dengan penulis, 15 Mei 2013.

⁴⁹⁶ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁴⁹⁷ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014.

juga diberi kepada pelajar, antaranya dengan mengajar kaedah pembentukan tingkah laku dan perbuatan dengan cara yang betul agar segala perbuatan mempunyai nilai ibadah. Para pelajar juga disarankan supaya menggunakan akal fikiran untuk menilai suatu perbuatan yang ingin dilakukan dari segi kesan dan kaedah pelaksanaannya agar ia benar-benar menepati kehendak syariat Islam.⁴⁹⁸ Selain itu, para pelajar juga diseru untuk sentiasa melaksanakan ibadah-ibadah wajib dan sunat yang dituntut oleh Islam di samping melakukan teknik pelaziman minda dengan cara *muḥāsabah* diri terhadap setiap amal perbuatan yang telah dilakukan. Teknik pelaziman minda dikatakan bertujuan untuk membangun dan menguatkan lagi keupayaan potensi diri yang sedia ada dalam diri pelajar⁴⁹⁹ Sementara itu, penekanan terhadap amal ibadah yang diberi pula adalah untuk mendidik dan membimbing para pelajar untuk membersihkan dan membentuk jiwa, agar potensi diri yang dimiliki lebih mudah dibangunkan.⁵⁰⁰ Menjelaskan hal ini, definisi laungan azan “*haiyya ‘alas solah, haiyya ‘alal falah*” diberi dan dikaitkan dengan hal tersebut.⁵⁰¹ Selain penekanan terhadap pelaksanaan ibadah khusus seperti solat secara sempurna, penceramah juga telah memperincikan enam cara yang perlu dilaksanakan oleh para pelajar supaya segala amal perbuatan seharian mereka menjadi ibadah iaitu :⁵⁰² pertama, niat - pelajar diberitahu bahawa niat mestilah sentiasa diperbetulkan dan sentiasa ikhlas kerana Allah Taala. Kedua, perbuatan tersebut juga mestilah mengikut syariat Islam iaitu dengan berlandaskan kepada al-Quran dan sunnah. Ketiga, tidak melalaikan – sentiasa memastikan perbuatan tersebut tidak melalaikan diri mereka dari tujuan sebenar kehidupan. Keempat, memastikan perbuatan tersebut tidak mempunyai unsur maksiat. Kelima,

⁴⁹⁸ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁴⁹⁹ Rashid Kassim (Trainer dan Pengurus Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013

⁵⁰⁰ *Ibid.*

⁵⁰¹ Hakimin Hassan (Trainer Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013, jam 5.30 Petang.

⁵⁰² Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

memastikan perbuatan tersebut berkesan memberikan hasil yang dikehendaki dan keenam, melakukan perbuatan tersebut dengan cara tepat dan terbaik.

Selain itu, para pelajar juga telah ditegaskan agar membentengi diri daripada perkara-perkara yang turut menghalang pembangunan potensi diri mereka seperti tanggapan atau cara fikir yang negatif, sikap buruk yang tidak terkawal serta kegagalan merancang secara sistematik dan berstrategi.⁵⁰³ Senarai ayat sabotaj diri seperti seperti, ”aku tak boleh”, “kau lain aku lain”, “kau kaya aku miskin”, “aku dah cuba” ,” nasib kau baik” dan “aku dilahirkan untuk gagal”⁵⁰⁴ telah dibentangkan dan para pelajar digesa agar mengelakkan diri daripada sering menggunakan ayat-ayat tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi menyuntik lagi semangat para pelajar untuk membangunkan potensi diri, elemen-elemen yang menyentuh emosi dan pemikiran para pelajar banyak digunakan. Teknik ini juga dikatakan bertujuan bagi memastikan kesan ingatan jangka panjang pada diri pelajar terhadap saranan-saranan yang diberi.⁵⁰⁵ Misalnya, para pelajar telah digambarkan dengan beberapa contoh kegagalan individu kerana masalah sikap dan cara pemikiran yang salah.⁵⁰⁶ Selain itu, para penceramah sering meminta para pelajar untuk melaungkan ayat-ayat seperti, “bangkit Islam bangkit”, “do my best, do my very best”, “*if you believe you will achieve*” dan “*winner never quit, quitter never win*” secara berulang kali di sepanjang kursus dua hari tersebut.⁵⁰⁷

⁵⁰³ Hakimin Hassan (Trainer Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013, jam 5.30 Petang.

⁵⁰⁴ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁵⁰⁵ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2013.

⁵⁰⁶ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁵⁰⁷ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

iv) Keupayaan Menilai dan Membuat Keputusan Berdasarkan *Sunnatullah* dan *Syariatullah*

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, elemen keupayaan menilai dan membuat keputusan mengikut *sunnatullah* dan *syariatullah* ini juga merupakan antara elemen yang banyak diterapkan dalam modul MAP.⁵⁰⁸ Rashid menjelaskan, penerapan elemen ini bertujuan supaya para pelajar jelas bahawa mereka telah diberikan begitu banyak pilihan di dalam kehidupan untuk membantu mereka mencapai matlamat.⁵⁰⁹ Oleh itu, menerusi slot Matlamat Hidup Insan dan Matlamat Pelajar Super, para pelajar diingatkan bahawa mereka perlu membuat pilihan-pilihan yang betul dan bertepatan dengan ajaran Islam agar mampu mencapai matlamat sebenar kehidupan sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.⁵¹⁰ Sebagai pelajar, teknik dan strategi pembelajaran yang betul di dalam slot Tumpuan dan Slot Pembelajaran SPA telah diajar supaya pelajar dapat memilih penggunaan cara yang lebih bersistematik untuk mencapai kejayaan.⁵¹¹ Menerusi kedua-dua slot tersebut, para pelajar bukan sahaja dapat mengetahui bagaimana cara mengatasi rasa mengantuk ketika belajar, malah mereka juga turut diajar secara terperinci tentang teknik memberikan tumpuan dan teknik menyalin nota yang berkesan.⁵¹²

Sementara itu, menerusi slot Palestin serta slot Yakin dan Berani pula, para pelajar secara teori dan praktikal telah diberi pengajaran bahawa, mereka pasti berdepan dengan pelbagai cabaran untuk membuat pilihan-pilihan yang benar mengikut *sunnatullah* dan *syariatullah*.⁵¹³ Misalnya dalam slot Pidato, para pelajar telah diarahkan membuat satu karangan tentang “janji saya”. Selepas itu, mereka telah diminta untuk naik ke pentas menyampaikan karangan tersebut dihadapan

⁵⁰⁸ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁵⁰⁹ Rashid Kassim (Trainer dan Pengurus Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 22 Februari 2013

⁵¹⁰ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁵¹¹ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁵¹² Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁵¹³ *Ibid.*.

ratusan rakan-rakan mereka yang lain.⁵¹⁴ Dalam situasi tersebut, pelbagai halangan dan cabaran dihadapi oleh pelajar sama ada cabaran dalaman mahupun luaran. Cabaran dalaman misalnya seperti rasa tidak yakin, rasa malu dan rasa takut. Manakala cabaran luaran pula adalah cabaran yang datang dari rakan-rakan seperti ejekan dan gelak tawa rakan-rakan terhadap pemyampaian mereka.⁵¹⁵ Perkara seperti ini menurut Tengku Asmadi, memang sengaja didedahkan kepada para pelajar supaya mereka jelas tentang realiti kehidupan.⁵¹⁶ Walau bagaimanapun, menerusi slot-slot tersebut para pelajar kemudiannya diajar pula dengan cara menggunakan potensi-potensi diri dimiliki untuk berhadapan dengan cabaran tersebut.⁵¹⁷

Perkara yang sama juga ditekankan di dalam slot Pelaziman Minda dan Tanggapan. Menerusi slot ini para pelajar sekali lagi ditekankan bahawa mereka diberi kebebasan memilih Oleh Allah S.W.T dalam kehidupan mereka, tanggungjawab ke atas setiap pilihan yang dibuat serta ganjaran dan hukuman yang bakal diterima setimpal dengan pilihan mereka.⁵¹⁸ Bagi menjelaskan para pelajar dengan perkara ini penceramah telah melakukan demonstrasi dengan mengoyakkan sehelai kertas di hadapan para pelajar. Dalam demonstrasi tersebut, penceramah menjelaskan bahawa beliau mampu untuk mengoyakkan kertas tersebut dengan kemahuan dan pilihan beliau sendiri.⁵¹⁹ Menurut penceramah, pilihan dan tindakannya itu tidak boleh dihalang oleh sesiapa dan beliau dapat meramalkan bahawa kertas tersebut akan terkoyak selepas dikoyakkan. Hal ini bertujuan untuk menjelaskan tentang keupayaan diri yang dimiliki oleh setiap individu untuk menentukan sendiri jalan kehidupan mereka. Namun, penceramah juga menegaskan kepada para pelajar bahawa beliau perlu bertanggungjawab atas pilihan dan

⁵¹⁴ *Ibid.*

⁵¹⁵ *Ibid.*

⁵¹⁶ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2013.

⁵¹⁷ *Ibid.*

⁵¹⁸ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁵¹⁹ *Ibid.*

tindakannya selain menyatakan bahawa kertas mungkin tidak terkoyak sekiranya tidak diizinkan oleh Allah S.W.T.⁵²⁰ Penegasan ini pula adalah untuk mengingatkan tentang kewujudan kuasa Tuhan dalam menentukan setiap sesuatu agar individu lebih berhati-hati, tidak berputus asa dan tidak melampau batas dalam hidup. Berdasarkan pemerhatian, demonstrasi yang ditunjukkan tersebut telah berjaya memberikan lebih kefahaman kepada para pelajar tentang konsep kebebasan yang diberi oleh Allah untuk membuat pilihan dalam hidup.

v) Ganjaran dan Elemen Persekitaran

Kajian mendapati, elemen motivasi ekstrinsik tidak banyak ditekankan dalam modul MAP terutamanya yang melibatkan elemen ganjaran.⁵²¹ Namun, menerusi slot Sikap, Pelaziman minda, Tanggapan, Ibu bapa serta slot Yakin dan Berani, elemen ganjaran ini digambarkan sebagai hasil kejayaan yang bakal diperolehi dalam kehidupan sekiranya mereka berusaha membangunkan diri mereka dengan cara yang betul sebagaimana yang dituntut oleh *syariatullah*.⁵²² Dalam hal ini, para pelajar dijelaskan akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dari luar yang sentiasa cuba mempengaruhi mereka kepada perkara-perkara yang dilarang oleh Islam.⁵²³ Misalnya dalam slot Tumpuan, penceramah memberikan saranan sekiranya mereka diganggu oleh rakan-rakan, para pelajar hanya perlu menggunakan menggunakan perkataan “*so what?*” untuk mengatasi gangguan tersebut.⁵²⁴ Menurut Tengku Asmadi, saranan yang diberi ini bukan sahaja diberi agar dapat digunakan oleh pelajar secara langsung, malah saranan tersebut juga membawa maksud tersirat agar para pelajar sentiasa berusaha sedaya upaya mempertahankan diri dari kekalahan dengan

⁵²⁰ *Ibid.*

⁵²¹ Modul Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

⁵²² *Ibid.*

⁵²³ *Ibid.*

⁵²⁴ *Ibid.*

pelbagai cabaran hidup.⁵²⁵ Dalam hal ini slot Palestin telah digunakan oleh penceramah untuk menjelaskan alasan mengapa para pelajar harus menjauhkan diri dari terjebak dengan pengaruh-pengaruh negatif dari luar sekaligus membina kekuatan diri untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut.⁵²⁶ Isu-isu tentang kesengsaraan umat Islam di seluruh dunia yang ditindas dengan kejam oleh musuh-musuh Allah telah dibentangkan bagi membangkitkan lagi semangat perjuangan dalam diri para pelajar.

Dalam masa yang sama, selain menekankan soal cabaran yang perlu ditempuh dalam proses membangunkan diri, MAP juga telah menjelaskan kepada para pelajar bahawa elemen-elemen persekitaran juga adalah elemen yang amat penting untuk membantu mereka dalam proses tersebut.⁵²⁷ Misalnya menerusi slot Tanggapan dan slot Ibu bapa, para pelajar diingatkan bahawa terdapat pelbagai peristiwa dan orang-orang di sekeliling yang turut berperanan penting untuk memastikan kejayaan mereka. Dalam slot Ibu-bapa, para pelajar digesa agar tidak memandang rendah jasa dan pengorbanan ibu bapa untuk menjadikan mereka seorang anak yang berjaya. Justeru, menerusi slot ini para pelajar di beri kesedaran agar sentiasa menjaga hubungan yang baik dengan ibu bapa mereka. Selain itu menerusi slot Tanggapan pula, kisah dua bersahabat yang mengalami konflik diceritakan untuk menjadi pengajaran kepada para pelajar bahawa pentingnya sifat bersangka baik terhadap orang dan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka.⁵²⁸ Menurut Tengku Asmadi, pembinaan tanggapan yang positif terhadap peristiwa yang berlaku dan orang-orang di sekeliling mampu memberikan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari

⁵²⁵ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2013.

⁵²⁶ Hakimin Hassan (Trainer Pusat Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 8 Oktober 2013, jam 5.30 Petang.

⁵²⁷ Pemerhatian Program Motivasi Alihan Pelajar pada 29-30 Mei 2013, 14-15 Disember 2013 dan 22-23 Februari 2014

⁵²⁸ *Ibid.*

lebih banyak perkara daripada persekitaran mereka dalam usaha membangunkan diri.⁵²⁹

Berdasarkan kepada keseluruhan kandungan pengisian modul MAP di atas, kajian mendapati bahawa pelbagai elemen motivasi yang memenuhi keperluan diri remaja telah dimuatkan ke dalam modul. Kesemuanya juga telah cuba diterapkan mengikut konsep motivasi intrinsik dan ekstrinsik sebagai mana yang disarankan oleh Islam. Di bawah, analisis kandungan modul MAP berdasarkan kepada landasan teori kajian pula akan diperincikan.

4.4 Analisis Kandungan Modul MAP

Pada bahagian ini, keseluruhan kandungan sebelas slot MAP di atas akan dianalisis pula berdasarkan landasan teori iaitu; mengikut fasa motivasi pembangunan diri serta elemen motivasi yang diperlukan pada setiap fasa tersebut. Oleh kerana, pada fasa I (sebelum remaja mengikuti MAP) remaja belum lagi disuntik atau dirangsang dengan apa-apa elemen motivasi, maka analisis kandungan MAP ini hanya akan dibuat berdasarkan elemen motivasi yang dicadangkan fasa II dan fasa III pembangunan diri remaja.

4.4.1 Fasa II

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, fasa II adalah fasa semasa para pelajar berada dalam program motivasi. Suntikan motivasi yang diperlukan oleh mereka pada fasa ini adalah elemen motivasi yang dapat mendorong semangat dan keinginan yang kuat untuk membangunkan diri. Oleh itu, berdasarkan kepada model pengaruh motivasi pembangunan diri, elemen motivasi yang diperlukan oleh para

⁵²⁹ Tengku Asmadi Tengku Mohamad (Pengasas Motivasi Alihan Pelajar), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2013.

pelajar pada fasa ini adalah elemen *mu'ātabah*, *mushāraṭah*, *mur'āqabah* dan elemen niat.

Dalam modul MAP, elemen *mu'ātabah*, *mushāraṭah*, *mur'āqabah* dan elemen niat ini telah diaplikasikan melalui beberapa slot. Slot Sikap, slot Palestin dan slot Ibu bapa adalah antara slot yang banyak menyuntik rasa kesedaran dan kekesalan dalam diri para pelajar. Melalui ketiga-tiga slot ini, para pelajar telah disedarkan tentang sikap lalai yang banyak merosakkan diri. Para pelajar telah dijelaskan kelalaian tersebut adalah punca yang melemahkan umat Islam dan menyebabkan Islam terus dipandang rendah. Pelbagai sikap dan tabiat buruk yang banyak diamalkan telah ditekankan sebagai suatu yang bertentangan dengan pelbagai potensi diri yang dibekalkan oleh Allah S.W.T. Pelbagai contoh perbezaan individu berjaya dan gagal juga telah didedahkan bagi membuktikan kebaikan menggunakan segala potensi tersebut dan kesan buruk sekiranya diabaikan. Selain itu, para pelajar juga telah disedarkan daripada pengabaian terhadap jasa dan pengorbanan ibu bapa dalam melahirkan, membesarkan dan memberikan yang terbaik untuk diri mereka. Bertitik tolak dari ini, para pelajar telah diminta untuk menginsafi kesalahan diri dan segera memohon keampunan daripada Allah S.W.T. dengan bermunajat dan beristighfar kepada Allah S.W.T dan memohon maaf kepada kedua ibu bapa mereka.

Pengisian yang diberi bagi menyuntik rasa penyesalan dalam kalangan pelajar ini adalah selari dengan elemen *mu'ātabah*. Dalam perlaksanaan elemen *mu'ātabah*, rasa penyesalan adalah perkara pertama yang perlu ada bagi membentuk dorongan atau keinginan dan keazaman yang kuat bagi melakukan perubahan diri.⁵³⁰ Selain itu, rasa penyesalan yang diluahkan menerusi istighfar dan bermunajat kepada Allah juga dapat membersihkan jiwa para pelajar dari segala dosa. Proses pembersihan ini akan

⁵³⁰Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 5-99

melembutkan jiwa, memberi kekuatan seterusnya memudahkan proses perubahan dilakukan.⁵³¹ Berdasarkan pengisian MAP di atas juga, pendedahan terhadap pelbagai isu dan perkara yang menimbulkan rasa kesedaran dan penyesalan adalah asas ilmu yang menjadi pra-syarat bagi membolehkan pelaksanaan *mu'atabah*.⁵³²

Selepas menyuntik rasa penyesalan ini, beberapa pendekatan pula telah dilakukan bertujuan untuk memberi galakan dan semangat kepada para pelajar supaya lebih terdorong dan bermotivasi untuk membangunkan diri. Kajian mendapati pendekatan ini telah dilakukan dengan menyedarkan tentang kewujudan Allah sebagai Tuhan yang sentiasa ada untuk memberikan rahmat, kekuatan dan pertolongan. Beberapa cara membina hubungan dengan Allah juga telah diajar supaya rahmat dan pertolongan Allah tersebut lebih mudah diperoleh, misalnya melalui penyempurnaan ibadah solat, melakukan ibadah-ibadah sunat yang lain seperti solat sunat dan bersedekah, membentuk niat yang ikhlas dalam setiap perbuatan, mengelakkan diri daripada perbuatan dosa dan maksiat serta merancang gerak kerja yang selaras dengan tuntutan *syariatullah* dan *sunnatullah*. Bagi tujuan ini, pendedahan terhadap beberapa kemahiran dan strategi yang dibekalkan dapat memudahkan proses perubahan dan membantu para pelajar menghadapi cabaran.⁵³³ Begitu juga dengan penekanan turut diberi terhadap pelbagai keupayaan diri yang dimiliki untuk memilih jalan hidup yang terbaik.⁵³⁴ Dalam modul MAP, antara kemahiran yang dibekalkan dilihat kemahiran yang sesuai dengan keperluan diri para pelajar seperti kemahiran belajar, kemahiran berhadapan dengan cabaran persekitaran serta kemahiran membentuk konsistensi diri seperti kaedah fokus dan

⁵³¹ *Ibid.*

⁵³² Huraian lanjut sila rujuk pada Bab 2 i- Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri.

⁵³³ Fatimah Abdullah, "Virtues and Character Development in Islamic Ethics and Positive Psychology,"; Peter M. Gollwitzer, "Implementation Intentions, American Psychologist," 493-503; Ralf Schwarzer, "Modeling Health".

⁵³⁴ *Ibid.*

tumpuan, kaedah mengatasi rasa malas serta kaedah membentuk tabiat diri yang baik melalui pelaziman minda.

Kesedaran tentang kesedaran bertuhan dalam membentuk kejayaan hidup di dunia dan akhirat yang diterapkan dalam MAP di atas adalah langkah penting dalam perlaksanaan elemen *mushāraṭah*. Sebagai mana yang pernah dijelaskan sebelum ini, *mushāraṭah* ataupun perjanjian hati untuk melakukan perubahan diri ini hanya dapat dilakukan sekiranya para pelajar benar-benar memiliki ilmu yang betul.⁵³⁵ Dalam modul MAP, keyakinan terhadap kewujudan Allah, rahmat serta ganjaran-Nya akan menjadi sumber pergantungan dan pengharapan apabila berhadapan dengan situasi yang sukar pada masa akan datang. Sementara pelbagai ilmu dan kemahiran yang diberi menepati kehendak *syariatullah* dan *sunnatullah* pula dapat menjadikan para pelajar lebih bersedia dan yakin dengan perbuatan dan keupayaan diri mereka.⁵³⁶ Dengan adanya tempat pergantungan, harapan, persediaan dan keyakinan diri ini, kekuatan dalaman diri mereka lebih mudah dibangunkan sekaligus membolehkan ikatan perjanjian dan keazaman untuk perubahan diri dilakukan tanpa ada rasa ragu-ragu.

Manakala penekanan tentang pembentukan niat yang betul, kaedah pelaziman minda dan penjagaan ibadah yang wajib dan ibadah-ibadah lain pula didapati selari dengan kaedah *mur'āqabah*. Sebagai mana yang telah dijelaskan juga, motivasi pembangunan diri yang ingin dibangunkan pada diri para pelajar adalah motivasi yang selaras dengan matlamat dan prinsip Islam. Pembangunan diri yang tidak dibina di atas dasar ini tidak mampu untuk membangunkan elemen jiwa kerohanian remaja malah akan dianggap sia-sia.⁵³⁷ Justeru, melalui pembentukan niat yang ikhlas serta

⁵³⁵ Yatimah Sarmani dan Mohd. Tajudin Ninggal, *Teori Kaunseling Al-Ghazālī*, 97.

⁵³⁶ Abbas Husein Ali, "The Nature of Human Disposition: Al-Ghazālī's Contribution to an Islamic Concept of Personality," 51-64

⁵³⁷ Abdullah Draz, *The Moral World of the Qur'ān*, 132.

penjagaan ibadah, para pelajar akan sentiasa dapat mengawasi hati dan perbuatan mereka agar tidak tersasar dari landasan yang betul.

4.4.2 Fasa III

Sebagai mana yang dijelaskan dalam model pengaruh motivasi pembangunan diri remaja, fasa III ini adalah satu fasa selepas para pelajar keluar dari program MAP. Ketika ini komitmen pembangunan diri yang telah dibentuk sebelum ini perlu dilaksanakan dalam situasi sebenar kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran dan halangan yang dihadapi mungkin akan membuatkan motivasi diri mereka kembali merosot seterusnya gagal melaksanakan komitmen tersebut. Justeru, bagi membantu para pelajar menghadapi fasa ini dengan baik elemen *mujāhadah*, *muḥāsabah* dan *mu'āqabah* adalah elemen motivasi penting yang diperlukan.

Dalam modul MAP, elemen-elemen tersebut didapati telah diajar menerusi beberapa slot seperti slot Disiplin, Sikap, Tanggapan, Pelaziman Minda, Matlamat Hidup Insan, Matlamat Pelajar Super, Palestin, Ibu bapa dan slot Yakin dan Berani. Melalui slot-slot tersebut, para pelajar digesa untuk mengubah sikap dan bersungguh-sungguh merealisasikan matlamat diri yang telah dibentuk. Dalam hal ini mereka diberi kesedaran tentang realiti hidup di samping sering diingatkan dengan pelbagai cabaran dan halangan yang bakal dihadapi. Ini termasuklah cabaran dari pengaruh persekitaran, rakan-rakan, kemerosotan motivasi, kesusahan dan sebagainya. Bagi mengatasi cabaran tersebut, teknik-teknik berkesan telah diajar misalnya dengan mengamalkan disiplin diri yang betul, sentiasa menstruktur pemikiran dengan cara yang bijak, menggunakan potensi akal bagi melawan hawa nafsu, melazimi tanggapan dan tabiat diri yang positif dan membentuk suasana persekitaran yang baik. Sementara itu, dalam slot Yakin dan Berani pula para pelajar diajar tentang

bagaimana cara mengawal emosi, membina keyakinan serta membina semangat juang yang tinggi dalam diri ketika berdepan dengan apa juga situasi.

Pengamalan disiplin diri, pembentukan semula sikap serta pelaziman tabiat yang diajar dalam modul MAP, didapati selari dengan elemen *mujāhadah* dalam Islam. Dalam pelaksanaan *mujāhadah*, para pelajar perlu berusaha keras untuk melawan kehendak hawa nafsu yang sentiasa mendorong kepada perkara yang merosakkan dan melalaikan.⁵³⁸ Tanpa *mujāhadah*, proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri sukar dilakukan. Dengan mengamalkan disiplin diri yang tinggi, jiwa dan potensi al-ruh para pelajar dapat dibimbing untuk lebih teguh bagi mengelakkan penguasaan hawa nafsu. Selain itu, kaedah ini juga selari dengan pelaksanaan elemen *mu'āqabah*. Sebagaimana yang telah dijelaskan, *mu'āqabah* ini adalah kaedah denda yang dilakukan kerana melanggar perjanjian diri dan komitmen yang telah dibentuk. Dalam usaha mendisiplinkan diri dan melazimi diri dengan tabiat diri yang positif, perbuatan yang baik perlu sentiasa diamalkan dalam apa juga situasi. Menurut kaedah *mu'āqabah*, ia juga dilaksanakan sebagai salah satu bentuk denda bagi menggantikan kesalahan yang telah dilakukan.⁵³⁹ Keadaan ini sekaligus membantu para pelajar menghapuskan tabiat buruk para pelajar selain mewujudkan tingkah laku pembangunan diri yang lebih konsisten.⁵⁴⁰

Selain itu rasa cakna, empati, keprihatinan dan semangat perjuangan yang diterapkan menerusi slot Disiplin, Palestin dan Ibu bapa pula didapati turut menepati keperluan terhadap persekitaran yang baik dalam pelaksanaan *mujāhadah* dan *mu'āqabah*. Hal ini kerana, semangat juang, empati dan prihatin tersebut akan menjadi sumber kekuatan dalaman dan keinginan yang tinggi untuk terus konsisten

⁵³⁸ Al-Ghazālī, *Kimiya' al-Sa'ādah*, 1-11. Yusuf al-Qaradāwī, *Al-Ṣabr fī al-Qur'an*, 112.

⁵³⁹ Abul Quasem, *The Ethics*; Al-Hārith bin Asad al-Muḥāsibī, *al-Masā'il fī A'māl al-Qulūb wa al-Jawārīḥ* (al-Qāhirah: 'Alam al-Kutub, 1929), 119. Ibrahim Hilal, *Tasawuf antara Agama dan Filsafat*, terj. Ija Suntana dan E. Kusdian (Jakarta: Pustaka Hidayah, 2002), 77.

⁵⁴⁰ *Ibid.*

dengan matlamat.⁵⁴¹ Penghayatan terhadap kesengsaraan umat Islam yang ditindas di serata dunia dan keperitan jasa Ibu dan bapa, akan mendorong kesanggupan untuk mengorbankan keseronokan sementara demi mencapai matlamat tersebut. Dalam hal ini, para pelajar akan berusaha memastikan wujudnya persekitaran yang menyokong perjuangan mereka termasuklah membina kelompok pergaulan yang baik dan berusaha menjalin hubungan yang sihat dengan orang sekeliling.

Sementara itu, kaedah pembentukan tanggapan yang positif serta penstrukturan emosi-pemikiran melalui slot Tanggapan dan slot Pelaziman minda juga didapati selaras dengan elemen *muhāsabah* yang diajar dalam Islam. Pelbagai cabaran dan halangan yang berlaku semasa proses pelaksanaan komitmen sering membuatkan remaja membina persepsi dan kepercayaan yang salah terhadap diri dan persekitaran mereka. Perkara ini sering menyebabkan motivasi remaja merosot. Namun, melalui kaedah *muhāsabah* yang diterapkan dalam slot tanggapan dan pelaziman minda, para pelajar telah diajar untuk mengoptimumkan semula fungsi potensi al-ruh yang dimiliki. Kaedah ini bukan sahaja membolehkan para pelajar memperbaiki semula hubungan dengan Tuhan, malah kaedah tersebut juga membantu para pelajar untuk mengkoreksi kesilapan dalam pemikiran mereka sekaligus memperbaiki semula motivasi diri mereka. Dengan ini, keyakinan terhadap diri dan Tuhan serta azam terhadap pencapaian matlamat juga dapat dibangunkan semula.

Perincian lanjut berhubung enam elemen *tazkiyah al-nafs* serta elemen niat ini boleh dirujuk pada bab teori kajian. Keseluruhan analisis kandungan bagi modul MAP di atas dapat diringkaskan dalam jadual 4.1 di bawah :

⁵⁴¹ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*. 194-241

Jadual 4.1. Ringkasan Analisis Kandungan Modul MAP berdasarkan Model Pengaruh Motivasi Pembangunan Diri Remaja

Fasa	Elemen Motivasi	Strategi/Teknik	Aplikasi Dalam MAP
(Fasa II) Pencetusan Penilaian Penetapan	<i>Mu'ātabah</i> <i>Mushāraṭah</i> <i>Mur'āqabah</i> Niat	<p>Memberi kesedaran</p> <p>Membetulkan pemikiran</p> <p>Membina kepercayaan</p> <p>Membentuk Matlamat</p> <p>Memberi kemahiran merancang</p> <p>Memberi kemahiran mengurus masalah</p> <p>Memberi kemahiran mengurus tekanan</p> <p>Memberi kemahiran mengawal motivasi</p> <p>Membina keazaman</p>	<p>Menjelaskan tentang kelebihan potensi diri manusia dan peranannya</p> <p>Menjelaskan matlamat hidup insan sebagai hamba dan khalifah melalui slot matlamat hidup</p> <p>Menjelaskan cara membangunkan potensi diri mengikut <i>syariatullah</i> dan <i>sunnatullah</i></p> <p>Menjelaskan kepentingan solat untuk Berjaya</p> <p>Menyenaraikan contoh kata-kata sabotaj yang perlu dielakkan (cth. Aku dilahirkan untuk gagal)</p> <p>Membetuk slot demonstrasi berhubung potensi kebebasan memilih</p>

			<p>Menjelaskan dan membina kepercayaan tentang kuasa Allah S.W.T</p> <p>Mengadakan slot galakan bersedekah atas jalan Allah untuk bina keberkatan hidup</p> <p>Membentuk slot pembinaan matlamat dan cita-cita</p> <p>Mengajar kemahiran untuk memberi tumpuan terhadap pencapaian matlamat</p> <p>Mengajar strategi belajar secara berkesan melalui slot Strategi Pembelajaran Aktif (SPA)</p> <p>Mengajar strategi mengelak dari kegagalan dengan memberikan contoh individu gagal</p> <p>Mengajar teknik mengatasi rasa malas dan mengantuk ketika belajar</p>
--	--	--	---

			<p>Mengajar strategi untuk mengubah sikap melalui penstrukturan pemikiran dan pembentukan tabiat</p> <p>Mengajar strategi membentuk kehidupan sebagai ibadah</p> <p>Mengajar kaedah membentuk niat yang betul kerana Allah</p> <p>Mengajar teknik dan strategi kejayaan dengan kaedah yang digunakan oleh individu Berjaya</p>
(Fasa III) Perlaksanaan	<i>Mujāhadah muḥāsabah Mu'āqabah</i>	<p>Membina semula keyakinan</p> <p>Merangsang semula keazaman</p> <p>Mengingatkan semula tentang matlamat</p> <p>Membentuk sokongan persekitaran</p> <p>Merangsang <i>Muḥāsabah</i></p>	<p>Menjelaskan kepentingan kepentingan berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam slot sikap</p> <p>Mengajar kaedah membina keyakinan diri mengawal emosi dan mengatasi cabaran melalui slot Yakin & Berani</p>

		<p>Memberi Peneguhan (ganjaran dan hukuman)</p>	<p>Menjelaskan tentang realiti kehidupan di dalam slot Yakin dan Berani serta slot Palestin</p> <p>Mengajar strategi membentuk tanggapan yang baik terhadap satu peristiwa dan tragedi kehidupan melalui slot tanggapan</p> <p>Mengajar strategi menyelesaikan masalah dan mengawal motivasi</p> <p>Mengajar strategi <i>muhāsabah</i> diri melalui slot pelaziman minda</p> <p>Menyuntik semangat juang dalam hidup melalui slot Disiplin dan slot Palestin</p> <p>Mengajar strategi membentuk persekitaran yang baik</p> <p>Mengajar strategi membina hubungan baik</p>
--	--	---	---

			dengan ibu bapa Meminta membina kelompok persekitaran yang baik.
--	--	--	--

Sumber : Dokumen Modul Motivasi Alihan Pelajar, Pemerhatian Turut Serta serta Temu bual Jurulatih Tetap Program Motivasi Alihan Pelajar.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian mendapati terdapat 11 slot motivasi yang digunakan oleh MAP selama dua hari program berlangsung. Berdasarkan analisis pengisian yang dilakukan, keseluruhan 11 slot tersebut didapati telah menerapkan elemen motivasi yang berkonsepkan Islam dan menepati keperluan pembangunan diri remaja.

Selain itu, analisis yang dibuat berdasarkan landasan teori kajian pula (model pengaruh motivasi pembangunan diri remaja) mendapati keseluruhan 11 slot MAP tersebut juga adalah selari dengan elemen motivasi yang diperlukan pada fasa II dan fasa III proses pembangunan diri remaja. Ini termasuklah enam elemen *tazkiyah al-nafs* (*mu'ātabah*, *mushāratah*, *mur'āqabah*, *mujāhadah*, *muḥāsabah* dan *mu'āqabah*) serta elemen niat.

Oleh itu, modul MAP didapati telah menerapkan elemen motivasi yang diperlukan bagi membentuk kesedaran dan hasrat keinginan untuk membangunkan diri selaras dengan kehendak Islam. Begitu juga modul MAP didapati telah mendedahkan para pelajar kepada elemen motivasi yang diperlukan untuk membantu pembentukan konsistensi motivasi diri mereka selepas keluar daripada MAP.

BAB 5 : PROSES PEMBANGUNAN DIRI REMAJA SEBELUM MENGIKUTI MAP

5.1 Pendahuluan

Sebagai mana yang telah dijelaskan pada bab 1, tujuan pelaksanaan kajian ini ialah untuk mengenalpasti bagaimana pengaruh motivasi berlaku dalam proses pembangunan diri remaja yang mengikuti program motivasi. Bagi mencapai objektif tersebut, proses pembangunan diri sebelum para informan mengikuti MAP adalah penting untuk diterokai. Hal ini kerana, dengan penerokaan tersebut elemen-elemen yang terlibat untuk proses pembangunan diri para informan dapat diketahui. Selain itu, kajian juga dapat mengenalpasti sama ada proses pembangunan diri informan sebelum mengikuti MAP mempengaruhi mereka semasa dan selepas mengikuti Program MAP. Oleh itu, pada bahagian ini hasil analisis data-data temu bual para informan berhubung dengan proses pembangunan diri mereka sebelum mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar akan dibincangkan.

Setelah data dikumpulkan dari lima kes berbeza (kes Man, Ani, Ira, Iz dan Ina), kajian mendapati setiap kes mempunyai latar belakang serta pengalaman yang berbeza-beza dalam proses pembangunan diri mereka. Dengan penggunaan kaedah analisis secara teoritikal tematik, ciri-ciri unik bagi kes-kes yang dilaporkan telah dapat dikenalpasti. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam landasan teori kajian ini, pembangunan diri remaja adalah manifestasi akhlak yang terdapat pada jiwa mereka. Akhlak boleh terbentuk melalui pengaruh elemen kejiwaan yang terdiri daripada iman dan al-nafs serta elemen persekitaran. Dapatan bagi kelima-lima kes kajian ini didapati selari dengan teori tersebut. Akhlak didapati adalah elemen asas yang telah menentukan bagaimana pembangunan diri para informan berlaku. Namun, keupayaan para informan dalam mengurus jiwa serta berinteraksi dengan

persekitaran mereka telah memberi kesan yang berbeza terhadap pembentukan akhlak tersebut.

Dalam kajian ini, berada di fasa awal keremajaan menyebabkan ketidakstabilan jiwa informan Ira, Ina dan Ani. Ketidakstabilan ini telah membawa kepada kekeliruan dalam menilai diri dan masa depan mereka. Namun begitu, hal ini didapati agak berbeza kepada informan Man dan Iz. Walaupun turut berada pada fasa yang sama, namun, elemen-elemen persekitaran dilihat telah menjadi faktor yang banyak membantu mereka melalui fasa tersebut dengan lebih optimis. Kajian turut menunjukkan ketidakstabilan jiwa informan Ina dan Ira juga telah memberi kesan terhadap cara mereka menginterpretasikan cabaran kehidupan yang dilalui. Desakan keinginan untuk memenuhi keperluan sosial sering meletakkan mereka berada dalam konflik dengan ibu bapa. Dalam hal ini walaupun, kesedaran bertuhan dan beragama didapati telah membentuk pergantungan Ira kepada Tuhan apabila berdepan dengan masalah namun, kurang penghayatan terhadap nilai ketuhanan dan keagamaan tersebut telah menyebabkan kelalaian beliau dalam ibadah. Penghayatan sebegini juga turut berlaku pada informan Iz. Agama didapati lebih cenderung digunakan sebagai tempat pergantungan ketika dalam masalah dan kesusahan. Berbeza dengan Ira dan Iz, Ani pula didapati mempunyai kecenderungan untuk menghayati agama dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, kekurangan ilmu dan pengalaman telah menyebabkan gangguan emosi kepada beliau apabila timbul keinginan untuk bercinta dengan rakannya.

Dalam bab ini, proses pembangunan diri menerusi elemen akhlak, kejiwaan dan persekitaran dalam situasi kelima-lima kes di atas akan dihuraikan dengan lebih lanjut menerusi empat tema utama : a) Kekeliruan tentang diri dan masa depan, b) Pengaruh Persekitaran dalam Pembentukan Persepsi dan Tumpuan, c) Konflik dalam Memenuhi Keperluan Sosial dan d) Kesedaran Bertuhan dan beragama.

5.2 Tema Satu : Penilaian Terhadap Diri Dan Masa Depan

Oleh kerana elemen emosi dan pemikiran adalah satu ciri yang dapat menggambarkan keadaan jiwa seseorang, soalan temu bual yang meneroka elemen tersebut telah diajukan kepada para informan. Antaranya ialah dengan meminta para informan memberikan penilaian terhadap diri dan masa depan mereka. Semasa temu bual dijalankan, para informan diberikan ruang yang bebas untuk menceritakan latar belakang serta peristiwa penting yang banyak mencorakkan kehidupan mereka, supaya penelitian yang mendalam terhadap emosi dan pemikiran mereka dapat dikenalpasti.

Hasil daripada analisis temu bual, kajian mendapati terdapat dua bentuk penilaian diri yang berbeza telah ditunjukkan di antara para informan. Topik penilaian diri ini kelihatan tidak mudah untuk dijelaskan bagi informan Ira, Ani dan Ina. Perkataan seperti 'susah' 'tidak pasti' 'tidak tahu' yang digunakan oleh ketiga-tiga informan ketika cuba memberikan penilaian tentang diri menunjukkan kekeliruan mereka dalam menilai diri. Menerusi kes Ira dan Ani, penceritaan kisah hidup mereka telah dimulakan dengan luahan perasaan kebimbangan yang sering dirasai setiap kali cuba menentukan cita-cita mereka. Pemikiran mereka selalu berlegar di sekitar andaian dan imaginasi negatif sehingga menyebabkan mereka masih tercari-cari cita-cita yang dirasakan lebih sesuai dengan diri mereka. Berikut merupakan petikan temu bual yang menggambarkan situasi di atas :

“Saya pun tak tahu apa cita-cita saya. Sebenarnya, dah banyak kali saya terfikir pasal hal ni. Mula-mula saya terfikir nak jadi cikgu, tapi saya malas belajar. Lepastu, nak jadi doctor pula. Doktor pakar kanak-kanak, tapi tengok pada benda pelik pun dah takut. Kemudian, saya tukar nak jadi tukang masak, sebab saya suka memasak. Tapi bila mak ajar saya tidak dapat ingat. Saya suka buat kek. Kalau buat kek coklat, saya pandai. Tapi bila saya fikir semula, mesti bosan, bukan? Jadi, saya tukar bidang jahitan, mereka baju. Tapi saya tak pandai melukis dan melakar. Saya tak kreatif. Saya tukar lagi cita-cita saya. Banyak kali saya tukar cita-cita saya kan? Saya sendiri dah buntu, terutama bila Dr. Tengku (penceramah motivasi) tanya tentang cita-cita saya. Akhir sekali saya tulis yang saya nak jadi jururawat. Saya teringat, sejak dari kecil lagi memang saya suka tolong orang lain. Tetapi, itu pun saya masih tidak yakin.” (Ira)

“Jujur saya beritahu, saya tak pasti apa sebenarnya cita-cita yang saya nak capai. Saya pernah bercita-cita nak jadi saintist. Tapi, saintist perlukan saya banyak hafal fakta dan teori sains? Kemudian saya fikir nak jadi seorang Dr. Tapi rasa takut. Selepas itu saya juga pernah fikir nak jadi seorang zoologist sebab saya sukakan kucing. Yang terkini saya nak jadi saintist semula. Hmm..Bertukar-tukar cita-cita saya” (Ani)

Dari perspektif Islam, situasi yang berlaku bagi kes informan Ira dan Ani di atas menunjukkan keadaan jiwa informan yang sedang berhadapan dengan perubahan fasa kehidupan yang baru. Sebagaimana yang telah dijelaskan, dalam proses pembentukan akhlak, potensi al-Ruh (akal, hati dan nafsu) adalah potensi kemanusiaan yang berperanan penting. Bagaimana cara potensi tersebut dibangun dan digunakan akan menentukan keadaan jiwa dan seterusnya pembentukan akhlak seseorang individu.⁵⁴² Ketika memasuki usia remaja, potensi al-Ruh ini mula berkembang. Perkembangan ini membolehkan remaja memiliki keupayaan berfikir, membina tanggapan serta berimajinasi secara lebih baik berbanding ketika usia kanak-kanak.⁵⁴³ Walau bagaimanapun, menurut Zakiyah Darajat perkembangan yang dialami oleh remaja pada ketika ini boleh menyebabkan keadaan jiwa mereka berada

⁵⁴² Fatimah Abdullah, “Therapeutic Ethics Managing Anger, Negative Thought and Depression According to al-Balkhī,” 77-100. Eeqbal Hassim, *Elementary Education and Motivation in Islam: Perspectives of Medieval Muslim Scholars, 750–1400 CE* (New York: Cambria Press, 2010) 23-25

⁵⁴³ Alwi Al-attas, (2006) *Pendidikan Remaja dari sudut Pandang Psikologi Islami*, Jakarta: Fakultas Psikologis Universiti Indonesia.

dalam keadaan yang tidak stabil.⁵⁴⁴ Hal ini kerana, remaja sudah mula dapat berfikir dan membuat perbandingan tentang pelbagai perkara yang melibatkan diri dan orang di sekeliling mereka. Keadaan ini menjadikan pemikiran remaja lebih kompleks berbanding zaman kanak-kanak. Oleh itu, remaja akan mudah merasa keliru dan bimbang apabila terpaksa berhadapan dengan pelbagai pilihan hidup. Terutamanya apabila berlaku pertentangan antara keinginan mereka dengan realiti sebenar kehidupan. Kenyataan Zakiyah ini juga disokong oleh Allport yang menyatakan :⁵⁴⁵

.... Situation of emotional dan mental stress requiring significant alterations of outlook within a short period time. These alterations of outlook frequently involve changes may be progressive in the life or they may be regressive.

Dalam kes Ira dan Ani, bentuk pemikiran yang kompleks telah mendorong mereka untuk mempertimbangkan banyak perkara sebelum dapat membuat apa-apa keputusan. Dalam situasi ini, proses penilaian juga menjadi semakin sukar apabila pemikiran dan emosi mereka turut terganggu dengan pelbagai andaian dan imaginasi yang negatif.

Di antara perkara yang turut dipertimbangkan semasa proses penilaian diri adalah pengalaman yang pernah dilalui berhubung dengan pencapaian di sekolah, hubungan dengan ibu bapa, rakan-rakan dan orang sekeliling. Pesimistik terhadap pengalaman tersebut, menambahkan lagi kecenderungan kedua-dua informan untuk menilai diri mereka dari aspek yang negatif.⁵⁴⁶ Dalam kes Informan Ani, sering kecewa kerana merasa gagal mendapatkan kehendak dan keinginannya telah meninggalkan kesan yang mendalam di dalam jiwa beliau. Menurut Ani apa yang dirasai ini adalah antara punca yang menghilangkan keyakinan untuk menentukan masa depannya.

⁵⁴⁴ Zakiyah Darajat, *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*, 15

⁵⁴⁵ Allport, G. Crises in normal personality development. *Teachers College Record*, 1964, 66, 2395-241.

⁵⁴⁶ Zakaria Stapa et. al, "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri", 155-172.

“Saya selalu rasa saya tak dapat apa yang saya nak. Tambahan lagi pada perkara yang saya usahakan bersungguh-sungguh, biasanya mesti saya tak dapat. Tapi kalau perkara-perkara yang saya tak mahu tu senang pula dapat.”(Ani)

“ Jadi susah untuk saya tetapkan cita-cita. Hmm.. saya kalau dalam peperiksaan selalu rasa seperti tidak boleh nak buat. Belajar pun, saya rasa susah. Saya tak yakin saya akan dapat keputusan yang baik. Tetapi sewaktu UPSR, saya dapat 5A. Saya sendiri terkejut, sebab sewaktu percubaan UPSR, saya dapat 3A, 2B sahaja. Pada awalnya, saya rasa seperti tidak mungkin boleh berjaya. Tapi bila dapat keputusan, saya sendiri tak sangka.” (Ani)

Jelas Ani lagi, perkara tersebut sedikit sebanyak turut mengganggu tumpuan dan semangat beliau untuk belajar sehingga menyebabkan kemarahan ibunya.

“Sebab itu, kadang-kadang saya rasa penat belajar. Saya lebih suka bermain *game*, emak selalu marahkan saya kerana tangguhkan kerja dan banyak bermain.” (Ani)

Bagi kes informan Ira pula, pengalaman yang dilalui yang mermbuatkan beliau sering melihat aspek negatif berbanding aspek-aspek yang positif pada diri beliau.

“Saya tak tahu apa kelebihan diri saya. Saya ni tak baik sangat pun, agak sensitif, degil, malas dan suka melawan cakap mak ayah. Suka marah tu ada juga, tapi biasanya bersebablah!” (Ira)

“ Untuk bergaul dan mencari kawan pun saya rasa tak yakin. Biasanya saya rasa lebih selesa dan senang berkawan dengan budak-budak yang berumur lebih muda dari saya. Dengan rakan sebaya atau lebih tua, saya selalu tertanya-tanya, mereka nak ke berkawan dengan saya?”(Ira)

“Di dalam kelas, hmm... saya di sekolah tak pandai sangat. Golongan pelajar biasa-biasa saja. Ada beberapa mata pelajaran saya mendapat keputusan gagal. Paling lemah Bahasa Inggeris. Kawan-kawan saya pun bukannya pandai sangat. Tapi saya sangat cemburu pada mereka dalam subjek bahasa Inggeris. Selalu saya tanya diri sendiri, “Kenapalah aku ni bodoh sangat?” (Ira)

Tidak hanya berlaku kepada kes Ani dan Ira, kajian mendapati perkara yang sama turut berlaku kepada kes informan Ina. Meskipun beliau didapati lebih yakin dengan cita-citanya berbanding Ira dan Ani, namun dalam masa yang sama Ina

dilihat masih keliru dan tidak dapat memahami diri sendiri dengan baik. Ketika cuba menjelaskan penilaian beliau terhadap diri, Ina menyentuh tentang dirinya yang sangat pemalu sehingga sering menjadi penghalang kepada kemajuan diri beliau. Dengan nada merendah diri Ina menyatakan :

“Entahlah, saya tak tahu apa yang saya suka pada diri saya. Saya sendiri tak pasti dengan diri sendiri. Memang saya ada bercita-cita nak jadi seorang chef dari berada di tahun 5 lagi saya sudah bercita-cita menjadi chef. Saya memang yakin saya boleh berjaya, bolehlah 80% keyakinan tu ada pada diri saya untuk capai cita-cita itu. Tetapi selain tu, saya tak pasti dengan diri sendiri. Apa yang pasti, saya pemalu. Dalam kelas, saya malu bila saya nak beritahu pada cikgu yang saya tak faham. Saya rasa pemalu saya inilah yang jadi penghalang pada saya untuk buat banyak perkara.” (Ina)

“ Pencapaian pelajaran pun ada yang baik ada yang tak. Saya ni malas belajar. Kawan-kawan yang saya rapat malas dan tak fokus sangat pada pelajaran. Saya pun ikut sama macam mereka, malas belajar.” (Ina)

‘Uthman Najātī mengklasifikasikan situasi kes bagi ketiga-tiga informan di atas sebagai keperibadian yang belum mencapai tahap matang.⁵⁴⁷ Dalam pembentukan jiwa, Najātī mengumpamakan perihal ketidakmatangan ini ibarat individu yang masih berada pada usia kanak-kanak. Belum berupaya untuk mengurus potensi al-ruh dengan baik, membuatkan daya pemikiran kanak-kanak masih rendah. Oleh itu, dalam membuat sebarang penilaian, kanak-kanak lebih cenderung menggunakan pemikiran cetek yang dipengaruhi oleh hawa nafsu.⁵⁴⁸ Dalam kes ketiga-tiga informan di atas, walaupun potensi al-ruh mereka sudah boleh berfungsi lebih baik berbanding kanak-kanak, namun kelalaian dalam mengurus potensi tersebut secara bijak mendorong ketidakmatangan para informan dalam menilai setiap pengalaman yang dilalui. Keadaan inilah yang mendorong kekeliruan dan pesimistik dalam corak pemikiran mereka. penilaian mereka.

⁵⁴⁷ ‘Uthmān Najātī, *‘Ilmu an-Nafs al-Islamī* (Al-Qāhirah: Dār al- Shurūq, 1968). 39-67

⁵⁴⁸ *Ibid.*

Individu matang biasanya mempunyai tahap kesedaran diri yang tinggi.⁵⁴⁹ Dalam hal ini, bukan sahaja mampu menilai hakikat hidup yang sebenar malah, individu yang matang juga bijak menguruskan pelbagai kehendak dan tuntutan hidup secara seimbang.⁵⁵⁰ Dari perspektif Islam, perkara ini melibatkan keupayaan individu dalam menggunakan akal, hati dan nafsu mengikut garis panduan yang disediakan oleh agama. Selari dengan kenyataan Manzurul Haq, beliau menyatakan:⁵⁵¹

“ The heart has been said to be the master and the key entity that regulates all sort of behavioral functions and drives the entire course of personality development both in its progressive and regressive directions. Therefore, the construction and development of personality to its fullest range or the corruption and degeneration of it, all depends on the state and condition of the human heart.”

Sehubungan itu, kematangan dan kesedaran diri para informan dapat dipertingkatkan sekiranya mereka memahami diri dan segala potensi yang dimiliki serta mendalami peranannya sebaik mungkin.

Walau bagaimanapun al-Za'balāwī mengulas, ketidakstabilan jiwa yang disebabkan oleh masalah pengurusan emosi dan pemikiran ini tidak semestinya akan membentuk kesan yang negatif kepada pembangunan diri remaja. Sebaliknya pada fasa awal remaja, keadaan tersebut adalah satu proses yang baik sebagai persediaan ke arah menjadi individu yang lebih matang.⁵⁵² Turut dipersetujui oleh tokoh pembangunan diri dari Barat, Richard M.Learner menyatakan bahawa usia remaja ini tidak seharusnya dilihat sebagai satu fasa yang bermasalah, tetapi fasa tersebut

⁵⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁵⁰ Fatimah, Abdullah, “Therapeutic Ethics Managing Anger, Negative Thought and Depression According to al-Balkhī,”), 77-100.

⁵⁵¹ Manzurul Haq, *The Heart and Personality Development* dalam Amber Haque dan Yasien Mohamed (eds.) *Psychology of Personality- Islamic Perspective*, (Singapore: Cengage Learning Asia Pte Ltd, 2009) 159-181.

⁵⁵² Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq Baina al-Islām wa 'Ilmi al-Nafs* (Al-Qāhirah: Maktabah al-Thawbah, 1989).

adalah peluang yang baik untuk membangunkan diri mereka.⁵⁵³ Hal ini kerana, melalui proses pengalaman, remaja mendapat peluang untuk memperbaiki diri mereka. Pendedahan terhadap pelbagai masalah hidup pada fasa ini, amat sesuai dengan tahap perkembangan diri mereka. Ketika usia awal remaja daya berfikir dan meneroka mereka sangat aktif. Oleh itu, pengalaman akan membuatkan mereka cepat belajar dan responsif kepada perubahan positif. Justeru itulah, Islam telah memberikan taklifan atau tanggungjawab sebagai seorang mukallaf di seawal usia remaja. Ia bertujuan untuk melatih dan membimbing diri remaja bagi mencapai pembangunan diri yang lebih sempurna.⁵⁵⁴ Mereka hanya perlu diberikan peluang serta panduan yang betul untuk membangunkan diri, supaya fasa remaja tersebut dapat dilalui dengan baik.⁵⁵⁵ Dalam konteks kes informan, peluang dan panduan yang betul untuk membangunkan potensi al-ruh akan dapat membantu mereka mengurus emosi dan pemikiran untuk pembentukan jiwa dan akhlak yang lebih baik. Hal ini dapat dilihat menerusi dua lagi kes informan remaja lelaki informan Iz dan Man.

Dalam analisis yang dijalankan kepada dua informan tersebut, kajian mendapati terdapat perbezaan dari segi cara penilaian tentang diri oleh kedua-dua informan ini berbanding tiga informan sebelumnya. Dalam kes informan Iz dan Man, kajian mendapati mereka juga pernah mengalami peristiwa yang menyebabkan timbulnya perasaan marah, sedih dan kecewa. Terutamanya apabila melibatkan keinginan diri yang tidak dapat dipenuhi atau diganggu. Sebagai contoh, dalam kes informan Iz, beliau menceritakan situasi ketika beliau berasa sangat marah semasa dalam satu peristiwa yang dilalui.

⁵⁵³ Richard M. Lerner, "Contemporary Development Theory and Adolescent : Development System and Applied Development Science", *Journal of Adolescence Health* 31, no. 6, (2002).

⁵⁵⁴ Saedah Siraj, Pendidikan Anak-anak, (Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMCFD), 2003.), 35.

⁵⁵⁵ Richard M. Steers and Lyman W. Porter, *Motivation and Work Behavior*, 6-8.

“Saya tahu saya juga mudah naik marah. Kadang-kadang saya susah nak kawal emosi. Contoh seperti kejadian yang berlaku baru-baru ni Waktu itu kami sekeluarga bercuti ke Langkawi. Saya hampir-hampir bergaduh dengan sekumpulan kumpulan keluarga India yang memotong barisan sewaktu menunggu giliran naik feri. Mujur ada pakcik saya yang cuba menenangkan keadaan. Kalau tak mungkin kami sudah bergaduh ketika itu. Tetapi dalam banyak keadaan saya tak pernah melepaskan marah secara fizikal. Saya juga tidak suka cerita masalah saya pada orang lain. Saya akan pendam sahaja.” (Iz).

Sementara dalam kes Man pula, ketika cuba menggambarkan kisah kehidupannya, Man menceritakan kesedihan yang dilalui apabila beliau merasa tidak dihargai oleh rakan-rakan.

“ Sekarang ini perkara yang paling menyedihkan saya apabila saya rasa selama ni saya selalu tolong kawan-kawan, tapi kawan-kawan saya tu tak pernah tolong saya. Saya tolong ramai orang, tapi tak ada sesiapa yang tolong saya. Saya bukan jenis pemarah. Perkara macam ni, biasanya saya hanya simpan dalam hati. Tapi saya akan ingat selama-lamanya apa mereka buat! (Man)

Peristiwa yang diceritakan dalam situasi-situasi Iz dan Man di atas menunjukkan bahawa mereka juga pernah mengalami pergolakan emosi sebagaimana informan Ira, Ani dan Ina. Walau bagaimanapun, dalam temu bual selanjutnya kajian mendapati mereka mempunyai cara penilaian diri yang lebih positif tentang kehidupan mereka. Meskipun pernah mengalami episod marah dan sedih, namun sepanjang sesi temu bual pertama, kedua-dua informan (Iz dan Man) ini lebih suka menceritakan aspek positif diri. Tumpuan penceritaan juga lebih tertumpu kepada impian-impian masa depan serta kelebihan-kelebihan diri yang dimiliki. Berbanding Ira, Ani dan Ina yang kelihatan masih keliru dengan diri dan masa depan mereka, Iz dan Man juga didapati lebih berkeyakinan dengan diri dan keinginan mereka. Informan Man mempunyai cita-cita yang besar. Daripada apa yang cuba digambarkan, beliau telah mempunyai perancangan untuk mencapai cita-cita yang telah disusun dengan baik. Menurut Man :

“Saya rancang, selepas habis SPM, saya nak lanjutkan pelajar di Universiti Pertahanan Malaysia, ambil jurusan Kejuruteraan Komputer. Sebabnya, di situ nanti saya bolehlah buat latihan untuk kenaikan pangkat, dan selepas habis belajar, saya boleh mohon menjadi tentera laut.” (Man)

“Kemudian, apabila umur saya 30 tahun, saya nak jadi *game designer*. Sekarang ini, saya sudah rangka skrip termasuklah *character* dalam *game* saya nanti. Sebelum ini, saya pernah sertai pertandingan reka *game* kereta. Tetapi yang sedihnya, *game* yang saya reka tu diserang virus, dan saya tak teruskan sebab perlukan duit. Ibu dan ayah saya pun tak benarkan saya lakukan transaksi online sebab takut ditipu. Saya suka reka *game* sebab dapat luahkan imaginasi saya. Saya rancang saja dulu. Kalau tak menjadi pun, tak apa.” (Man)

Dalam kes informan Iz pula, beliau langsung tidak kelihatan ragu-ragu ketika memberitahu tentang cita-cita masa depan beliau. Menurutnya :

“ Bermula dari awal tahun lagi, saya sudah bertekad untuk menjadi jurutera! Saya memang berminat menjadi jurutera”(Iz).

Selain itu, berbeza dengan Man yang lebih gemar menceritakan perancangan masa depannya, Iz pula begitu bersemangat menceritakan kelebihan diri yang dimiliki. Menurut Iz, beliau bangga pada kelebihan diri beliau yang mampu mengawal pemikiran dan emosi serta berkeupayaan untuk mengekalkan prestasi yang baik dalam pelajaran. Dengan wajah ceria Iz menjelaskan :

“ Saya suka pada kelebihan saya yang akan berfikir dahulu sebelum bercakap. Saya agak sensitif orangnya. Saya tak suka bunyi bising. Apabila bising, saya susah nak belajar. Saya juga tak suka apabila kawan mengutuk, fitnah dan cuba kaitkan saya dengan perempuan. Saya memang tak suka, dan paling tak suka apabila orang lain menyibuk hal saya! Seperti cuba korek rahsia saya. Memang saya tak suka. Mereka patut fikir perasaan orang lain. Saya sendiri, kalau bercakap, saya akan fikir dulu dan berlapis. Saya akan fikirkan perasaan orang dulu!” (Iz)

“Walaupun saya cepat naik marah saya jarang nak lepaskan marah untuk puaskan hati. Kalau ada apa-apa masalahpun, contohnya apabila sedih atau marah, biasanya saya lebih senang bermain *game*, tidur atau menonton televisyen. Perasaan tu akan perlahan-lahan hilang. Bila saya gembira, semua masalah tu saya akan dapat lupakan dengan sendiri. Jadi bukan masalah sangatlah! ” (Iz)

“Tentang pencapaian di sekolah, saya gembira sangat setiap kali ambil keputusan ujian atau peperiksaan. Sebab selalunya saya akan dapat keputusan yang baik. Biasanya apabila keputusan keluar, saya dengan kawan akan saling buat perbandingan keputusan sesama kami. Saya tak pernah dapat keputusan C dalam pelajaran. Paling terukpun biasanya saya dapat B ” (Iz)

Kajian melihat perkara utama yang membezakan cara penilaian Iz dan Man berbanding cara penilaian Ira, Ani dan Ina ini ialah pembentukan persepsi dan tumpuan mereka terhadap kehidupan. Terdapat pandangan dari ahli psikologi yang mengaitkan perbezaan persepsi dan tumpuan pemikiran yang ditunjukkan antara informan lelaki (Man dan Iz) dan informan perempuan (Ani, Ina dan Ira) dalam kes-kes di atas, dengan isu gender. Perbezaan ini dikatakan berlaku kerana aspek biologi dan sosialiasi. Dari aspek biologi, corak pemikiran remaja perempuan kelihatan lebih kompleks kerana mereka mengalami tahap perkembangan emosi dan pemikiran yang lebih cepat dan aktif berbanding remaja lelaki. Menurut Dzakiyah Darajat, keadaan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai kesempatan masa yang cukup untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang dialami.⁵⁵⁶ Justeru, ramai remaja perempuan yang mengalami kekeliruan dan tekanan kerana tidak dapat menghadapi situasi tersebut dengan baik. Sementara itu, dari aspek sosialisasi pula, Jaz Laili menyatakan terdapat perbezaan dari segi pendedahan dan cara didikan yang diterima antara remaja lelaki dan perempuan, bukan sahaja oleh ibu bapa tetapi juga masyarakat.⁵⁵⁷ Dalam hal ini, remaja lelaki biasanya akan mendapat ruang kebebasan untuk bersosial yang lebih besar berbanding remaja perempuan. Keadaan ini menyebabkan skop pemikiran remaja lelaki lebih luas berbanding remaja perempuan.

Perbezaan corak pemikiran yang melibatkan soal biologi dan sosialisasi ini juga ada dibahaskan dari perspektif Islam. Setiap individu dikatakan mempunyai tahap penerimaan masing-masing dalam proses pembangunan diri bergantung

⁵⁵⁶ Muhammad al-Mighwar, *Psikologi Remaja: Petunjuk bagi Guru dan Orang tua*, 34

⁵⁵⁷ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*, 98

kepada kecenderungan semula jadi diri dan pendedahan yang diterima dari kecil.⁵⁵⁸ Walau bagaimanapun, Islam telah memberikan garis panduan yang sama kepada setiap individu tidak kira sama ada remaja lelaki atau perempuan. Tanpa mengira gender, kedua-duanya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. dan akan diperhitungkan di akhirat mengikut amalan yang dilakukan di dunia.⁵⁵⁹ Justeru itu, dalam proses pembangunan diri, Islam telah memberikan potensi al-Ruh serta kebebasan memilih jalan hidup yang membawa kebaikan di dunia dan di akhirat.⁵⁶⁰

Dalam kes Iz dan Man, kajian melihat membentuk persepsi yang optimis dan memberikan tumpuan pada sudut positif kehidupan adalah pilihan mereka. Berbalik semula kepada kenyataan yang berhubung dengan kematangan peribadi sebelum ini, keupayaan pilihan untuk membentuk persepsi yang optimis tentang kehidupan juga merupakan salah satu indikator kematangan fikiran.⁵⁶¹ Oleh itu, dalam kes Iz dan Man, mereka boleh dikatakan mempunyai kematangan dari aspek penilaian diri dan penentuan masa depan kerana mereka sedar bahawa terdapat aspek-aspek positif dalam kehidupan yang boleh diberi penumpuan.

Menurut Jas Laile, kematangan di awal fasa keramajaan boleh berlaku sekiranya mereka mendapat pendedahan kepada maklumat dan peluang pengalaman yang betul.⁵⁶² Hal ini kerana, menurut Ibn Qayyim, dalam kehidupan sehari-hari setiap individu akan sentiasa didorong oleh pelbagai ilham yang datang dari pelbagai

⁵⁵⁸ Rashid Hamid, *The Concept of Personality in Islam* dalam (eds.) Amber Haque dan Yasein Mohamed, *Psychology of Personality – Islamic Perspective*, 257-282. Syed Hossein Nasr, *Sciences and Civilization in Islam*. (New York: Plume Books, 1968), 223. Ahmad Ibn-Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, terj. Constantine K. Zurayk (Beirut: The American University Of Beirut, 1968), 29-33

⁵⁵⁹ Aisya Utz, *Psychology from the Islamic Perspective*, 231.

⁵⁶⁰ Al-Qur'ān, Surah al-Baqarah : 168, Surah al-Nur :32

⁵⁶¹ Aisya Utz, *Psychology from the Islamic Perspective*, 84-94.

⁵⁶² Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan kepada Psikologi kanak-kanak dan Remaja* (Shah Alam : Arah Pendidikan Sdn Bhd, 2008) 220-221; Abdul Karim Bakkar, *Successful Family Upringing Series - The Adolescents*, (Petaling Jaya : Dakwah Corner Publication Sdn. Bhd. 2014) 4.

sumber.⁵⁶³ Tidak kira sama ada baik mahupun buruk, ilham tersebut akan masuk ke dalam sistem pemikiran individu. Dalam contoh kes para informan, ilham-ilham ini berfungsi memberikan pelbagai pandangan dan pendapat berhubung dengan kehidupan dan mempengaruhi penilaian mereka. Tanpa ilmu dan peluang pengalaman yang baik, ilham tersebut tidak dapat ditapis. Sebaliknya ia terus diterima membentuk sistem kepercayaan individu tersebut. Berdasarkan kepada kenyataan Ibn Qayyim ini, kajian percaya bahawa terdapat maklumat dan peluang pengalaman yang telah mendorong corak penilaian informan. Kepercayaan ini telah mendorong pengkaji untuk meneroka lebih lanjut tentang proses pembangunan diri mereka.

Pada tema kedua, ilmu, maklumat dan peluang pengalaman yang mempengaruhi corak penilaian Man akan dibincangkan.

5.3 Tema Dua : Pengaruh Persekitaran Dalam Pembentukan Penilaian Diri Dan Akhlak

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada tema pertama sebelum ini, ilmu dan peluang pengalaman boleh mempengaruhi cara penilaian dan kematangan diri remaja. Sehubungan dengan ini, menerusi dapatan analisis berikutnya kajian mendapati bahawa terdapat pengaruh elemen persekitaran yang terlibat bukan sahaja dalam menentukan corak penilaian diri, malah juga terhadap pembentukan akhlak informan. Dalam proses pembangunan diri, kesan pengaruh persekitaran ini didapati telah memberi kesan yang begitu besar kepada informan Man. Bukan sahaja telah menentukan corak pemikiran, malah pengaruh persekitaran ini juga dilihat telah mempengaruhi pembentukan diri dan tingkah laku beliau. Pada tema kedua ini,

⁵⁶³ Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1984).173. Huraian lanjut terdapat di Bab 2 di bawah tajuk 'Faktor Pembentukan Motivasi Pembangunan Diri Remaja Menurut Perspektif Islam' .

kajian akan menghuraikan bagaimana pengaruh elemen persekitaran terhadap informan Man tersebut berlaku.

Peranan elemen persekitaran dalam mempengaruhi kehidupan sama sekali tidak pernah dinafikan dari perspektif Islam. Malah, Islam melihat manusia adalah makhluk sosial yang sentiasa berkembang menerusi pembelajaran persekitaran. Pemberian potensi al-ruh kepada manusia itu sendiri menunjukkan bahawa pembelajaran melalui persekitaran adalah fitrah kepada diri manusia. Sebagaimana yang disebut menerusi firman Allah S.W.T dalam surah Al-Nahl ayat 78 yang bermaksud :

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

Al-Nahl 16:78

Terjemahannya : Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati dan akal fikiran supaya kamu bersyukur.

Berdasarkan kepada ayat di atas, Allah S.W.T telah memberikan potensi al-Ruh kepada manusia sebagai manfaat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.⁵⁶⁴ Al-Ghazālī menyifatkan potensi al-Ruh ini adalah ibarat kunci pintu yang menghubungkan manusia dengan elemen persekitarannya⁵⁶⁵ Hal ini kerana, melalui potensi al-Ruh manusia dapat berinteraksi dengan pelbagai elemen persekitaran bagi mendapatkan input-input pembelajaran.⁵⁶⁶ Berdasarkan kepada konsep ilham yang diketengahkan oleh Ibn Qayyim, input-input ini adalah salah satu sumber ilham yang

⁵⁶⁴ Ibn Kathir Tafsirul Qur‘ān i’l Azimi, Jilid 8, (1421 H/2000), 336-337; Aisha Utz, Psychology From The Islamic Perspective, (International Islamic Publishing House (IIPH): Arab Saudi,2011), 184.

⁵⁶⁵ Noor Shakirah Mat Akhir, Al-Ghazālī and His Theory of The Soul. A Comparative Study (Pulau Pinang; Penerbit Universiti Sains Malaysia,2008)267.

⁵⁶⁶ Ibn Kathir Tafsirul Qur‘ān i’l Azimi, Jilid 8, (1421 H/2000), 336-337.

mencorakkan cara pemikiran, penilaian dan akhlak seseorang individu.⁵⁶⁷ Perkara ini akan dapat dijelaskan menerusi kes informan Man.

Dalam kes informan Man, kajian mendapati keluarga serta pengalaman yang dilalui di sekolah adalah elemen persekitaran yang menjadi sumber ilham beliau untuk membentuk penilaian diri yang lebih positif serta yakin dengan diri sendiri. Menyifatkan diri beliau pada asalnya seorang yang pemalu dan kurang berkeyakinan, Man menjelaskan bahawa pengalaman yang dilalui telah banyak mempengaruhi perubahan dirinya :

“Selama ini saya pendiam. Sekolah tadika, darjah satu dan dua, saya bersekolah di sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Di rumah, saya juga bercakap bahasa Inggeris dengan mak dan abang. Cuma dengan adik saya kurang, sebab adik saya lebih rapat dengan ayah. Selepas berpindah sekolah, saya tak tahu bercakap dalam bahasa Melayu. Jadi, saya cakap pun lambat. Sewaktu darjah empat, saya ingatkan ramai kawan-kawan yang tahu bercakap dalam bahasa Inggeris, tetapi rupa-rupanya tak ramai. Jadi saya rasa saya ada satu kelebihan dan keistimewaan. Contohnya selama ini saya tengok orang lain lebih hebat daripada saya. Mereka pandai dalam banyak subjek seperti matematik dan sains. Tapi saya pandai dalam bahasa Inggeris. Tetapi markah bahasa Inggeris saya 80 saja. Kawan-kawan yang lain, markah 90 dan 100 macam tu. Tapi tak tahu bercakap dalam bahasa Inggeris. Cikgu cakap pada saya, ‘Kamu pandai berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, tapi tak boleh dapat markah yang baik.’ Saya balas semula pada cikgu yang saya hanya tahu bercakap, tapi tak pandai sangat bila menulis dalam bahasa Inggeris. Cuma, sekarang dah pandai menulis dalam bahasa Inggeris. Sejak tu, bila saya berpindah lagi selepas darjah lima, saya berubah. Saya lebih yakin dan tak pendiam lagi.” (Man)

Kelebihan berbahasa Inggeris yang dimiliki berbanding rakan-rakannya di sekolah rendah, membuatkan Man dapat melihat ‘kelainan’ pada diri beliau. Dari kelebihan tersebut, Man belajar membina keyakinan diri. Bermula saat itu juga, Man mulai suka pada perkara yang menjadikan beliau berbeza dari orang lain.

⁵⁶⁷ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1986).595-645

“Saya jadi suka pada sesuatu yang berbeza. Contohnya, bila abang saya beli aplikasi *game*, saya selalu tertanya-tanya, kenapa beli *game* yang dah ramai orang main? Belilah yang berbeza sikit!” (Man)

Ketika berada di bangku sekolah menengah, Man terus mencari ‘kelainan’. Beliau menceritakan pula bagaimana peluang yang diperoleh dalam persekitarannya telah membantu beliau untuk terus mencipta ‘kelainan’ tersebut:

“Di sekolah, saya belajar aliran agama. Saya sendiri yang pilih aliran ni. Sejak masuk aliran ni, saya jadi semakin minat belajar bahasa Arab. Seronok belajar bahasa Arab ini. Tak ramai yang dapat masuk ke aliran agama ni. Sewaktu pengambilan pelajar, daripada 100 orang pelajar, hanya 34 orang saja terpilih. Sebenarnya sewaktu di tingkatan satu, saya dah mula rasa susah belajar dalam aliran ni. Jadi saya rasa macam nak keluar sahaja dari aliran ni. Tapi, bila masuk tingkatan dua, saya dapat rasa bahasa Arab ini berbeza dan menarik. Ustazah yang mengajar pun terbaik, pengalaman mengajar 10 tahun dan pernah pergi ke negara Arab. Disebabkan saya suka sesuatu yang berbeza, jadi saya fikir lebih baik saya teruskan!” (Man)

Rentetan dari ini, kajian melihat keyakinan Man terhadap cita-citanya seperti yang dinyatakan pada tema pertama sebelum ini juga, mempunyai perkaitan dengan minat beliau dalam mencari ‘kelainan’. Hal ini kerana, Man berpandangan kerjaya sebagai seorang tentera laut adalah berbeza dengan bidang kerjaya lain. Menurut Man, ahli keluarganya adalah orang penting yang telah menguatkan lagi keyakinan dan kepercayaan Man tentang keistimewaan dan kelainan kerjaya tersebut. Dengan wajah yang bersungguh-sungguh Man memberitahu :

“Saya bercita-cita hendak menjadi tentera laut sebab ayah saya polis. Atuk-atuk saya daripada sebelah emak dan ayah pun polis. Maklumat tentang tentera tu semua saya dapat tahu daripada anak angkat emak saudara saya. Dia pun masuk Universiti Pertahanan Malaysia dan sekarang berumur 30 tahun. Dia yang memberitahu kepada saya, sebaik sahaja habis belajar, dia terus menjadi tentera dan berjaya dalam hidup.” (Man)

“Pada pendapat saya jadi tentera laut ni boleh buat saya berbeza dengan orang lain yang bekerja menjadi akauntan atau jurutera. Kenapa mereka tak mencari kerja berbeza? Dalam tentera, hidup lebih tersusun dan teratur. Selepas masuk tentera, kita akan menjadi berbeza. Kita akan lebih berdisiplin. Contohnya, kita lebih kemas. Kita akan mendapat lebih banyak ilmu termasuklah ilmu di laut.”
(Man)

Keyakinan Man terhadap bidang tentera laut ini juga dapat dilihat ketika beliau menyatakan pandangannya tentang risiko kerjaya tersebut. Falsafah tentang kematian yang pernah di ajar oleh gurunya telah digunakan sebagai sandaran untuk menguatkan lagi semangat beliau.

“Bagi saya kalau mati sewaktu menjadi tentera pun tidak apalah. Ia boleh dikiri mati syahid. Saya ingat lagi ada ustazah saya pernah ajar semasa di sekolah. Seorang ulama ada berkata, ‘maut itu seni’. Kita boleh mati dalam pelbagai cara. Walaupun ada risiko tapi banyak manfaat dan jasa apabila menjadi tentera! ” (Man)

Merujuk kepada kes Man ini, peristiwa dan pengalaman yang dilalui tersebut telah mempengaruhi emosi dan pemikiran beliau dengan memberikan rasa istimewa, sekaligus meningkatkan harga diri beliau. Menerusi pengalaman tersebut, Man belajar bahawa ‘kelainan’ dapat memberi kebahagiaan dan menambahkan keyakinan pada diri beliau. Pembelajaran tersebut telah mendorong Man untuk terus mencari kelainan dalam kehidupan sehariannya. Al-Awneh berhubung dengan ini menyebut :

568

Without the necessary knowledge, it is difficult for man to behave in an enlightened manner, for knowledge enhances man's behavior. ... the more one knows about the world around one (and about him or herself) the more one becomes motivated to obtain knowledge

⁵⁶⁸ Shafiq Falah Alawneh, Human Motivation : An Islamic Perspective dalam Psychology of Personality : Islamic Perspectives ed. Amber Haque dan Yasien Mohamed, (CANGAGE Learning Asia Pte Ltd: Singapore,2009),218-219.

Berdasarkan kepada konsep ilham sebelum ini, pengalaman seperti yang dilalui oleh Man inilah yang menjadi salah satu sumber ilham kepada seorang individu untuk mencorakkan kehidupan.⁵⁶⁹ Ibn Qayyim dalam menjelaskan lagi tentang hal ini menyebut bahawa dalam proses pembelajaran, ilham yang mempengaruhi akal dan emosi akan memberikan kesan kepada jiwa.⁵⁷⁰ Kesan inilah yang mendorong individu untuk membentuk tingkahlaku, belajar melalui hasilnya (hasil tingkah laku) serta membentuk persepsi dan kepercayaan tertentu.⁵⁷¹ Beliau mengulas :⁵⁷²

... thinking will be transfer to or stored in the memory and the memory will transform it in to a volition and a motive which will be acted out in real life as an action.

Selain itu, dalam konteks kes Man sebagai individu remaja pula, hal ini juga berkait rapat dengan ciri perkembangan diri beliau secara normal. Pada usia remaja, perkembangan dari aspek emosi dan pemikiran membuatkan motivasi dan sistem kepercayaan Man mudah dipengaruhi oleh pelbagai elemen dari persekitaran.⁵⁷³ Oleh itu, peluang pengalaman dan ilham yang diperoleh dari persekitaran, dengan mudah dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri Man,⁵⁷⁴ seterusnya menentukan akhlak dan pembangunan diri beliau.

Al-Ghazālī dalam mengulas lebih lanjut tentang hal ini pula menyatakan, motivasi yang tinggi membuatkan remaja lebih gigih untuk terus konsisten dalam tingkah laku. Dengan konsistensi ini, remaja akan membentuk tabiat tertentu dan menentukan akhlak mereka. Hal ini kerana, akhlak hanya dapat terbentuk melalui

⁵⁶⁹ Huraian lanjut berhubung dengan ilham ini boleh dirujuk dalam bab 2, pada bahagian potensi al-ruh.

⁵⁷⁰ Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1984).173

⁵⁷¹ *Ibid.*

⁵⁷² Malik Badri, *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study* (London: Cambridge University Press, 2000).23 ; Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1984).173

⁵⁷³ Ahmad Ibn-Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, 31-33; Prochaska, J.O., & DiClemente, C.C, Stages and Processes of Self-changes od Smoking : Toward an Integrative Model of Change. *Journal of Counseling and Clinical Psychology* (1983), 51, 390-395.

⁵⁷⁴ Hefer Bembenutty, An Interview With Allan Wigfield ; A Giant Research on Expectancy-Value, Motivation and Reading Achievement, *Journal of Advanced Academic*, 23(2), (2012) 185-193.

tabiat perbuatan yang dilakukan secara berulang.⁵⁷⁵ Abul Quasem dalam mengulas berhubung dengan kenyataan Al-Ghazālī ini menyebut : ⁵⁷⁶

Good manners can be acquired by practices : by feigning or assuming the actions issuing from those manners at first until they eventually become part of one's nature.

Abul Quasem dalam mengulas berhubung dengan kenyataan Al-Ghazālī ini menyebut:⁵⁷⁷

Good manners can be acquired by practices : by feigning or assuming the actions issuing from those manners at first until they eventually become part of one's nature.

Justeru itulah, menerusi dapatan kes Man selanjutnya, kajian mendapati elemen persekitaran bukan sahaja telah berperanan mempengaruhi penilaian, persepsi dan sistem kepercayaan Man tentang keistimewaan dan manfaat kerjaya tentera laut. Malah selain itu, elemen persekitarannya juga telah membuatkan Man terbiasa dan meminati amalan disiplin diri yang penting untuk kerjaya tersebut. Menurut Man disiplin diri sebagaimana yang menjadi amalan para tentera ini sememangnya telah ditekankan melalui didikan ibu bapanya semasa di rumah.

“Di rumah ayah saya taklah garang, tapi dia memang tegas untuk pastikan saya dan adik beradik berdisiplin macam tenteralah! Contohnya tidak boleh meninggikan suara dan bilik mesti sentiasa kemas!” (Man)

Man tidak menafikan bahawa pada awalnya beliau juga susah untuk menjaga disiplin diri dan sering melawan ayah dan ibunya. Namun, menurut Man pengalaman mengikuti satu program motivasi anjuran pihak sekolahnya, telah membuatkan beliau berubah dan lebih terbuka dengan cara didikan ibu bapanya.

⁵⁷⁵ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986).

⁵⁷⁶ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*, 46; Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb al-Niyyah wa al-Ikhlāṣ wa al-Ṣidq*. 130-183

⁵⁷⁷ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*; Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb al-Niyyah wa al-Ikhlāṣ wa al-Ṣidq*. 130-183

“Dulu saya selalu juga melawan cakap mak ayah. Tapi, waktu darjah enam sebelum UPSR, saya ada ikut satu kursus motivasi. Waktu tu saya banyak menangis sebab terlalu sedih. Saya jarang menangis. Dalam setahun tu, sekali tu sajalah saya menangis semasa kursus tu. Sebab kursus tu banyak bagi pengajaran, bercerita tentang hubungan dengan ibu bapa, kawan-kawan dan adik beradik. Dari situ, mereka beri kesedaran untuk hormat pada mak dan ayah. Sejak hari tu saya berubah. Tak melawan lagi”
(Man)

“Jadi sesekali tu bila mak ayah marahkan saya, contohnya bila saya tertinggikan suara atau tak kemaskan bilik, saya anggap perkara tu biasa. Kalau mereka marah dengar dan buat saja apa yang mereka nak. Kalau saya melawan lagilah mereka akan bertambah marah”
(Man)

Malah, menurut Man lama-lama kelamaan beliau sendiri berminat dan terbiasa dengan aktiviti yang banyak menekankan disiplin dalam hidup. Beliau memberitahu minat beliau tersebut membuatkan beliau juga turut menyertai kem kedet polis di sekolahnya. Meskipun pendekatan yang keras telah digunakan menerusi kem tersebut. Namun, Man dapat melihat ia adalah satu pendekatan yang baik dan bermanfaat.

“Saya jadi suka dengan aktiviti disiplin, di sekolah saya mengikuti kadet polis. Tak semua orang dapat masuk. Hanya yang terpilih saja. Ada sekali tu, saya pernah pergi ikut kem anjuran kedet polis tu selama empat hari di Pulau Pangkor. Bagi saya mereka marah-marah pun tak apa untuk mendisiplinkan!” (Man)

Di barat, kaedah pembentukan tabiat ini juga pernah diperkenalkan oleh Ivan Pavlov dengan sebutan Pelaziman Operan. Menurut Ivan Pavlov, melalui kaedah ini sistem biologi remaja akan terdorong untuk bertindak balas apabila berlakunya rangsangan daripada persekitaran. Bagi membolehkan pelaziman atau pembiasaan berlaku, setiap tindak balas biasanya akan diberikan sama ada dengan ganjaran negatif atau positif dan dilakukan secara berulang. Walau bagaimanapun, Pavlov tidak menyebut tentang penglibatan elemen kejiwaan atau kerohanian dalam proses pelaziman tersebut.

Dari perspektif Islam, proses pembiasaan atau pelaziman tingkahlaku ini tidak hanya melibatkan elemen biologi sahaja. Sebaliknya, ia juga mempunyai

perkaitan dengan hubungan antara jiwa dan jasad. Mengulas pendapat Al-Ghazālī berhubung perkara ini Abul Quasem menyebut : ⁵⁷⁸

He (Al-Ghazālī) maintains every act produces an effect and this effect forms the quality of the soul, provided it is performed deliberately and this effect forms the quality of the soul. After an act has been repeated for some time, its effect on the soul becomes established. a deed creates some effect on the soul; this effect causes the body to repeat the same deed; this deed again produces some effect on the soul; this effect is added to the previous effect which is now strengthened.

Ini bermakna dalam kes Man, pelaziman disiplin diri yang berlaku adalah bermula dari proses pembelajaran yang diterima melalui didikan keluarga dan aktiviti sekolahnya. Ia (disiplin diri) berubah menjadi minat dan tabiat kebiasaan kepada Man apabila proses pembelajaran tersebut berlaku secara berulang sehingga meninggalkan kesan yang kuat di dalam jiwa Man.

Berdasarkan kepada keseluruhan kes Man di atas, elemen persekitaran didapati dapat menjadi faktor pengaruh yang positif terhadap cara penilaian diri, persepsi dan pembentukan akhlak. Namun begitu, tidak hanya melihat aspek positif pengaruh elemen persekitaran ini, Ibn Khaldun berpendapat bahawa elemen persekitaran juga dapat menjadi cabaran kepada pembangunan diri remaja. ⁵⁷⁹ Menurut Ibn Khaldun, hubungan interaksi dan pembelajaran dari elemen persekitaran bukan sahaja dapat membawa kesan yang baik terhadap pembangunan diri. Sebaliknya, ia juga turut menyebabkan kesan yang negatif. ⁵⁸⁰ Pandangan Ibn Khaldun ini juga dilihat selari dengan apa yang pernah dikemukakan oleh sarjana Barat dari fahaman humanistik dan kognitif. Menurut fahaman humanistik dalam usaha untuk membangunkan diri, remaja akan menjadi individu yang sangat mementingkan penghargaan dan penerimaan dari masyarakat sekeliling. ⁵⁸¹ Dalam

⁵⁷⁸ *Ibid.*

⁵⁷⁹ Robert Smither and Alireza Khorsandi, "The Implicit Personality Theory of Islam, Psychology of Religion and Spirituality", *American Psychological Association* 1, no. 2, (2009), 81-96.

⁵⁸⁰ Kadar M. Yusof, "Tipologi Kepribadian Manusia dalam Perspektif al-Qur'ān", 1-28.

⁵⁸¹ Abraham Maslow, *A Memorial Volume*, 88-95 ; Robert E. Franken, *Human Motivation* ed.3, 7-8.

hal ini, keadaan persekitaran yang tidak menyokong keperluan tersebut akan menyebabkan proses pembangunan diri remaja merosot dan terjejas.⁵⁸² Sementara itu, bagi fahaman kognitif pula, kadangkala remaja mungkin terpaksa berhadapan dengan pelbagai kehendak persekitaran yang bercanggah dengan kepercayaan dan pegangan sedia ada mereka. Keadaan ini dikatakan boleh menyebabkan pelbagai masalah mental kepada diri remaja sekiranya mereka tidak dapat menguruskan konflik percanggahan tersebut secara bijaksana.⁵⁸³

Menerusi kajian ini juga, cabaran dari elemen persekitaran tersebut dapat dikenalpasti melalui dapatan yang diperolehi dari kes informan Ani, Ira dan Ina. Hasil dapatan tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut berikutnya dalam tema yang ketiga berikutnya.

5.4 Tema Tiga : Pertembungan Antara Kehendak Persekitaran Dan Keperluan Sosial

Kepentingan pengaruh elemen persekitaran terhadap pembentukan jiwa dan akhlak menyebabkan penggunaan potensi al-ruh secara optimum menjadi satu keperluan. Hal ini kerana, selain menjadi sumber ilham dan pembelajaran dalam pembentukan motivasi dan tabiat yang positif, elemen persekitaran itu juga merupakan cabaran terhadap proses pembangunan diri remaja. Walau bagaimanapun, Islam menyifatkan pelbagai cabaran persekitaran adalah lumrah kehidupan yang tidak dapat dielakkan sebagai ujian dalam proses pembangunan diri. Perkara ini bertepatan dengan ayat yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 155 dan 214.

⁵⁸² *Ibid.*

⁵⁸³ Festinger, L, A, *Theory of Cognitive Dissonance* (Evanston III; Row Peterson, 1957) ; Croyler.R.T., and Cooper, J, "Dissonance Arousal; Physiological evidence" *Journal of Personality and Social Psychology* 45, (1983), 782-791.

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۚ
وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Al-Baqarah 2 :155

Terjemahannya : Dan sungguh akan Kami berikan cobaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِن قَبْلِكُم مَّسَّتْهُمُ
الْبَاسَاءُ وَالضَّرَآءُ وَزُلْزِلُوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللَّهِ ۚ
أَلَا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

Al-Baqarah 2 : 214

Terjemahannya : Apakah kamu mengira bahwa kamu akan masuk surga, padahal belum datang kepadamu (cobaan) sebagaimana halnya orang-orang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan, serta diguncangkan (dengan bermacam-macam cobaan) sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya: "Bilakah datangnya pertolongan Allah?" Ingatlah, sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat.

Dalam hal ini pelbagai cabaran dalam persekitaran diwujudkan bertujuan untuk melihat sejauhmana manusia akan menggunakan potensi al-ruh yang diberi dengan sebaiknya.⁵⁸⁴ Justeru, elemen persekitaran tidak boleh hanya dilihat sebagai sumber ilham dan pembelajaran dalam membentuk penilaian dan persepsi, sebagaimana yang dijelaskan dalam tema sebelum ini. Sebaliknya, ia juga perlu menjadi sarana untuk membangunkan potensi al-ruh melalui cabaran-cabarannya. Dalam proses pembangunan diri, kelemahan dalam membangunkan potensi al-ruh menyebabkan berlakunya kesan yang negatif terhadap jiwa dan akhlak remaja.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, kajian mendapati pertembungan antara kehendak norma persekitaran serta keperluan diri adalah bentuk cabaran persekitaran

⁵⁸⁴ Al-Qur'ān , Surah al-Ankabut ayat 2

yang dihadapi oleh para informan Ani, Ina dan Ira. Melalui tema ketiga ini, ketiga-tiga kes informan tersebut akan dibentangkan. Menerusi kes tersebut, kajian juga akan menghuraikan tentang kepentingan penggunaan potensi al-ruh dalam menangani cabaran yang dihadapi.

Berbeza dengan kes Man yang memperlihatkan kesan persekitaran terhadap penilaian dan penerimaan diri yang positif, dapatan kes Ani, Ira dan Ina didapati menunjukkan kesan sebaliknya. Sama seperti dalam kes Man, kajian mendapati keluarga terutama ibu bapa juga adalah individu yang banyak berperanan mempengaruhi persepsi, minat dan hala tuju ketiga-tiga informan Ani, Ira dan Ina. Walau bagaimanapun, peranan ibu bapa yang lebih banyak mendominasi perjalanan hala tuju para informan ini telah menimbulkan konflik kepada diri mereka. Dalam kes Ani misalnya, kajian mendapati beliau dilihat lebih cenderung untuk menjadi seorang muslim yang baik berbanding informan yang lain. Ketika diminta untuk menceritakan tentang dirinya, Ani tidak ketinggalan menyentuh soal agama. Malah bagi Ani, agama sangat penting dalam membentuk adab seorang individu muslim dalam kehidupan seharian.

“Bagi saya agama sangat penting! Contohnya dalam pergaulan dan cara bersuci. Pergaulan itu merangkumi pergaulan lelaki dan perempuan tidak bebas. Dalam keluarga, kita perlu hormat ahli keluarga yang lebih tua. Tak ada panggilan ‘kau’ atau ‘aku’. Lepastu kalau makan pula perlu pakai tangan supaya makanan dimakan itu lebih hadam. Solat pula, setakat ni tak pernah tinggal lima waktu. Kalau hati tidak tenang, saya akan buatlah solat hajat dan istikharah. Dari segi hubungan keluarga pun, saya selalu doa untuk kesejahteraan keluarga supaya jauh dari kelalaian” (Ani)

Kecenderungan ini didapati terbentuk menerusi kesedaran yang telah dipupuk oleh ibunya sejak beliau masih kecil. Berdasarkan temu bual bersamanya, Ani menggambarkan ibunya adalah seorang yang tegas dalam memastikan beliau dan adik beradiknya yang lain menitik beratkan soal agama.

“Maklah orang yang selalu ingatkan saya tentang agama. Selalunya dia ada bagi saya kertas yang tertulis surah-surah dalam al-Quran dengan maksudnya sekali. Mak suruh saya dan adik-beradik baca setiap hari. Ada mak bagi surah al-Kahfi, dan minta kami adik selalu baca dan kalau boleh hafalkan. Kalau tidak nak baca, emak rotan! Emak suruh kami fahamkan maksud surah itu sebab dapat elakkan daripada tipu daya syaitan dan dajal. Selain tu, emak selalu pesan suruh saya buat amalkan solat sunat, zikir yang mak tuliskan” (Ani)

Didikan ibunya ini telah dibantu pula dengan sokongan seorang kenalan rapat yang telah dikenali ketika beliau berada di bangku sekolah rendah lagi. Ani menjelaskan, rakannya itu selalu mengingatkan beliau tentang ajaran agama.

Selain mak, saya ada seorang kawan sekolah yang saya kenal dari sekolah rendah lagi. Namanya Nazirah. Dia selalu juga ingatkan tentang agama dan Tuhan. Sampai sekarang saya masih berhubung lagi dengan dia. Dan sampai sekarang saya simpan buku agama yang dia selalu poskan dulu. (Ani)

Keadaan ini menyebabkan kecenderungan Ani terhadap ilmu-ilmu agama semakin bertambah. Dengan kecenderungan tersebut, beliau didapati telah menggunakan pelbagai kesempatan peluang dari persekitaran serta ruang masa yang dimiliki untuk mendalami lagi penghayatan keagamaan beliau.

Setiap hari Jumaat, sementara mak saya hantar adik ke kelas tuisyen, saya sempat pergi ke perpustakaan. Disebabkan memang setiap hari Jumaat saya akan ke perpustakaan, saya jadi tak tahu nak baca apa lagi? Dulu, saya biasanya akan ke bahagian novel sahaja. Tetapi suatu hari tu saya ada pergi ke bahagian buku-buku agama, lama-lama saya rasa seronok pula baca buku agama. Sekarang saya memang kerap ke bahagian tu! (Ani)

Daripada buku-buku agama tulah, saya dapat faham lagi tentang agama. Contohnya macam solat. Sebelum tu kalau solat fardhu, memang saya akan buat. Tapi kalau ada cerita yang menarik di televisyen, saya akan habiskan dulu cerita itu, lambatkan solat. Tapi dari apa yang saya baca dalam buku-buku agama tu, kalau lewatkan solat, sama seperti solat itu tak diterima. Jadi, sejak hari tu, saya akan terus solat selepas azan. Boleh buat dengan segera, tetapi kita sengaja lambat-lambatkan, boleh menjadi haram! Berdosa.” (Ani)

Walau bagaimanapun, ketika melanjutkan lagi penceritaannya berhubung dengan penghayatan agama, riak wajah Ani tiba-tiba dilihat berubah. Ani menjelaskan bahawa usahanya untuk cuba menghayati cara hidup muslim dalam masa yang sama juga telah membawa dirinya kepada konflik dan tekanan. Tekanan ini mula berlaku apabila beliau dihipit oleh dorongan perasaan untuk bercinta dengan seorang rakannya. Menceritakan kesukaran yang dihadapi tersebut Ani memberitahu :

“Saya rasa serba salah. Saya ada suka pada seseorang. Saya tahu saya perlu lupakan dia. Tapi bila saya cuba nak lupakan dia, saya rasa susah sangat! Saya suka pada seorang kawan di tempat tuisyen, dan memang susah nak lupakan dia. Sampai sekarang saya memang tak boleh lupakan dia. Saya bingung, saya rasa macam ... kenapa saya mesti fikir tentang dia? Saya tahu sepatutnya biarlah kita menangis sebab cintakan Allah, bukannya menangis sebab cintakan manusia. Dia pun tidak tahu saya suka pada dia. Kadang-kadang saya pandang dia sekejap saja, dah ada perasaan semacam dalam hati saya. Saya rasa sangat sedih sangat sebab saya tak boleh luahkan perasaan saya ni, dan susah pula saya nak lupakan. (Ani)

Meskipun dalam situasi yang berbeza, namun konflik dan tekanan juga dapat dikenalpasti berlaku dalam kes informan Ira dan Ina. Mendalami kisah perjalanan hidup kedua-dua informan ini, kajian mendapati didikan ibu bapa telah membina kesedaran Ira dan Ina tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Sebagai anak perempuan yang paling besar dalam kalangan adik-beradik, kajian mendapati kedua-dua informan ini telah dipertanggungjawabkan serta menjadi harapan ibu bapa untuk membantu menjalankan tugas-tugas di rumah seperti menjaga adik-adik serta mengemas rumah. Dalam masa yang sama, mereka juga diharap dapat menunjukkan prestasi yang baik di sekolah.

Dalam kes ini, kedua-dua informan tidak menafikan didikan tersebut sedikit sebanyak telah menentukan perjalanan hidup mereka. Ina misalnya, minat beliau dalam bidang masakan dikatakan bermula apabila sering diminta membantu untuk memasak lauk-pauk bagi tujuan perniagaan secara kecil-kecilan ibu bapanya.

“Sayakan ada bercita-cita hendak menjadi seorang chef. Saya suka sebab mak ayah saya juga seorang tukang masak. Dari kecil saya dah selalu tolong mak ayah masak. Sebab tu, dari tahun 5 lagi saya sudah bercita-cita menjadi chef. Saya pandai masak nasi goreng!”
(Ina)

Sementara dalam kes Ira pula, berlatar belakangkan pendidikan yang tinggi, ibu bapanya dikatakan amat menitik beratkan soal pembelajaran beliau di sekolah.

“Mak saya sedang lanjutkan pelajaran dalam bidang kedoktoran, ayah saya juga ada jawatan yang besar juga dalam syarikat tempat dia bekerja. Jadi, mak ayah saya memang ambil berat tentang semua pembelajaran saya. Mana-mana subjek yang saya lemah seperti matematik, Sains dan Bahasa Inggeris mak selalu tekankan.” (Ira)

Walau bagaimanapun, harapan dan tanggungjawab yang diberi juga seringkali menyebabkan berlakunya perselisihan antara informan dan kedua ibu bapa mereka. Ketika sesi temu bual, kedua-dua informan telah melahirkan rasa kekecewaan yang dialami akibat sering gagal mendapatkan kepercayaan, rasa difahami dan penghargaan dari ibu bapa. Situasi ini dapat digambarkan menerusi petikan-petikan berikut. Dengan nada yang kesal Ina menceritakan kekecewaan yang dialami kerana sering tidak dipercayai dan difahami.

Saya rasa orang selalu tak faham dan percayakan saya. Di rumah, saya perlu jaga adik saya dan mengemas rumah. Tapi adik saya selalu buat saya marah, sepaahkan rumah. Saya tak rapat dengan ayah. Ayah selalu marahkan saya. Kata ayah, saya tak pandai jaga adik dan tak tolong kemas rumah. Sedangkan saya buat! (Ina)

Dengan kawan-kawan di sekolah pula, dalam kumpulan kami ada lima orang. Tetapi dalam lima orang tu saya selalu dipulaukan. Sakit betul hati saya! Kadang-kadang okey, kadang-kadang saya dipulaukan. Jadi bila mak tahu, mak tak suka saya berkawan dengan mereka. Sebab saya pernah bercerita pada mak tentang makian mereka kepada saya. Tiba-tiba suatu hari mereka minta maaf sambil menangis-nangis. Saya tidak sampai hati. Saya maafkanlah mereka. Tapi, mak marah dan masih tak bagi saya berkawan dengan mereka lagi. Mak tak faham! Kalau tak berkawan dengan mereka, siapa mahu berkawan dengan saya. Saya tak ada kawan, saya sedih lah! (Ina)

Sebagaimana Ina, tiada persefahaman dan kepercayaan juga didapati sering menjadi punca perselisihan antara Ira dan ibu bapanya. Terutama dari segi prestasi persekolahan beliau.

“Selalu juga saya rasa orang tak percaya dengan saya. Hmm...tentang kerja jaga adik-adik di rumah, pada saya, adik-adik saya memang sangat nakal! Tapi mak tak percaya. Bila saya marah diorang, mak dengar, mak marah saya balik!” (Ira)

“Satu lagi tentang belajar, kadang-kadang mak paksa saya pergi kelas tuisyen. Walaupun tak suka, saya ikut juga. Pada saya, tuisyen tak bagi apa-apa kesan kepada saya. Sebab kadang-kadang ada cikgu yang ajar bukannya baguspun dan cara mengajar mereka pun biasa-biasa saja!” (Ira)

“Dalam peperiksaan Kemahiran Hidup tahun ini, saya gagal. Emak jumpa kertas peperiksaan yang saya sorokkan. Ada satu soalan, padankan contoh garpu pada mi goreng, tapi untuk soalan itu saya tak jawab. Mak marah saya. Saya cuba terangkan perkara sebenar, tapi mak tak mahu dengar! Saya cuma hendak terangkan, saya sebenarnya tidak pasti sama ada gambar yang ditunjuk tu, gambar nasi goreng ataupun mi goreng. Saya pening. Jadi saya tinggalkan soalan tu dulu, dan jawab soalan lain. Tapi lepas tu, saya lupa nak jawab soalan tu. Tentang belajar jahitan dalam mata pelajaran kemahiran Hidup tu pun, memang saya tak ulangkaji di rumah. Sebab abang akan perli-perli bila saya ulangkaji mata pelajaran yang mudah. Jadi saya pun tak bacalah buku dan sebab itulah saya gagal! Saya kecewa sebab mak langsung tak bagi peluang pada saya untuk terangkan perkara sebenar!” (Ira)

“Paling sakit hati, pada satu hari tu saya tak sihat, demam sebab senggugut. Tapi ayah saya tak percaya. Saya minta pada mak untuk tak ke sekolah, sebab saya tahu sakit mesti akan bertambah teruk lagi nanti. Tapi sebab mak paksa juga saya ke sekolah, saya ikutkan juga. Bila di sekolah keadaan semakin buruk. Badan saya semakin panas. Selepas cikgu beritahu pada mak, mak bawa saya balik ke rumah. Ayah marah dan perli-perli saya. Sedangkan, saya memang sakit tapi saya cuba tahan. Selang 2, 3 bulan kemudian, perkara macam ni jadi lagi. Ayah marahkan saya lagi. Dia cakap “Asyik-asyik tak pergi sekolah, Lemah sangat! kalau sakit tu tahanlah sikit. Ini tak, suka sangat mengadu!”. Salah ke saya, bila cuba bagi tau yang saya sakit? Tapi ayah memang tak boleh terima! Inilah yang buat saya sakit hati sangat. (Ira)

Dalam hal ini, kajian melihat situasi kes bagi ketiga-tiga para informan di atas juga mempunyai perkaitan dengan tahap usia mereka serta keupayaan dalam

menggunakan potensi al-ruh. Pada usia awal remaja, perkembangan fizikal dan mental yang pesat membuatkan keinginan remaja terhadap kebebasan diri, berperanan dan berdikari semakin meningkat⁵⁸⁵ Keinginan ini membuatkan mereka cenderung untuk menjarakkan diri dari kawalan penuh ibu bapa.⁵⁸⁶ Walau bagaimanapun, keadaan ini bukan bermakna remaja ingin memisahkan diri mereka sepenuhnya dari ibu bapa. Terlalu dikongkong atau terlalu dibiarkan tanpa perhatian, kedua-duanya boleh memberi masalah kepada diri mereka. Hal ini kerana, walaupun memerlukan ruang kebebasan namun remaja juga dalam masa yang sama masih mengharapkan sokongan ahli keluarga serta ibu bapa dalam memenuhi dan melaksanakan keinginan mereka.⁵⁸⁷ Sebagaimana yang dinyatakan oleh Fuligni and Eccles:⁵⁸⁸

Most early adolescent do not wish to withdraw completely from their relationship with their parent. Instead, they want greater control over their own lives and personal decision making.

Sokongan ini termasuklah dari aspek ruang dan peluang untuk berdikari serta dari aspek keperluan sosial seperti dipercayai, difahami, disayangi dan dihargai.⁵⁸⁹

Dalam kes para informan, tuntutan kehendak persekitaran menyebabkan para informan tersepit antara kehendak norma persekitaran tersebut dengan keperluan sosial mereka sendiri. Pertembungan ini telah menimbulkan masalah kepada ketiga-tiga mereka. Konflik berlaku pada Ani apabila beliau merasa keinginannya untuk bercinta bertentangan dengan norma dan adab keagamaan yang dipelajari menerusi elemen persekitarannya selama ini. Ani semakin tertekan apabila merasa sukar dan sering gagal mengawal perasaan tersebut. Sementara itu, dalam kes informan Ina

⁵⁸⁵ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*, 39-41.

⁵⁸⁶ Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq Baina al-Islām wa 'Ilmi al-Nafs* (Al-Qāhirah: Maktabah al-Thawbah, 1989).

⁵⁸⁷ Grolnick, W. S., Deci, E. L., and Ryan, R. M., "Internalization within the family: The self-determination theory perspective" in *Parenting and children's internalization of values: A handbook of contemporary theory*, ed. J. Grusec & L. Kuczynski, (New York: Wiley, 1997), 132-157.

⁵⁸⁸ Fuligni, Andrew J., and Jacquelynne S. Eccles. "Perceived parent-child relationships and early adolescents' orientation toward peers", *Developmental psychology* 29, no. 4 (1993), 622.

⁵⁸⁹ *Ibid.*

dan Ira pula, ibu bapa yang dilihat lebih dominan dalam menentukan dan menghakimi hala tuju, perbuatan serta keputusan hidup mereka, membuatkan kedua-dua informan ini merasa peluang berdikari serta mendapatkan sokongan sosial sangat terhad.

Dalam Islam, kepentingan memberikan sokongan dalam bentuk keperluan sosial ini telah dinyatakan menerusi banyak ayat al-Quran sebagai salah satu keperluan jiwa manusia. Antaranya, dalam surah al-Imran ayat 159, Allah S.W.T telah memuji sifat toleransi Rasulullah S.A.W ketika berhadapan dengan karenah sikap para sahabat semasa dalam peperangan Badr.⁵⁹⁰ Penggunaan kaedah lemah-lembut, memaafkan serta perbincangan oleh Rasulullah pada ketika itu menunjukkan baginda memahami dan cuba memenuhi keperluan sosial para sahabat.⁵⁹¹ Dalam konteks para informan, Al-Ghazālī menjelaskan, remaja sememangnya mempunyai hak mendapat kebebasan dan serta hak untuk dihargai.⁵⁹² Zakiyah Darajat yang turut bersetuju dengan kenyataan Al-Ghazālī ini menyatakan hak keperluan sosial diri remaja yang perlu dipenuhi ini termasuklah keperluan terhadap rasa kasih sayang, rasa aman dan selamat, rasa harga diri, rasa bebas, rasa berjaya dan rasa ingin tahu.⁵⁹³ Sebagai individu sosial, pemenuhan dari aspek keperluan ini dapat membantu perkembangan dan pembangunan diri remaja secara sihat.⁵⁹⁴

Walau bagaimanapun, oleh kerana corak pemikiran awal remaja begitu mudah dipengaruhi oleh unsur emosi, daya rasional mereka turut senang terjejas.⁵⁹⁵ Keadaan ini menyebabkan remaja sukar mengawal keinginannya kerana lebih terdorong untuk mengikut kehendak emosi. Dalam kes Ani, Ina dan Ira, masalah pertembungan antara keperluan sosial dan kehendak norma keagamaan atau

⁵⁹⁰ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1980), 129.

⁵⁹¹ *Ibid.*

⁵⁹² Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 3 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986), 40.

⁵⁹³ Zakiyah Darajat, *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental* (Jakarta: Gunung Agung, 1970), 36.

⁵⁹⁴ Uthmān Najāfī, *'Ilmu an-Nafs al-Islamī*. 39-67

⁵⁹⁵ *Ibid.*

persekitaran yang dialami menjadikan mereka keliru dan tertekan kerana kerana kasih sayang, penghargaan dan kepercayaan yang diperlukan telah menekan emosi mereka.⁵⁹⁶ Situasi ini, menambahkan kesukaran kepada para informan dalam menilai dan membuat pertimbangan mengikut kewajaran dan keutamaan.

Dari perspektif Islam, terjejasnya keupayaan daya rasional yang terjadi akibat dari pengaruh emosi secara berlebihan ini sekaligus melambangkan ketidakseimbangan fungsi potensi al-ruh dalam jiwa manusia. Hal ini kerana, menurut Hasan Langgulung pengaruh emosi yang berlebihan ini adalah dorongan hawa nafsu yang tidak terkawal oleh akal dan hati disebabkan kelemahan fungsi tersebut.⁵⁹⁷ Berhubung dengan konsep ilham yang pernah diketengahkan sebelum ini, kesan emosi yang berlebihan juga boleh berlaku disebabkan oleh pengaruh ilham yang negatif, sama ada berasal dari bisikan syaitan ataupun elemen-elemen persekitaran.⁵⁹⁸ Dalam kes para informan, ketidakseimbangan fungsi al-ruh menyebabkan mereka sukar untuk menangkis ilham-ilham yang negatif dari mempengaruhi dan meracuni pemikiran dan emosi.⁵⁹⁹

Dari perspektif Islam, keadaan inilah yang menjadi salah satu sebab utama kepada pelbagai masalah dan penyakit kejiwaan kepada diri remaja.⁶⁰⁰ Hal ini juga dapat ditunjukkan menerusi kes informan Ani, Ira dan Ina. Kajian mendapati konflik dan tekanan yang dihadapi juga telah menimbulkan simptom-simptom negatif terhadap pembangunan diri mereka seperti, kejemuhan atau *boredom*,⁶⁰¹ gangguan pada emosi dan kecenderungan untuk bertindak agresif ketika berdepan dengan masalah. Dalam kes Ira kajian mendapati beliau sering menunjukkan simptom

⁵⁹⁶ Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami: Studi Tentang Elemen Psikologi dari al-Qur'ān*.

⁵⁹⁷ Hasan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 304-305.

⁵⁹⁸ Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1984), 173

⁵⁹⁹ *ibid.*

⁶⁰⁰ Yasein Mohamed, "The Drive of Human Behavior in the Qur'ān" dalam *Psychology of Personality : Islamic Perspectives*, ed. Amber Haque dan Yasein Muhamed, (Singapore: Cengage Learning, 2009), 235-255.

⁶⁰¹ Kejemuhan atau boredom ini didapati berlaku apabila para informan dilihat lebih banyak menggunakan masa lapang mereka dengan aktiviti ringan yang kurang dapat mengasah kemahiran fizikal dan mental serta kurang berminat untuk memperbaiki dan membangunkan diri.

kejemuan seperti kurang berminat untuk membangunkan diri dan pesimistik selain turut cenderung untuk menunjukkan tingkah laku agresif. Hal ini dapat ditunjukkan menerusi petikan-petikan di bawah :

“Sekolah saya bermula pada waktu petang, lepas balik dari sekolah tu biasalah, mandi solat, buat kerja sekolah. Tapi kadang-kadang ada juga cikgu bagi kerja sekolah tapi biasanya selalu juga saya lupa nak buat. Selalu saya banyak tengok televisyen dan main saja. (Ira) (Kejemuan)

Dulu saya suka juga buat kek. Jadi sebelum ni pernah la selalu masak kek. Buat kek untuk jual pun ada. Saya buat sendiri kek tu lepas tu saya jual. Kawan-kawan pun suka. Tapi benda ni tak lama pun. Lepas-lepas tu, saya berhenti. Sebab rasa malas pula bila ramai kawan yang minta. Hmm.. ok tu ok lah juga bila ramai orang minta. Tapi sebab rasa malas tu lebih lagi kan.. (keawa) Entah, macam tak ada masa nak buat pun ada. Sekarang saya dah tak tahu apa minat saya. (Ira) (Kejemuan)

“Saya rasa keburukan lebih banyak dalam diri saya. Mak dan ayah selalu marahkan saya. Mereka tak nak faham dan dengar penjelasan saya. Keadaan ini buatkan kadang-kadang kalau saya rasak satu perkara itu terlalu susah, saya biarkan saja. Saya tawakal. Kalau saya rasa boleh buat, saya cuba buat. Tapi kebanyakan hari, saya lebih kepada putus asa. Biarlah! Kalau hampir waktu peperiksaan, barulah saya belajar bersungguh-sungguh. Kalau hari biasa, saya belajar main-main!” (Ira) (Pesimis, putus asa dan kejemuan)

“Biasanya, selepas saya kene marah dengan mak, saya akan terus menangis. Tapi selepas itu, saya terus lupakan apa yang mak saya marahkan tadi. Sebab saya memang tak nak ingat peristiwa tu. Saya tak suka lah kenangan sedih terus kekal dalam ingatan saya. Lama-lama saya dah biasa. Bila saya gaduh dengan abang pun, saya akan lupakan apa punca saya bergaduh. Saya hanya akan simpan dan ingat perkara yang menggembirakan saja. Contohnya, pergi melancong dengan keluarga. Kenangan atau perkara yang biasa-biasa, menyedihkan dan meyakitkan hati saya biarkan dan lupakan macam tu saja, malas nak fikir!” (Ira) (kejemuan)

“Biasa kalau stres, memang saya akan akan lebihkan bermain dari belajar. Tapi kadang-kadang, terlampau sedih sampai waktu bermain pun masih ingat juga. Jadi, terlalu geram dan tak tahu nak luah pada siapa saya masuk bilik. Di dinding tu kan ada permukaan yang kasar, saya tumbuk banyak kali. Kadang-kadangan kalau kita sedih atau marah, kita langsung tak rasa sakit kalau cederakan diri. Masih ada lagi kesan lukanya di tangan saya ni. Sudah dua kali saya buat macam tu. Satu sebab adik tak nak dengar cakaplah!” (Ira) (tindakan agresif)

Begitu juga yang berlaku pada kes Ina.

“Kawan sayakan hanya lima orang itu sahaja. Saya tak ada kawan lain. Berjumpa dengan mereka pun pada waktu sekolah sahaja. Kalau tak, saya hanya duduk di rumah. Aktiviti kokurikulum sekolah pun saya tak ikut. Sewaktu cuti sekolah pun saya tak ke mana-mana. Hmm... entahlah. Saya rasa tak ada apa yang menggembirakan dalam hidup saya, semua biasa-biasa sahaja” (Ina) (Kejemuan/ pesimis)

“Saya sangat marah bila bergaduh dengan kawan-kawan rapat saya tu. Mereka suka maki hamun saya. Saya maki hamun mereka balik! Mereka yang mula dulu!” (Ina) (tindakan agresif)

Kalau berlaku masalah saya tak pernah pun terfikir nak muhasabah fikir-fikir tentang kesalahan diri. Kalau ada pun, jarang sangat rasanya. Bila terlalu stres, biasanya saya banyak duduk bilik menangis sepuas-puasnya, lepastu, baling-baling bantal atau benda-benda lain yang ada di situ.” (Ina) (Kejemuan/ gangguan emosi/ tindakan agresif)

Sementara itu dalam kes Ani pula, beliau memberitahu bahawa masalah berhubung dengan keinginannya untuk bercinta menyebabkan emosinya sering terganggu.

Saya memang rasa sangat terganggu. Bila saya teringatkan budak lelaki tu, saya akan menangis bersungguh-sungguh. Saya cuba sembahyang dan berdoa untuk lupakan dia. Tapi entahlah, solat dan doa saya selalu terganggu dan tak khusyuk sebab terlalu ikutkan perasaan. Tapi, saya tak boleh bagitahu perkara ni pada orang lain. (Ani)

Masalah yang dialami oleh para informan ini didapati berterusan apabila mereka lebih suka memendam perasaan tanpa berusaha mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.

“Saya lebih suka pendamkan saja kalau berlaku apa-apa. Walaupun saya cepat terasa dengan perbuatan orang. Ada juga yang saya ceritakan pada emak, tapi itupun cuma sikit-sikit, tak banyakla. (Ina)

“Biasanya saya pendam saja kalau apa-apa masalah berlaku. Saya tak suka lah nak luahkan. Kalau saya rasa perkara tu perlu sangat untuk luahkan baru saya luahkan. Kalau tak perlu, taklah. Diari pun saya tak ada malasmalah!” (Ira)

“Saya sensitif, tapi kalau terasa hati tentang apa-apa, saya pendam saja. Saya rasa nak cakap, luahkan tapi saya tak boleh nak cakap, walaupun sebenarnya hati saya sangat sakit! (Ani)

Dalam konteks para informan sebagai remaja, pilihan untuk memendam perasaan ini juga berlaku disebabkan oleh kecenderungan mereka untuk menjarakkan diri dari orang dewasa dan lebih suka berdikari. Tambahan pula, dalam situasi informan yang sering berselisih pendapat dengan ibu bapa. Ibu bapa sudah tentu tidak akan menjadi pilihan untuk berkongsi masalah. Sehubungan itu, berdasarkan keupayaan potensi al-ruh yang dijelaskan sebelum ini, kajian percaya bahawa masalah dan cabaran persekitaran ini dapat didepani dengan baik sekiranya para informan menggunakan potensi al-ruh yang dimiliki dengan bijaksana.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Fatimah Abdullah, potensi al-ruh yang sihat adalah kunci kepada kebahagiaan individu. Oleh itu, Fatimah juga menegaskan pelbagai masalah yang dihadapi boleh di atasi sekiranya setiap individu dapat mengurus emosi mereka. Jelas beliau : ⁶⁰²

When the soul is healthy all its faculties will be free from negative psychological symptomic behavior such as anger, panic, depression and other similar form of sickness. To promote the well being of the soul, we need to manage our emotion for spiritual joy and happiness are basic states on which the health of the soul.

Menjelaskan lagi tentang hal ini Malik Badri pula menyatakan bahawa, penstrukturan terhadap sistem pemikiran dan kepercayaan adalah antara perkara paling asas yang perlu sentiasa dilakukan.⁶⁰³ Hal ini kerana, sistem pemikiran dan kepercayaan inilah yang akan menentukan keadaan emosi dan tindakan seseorang, Jelas beliau :⁶⁰⁴

What really causes the problem is not always what actually happens, but how people interpret their experiences. Thus the same painful experiences encountered by two different people can easily

⁶⁰² Fatimah Abdullah, "Therapeutic Ethics Managing Anger, Negative Thought and Depression According to al-Balkhī," 77-100.

⁶⁰³ Malik Badri, "Counselling and psychotherapy from an Islamic perspective." *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 1, no. 1&2 (1996).

⁶⁰⁴ Malik Badri, *Contemplation: An Islamic Psychospiritual Study* (London: Cambridge University Press, 2000).110.

bring about two different responses in keeping with the way in which they regard themselves, others and their mutual relation.

Dalam konteks kes para informan, memperbaiki struktur pemikiran dan kepercayaan ini boleh menyelesaikan kekeliruan dan tekanan yang dihadapi. Misalnya dengan memperbaiki salah faham atau mengikis kepercayaan yang salah tentang ajaran agama, peranan diri serta memperbetulkan persepsi khususnya persepsi terhadap ibu bapa mereka. Sebagaimana yang pernah dijelaskan, perkara ini lebih mudah untuk dilaksanakan sekiranya para informan memperoleh ilmu pengetahuan yang diperlukan dan berpeluang mendapat bimbingan yang betul dari orang dewasa.

Hal ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut melalui objektif ketiga berikutnya. Selain membentangkan tentang faktor pembentukan komitmen pembangunan diri, bagaimana pemikiran para informan telah distruktur melalui program Motivasi Alihan Pelajar juga akan diuraikan.

5.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada tema-tema yang telah terbentuk, kajian menyimpulkan bahawa proses pembangunan diri informan berlaku hasil interaksi elemen-elemen diri informan dengan elemen persekitaran. Elemen diri informan ini adalah elemen terdiri daripada penghayatan agama, persepsi, sistem kepercayaan, kematangan, konflik dalam diri, tabiat, kecenderungan diri, serta keperluan-keperluan diri mereka. Manakala elemen yang wujud dalam persekitaran dan konteks sosial remaja yang terdiri daripada ibu bapa, keluarga, sekolah, rakan serta budaya atau norma masyarakat di tempat mereka menjalani kehidupan. Dalam hal ini, usia dan tahap perkembangan diri adalah faktor yang mempengaruhi corak interaksi antara elemen diri informan dengan elemen persekitaran tersebut. Tidak kira sama ada membentuk keadaan yang berisiko ataupun peluang-peluang yang positif untuk pembelajaran

mereka dalam proses pembangunan diri. Namun begitu, sejauhmana kebijaksanaan informan dalam menggunakan dan membangunkan potensi al-ruh yang dimiliki akan menentukan keupayaan informan dalam mencorak interaksi tersebut. Keupayaan ini termasuklah keupayaan dalam mengawal perkembangan emosi dan pemikiran, menangkis pelbagai ilham dan pengaruh negatif, menyeimbangkan pertembungan antara keperluan diri dan kehendak persekitaran serta keupayaan untuk membentuk persepsi, tabiat, akhlak dan pilihan-pilihan hidup yang baik.

University of Malaya

BAB 6 : FAKTOR PEMBENTUKAN KOMITMEN PEMBANGUNAN DIRI REMAJA SEMASA MENGIKUTI MAP

6.1 Pendahuluan

Dalam objektif sebelum ini, dapatan menunjukkan bahawa keupayaan para informan dalam pengurusan potensi al-ruh dan pengurusan interaksi dengan elemen persekitaran menentukan pembentukan proses pembangunan diri dan akhlak mereka. Sebagaimana yang telah dijelaskan, sorotan literatur menunjukkan bimbingan dari orang dewasa berupaya membantu remaja untuk membina komitmen pembangunan diri yang positif. Khususnya bagi remaja yang masih berada di peringkat awal seperti para informan kajian. Walau bagaimanapun, mempengaruhi pembangunan diri remaja secara berkesan juga mestilah melalui bimbingan yang bersesuaian dengan keperluan dan tahap penerimaan mereka.⁶⁰⁵

Sehubungan itu, menerusi objektif ketiga ini kajian akan mengenalpasti apakah faktor-faktor yang dapat membentuk komitmen pembangunan diri remaja semasa mengikuti program Motivasi. Persoalan ini penting untuk dijawab kerana ia akan membantu mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam berhubung proses pengaruh elemen motivasi dalam pembangunan diri para informan. Menerusi persoalan ini, kajian secara tidak langsung dapat mengetahui sama ada elemen-elemen motivasi yang diberi melalui program mempengaruhi pembentukan komitmen pembangunan diri informan. Selain itu, kajian juga dapat mengenalpasti sama ada pembangunan diri informan sebelum mengikuti program motivasi turut

⁶⁰⁵ Aisha Hamdan, *Nurturing Eeman in Children*, 159-176; Azizi Yahaya et.al, *Penyelewengan Tingkahlaku Remaja Punca & Rawatan*, (Skudai: Penerbit UTM Press, 2012) 1-27; Ralf Schwarzer dan Sonia Lippke, *Mechanisms of Health Behavior Change in Persons With Chronic Illness or Disability: The Health Action Process Approach (HAPA)*, *Rehabilitation Psychology* Vol. 56, No. 3, (2011) 161–170.

mempengaruhi pembentukan komitmen tersebut semasa berada di dalam program motivasi.

Sebagaimana yang telah dicadangkan menerusi kerangka teoritikal kajian, keberkesanan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja melalui pembinaan akhlak perlu kepada suntikan elemen-elemen *tazkiyah al-nafs*. Tiga elemen *tazkiyah al-nafs* yang terdiri daripada *mu'ātabah*, *mushāraṭah* dan *mur'āqabah* adalah tiga elemen asas yang diperlukan pada fasa kedua (fasa pencetus, penilaian dan penetapan) iaitu fasa semasa para informan berada dalam program motivasi. Ketiga-tiga elemen yang diperlukan ini adalah bertujuan memberi motivasi kepada para informan untuk membentuk hasrat seterusnya niat pembangunan diri yang ikhlas kerana Allah S.W.T. Dalam analisis kandungan modul MAP yang telah dilakukan sebelum ini, pengisian motivasi yang disampaikan oleh MAP mengandungi ketiga-tiga elemen *tazkiyah al-nafs* tersebut. Oleh itu, menerusi analisis faktor pembentukan komitmen pembangunan diri pada bab ini, kajian juga dapat mengenalpasti sama ada tiga elemen *tazkiyah al-nafs* tersebut benar-benar penting dan diperlukan oleh para informan.

Hasil daripada analisis mendalam yang telah dilaksanakan, kajian mendapati terdapat dua faktor utama yang telah menyebabkan pembentukan komitmen pembangunan diri para informan iaitu kesedaran diri dan keperluan terhadap kemahiran. Pada faktor pertama, dapatan menunjukkan elemen-elemen motivasi yang diberi oleh MAP telah menyentuh aspek yang berkaitan dengan diri dan masalah yang dihadapi oleh para informan. Perkaitan ini telah menyebabkan timbulnya kesedaran dalam diri para informan untuk membentuk hala tuju serta mengubah persepsi kehidupan mereka. Dari faktor yang pertama ini, kajian mendapati kesedaran tersebut telah menyebabkan timbul pula faktor yang kedua iaitu keperluan terhadap kemahiran. Dalam hal ini, melalui kesedaran yang terbina, para

informan juga secara tidak langsung dapat memahami keperluan terhadap kemahiran-kemahiran tertentu untuk dikuasai bagi memperbaiki dan membangunkan diri. Kedua-dua faktor ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam dua tema di bawah iaitu 6.1) Kesedaran untuk memperbaiki diri dan 6.2) keperluan terhadap pembentukan kemahiran akan dihuraikan.

6.2 Tema Satu : Kesedaran Untuk Memperbaiki Diri

Komitmen pembangunan diri yang terdiri daripada hasrat, niat dan akhlak yang baik tidak dapat berlaku tanpa adanya keinginan yang dipandu dengan kesedaran diri. Al-Ghazālī dalam menjelaskan tentang hal ini menyatakan bahawa, sesuatu perbuatan tidak akan dilaksanakan tanpa adanya pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan perbuatan tersebut.⁶⁰⁶ Menurut beliau, langkah pertama yang perlu dilakukan untuk memperbaiki diri adalah mendapatkan kesedaran tentang keburukan sesuatu perbuatan serta kepentingan menyingkirkannya.⁶⁰⁷ Begitu juga dalam konteks kes para informan, faktor asas yang dapat merangsang komitmen pembangunan diri adalah ilmu pengetahuan yang memberi kesedaran pembangunan diri serta kepentingannya.

Hal ini terbukti menerusi dapatan kajian yang diperoleh dari kelima-lima kes informan. Selepas mendapat suntikan motivasi selama dua hari melalui beberapa slot program Motivasi Alihan Pelajar (MAP), kelima-lima informan kajian didapati telah menunjukkan komitmen untuk membangunkan diri mereka. Mereka didapati telah menanam semangat dan keazaman pada diri sendiri untuk membangunkan diri dengan melakukan perubahan tertentu. Hasil temu bual dengan kelima-lima mereka menunjukkan bahawa, kesedaran adalah salah satu faktor yang telah membangkitkan

⁶⁰⁶ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb al-Niyyah wa al-Ikhlāṣ wa al-Ṣidq*.130-185

⁶⁰⁷ *Ibid.*

keinginan mereka untuk melakukan perubahan tersebut. Melalui kesemua slot MAP yang dibentangkan kepada para informan, kajian dapati terdapat dua kesedaran telah terbina dalam kalangan para informan iaitu; kesedaran tentang pembinaan hala tuju kehidupan dan kesedaran mengubah persepsi kehidupan.

a) Membina hala tuju kehidupan

Kesedaran dalam membina hala tuju ini dapat dilihat dalam kes Man dan Ina. Menerusi beberapa slot MAP, khususnya slot Matlamat Hidup Insan dan slot Palestin, tujuan sebenar kehidupan serta keperluan untuk mencapainya, didapati telah berjaya membuka pemikiran kedua-dua informan ini.

Dalam kes Man, meskipun pengaruh positif dalam persekitarannya membuatkan beliau seorang yang berkeyakinan dengan diri dan perancangan masa depan, namun Man akui bahawa beliau tidak pernah terfikir tentang matlamat kehidupan seorang muslim. Bagi beliau, penjelasan dan penekanan berhubung dengan tanggungjawab yang perlu digalas sebagai muslim ini adalah perkara baru dan menarik yang diperoleh dari dalam program. Justeru, menurut Man penekanan terhadap aspek tersebut membuatkan beliau terdorong untuk menentukan semula hala tuju kehidupannya.

“ Yang paling buat saya terkesan semasa di dalam MAP apabila topik Islam dibangkitkan. Penceramah terangkan tentang cara mempertahankan Islam, bagaimana kita nak menolong sesama Islam, kita kena bangkit dari segi akademik dan akhlak. Sebabtu kita kena banyakkkan membaca, sembahyang dan membaca al-Quran. Perkara buat saya berfikir, sebelum ni saya memang jarang fikir pasal perkara ini. Dari situ, saya tahu apa matlamat utama yang perlu dicapai dan bagaimana mahu mencapai matlamat itu. Sebagai orang Islam, kita mesti tunjukkan Islam itu tidak lemah dengan cuba mencapai keputusan akademik kita tinggi.” (Man)

Kesan yang sama didapati berlaku dalam kes Ina. Menerusi dua slot yang sama, Ina memberitahu bahawa beliau mulai tersedar bahawa corak kehidupannya dapat ditentukan dan diramalkan melalui pilihannya sendiri. Ina

mengakui kesedaran tentang matlamat hidup yang perlu dicapai telah memberikan hala tuju kepada diri beliau yang selama ini terumbang-ambing mencari tujuan kehidupan.

“Saya banyak belajar tentang hala tuju dan matlamat hidup dari MAP. Selama ni saya tak tahu apa yang saya mahu dalam hidup saya. Saya tak pasti. Sekarang baru saya faham saya ada pilihan sendiri untuk mencari hala tuju. Saya nak jadi tidak pandai atau pandai, semuanya saya sendiri boleh pilih dan ramal dan Allah SAW yang tentukan takdir kita. Contohnya, kalau hala tuju nak menjadi pandai, saya perlu belajarliah bersungguh-sungguh, tapi selepas tu kalau dapat keputusan tidak bagus juga. Itu takdir Allah. Hmm.. Saya tahu saya kene jadi orang Islam lebih maju dari bangsa lain. MAP ada ajar macam mana kaum lain lebih berjaya daripada kita. Jadi, dia (MAP) suruh kita bangkitkan Islam. Belajar bersungguh-sungguh supaya apabila kita besar nanti, kita boleh bangkitkan Islam. (Ina)

Membandingkan keadaan rakyat Palestin yang jauh lebih menderita, membuat Ina juga tersedar dari keluhan-keluhan tentang hidupnya. Dengan kesedaran tersebut, Ina tahu bahawa beliau perlu bersyukur dan membuktikan tanda kesyukurannya dengan cara yang betul. (Ina)

Penceramah ada juga beritahu tentang Palestine dan tunjuk gambar-gambar keadaan di sana. Jadi, saya tahu saya sepatutnya bersyukur sebab negara kita aman dan tak jadi macam tu. Kita boleh makan... tak kebuluran. Jadi kita perlu hargai semua ni sebaiknya. Sebab tu, kita kene ada cita-cita dan menjaga solat lima waktu. Penceramah juga ada tekankan tentang kepentingan solat. (Ina)

Pembinaan hala tuju kehidupan adalah perkara yang begitu ditekankan dalam ajaran Islam. Ia adalah pemacu yang berperanan memberi motivasi kepada individu untuk melakukan suatu perubahan dalam hidup.⁶⁰⁸ Terdapat contoh-contoh dalam al-Quran yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T tentang kaedah menggalakkan perubahan pada diri individu menerusi kesedaran hala tuju. Misalnya dalam pengharaman arak yang diperintahkan secara berperingkat. Penerangan ayat tentang perbezaan antara minuman yang baik dan buruk diberi

⁶⁰⁸ *Ibid.*

terlebih dahulu sebelum ayat pengharaman arak secara total diturunkan.⁶⁰⁹ Hal ini bertujuan bagi menimbulkan kesedaran dan kekesalan tentang kesalahan melakukan perbuatan tersebut supaya keinginan untuk melakukan perubahan terbentuk.⁶¹⁰

Dalam konteks remaja, bimbingan yang membekalkan ilmu dan kesedaran berhubung dengan hala tuju ini amat diperlukan bagi memperbaiki pelbagai bentuk kekeliruan yang sering dialami akibat dari ketidakstabilan emosi dan pemikiran.⁶¹¹ Turut mempersetujui hal ini, Natalie Rusk et.al menyatakan bahawa remaja akan mudah terdorong untuk menentukan suatu matlamat sekiranya memahami dengan jelas keperluan dan kepentingan hal tersebut untuk masa depan mereka. Menurut Natalie et.al : ⁶¹²

Many adolescents become highly invested in the goals they are trying to achieve, particularly when they can see a connection to their future. As a result, they report being genuinely engaged with the challenges of their projects.

Menurut Natalie dan rakan-rakannya juga, bimbingan seperti ini dapat menjadi galakan positif kepada remaja dengan menyediakan suasana kondusif untuk mereka membina kecemerlangan diri dan karier masa depan mereka.⁶¹³

Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam hala tuju yang perlu dijelaskan bukan hanya untuk membina makna hidup dalam ruang lingkup keduniaan sahaja. Sebaliknya, kesedaran hala tuju kehidupan ini perlu disampaikan dalam rangka pencapaian matlamat utama kehidupan iaitu melaksanakan peranan

⁶⁰⁹ al-Qur'ān , surah al-Nahl: 67; tafsir Ibnu Kathir, Tafsīrul Qurānil Azīmi, Jilid 8, 1421 H/20000, 324

⁶¹⁰ Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq Baina al-Islām wa 'Ilmi al-Nafs* (Al-Qāhirah: Maktabah al-Thawbah, 1989), 363-364.

⁶¹¹ Abd al-Mun'im 'Abd al-Aziz al-Malījīyy, *al-Namu al-Nafsiyy*, (Kāherah: Dār Misr lil Tiba'ah, t.t.)

⁶¹² Natalie Rusk et.al, Positive Youth Development in Organized Programs: How Teens Learn to Manage Emotions dalam Carmel Proctor dan P. Alex Linley (eds.) *Research Applications and Interventions for Children and Adolescent : A Positive Psychology Perspective*, (London: Springer Dordrecht Heidelberg, 2013), 247-262.

⁶¹³ Ibid.

sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T di atas muka bumi.⁶¹⁴ Justeru, dalam konteks kajian ini, kefahaman aspek pembangunan diri yang hanya bermatlamatkan kecemerlangan di dunia sahaja masih dianggap tidak sempurna.

Sehubungan itu, dalam kes informan Man pengakuan bahawa tidak pernah memikirkan tentang matlamat sebagai seorang muslim telah membuatkan beliau memandang ringan tentang tanggungjawab sebagai individu beragama. Justeru, untuk pembangunan diri yang lebih sempurna, Man berazam untuk memperbaiki semula hala tuju kehidupan khususnya dari aspek keagamaan dan hubungan dengan tuhan. Keadaan ini menunjukkan bahawa suntikan kesedaran hala tuju yang melibatkan aspek spiritual dan keagamaan diperlukan oleh informan.

Sementara itu, berdasarkan kepada kes Ina pula keinginan dan keazaman untuk memulakan tindakan perubahan diri telah mengisi rasa kekosongan hidup beliau. Keinginan ini juga didapati telah didorong oleh kesedaran tentang hala tuju kehidupan yang perlu dicapai. Ina sedar apakah yang perlu dilakukan untuk memiliki kehidupan yang lebih baik serta membuktikan tanda kesyukurannya sebagai hamba. Dalam situasi ini, bukan sahaja untuk membentuk pembangunan diri yang lebih sempurna, malah kesedaran tentang matlamat sebenar dan hala tuju seorang muslim juga penting untuk membawa kebahagiaan pada diri para informan dan menjadikan kehidupan mereka lebih bermakna.

Selain itu, menerusi kes di atas juga kajian mendapati pembentukan kesedaran agama bagi kedua-dua informan turut disebabkan oleh perkaitan maklumat/elemen motivasi yang diberi dengan diri para informan. Penjelasan tentang hala tuju yang diterangkan oleh MAP telah membuatkan para informan dapat mengenalpasti perkaitan maklumat tersebut dengan diri dan masalah mereka. Keadaan ini telah menggalakkan lagi rasa kesedaran pada diri para

⁶¹⁴ Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2004). 306-308.

informan. Dapatan ini bertentangan dengan kenyataan yang menyatakan bahawa pengangan agama remaja peringkat awal adalah pegangan ikut-ikutan iaitu warisan yang diperturunkan dari agama orang dewasa di sekitar mereka.⁶¹⁵ Oleh itu, dalam pembinaan komitmen pembangunan diri, kajian ini bukan sahaja membuktikan tentang kepentingan penjelasan tentang hala tuju matlamat sebenar hidup. Malah, dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa bimbingan berhubung aspek keagamaan juga perlu dilaksanakan secara berperingkat sesuai dengan keadaan diri dan tahap pemikiran remaja. Kaedah bimbingan yang tidak sesuai dengan diri remaja ini mungkin hanya akan menyebabkan penolakan disebabkan oleh persepsi yang negatif dan salah faham.⁶¹⁶

Pada bahagian berikutnya, kajian akan menunjukkan pula situasi bagaimana kesedaran mengubah persepsi hidup telah membantu remaja mengatasi pelbagai kesalahan persepsi, penolakan dan salah faham yang sering menimbulkan masalah kepada para informan.

b) Kesedaran mengubah persepsi kehidupan

Persepsi bermaksud gambaran, pandangan atau tanggapan di dalam hati atau fikiran. Dari perspektif Islam, persepsi ini dibentuk melalui peranan potensi al-ruh manusia. Dalam dapatan kes para informan sebelum ini, kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan mereka yang disebabkan oleh pelbagai kesalahan persepsi. Tidak kira sama ada persepsi terhadap diri, persepsi terhadap kehidupan mahupun persepsi terhadap orang-orang di sekeliling. Sehubungan itu, dalam analisis data temu bual berikutnya, kajian mendapati kesedaran untuk mengubah persepsi kehidupan juga

⁶¹⁵ Masganti Sit, Psikologi Agama (Indonesia: PERDANA PUBLISHING, 2011), 68.

⁶¹⁶ Iran Herman, Psikologi Remaja dan Pendekatan Dakwah dalam Fariza Md Sham et.al (eds.), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2000), 82-93.

merupakan faktor yang membentuk komitmen pembangunan diri mereka semasa mengikuti program MAP.

Sepanjang dua hari berlangsungnya program, slot-slot motivasi seperti Matlamat Hidup Insan, Matlamat Pelajar Super, Sikap, Palestin, Ibu bapa, dan slot Tanggapan didapati adalah slot yang banyak memberi kesedaran perubahan persepsi kehidupan para informan. Selain menjelaskan tentang hala tuju dan matlamat sebenar kehidupan, slot-slot di atas juga telah menstruktur semula sistem pemikiran mereka. Pegangan dan kepercayaan salah yang menjadi kebiasaan para informan sebelum ini, telah dapat diperbaiki.

Dari perspektif Islam, persepsi yang salah boleh diperbaiki semula. Hal ini kerana, sama seperti tingkah laku dan perbuatan, persepsi juga terbentuk hasil daripada pembelajaran dan aktiviti pembiasaan.⁶¹⁷ Selaras dengan kenyataan Malik Badri, beliau menyatakan :⁶¹⁸

Psychological symptom do not necessarily have any unconscious roots. They are simply learned habit that can directly be unlearned and treated by conditioning.

Oleh kerana potensi al-ruh adalah asas yang menentukan pembentukan persepsi ini, Malik Badri turut bersetuju bahawa pelbagai kesalahan dalam pembentukan persepsi adalah disebabkan oleh kecuaihan dalam menguruskan elemen-elemen kejiwaan tersebut.⁶¹⁹ Melalui proses pembelajaran dan pembiasaan, persepsi yang negatif ini akan membentuk tabiat seterusnya akhlak yang buruk pada seseorang individu. Oleh itu, sebelum ia (persepsi negatif) menjadi sebahagian daripada akhlak individu, beliau menegaskan bahawa keadaan potensi al-ruh ini

⁶¹⁷ Fatimah Abdullah, *Spiritual Pathology and Management of Emotion* dalam Fatimah Abdullah (ed.) *Islamic Ethics and Character Building*. 121-149.

⁶¹⁸ Malik Badri, *Abu Zayd al-Balkhi's Sustenance of the Soul: The Cognitive Behavior Therapy of a Ninth Century Physician*. (London: International Institute of Islamic Thought (IIIT) 2013), 15-17

⁶¹⁹ *Ibid*.

adalah perkara utama yang perlu diperbaiki.⁶²⁰ Dapatan kes informan Ira, Iz, Man dan Ani di bawah akan menunjukkan bagaimana persepsi negatif mereka telah diperbaiki melalui kaedah tersebut.

Dalam kes Informan Ira, kerana sering berselisih faham dengan ibu bapanya Ira menyatakan bahawa, penyertaan beliau dalam program MAP bukan di atas kerelaannya. Bagi Ira kehadiran beliau dalam program tersebut juga merupakan satu paksaan.

“Hari Sabtu, hari pertama saya di kem. Mak yang paksa saya pergi. Waktu tu, hanya Allah yang faham perasaan saya. Hati ni memberontak, nak pergi atau tak!? Lagipun saya pernah masuk kem motivasi di sekolah dan sekolah pun selalu adakan pelbagai kem seperti ni.” (Ira)

Pernah menyatakan pendirian negatifnya terhadap aktiviti tambahan luar sekolah sebelum ini, Ira memberitahu bahawa beliau juga tidak gemar dengan program motivasi seperti yang di anjurkan oleh MAP tersebut. Rungut Ira :

“Saya sebenarnya sukakan aktiviti seperti kem, yang mempunyai banyak aktiviti kesukanan. Saya boleh terima aktiviti seperti ini dan banyak pengajaran yang saya dapat. Tetapi untuk program (MAP) ni, masa mula-mula masuk, sudahlah muka penceramah itu masam saja, saya memang tak boleh terima bila penceramah tiba-tiba menjerit seperti itu.” (Ira)

Keadaan ini didapati telah memberi kesan kepada tumpuan Ira semasa hari pertama program berlangsung.

“Jadi masa hari pertama program (MAP), saya langsung tak dapat bagi perhatian. Apa yang diajar tu langsung tak bagi kesan pada saya. Saya langsung tak boleh terima dan menyampah! Saya belajar dan faham main-main saja.” (Ira)

Walau bagaimanapun, Ira memberitahu bahawa perasaan beliau berubah pada hari kedua program. Beliau menceritakan bagaimana Slot Palestin dan slot Ibu bapa yang disampaikan pada hari kedua program, telah berjaya menyentuh perasaan dan menimbulkan rasa empati pada diri beliau. Gambaran tentang

⁶²⁰ *Ibid.*

kesengsaraan rakyat Palestin yang sanggup berkorban demi prinsip agama membuatkan Ira benar-benar tersedar tentang kelalaian beliau dalam menjalankan tanggungjawab agama. Ira semakin jelas mengapa beliau perlu menggalas tanggungjawab tersebut dengan baik.

Tapi pada hari kedua program motivasi, bila penceramah mula tunjukkan *slide* tentang keadaan di Palestine, tunjuk pula gambar-gambar realiti keadaan di sana, tiba-tiba jantung saya berdebar. Nyawa saya sendiri rasa nak terputus tengok gambar-gambar tu. Saya bayangkan diri saya di tempat tu. Huh, memang saya tak boleh! Selepas slot tu, barulah apa yang penceramah beritahu saya boleh terima dan saya mula ambil perhatian balik apa yang penceramah bangkitkan, macam hal solat dan banyakkkan berdoa pada Allah SWT.” (Ira)

Sementara itu, jasa ibu bapa yang di sampaikan dalam slot Ibu bapa juga, membuatkan Ira mulai tersedar bahawa betapa besarnya pengorbanan yang telah dilakukan oleh ibu bapanya semata-mata untuk kebaikan dirinya. Ira menyesal dengan kegagalan beliau dalam memahami dan menghayati pengorbanan tersebut sebelum ini.

“Hari itu juga penceramah banyak bangkitkan tentang mak ayah. Tiba-tiba hati saya terdetik, ya Allah, banyaknya dosa saya pada mak saya selama ni. Saya nak berubah. Perasaan nak berubah itu datang sewaktu slot ibu bapa tulah!.” (Ira)

“Apabila penceramah tanya, ‘apakah itu balasan yang awak semua buat untuk ibu bapa awak?’ Waktu tu, muka saya terasa sangat panas dan saya dapat rasakan muka saya dah merah. Tudung basah dengan air mata. Saya memang terasa sangat dengan kata-kata penceramah. Sayakan sensitif orangnya. Soalan tu buat saya rasa seolah-olah seperti nak mati!” (Ira)

Kesedaran ini sekaligus telah mengingatkan Ira semula dengan pesanan yang selalu diberi oleh ibu bapanya. Beliau berazam untuk merealisasikan pesanan tersebut.

Saya betul-betul pasang niat nak berubah. Paling penting tentang ibu bapa saya. Balik dari program, saya nak berubah dan dengar cakap ibu bapa saya. Saya nak jaga solat lima waktu. Bangun pagi saya akan kemas bilik. Lagipun ibu bapa saya selalu kata, walaupun mungkin anak-anak tak pandai dari segi pelajaran, tapi

kalau kami patuh cakap mereka, hormat dan solat lima waktu. Insya-Allah akan berjaya!” (Ira)

Berbeza dengan Ira, Iz dan Man memberitahu dari hari pertama lagi slot-slot MAP telah banyak menyentuh hal yang berkaitan dengan diri mereka. Keduanya menjelaskan bahawa mereka berasa amat terkesan dengan apa yang disampaikan. Mengakui kesilapan dalam menilai tentang matlamat dan kecemerlangan diri, MAP dikatakan telah mengubah tanggapan mereka. Kecemerlangan mula dapat difahami bukan sekadar pencapaian yang terlihat baik pada zahirnya. Sebaliknya, kecemerlangan perlu melibatkan kesedaran jiwa dalaman serta mempunyai matlamat yang lebih besar. Sikap dan akhlak yang baik disedari sebagai asas yang penting untuk membawa kepada kejayaan yang sebenar.

“Semasa sesi motivasi itu, ada seorang penceramah, dia tiba-tiba menjerit dan koyak kertas kerja rumah yang kami semua siapkan. Kemudian dia kata, biasanya apabila kita dapat markah 80, kita sudah rasa bangga dan bersyukur. Kalau dibandingkan 80 dengan 60, memang kita bagus. Tetapi cuba kita bandingkan 80 dengan 100? Hmm... kata-kata penceramah itu buat saya terfikir. Betul juga kata-kata penceramah ini. Selama ini pun saya rasa mudah sangat bangga dan berpuashati dengan pencapaian saya.” (Man)

Banyak perkara kita kene fikir, baru saya faham dalam hidup ni kita perlu ada matlamat untuk naikkan nama Islam dan tak biarkan sesama Islam teraniaya. Paling mudah kita boleh buat ialah dengan selalu menderma. Kita juga boleh menjadi sukarelawan! Sebab negara Malaysia, negara yang aman. Tapi kita lupa dan abaikan apa yang berlaku di negara lain seperti Palestine. Selama ni, saya langsung tak ambil tahu tentang negara Israel dan Syria, dan tentang pegangan Syiah semua tu” (Man)

Pengisian MAP dari segi keagamaan tu, banyak juga yang telah menyentuh berkaitan dengan diri saya. Misalnya, MAP ada tekankan tentang solat. Solat ni merupakan tiang agama dan kalau tinggalkan solat, berdosa besar. Penceramah juga banyak tekankan tentang akhlak. Katanya, kalau kita bijak dan pandai sekalipun, kalau tak ada akhlak yang baik, tetap bukan orang yang berjaya. Hmm.. yang ni memang buat saya terasa. Saya tahu saya kena pentingkan juga bab menjaga akhlak ni . (Iz)

Begitu juga dalam perhubungan dengan rakan-rakan. Iz dan Man akui bahawa sebelum ini mereka sering menyimpan prasangka negatif terhadap rakan-rakan. Melalui slot Sikap dan Tanggapan, mereka sedar bahawa mereka perlu belajar mengubah tanggapan mereka dengan cara mengawal emosi, memaafkan kesalahan orang lain serta tidak berputus asa menumpukan perhatian dalam membentuk kehidupan yang lebih baik.

“Sewaktu tayangan video tentang seorang ayah yang memimpin anaknya berjalan waktu tercedera di trek lumba lari tu, saya tiba-tiba rasa sedih sangat. Saya teringat tentang kawan-kawan yang tak nak bantu saya walaupun saya selalu tolong diorang. Tapi video tu ajar saya supaya tak mudah putus asa. Saya tahu saya tak boleh berputus asa. Lagi pun seperti yang penceramah beritahu, Allah SAW bagi kita kelebihan untuk buat pilihan sendiri, nak berjaya ataupun tak berjaya dan gagal. Semua itu pilihan kita sendiri, dan takdir ditentukan oleh Allah SWT. Apa yang kita boleh buat usaha sahaja untuk tentukan hidup yang lebih baik. ” (Man)

Emosi pun saya perlu jaga kalau marah jangan lepaskan kemarahan kita itu. Kalau ada sesuatu yang tak kena, kita kena fikir dulu, mungkin ada apa-apa yang berlaku. Sebalik sesuatu perkara, kita kena fikirkan kenapa perkara tu berlaku dan selesaikan dengan cara yang baik. Contoh macam slot ‘Tanggapan’ yang MAP ajar tu pun, saya terasa. Saya adalahkan rasa geram pada seseorang ni dan kecil hati sangat. Saya selalu rasa dia suka buruk-burukkan saya dan ganggu hidup saya. Tapi dari apa MAP ajar tu, saya sepatutnya bersangka baik dan maafkan orang tu.” (Iz)

Sementara itu dalam kes Ani pula, meskipun memberitahu turut pernah mengalami masalah dengan rakan-rakan. Namun, beliau lebih terkesan apabila slot-slot MAP menyentuh soal matlamat sebenar kehidupan, keyakinan dan keupayaan potensi diri. Hal ini kerana, perkara yang melibatkan matlamat hidup, keyakinan dan potensi diri tersebut adalah masalah utama yang banyak mengganggu emosi beliau. Sebagaimana yang pernah diceritakan sebelum ini, cabaran dan halangan yang dihadapi dalam hidup sering membuatkan beliau berasa ragu-ragu terhadap diri dan masa depan. Namun, penekanan slot MAP tentang tanggungjawab sebagai seorang muslim dikatakan telah memperbaiki

banyak kesalahan tanggapan tentang diri yang dipegang selama ini. Menurut Ani, melalui penjelasan tentang konsep niat dan ibadah, beliau mula dapat menambah keyakinan dirinya. Hal ini kerana, konsep tersebut telah memberi penjelasan tentang sejauhmana usaha dan pengorbanan yang perlu dilakukan, serta kemampuan yang dimiliki untuk melaksanakannya.

“Saya rasa sangat tertarik dengan apa yang MAP tekankan. Terutama bila dia minta kami bangkit sebagai orang Islam. Dia suruh kami belajar rajin-rajin supaya bila berjaya nanti, kami dapat bantu rakyat Palestin dan negara-negara Islam lain. Macam sekarang ni, kita tengok ramai yang bukan Islam lebih berjaya daripada orang Islam. Penceramah ada sebut juga, kita cepat sangat mengalah, sebab itulah gagal. Jadi orang Islam kena berjaya supaya dapat kembangkan Islam” (Ani)

“Penceramah juga minta kami tulis tentang cita-cita dan dia suruh tunjukkan pada dia. Kemudian, penceramah ada bercerita tentang seorang pelajar. Pelajar itu perangainya sangat teruk, tapi bercita-cita tinggi nak jadi perdana menteri. Dia hampir berjaya mencapai apa yang dia inginkan. Dari cerita tu, saya dapat inspirasi. Saya kena yakin dengan diri sendiri! Kalaulah pelajar yang berperangai teruk tu pun boleh berjaya, tentu saya pun boleh!” (Ani)

“Jadi tentang prestasi pelajaran dan diri saya sebelum ini biarlah! Saya ingat kata-kata penceramah kita perlu belajar bersungguh-sungguh, dan lupakan perkara lepas yang sudah jadi sejarah. Usaha kita hari ini yang akan tentukan siapa kita sebenarnya!” (Ani)

“Selain tu, di MAP juga saya belajar macam mana seluruh perbuatan kita boleh jadi ibadah. Penceramah ada bercerita tentang seorang pelacur yang memberi minum pada seekor anjing. Dari cerita tu saya sedar, seburuk-buruk manusia juga ada simpati juga. Pelacur itu akhirnya sanggup korbakan kepentingan diri. Paling penting yang saya ingat adalah niat, kalau kita buat sesuatu perkara, kita mesti niatkan kerana Allah SWT supaya setiap perkara yang kita buat diberkati dan boleh jadi ibadah. Jadi saya kene fokus berusaha nak jadikan kehidupan saya sebagai ibadah!” (Ani)

Selain itu, apa yang diperoleh melalui MAP ini secara tidak langsung juga telah mengubah persepsi beliau berhubung dengan keyakinan untuk mengatasi gangguan perasaan ingin bercinta yang dialami. Kesedaran tentang penumpuan terhadap matlamat utama kehidupan telah memberi kekuatan kepada beliau untuk mengabaikan perasaan tersebut.

“Dari slot berfikiran positif yang MAP ajar tu pun, saya rasa sangat membantu. Sayakan selalu fikir tak boleh lupakan budak lelaki yang saya suka tu. Sebenarnya saya perlu fikir positif dan katakan pada diri yang saya boleh lupakan dia! Sewaktu di MAP, saya dapat lupakan budak lelaki yang saya minat tu. Dua hari sepanjang berada di MAP saya memang dapat lupakan dia. Selepas habis MAP, beberapa hari selepas tu, ada saya teringatkan dia semula, tapi tak adalah sampi macam sebelum ni. Saya rasa mungkin sebab sebelum ni saya tak ada perkara nak fikir, jadi saya asyik ingat dia, tetapi sekarang tumpuan saya lebih kepada pelajaran dan nak capai cita-cita. Selepas balik dari MAP, kalau saya terfikir tentang dia, saya kata pada diri yang saya mesti kene lupakan dia!”(Ani)

“Jadi lepas ni, saya bernekad nak belajar bersungguh-sungguh, supaya dapat lupakan budak lelaki tu! Mula-mula masih ada juga rasa tak nak lupakan dia. Tetapi apabila saya fikirkan semula, kalau asyik fikirkan dia pun, bukannya ada bagi manfaat pada saya. Jadi, lebih baiklah saya lupakan dia. Saya tak nak lagi tangguhkan masa belajar dan saya akan susun waktu belajar saya semula. Sebagai orang Islam, saya berazam nak tunjukkan yang orang Melayu beragama Islam ini bukanlah jenis yang suka melepak dan merempit saja. Saya nak tunjukkan yang kami ni bukannya teruk.”
(Ani)

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, semasa usia remaja peningkatan daya pemikiran yang menambah keupayaan penilaian aspek diri, perspektif dan kehendak sosial menyebabkan para informan mudah membina pelbagai persepsi.⁶²¹ Walau bagaimanapun, ketidakmatangan dalam mengurus potensi al-ruh yang menyebabkan kecelaruan dalam memilih dan menentukan nilai pegangan dalam hidup sering menyebabkan kesalahan dalam membentuk persepsi.⁶²²

⁶²¹ Brinhaupt, T., & Lipka, R. Understanding early adolescent self and identity. (Albany: State University of New York University Press. 2002).2-4

⁶²² Azizi Yahaya et.al, Penyelewengan Tingkah Laku Remaja : Punca dan Rawatan (Skudai: Penerbit UTM Press,2012),9. Al-Za’balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq*,447-466

Pengaruh daripada pelbagai kehendak persekitaran, corak mental-emosi dan kecenderungan⁶²³ diri remaja pula telah membina jurang yang besar antara identiti diri sebenar dan identiti diri ideal mereka.⁶²⁴ Kesemua perkara ini dilihat menjadi punca yang menyebabkan kegagalan informan untuk menilai dengan betul, menimbulkan perselisihan faham antara mereka dengan orang sekeliling, membentuk pelbagai persepsi negatif terhadap diri sendiri seterusnya ketidakselesaan pada psikologikal mereka.⁶²⁵

Namun, kejayaan memperbaiki persepsi diri para informan melalui suntikan elemen yang menekankan soal pembentukan tanggapan, keyakinan dan kepercayaan dalam kes-kes di atas, menunjukkan kaedah tersebut sesuai dan amat diperlukan oleh para informan. Dapatan ini juga didapati selaras dengan kenyataan yang pernah dikemukakan oleh Ralf Schwarzer yang menyatakan :⁶²⁶

Such optimistic self-beliefs influence the goals people set for themselves, what courses of action they choose to pursue, how much effort they invest in given endeavors, and how long they persevere in the face of barriers and setbacks. Some people harbor self-doubts and cannot motivate themselves. They see little point in even setting a goal if they believe they do not have what it takes to succeed.

Namun demikian, dalam dapatan kes di atas juga menunjukkan suntikan kesedaran yang berasaskan kepada elemen-elemen spiritual dan keagamaan didapati lebih bermakna kepada diri para informan. Hal ini kerana, elemen-elemen tersebut menjangkaui pencapaian matlamat hidup jangka panjang

⁶²³ Miskawayh, Abū 'Alī Ahmad ibn Muḥammad, *Tahdhīb al-akhlāq*. 233-437 Selain daripada kecenderungan yang terbentuk hasil didikan dan pendedahan yang diterima sejak kecil, remaja juga mempunyai kecenderungan semula jadi yang turut membentuk identiti dan personaliti diri mereka. Menurut Miskawayh dari segi pembelajaran, ada di antara mereka yang dapat belajar dengan cepat, ada pula yang lambat. Begitu juga cara penerimaan remaja terhadap suatu pendekatan antara juga boleh berbeza-bebeza.

⁶²⁴ Skema diri sebenar mencerminkan ciri-ciri semasa dan ciri-ciri yang sedia ada pada remaja. Manakala diri ideal pula mewakili potensi diri yang diingini dan ditetapkan oleh remaja iaitu sifat dan ciri-ciri yang harus dipunyai mengikut pandangan diri mereka sendiri atau kehendak norma masyarakat di sekeliling mereka. Norlizah Che Hassan, *Dinamika Kendiri Remaja* (Serdang: Penerbit UPM Press, 2015)28. Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq*, 447-476

⁶²⁵ *Ibid*.

⁶²⁶ Ralf Schwarzer, "Social-cognitive factors in changing health-related behaviors." *Current directions in psychological science* 10, no. 2 (2001): 47-51.

(kehidupan di akhirat). Dengan matlamat ini, para informan didapati lebih bermotivasi untuk membentuk komitmen pembangunan diri dengan penuh keikhlasan selaras dengan prinsip pembangunan diri dalam Islam. Keikhlasan inilah yang mendorong mereka lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh membangunkan diri, meskipun sedar akan cabaran dan masalah yang bakal dihadapi.⁶²⁷ Dalam kes Man, Iz dan Ira, konsep keikhlasan yang membentuk penghayatan agama serta rasa empati pada orang sekeliling, telah memperbaiki kesalahan persepsi mereka terhadap hakikat kecemerlangan, rakan-rakan dan ibu bapa.

Selain itu, penekanan yang diberi untuk menumpukan terhadap tanggungjawab kehambaan adalah lebih praktikal, adil dan realistik.⁶²⁸ Ia memberi kesedaran kepada para informan bahawa nilai usaha dan ganjarannya di sisi Allah S.W.T itu lebih penting berbanding habuan keduniaan. Justeru itu, melalui penekanan ini, para informan bukan sahaja dapat mengurangkan rasa tekanan dalam diri mereka untuk memenuhi pencapaian yang bersifat keduniaan dan materialistik.⁶²⁹ Malah kebimbangan terhadap keupayaan diri juga berkurangan kerana mula menyedari bahawa adanya tanggungjawab tersebut juga menunjukkan kepelbagaian potensi diri yang dimiliki.⁶³⁰ Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T melalui surah al-Isra' dan surah al-Tin :

⁶²⁷ Fatimah Abdullah, *Islamic Ethics*, 122-130

⁶²⁸ *Ibid.*

⁶²⁹ Sayyid Muhammad Naquib al-Attas, *Islam & Secularisme*, (Kuala Lumpur : ABIM, 1978) 94.

⁶³⁰ Al-Qur'ān surah al-Isra' : ayat 70; Surah al-Tin : ayat 4.

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

Al-Isra' 17 : 70

Terjemahannya : Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Al- Tin 95 : 4

Terjemahannya : Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

Dalam kes Ani, Iz dan Man, kesedaran inilah yang secara tidak langsung telah membuka mata, meningkatkan keyakinan diri sekaligus mengubah persepsi mereka.

6.3 Tema Dua : Keperluan Terhadap Pembentukan Kemahiran.

Meskipun dapatan sebelum ini menunjukkan pembinaan kesedaran dapat membentuk keinginan para informan untuk membangunkan diri, namun menurut al-Za'balāwī dengan hanya membangkitkan hasrat sahaja tidak memadai untuk memastikan ikatan komitmen yang kuat dalam diri remaja.⁶³¹ Jelas beliau remaja juga pada masa yang sama mempunyai pelbagai keinginan lain yang dapat memberikan keseronokan. Ketidakstabilan jiwa boleh menyebabkan remaja mudah terdorong untuk tunduk kepada bisikan hawa nafsu dan akhirnya berputus asa.

⁶³¹ Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq Baina al-Islām wa 'Ilmi al-Nafs* (Al-Qāhirah: Maktabah al-Thawbah, 1989).

Terutama ketika berdepan dengan masalah.⁶³² Hal ini juga turut dipersetujui oleh ahli-ahli psikologi dari Barat.⁶³³ Malah mereka berpendapat bahawa, pembentukan suatu hasrat dan matlamat itu hanya dianggap berjaya apabila ia benar-benar telah dapat direalisasikan. Justeru Gallwitzer menganggap :⁶³⁴

Forming good intentions or setting goals is understood as committing oneself to reaching desired outcomes or to performing desired behaviors.

Walau bagaimanapun, dalam Islam, hasrat dan matlamat bukan hanya sekadar perlu direalisasikan sebagai mana yang dinyatakan oleh Gollwitzer. Tetapi, pelaksanaan hasrat ini juga mestilah mencapai tahap keikhlasan kerana Allah S.W.T. Dalam hal ini, individu bukan sahaja perlu menyasarkan hasrat dan matlamat mereka untuk mencapai keredhaan Allah, malah perlaksanaannya juga perlu dilakukan dalam rangka yang menepati *sunntatullah* dan *syariatullah*. Penetapan hasrat dan matlamat seperti inilah yang akan membantu remaja untuk mendapatkan rahmat dan pertolongan daripada Allah S.W.T.⁶³⁵ Perkara ini akan dijelaskan lebih lanjut dalam huraian di bawah.

Menerusi program MAP sepanjang dua hari yang dijalankan, kajian mendapati pembentukan hasrat pembangunan diri dengan cara yang betul ini telah cuba ditekankan kepada para informan. Ia bermula dengan pengajaran kaedah pembentukan niat yang ikhlas dan diikuti pula dengan pendedahan kepada beberapa strategi dan kemahiran perancangan yang berkesan mengikut *sunnatullah* dan *syariatullah*.⁶³⁶

⁶³² Ibid.

⁶³³ Webb, Thomas L., Paschal Sheeran, and Aleksandra Luszczynska. "Planning to break unwanted habits: Habit strength moderates implementation intention effects on behaviour change." *British Journal of Social Psychology* 48, no. 3 (2009): 507-523; Gollwitzer, Peter M. "Implementation intentions: strong effects of simple plans." *American psychologist* 54, no. 7 (1999): 493.

⁶³⁴ Ibid.

⁶³⁵ Sayyid Mujtaba Musawi Lari, *Ethics and Spiritual Growth* (Iran: Foundation of Islamic Cultural Propagation in the world, 1997), 387.

⁶³⁶ Modul Motivasi Alihan Pelajar, (Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar, 2014)

Berdasarkan dapatan temu bual yang diperoleh, pengisian ini didapati telah berjaya menambahkan lagi semangat dan komitmen para informan untuk membangunkan diri mereka.

Mula memahami bahawa mencapai kejayaan perlu bermula dengan pembangunan jiwa dalaman, Iz dan Man merasa terkesan dengan kaedah pembangunan jiwa yang diajarkan oleh MAP. Begitu juga, mengakui bahawa sering melanggar *sunnatullah* yang betul dalam proses pembelajaran, slot membina tumpuan dan slot pembelajaran aktif yang diajar dalam MAP menjadikan mereka benar-benar ingin mengubah semula disiplin pembelajaran yang diamalkan selama ini. Selain itu, Iz juga menjelaskan pengisian yang diajar menerusi slot Yakin dan Berani juga amat berguna untuk diri beliau. Slot tersebut dikatakan telah mengajar teknik pengawalan diri ketika perlu bercakap dihadapan orang ramai. Kejayaan slot-slot tersebut dalam menambahkan keyakinan Iz dan Man, membuatkan mereka berazam untuk mengamalkan teknik-teknik yang diajar dalam masa yang terdekat.

“Selama ni saya tak tahu tentang akal dan nafsu. Saya tak faham tujuan akal untuk bantu kita capai kejayaan. Rupanya akal ini adalah untuk mencapai matlamat bagi melawan nafsu. Akal melawan nafsu. Contohnya, apabila nafsu minta kita tidur, tetapi akal kita halang dan kata pada diri kita yang kita ini ada matlamat, cita-cita dan azam untuk berjaya. Waktu itu, barulah saya faham.”
(Man)

“Lagi satu yang buat saya rasa MAP ini sangat bagus dan berbeza dari segi kemahiran berfikir dan belajar yang diajar. Saya rasa ia sangat berguna untuk saya. Selepas MAP, barulah saya dapat kesedaran untuk buat kerja sekolah sebab cara mengulang kaji yang dia ajar berbeza dan menarik!” (Man)

“Contohnya, sebelum ini saya memang bosan setiap kali baca buku, tetapi sekarang berbeza. Perasaan nak baca buku tu dah berbeza. Saya tak terus baca buku itu, tetapi saya akan buat soalan dulu tentang topik yang saya hendak baca itu, supaya lebih menarik. Daripada soalan itulah, saya tahu jawapan daripada pembacaan saya nanti, dan saya rasa menarik pula buku itu. Saya akan buat nota ringkas, yang membuatkan saya mudah ingat isi-isi penting. Sebelum ini saya tak pernah buat nota sebegitu.” (Man)

“Bagi saya, dalam banyak-banyak slot yang saya pelajari di MAP, ada tiga slot paling terkesan dan saya berazam untuk cuba amalkan dalam masa terdekat. Pertama, penceramah ajar waktu bila sepatutnya belajar iaitu sewaktu otak kita tengah cergas. Selama ni saya belajar ikut *mood* saya saja. Kalau tak ada perasaan nak belajar, saya tak belajar. Strategi belajar itulah yang berkesan pada diri saya. Kedua, disiplin. Kalau tak disiplinpun, tak boleh belajar. Saya nekad nak lakukan seperti yang diajar. Kita kena mulakan membaca buku dari awal lagi. Dan yang ketiga selepas itu, dia juga ajar tentang cara berdoa dan berzikir. Semua tu saya akan cuba amalkan.” (Iz)

“Oh slot Pidato pun antara yang terkesan pada diri saya juga. Saya suka sebab ia mengajar saya untuk memberanikan diri. Penceramah juga ajar bagaimana mahu hilangkan rasa gemuruh apabila berhadapan dengan ramai orang.” (Iz)

Hal yang sama juga turut diberitahu oleh informan Ani. Menjelaskan sering berasa penat mengulangkaji dan membuatkan kerja-kerja sekolah yang dibekalkan oleh gurunya selama ini, strategi pembelajaran yang diajar didapati telah mengembalikan semangat beliau bersungguh-sungguh mencapai cita-citanya. Dengan penuh teruja, Ani menjelaskan bahawa beliau telah mempelajari sesuatu yang selama ini tidak diketahui.

“Selama ni saya selalu rasa penat buat kerja sekolah. Tapi bagi saya MAP terlalu banyak dapat bantu naikkan balik semangat saya. Boleh dikatakan dalam 98 peratus daripada pengisian yang diajar. Saya rasa seronok dan tak mengantuk! Saya rasa MAP ni boleh berkesan dan bantu saya untuk capai apa saya nak.” (Ani)

Perasaan ini juga dikongsi oleh informan Ina. Beliau yang kelihatan lebih bermotivasi selepas program MAP selama dua hari tersebut, mengakui bahawa kemahiran yang diajar membuatkan MAP berbeza dengan kursus-kursus motivasi yang pernah disertai di sekolahnya sebelum ini. Menurut Ina, selama ini beliau hanya digesa untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Namun, perincian kaedah yang diperlukan oleh beliau tidak dijelaskan.

“MAP lain. Mereka ajar lebih terperinci apa yang patut saya buat untuk capai matlamat dan hala tuju saya. Sekolah tak ajar sangat perkara macam ni. Kalau ada pun, tak terperinci. Sekolah tak ajar

macam mana nak belajar dan hanya suruh kita belajar saja. Dalam MAP, ada di ajar tip-tip belajar yang boleh digunakan.” (Ina)

Selain itu, sebagaimana Iz informan Ina juga berasa amat terkesan dengan slot yakin dan Berani. Meskipun menyatakan berasa sangat takut ketika slot itu dijalankan kerana tidak yakinnya. Namun, akhirnya slot tersebut membuatkan Ina berazam untuk memperbaiki kelemahan diri yang terlalu pemalu sehingga mengganggu proses pembelajaran beliau selama ini.

“Semasa slot pidato saya rasa sangat tak selesa, takut dan malu. Waktu tu mereka menyuruh para peserta untuk bercakap di depan semua peserta lain. Dia ajar supaya kami perlu menjadi berani. Hmm.. saya kan pemalu sangat.. saya tahu saya kene berubah. Saya berazam la lepas ni tak akan malu lagi untuk bertanya bila saya tak faham apa yang cikgu ajar.” (Ina)

Berdasarkan kes para informan ini, pendedahan terhadap kemahiran yang dibekalkan melalui asas kesedaran yang betul, telah membuka minda pemikiran para informan untuk membina komitmen bagi membangunkan diri. Kesesuaian kemahiran yang dibekalkan tersebut dengan masalah yang biasa dilalui, telah meningkatkan keyakinan para informan untuk mengikat diri mereka dengan komitmen. Mereka juga didapati lebih bersemangat dan bersedia untuk berdepan dengan realiti sebenar kehidupan selepas keluar dari program.

Dalam Islam, apa yang berlaku dalam kes para informan ini adalah bertepatan dengan intipati ayat surah al-Zumar, ayat ke 9. Dalam ayat tersebut Allah S.W.T menjelaskan pengetahuan adalah perkara yang dapat membezakan tindakan dan perbuatan seorang individu. Penguasaan terhadap pelbagai kemahiran yang memberikan kesediaan terhadap kualiti suatu pekerjaan seorang individu juga telah dinyatakan dalam al-Quran. Misalnya menerusi surah al-Isra’ ayat 36, Allah S.W.T melarang manusia untuk melakukan sesuatu tanpa pengetahuan.⁶³⁷ Manakala

⁶³⁷ Al-Qur‘ān , surah al-Isra’ : ayat 36.

menerusi surah al-An'am ayat 116 pula, Allah menekankan bahawa perbuatan tanpa pengetahuan ini bukan sahaja tidak dapat memberikan kebaikan malah hanya akan membawa kepada kerosakan dan menyesatkan.⁶³⁸ Para sarjana psikologi Islam seperti Abdel Kawi dan Al-awneh dalam mengulas lebih lanjut lagi berhubung hal ini menyatakan bahawa, individu yang berpengetahuan dan berkemahiran, akan menunjukkan motivasi yang lebih tinggi untuk membangunkan diri berbanding mereka yang tidak mempunyai pengetahuan.⁶³⁹

Hal ini kerana, kaedah ini menyediakan individu dengan pendekatan preventif yang memberikan kesedaran, persediaan dan keyakinan yang jitu untuk berhadapan dengan tekanan mental dan emosi.⁶⁴⁰

Hal ini juga didapati selari dengan konsep niat yang disebut sebelum ini. Walaupun Islam mengiktiraf keihklasan niat dengan ganjaran pahala daripada Allah S.W.T., namun, ini bukan bermakna setiap individu hanya perlu berniat tanpa berusaha merealisasikan apa yang telah diniatkan tersebut. Hal ini kerana, konsep keihklasan niat itu sendiri menjelaskan bahawa, ia (niat) adalah keputusan yang bulat dan nekad seiring dengan pengetahuan dan usaha untuk melaksanakannya.⁶⁴¹ Oleh itu, dalam konteks pembinaan komitmen pembangunan diri, ia (niat) perlu bermula dengan pengetahuan tentang kepentingan membangunkan diri dan diikuti pula dengan kemahiran berkaitan yang dapat membantu pelaksanaan proses pembangunan diri tersebut.

⁶³⁸ Al-Qur'an, surah al-An'am; ayat 116.

⁶³⁹ Abdel-Kawi, Ola, and James Kale. "An Islamic perspective on the expectancy-valence theory." *The American Journal of Islamic Social Sciences* 8, no. 3, (1991), 453-460; Shafiq Falah Alawneh, Human Motivation: An Islamic Perspective

⁶⁴⁰ *Ibid.*; al-Balkhī, Abū Zayd Aḥmad ibn Sahl, *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus* (Kuwait: Dār al-Da'wah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1990). 236-287

⁶⁴¹ Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din, Kitab al-Niyyat*. 130-185

Justeru itulah, menurut Al-Ghazālī membentuk keikhlasan niat adalah kaedah yang sangat berkesan untuk menguatkan jiwa individu dalam melakukan sebarang perubahan.⁶⁴² Dalam kes-kes para informan, pembentukan hasrat dan niat yang penuh kesedaran dan keyakinan inilah yang menguatkan semangat mereka untuk melakukan perubahan.

6.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada tema-tema di atas, kajian ini menyimpulkan bahawa diri para informan dilihat sangat responsif kepada sebarang perubahan. Strategi dan kaedah yang tepat dan bersesuaian didapati dapat membantu mereka membentuk komitmen untuk membangunkan diri. Semasa dalam program, para informan bukan sahaja membawa badan fizikal mereka tetapi identiti, kepercayaan, pengangan, nilai dan kecenderungan mereka juga turut dibawa bersama. Dalam hal ini, elemen-elemen motivasi yang diberi telah digunakan untuk menilai semula diri mereka. Kesedaran berhubung dengan hala tuju hidup dan pembentukan persepsi serta keperluan terhadap beberapa kemahiran tertentu telah mendorong pembentukan komitmen diri para informan dengan membentuk hasrat untuk membangunkan diri.

Penerangan yang jelas tentang tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah, konsep ibadah, tanggungjawab kepada ibu bapa, kesedaran tentang potensi diri, realiti keadaan umat Islam seluruh dunia, cara pembentukan tanggapan dan pembentukan niat yang ikhlas dengan menepati *syariatullah* dan *sunnatullah* adalah pengisian motivasi yang banyak membangkitkan kesedaran pada diri para informan. Elemen-elemen ini didapati telah membuka pemikiran, membangkitkan rasa penyesalan, mengurangkan tekanan dan kebimbangan di samping mengembalikan semangat, motivasi dan keyakinan diri mereka.

⁶⁴² *Ibid.*

BAB 7 : PEMBENTUKAN PENGARUH MOTIVASI DALAM PROSES PERLAKSANAAN KOMITMEN PEMBANGUNAN DIRI SELEPAS MENGIKUTI PROGRAM MAP

7.1 Pendahuluan

Pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri para informan akan dapat dikenalpasti secara lebih mendalam dengan meneroka realiti kehidupan mereka setelah keluar dari program. Menerusi objektif dua dan tiga sebelum ini, kajian telah menghuraikan tentang proses pembangunan diri para informan sebelum mengikuti MAP. Kajian juga telah menunjukkan bagaimana proses tersebut mempengaruhi pembentukan komitmen para informan semasa berada dalam MAP. Dalam hal ini, meskipun mempunyai pelbagai latar belakang diri yang berbeza-beza, namun menerusi suntikan elemen motivasi yang diberi, kelima-lima informan didapati telah membentuk hasrat untuk membangunkan diri. Namun begitu, situasi sebenar pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri mereka setelah keluar daripada program MAP masih belum diketahui.

Oleh itu bagi melengkapkan penyelidikan ini, objektif keempat dilaksanakan dengan mendapatkan semula para informan, selepas enam bulan penyertaan dalam program MAP. Selain dapat mengetahui keadaan sebenar proses pembangunan diri mereka selepas keluar daripada MAP, objektif ini juga dapat mengenalpasti sama ada kedua-dua skala masa iaitu; sebelum dan semasa mengikuti MAP, turut berperanan mempengaruhi perjalanan proses tersebut. Selain itu, masalah dan cabaran yang dihadapi sepanjang dalam tempoh enam bulan ini juga, secara tidak langsung dapat diterokai.

Berdasarkan kepada kerangka teori yang dicadangkan dalam kajian ini, tempoh enam bulan selepas mengikuti MAP ini adalah fasa ke-III proses pembangunan para informan yang terdiri daripada tindakan inisiatif dan pengekalannya. Sebagaimana yang telah dijelaskan, inisiatif ini ialah apa jua

tindakan yang dilakukan oleh para informan untuk memastikan pelaksanaan komitmen pembangunan diri. Manakala tindakan pengekalannya pula adalah aktiviti yang dapat mengekalkan perbuatan tersebut sehingga menjadi sebahagian tabiat diri dan akhlak para informan. Dalam hal ini, tiga elemen *tazkiyah al-nafs* yang terdiri daripada *muhāsabah*, *mujāhadah* dan *mu'āqabah* pula adalah elemen asas yang dicadangkan untuk kelancaran tindakan inisiatif dan pengekalannya tersebut. Menerusi analisis fasa III ini, keperluan dan kepentingan tiga elemen tersebut akan turut dikenalpasti.

Berdasarkan kepada dapatan yang diperoleh, pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri para informan pada fasa III berlaku melalui dua perkara iaitu peluang dan kematangan. Kedua-dua perkara ini telah menentukan sama ada terbentuknya tindakan inisiatif dan pengekalannya dalam proses pembangunan diri mereka. Di sepanjang tempoh enam bulan selepas mengikuti MAP, terdapat pelbagai perkara dan peristiwa telah berlaku pada diri serta persekitaran informan. Kajian mendapati peristiwa-peristiwa tersebut telah membentuk 'peluang' yang menentukan keadaan motivasi seterusnya proses pembangunan diri mereka. Terdapat peluang yang meningkatkan tahap motivasi dan mendorong pembentukan inisiatif positif dan pengekalannya. Namun, dalam masa yang sama, terdapat juga peluang yang menyebabkan kemerosotan motivasi dan memberikan kesan sebaliknya. Sementara itu, kajian juga mendapati keupayaan pengendalian potensi al-ruh yang mencetuskan kematangan pula, telah mendorong keyakinan yang tinggi, nekad dan konsistensi para informan terhadap komitmen untuk membawa diri ke arah yang lebih baik.

Peluang dan kematangan yang menentukan tindakan inisiatif dan pengekalannya dalam proses pembangunan diri pada fasa III ini, akan diuraikan dengan lebih lanjut menerusi dua tema iaitu; 7.2) Peluang untuk membangunkan diri dan 7.3) Kematangan dalam membangunkan diri.

7.2 Tema Satu : Kematangan Dalam Membangunkan Diri

Dalam kajian ini, kematangan bermaksud keupayaan untuk mengurus, membangun dan menggunakan potensi al-ruh yang dimiliki dengan baik.⁶⁴³ Kajian mendapati kematangan ini adalah perkara penting yang telah membantu informan Ani dan Ina untuk terus konsisten dalam penggunaan pengisian MAP serta melaksanakan komitmen pembangunan diri yang telah dibentuk sebelum ini. Dalam kes Ani, kajian mendapati kematangan beliau dalam membangunkan diri telah terbentuk menerusi kesedaran dan keinginan yang tinggi untuk menunjukkan keupayaan seorang muslim serta bersaing dengan rakan-rakan non-muslim. Keinginan yang telah lama disemat bermula dengan hasil didikan ibunya ini, didapati semakin meningkat selepas beliau mengikuti program MAP.

“Saya nak jadi lebih baik dari sebelum ni sebab memang saya sendiri nak jadi orang baik. Banyak perubahan yang saya buat dalam tempoh enam bulan ni, sebab memang itulah diri saya yang sebenarnya. Saya tak nak tunjukkan yang tak elok pada orang, dan Islam pun tak ajar buat perkara yang tak elok.” (Ani)

“Dalam tempoh enam bulan selepas MAP ni, bila tengok rakyat Palestin yang sanggup berlawan dan menggadai nyawa untuk mempertahankan negara, saya rasa makin kuat nak belajar dan suatu hari nanti kalau dapat ke Palestin saya nak bantu mereka. Mak saya pun kata, saya ada darah orang Arab. Mak kata, kebanyakan orang Palestin ni bijak, dan sebab itulah orang Israel cemburukan mereka dan nak hancurkan Palestin.” (Ani)

“Satu lagi tentang nak bersaing. Perkara ini selalu ada dalam fikiran. Saya nak bersaing dengan rakan non-muslim. Sebab ramai pelajardalam kelas saya, bukan orang Islam. Yang bijak kebanyakan pelajar Cina, jadi saya nak bersaing dengan mereka.” (Ani)

⁶⁴³ Penggunaan perkataan kemtangan yang digunakan untuk tema ini telah dipinjam dari definisi kematangan yang diberikan oleh Uthmān Najātī.

“ Saya pun mesti kena jaga nama baik orang Islam di hadapan orang bukan Islam terutama menjaga adab, supaya orang bukan Islam tak akan anggap orang Islam ini tak beradab.” (Ani)

Sepanjang temu bual dengan beliau, Ani sering menggambarkan bahawa pengisian MAP sangat membantu dalam merealisasikan keinginannya. Bukan sahaja dari aspek meningkatkan hubungan dengan Tuhan, Ani juga memberitahu pengisian-pengisian tersebut juga telah membantu beliau menghadapi kehidupan seharian serta situasi sukar dan mencabar semasa di sekolah.

“Sebelum MAP, saya tak pentingkan hubungan saya dengan Allah sangat. Saya tak berdoa, kalau berdoa pun biasa-biasa saja, tak ada perasaan. Tetapi selepas MAP, barulah saya sedar kepentingan solat dan doa. Kalau hati tak tenteram ataupun nak buat apa-apa membuat keputusan, saya akan buat solat sunat istikharah ataupun solat sunat untuk tenangkan hati. Penceramah MAP kan ada juga tekankan doa bersungguh-sungguh. Ingatkan tentang mengingati Allah. Ingat yang takdir tu semua dah ditentukan oleh Allah, dan nasib ditentukan oleh diri sendiri. Kita boleh memilih jalan yang baik dan berusaha ke arah itu, dan selebihnya akan ditentukan oleh Allah. Perkara ni saya ingatlah.” (Ani)

“Sekarang lepas MAP, dari segi amal ibadat alhamdulillah sekarang saya lebih baik. Contohnya solat fardu saya laksanakan seperti biasa, tak tinggal. Cuma kalau sebelum ini, selepas solat isyak, saya hanya membaca surah ayat Kursi saja, sekarang saya dah tambah dengan zikir-zikir.” (Ani)

“ Slot sikap kita sebagai orang Islam pun masih lagi bagi kesan pada saya. Sebagai seorang anak kita perlu menghormati ibu bapa, doakan kesejahteraan mereka dan jangan cuba susahkan mereka. Contohnya kalau saya nakkan sesuatu benda, saya mesti akan fikir tak nak susahkan mereka, jadi saya tak bagi tahu keinginan saya tu pada mereka.” (Ani)

“Dengan kawan-kawan pun, saya masih ada guna kaedah yang MAP ajar. Bila mereka mula buat muka pelik tengok perubahan saya, saya tanya pada mereka, ‘So, what?’, Lepas tu mesti diorang akan terdiam. Disiplin sebagai pelajar kat sekolah pun, saya jaga. Saya tak sebut perkataan-perkataan kesat, selalunya saya lihat, kalau orang marah, dia selalu akan mencarut.” (Ani)

“Lepastu, kadang-kadang bila saya mula bersangka buruk pada seseorang, saya akan teringat cerita dua orang sahabat dalam slot Tanggapan tu. Bila saya teringat, saya sedar yang saya tak boleh berprasangka buruk.” (Ani)

“Lagi satu slot Pidato dalam MAP. Kalau dulu, bila saya kene bercakap di depan, saya akan bawa buku bersama untuk tutup muka, tapi sekarang tak lagi. Cuma saya lebih berani apabila dalam kumpulan, kalau seorang saja, kadang-kadang saya akan soal diri sendiri juga ‘saya boleh buat ke?’ sebab ada juga rasa takut tu. Insya-Allah saya boleh. Saya cubala. Tapi apa yang pasti, saya memang lebih berkeyakinan dari sebelum ni.” (Ani)

Keyakinan beliau terhadap MAP juga didapati semakin kuat apabila MAP dikatakan telah berjaya membantu beliau menyelesaikan tekanan perasaan untuk bercinta dengan rakan lelakinya.

“Lagi pun dah tak macam dulu. Selepas MAP tu bila fikir tentang belajar pula, perasan nak bercinta tu saya fikir semula. Saya datang ke sekolah untuk belajar, jadi perasaan tu akhirnya hilang. Sekarang tak ada lagi perasaan nak bercinta. Saya ada juga buat solat sunat waktu tu untuk hilangkan perasaan tu. Tapi, semakin lama, perasaan itu hilang sendiri sebab saya fikir, saya memang betul-betul nak lupakan dia dan lebih banyak fikirkan hal belajar. Lagipun budak lelaki itu tak belajar lagi di kelas tuisyen tu, jadi lebih mudahlah saya nak lupakan dia. Sekarang memang tak ada perasaan nak bercinta tu lagi.” (Ani)

Kesan dari keyakinan inilah, Ani sentiasa memastikan dirinya untuk terus konsisten dalam mengamalkan pengisian yang diajar oleh MAP serta melaksanakan keinginannya. Meskipun mengakui sering saja terlalai dengan matlamatnya, Ani memberitahu bahawa beliau biasanya akan melakukan sesuatu agar beliau dapat mengingatkan dirinya semula.

“Jadi saya rasa dalam tempoh ini, memang banyaklah maklumat yang saya dapat melalui buku diberikan MAP yang saya gunakan. Boleh dikatakan semua tu mungkin berkesan dalam 87 peratus. Memang dalam MAP ada diajar tentang agama. Semakin lama memang saya semakin lupa, lalai. Sebab yela, pihak sekolah pun tak titik beratkan hal agama Islam sangat kan pada para pelajar. Sebab itulah kadang-kadang saya terlupa, tapi bila cuti, saya ingat semula. Saya ada juga baca semula buku MAP tu untuk ingatkan balik.” (Ani)

Pengisian yang diajar oleh MAP telah cuba dilakukan dengan menggunakan peluang-peluang yang ada dalam persekitarannya.

“Saya juga ada amalkan berzikir dan bersedekah macam yang MAP ajar. Sedekah itukan amalan yang dapat ganjaran berterusan walaupun dah meninggal dunia nanti. Saya ada buat contohnya, mengajar orang lain, kawan-kawanpun dikira sedekah juga kan. Ilmu yang kita ajar itu, apabila mengajar orang lain, kita akan dapat pahala. Sebab itulah saya selalu mengajar kawan-kawan saya.”
(Ani)

“Saya juga ada rapat dengan seorang kawan ni. Dia solat lima kali sehari, tapi tak tutup aurat. Saya ada juga nasihatkan dia untuk tutup aurat. Dia beritahu lepas cuti akan mula tutup aurat, tak apalah saya terima saja apa dia cakap. Dari sini saya boleh ingatkan diri saya juga balik dengan agama apa, dengan apa yang MAP ajar.”
(Ani)

Hampir sama dengan kes informan Ani, konsistensi informan Ina dalam mengamalkan MAP juga didapati telah didorong oleh kematangan diri beliau. Dalam temu bual bersama dengan beliau, Ina menceritakan bagaimana beliau telah mengalami satu fasa kehidupan yang berbeza berbanding sebelumnya.

“Sebelum dan selepas MAP memang ada perbezaan, ada perubahan pada diri saya. Kesedaran saya dah meningkat sikit berbanding dulu. Dulu saya malas belajar tetapi sekarang lain, ada muncul perasaan nak Berjaya tu. Keyakinan diri pun meningkat. Selain tu, dulu saya seorang yang pemalu, sekarang kurang sikit sebab saya tak malu lagi bertanya pada cikgu bila ada perkara yang saya tak faham. Kawan-kawan pun ada nampak perubahan saya sekarang.”
(Ina)

“Memang banyak perbezaan antara kehidupan saya sewaktu tingkatan satu dan dua. Tingkatan satu, saya lebih pentingkan kawan dan kurang fokus dalam pelajaran. Sekarang saya lebih pandai pilih kawan dan lebih fokus lah dalam pelajaran. Saya dah tak berkawan dengan lima orang kawan saya tu lagi. Selalu juga saya jadi harapan untuk tolong kawan-kawan dalam subjek matematik.” (Ina)

“Dulukan kalau saya ada masalah, saya lebih banyak menangis dan pukul bantal. Sekarang saya banyak ingat Allah bila ada masalah. Saya tahu Allah akan tolong saya bila saya ada masalah. Tapi, ada juga kawan-kawan yang selalu ingatkan saya untuk ingat Allah selalu.” (Ina)

“Hmm.. Saya ingat apa MAP ajar tentang tujuan hidup dan siapa kita, terutama apabila saya nak melawan kata ibu bapa, saya akan ingat semula yang kita sebagai seorang anak kita tidak boleh melawan kata ibu bapa. Tapi terus terang saya bagi tahu, saya masih ada tinggalkan solat. Tapi jarang lah. Tak macam dulu. Dari segi kesungguhan nak buat apa Allah suruh pun dah meningkat banyak juga. Sekarang solat saya buat sendiri, mak tak perlu suruh-suruh lagi. Tapi, saya tak buatlah amalan berzikir, cuma saya memang tak buat apa yang Allah larang. Bila ada apa-apa cabaran, saya akan berdoa dalam bahasa Melayu. Selain itu, saya mengaji dan menderma juga. Mak gembiralah tengok perubahan saya.” (Ina)

Menurut Ina, perubahan yang berlaku ini adalah berpunca dari kesedaran sendiri tentang tanggungjawab yang perlu beliau galas sebagai seorang muslim, anak dan pelajar. Jelas beliau, tanggungjawab yang perlu dilunaskan ini seringkali berlegar-legar dalam pemikiran. Tambahan pula, apabila ibunya dikatakan selalu meluahkan perasaan dan hasratnya kepada beliau.

“Sebenarnya sekarang ni, hampir 90 peratus dalam fikiran saya ialah ibu bapa saya iaitu tanggungjawab saya kepada mereka sebab saya anak sulung. Emak pun selalu bercerita pada saya yang dia kecewa dan sedih sebab saya tak ikut ajaran Islam dan malas belajar. Saya pun selalu ingat tentang nak belajar, tentang agama semua tu. Jadi, inilah sebab utama perubahan dalam hidup saya.” (Ina)

Dalam hal ini, Ina memberitahu bahawa pengisian MAP telah banyak membantu dan mengingatkan tentang tanggungjawab tersebut. Menurut Ina terdapat beberapa slot yang diajar menerusi MAP dikatakan sangat berguna.

“MAP ada bantulah. Bila saya hampir-hampir nak melawan kata ibu bapa, saya terus teringat yang MAP ajar, Allah tidak membenarkan kita melawan kata ibu bapa. Pernah juga terfikir hendak melawan kata-kata mereka, contohnya apabila kawan saya ajak saya teman berjumpa dengan teman lelakinya. Pernah sekali saya teman, untuk kali kedua, saya tolak. Saya buat muhasabah diri dan tahu perkara tu salah. Saya ingat tentang kesan-kesan bercinta

sewaktu sekolah ini. Saya juga ada muhasabah macam MAP ajar tu. Masa muhasabah ni saya adalah fikir tentang solat yang tak cukup, dan tanya pada diri sendiri ‘sampai bila saya nak jadi macam tu? Dulu sebelum MAP, saya tak pernah buat muhasabah semua ni. Kalau ada pun, ntah, sikit sangatlah kesedaran tu.’” (Ina)

Ina meluahkan rasa kegembiraannya apabila pengaplikasian teknik penulisan nota serta cara berdepan dengan cabaran rakan-rakan yang diajar oleh MAP telah berkesan kepada beliau. Selain itu, Ina juga memberitahu slot Palestin adalah slot yang tidak pernah dilupakan. Kesan daripada slot tersebut, Ina menjelaskan bahawa beliau semakin berminat untuk cakna dan mendalami tentang kehidupan rakyat Palestin. Dari sini juga, beliau lebih insaf dan berusaha menjadi muslim yang lebih baik.

“ Saya memang masih ingat apa MAP ajar tu, terutamanya berkaitan agama seperti ‘Bangkit Islam Bangkit’, Palestin, tentang ibu bapa dan kaedah ‘*So, what?*’. Cara buat nota seperti yang diajar MAP tu pun memang sangat berguna pada saya! Kalau kawan-kawan mengacau saya atau peril-perli saya, saya akan sebut ayat yang diajar dalam MAP iaitu, ‘*So what?*’” (Ina)

“Tentang Palestin yang MAP ajar tu pun masih ada beri kesedaran pada saya terutama bila penceramah sebut yang kita orang Melayu Islam yang mundur. Satu lagi, yang saya masih ingat juga bila kita tak dapat menghabiskan makanan, ingat suasana di Palestin. Bagaimana rakyat di sana, makan ataupun tak? Slot ni juga buat saya jadi suka membaca isu agama, isu Palestin. Saya biasanya akan cari maklumat di internet berkaitan Palestin. Bila saya dapat tahu lebih dalam, saya rasa sedih dan lebih insaf.” (Ina)

Walau bagaimanapun, menurut Ina tanpa kesedaran yang diberi melalui dorongan orang-orang di sekelilingnya, mungkin beliau masih lagi seperti dahulu dan mungkin tidak dapat mengamalkan MAP.

“Tetapi banyak perubahan saya ni pun sebab ramai orang juga yang selalu ingatkan saya untuk buat perkara kebaikan yang disuruh dalam Islam seperti ustaz, nenek dan kawan-kawan.” (Ina)

“Solat sunat hajat contohnya ada diadakan di sekolah dan pernah saya buat sendiri sewaktu adik dimasukkan ke hospital. Itu pun nenek yang suruh.” (Ina)

“Di sekolah, ustaz mengajar subjek pendidikan Islam dan pernah kata sekiranya pintu taubat sudah tertutup, kita tak sempat lagi bertaubat. Sebagai contoh apabila kita derhaka kepada ibu bapa. Jadi, kita perlu sedar kalau ada membuat kesalahan dan perlu bertaubat. kesedaran ini saya dapat daripada ustaz dan bukannya MAP.” (Ina)

Menurut Elkind, remaja dikatakan matang apabila mereka mula dapat mengetahui dan memahami fikiran dan perasaan orang lain serta rasa empati pada keadaan sekeliling.⁶⁴⁴ Bersetuju dengan pendapat tersebut, perspektif Islam melihat apa yang disebutkan oleh Elkind ini adalah salah satu aspek kematangan yang berlaku di atas kebijaksanaan remaja menggunakan potensi al-ruh mereka. Bukan sekadar dapat memahami fikiran dan perasaan orang lain, malah kematangan dalam Islam juga ialah kesedaran yang membentuk kepercayaan terhadap Tuhan, agama dan tujuan sebenar kehidupan. Dalam kes informan Ani dan Ina di atas, mereka dilihat mempunyai kematangan kerana kedua-dua informan ini didapati mempunyai rasa tanggungjawab terhadap peranan yang perlu digalas sebagai seorang muslim, anak dan juga pelajar. Setelah telah enam bulan berlalu, mereka masih lagi dapat mengekalkan kesedaran tentang tanggungjawab tersebut.

Kesukaran perlaksanaan suatu komitmen pembangunan diri berbanding penetapan hasrat dalam pembinaan komitmen telah diperakui oleh para sarjana muslim.⁶⁴⁵ Pada fasa ini, para informan bukan hanya perlu berazam, tapi perlu melaksanakan azamnya. Pelbagai cabaran dan masalah terpaksa dihadapi pada fasa ini. Menurut Al-Ghazālī, kekuatan dalaman adalah perkara yang diperlukan untuk merangsang kesabaran dalam proses pembangunan diri.⁶⁴⁶ Dalam kes Ani dan Ina, meskipun mengakui telah melalui proses pembangunan diri yang mencabar, namun kematangan ini didapati telah menjadi pendorong utama serta menjadi sumber

⁶⁴⁴ Elkind, D., Egocentrism in Adolescence. *Child Development*, 38, (1967), 1025-1034

⁶⁴⁵ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Jil. 3 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986), 506-588; Miskawayh, Abū 'Alī Aḥmad ibn Muḥammad, *Tahdhīb al-akhlāq* (Beirut: Dār al-Maktabah al-Ḥayyāh, 1961). 233-437

⁶⁴⁶ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*, 93

kekuatan dalaman mereka untuk konsisten dalam pelaksanaan pengisian MAP melalui pelbagai ruang yang ada dan melaksanakan komitmen yang telah dibentuk.

Hal ini kerana, dari perspektif Islam, kematangan ini adalah intipati asas dalam pembinaan iman kepada Allah S.W.T. yang merangsang kegigihan dalam melahirkan ketaatan.⁶⁴⁷ Sebagaimana yang dijelaskan oleh Alawneh.⁶⁴⁸

This (iman) then is the basis and the energizing forces for all motivation. Its functions include activating behavior, maintaining behavior, in addition to screening behavior and purifying it from all impurities. Iman comprises the strong Islamic base for directing ,re-educating and influencing man's in this life.

Justeru itulah, dalam kes informan Ani dan Ina, kematangan yang dimiliki telah menyebabkan mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan diri melalui pelbagai inisiatif. Dengan kematangan yang membina iman ini, mereka bukan sahaja membina rasa kepercayaan yang tinggi pada diri, malah mereka juga percaya dengan kepentingan pencapaian matlamat sebagai seorang hamba muslim dan keupayaan MAP dalam membantu pencapaian matlamat tersebut. Amilah Awang dalam mengulas berhubung perkara ini menyatakan bahawa 'kepercayaan' dan 'usaha' untuk bertindak adalah dua perkara yang saling berhubungan. Tanpa kepercayaan yang tinggi seorang individu tidak akan mempunyai kesungguhan untuk mengusahakan sesuatu perkara.

Jelas beliau :⁶⁴⁹

If one were to possess will power but not guided by proper faith, he/she would not cease making effort until he/she reaches a dead end in life.

⁶⁴⁷ A. Abu Sulayman, "Guiding Light: Selection from the Holy Qur'ān," *The American Journal of Islamic Social Sciences* 4, no.2, (1987), vii. Potensi al-ruh yang dibangunkan dengan baik akan membangkitkan kesedaran akal yang membentuk rasa kepercayaan dan keyakinan mendalam tanpa sebarang syak atau ragu-ragu.

⁶⁴⁸ Shafiq Falah Alawneh, *Human Motivation : An Islamic Perspective*, 220.

⁶⁴⁹ Amilah Awang, *Moral and Ethical Concept in Islam* dalam (ed.) Fatimah Abdullah, *Islamic Ethics and Character Building*, 91

Secara teknikalnya, menurut konsep proses pembentukan tingkah laku, bermula dengan kematangan remaja akan terdorong membentuk inisiatif dan sentiasa menilai hasil setiap inisiatif tersebut di dalam sistem pemikiran mereka.⁶⁵⁰ Remaja akan merasa puas sekiranya penilaian mereka mendapati hasil perbuatan tersebut menepati kehendak yang disasarkan.⁶⁵¹ Dengan tahap kepuasan yang tinggi, remaja mula membina kepercayaan seterusnya membentuk kecenderungan untuk mengekalkan perbuatan tersebut.⁶⁵²

Konsep ini juga didapati selari dengan kaedah 'rawatan praktikal' yang pernah diketengahkan oleh Al-Ghazālī dalam mengatasi masalah sikap dan akhlak.⁶⁵³ Menerusi kaedah ini, masalah sikap dan akhlak ini perlu diatasi daripada puncanya. Kegigihan usaha dan tindakan berterusan dalam memperbaiki diri adalah perkara yang dapat menghapuskan punca masalah tersebut, seterusnya membina sikap dan akhlak yang baik pada diri individu.⁶⁵⁴ Hal ini berlaku disebabkan oleh hubungan yang wujud antara jiwa dan jasad manusia.⁶⁵⁵ Abul Quasem menjelaskan :⁶⁵⁶

The action in which perseverance is necessary in order to get rid of a vice should be such that its effect will counter the cause of the vice. It should also be contrary to the action which proceed from the vice. Thus to remove the trait of miserliness from the soul, needs to be repeated for along time. As a result of perseverance in the opposite action, the vice will be affected from the soul, and its opposite quality which is a virtue will be established.

⁶⁵⁰ Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, *Al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1981). 173.

⁶⁵¹ Fleig, Lena, Sonia Lippke, Sarah Pomp, and Ralf Schwarzer. "Exercise maintenance after rehabilitation: How experience can make a difference." *Psychology of Sport and Exercise* 12, no. 3 (2011): 293-299.

⁶⁵² Ibid.; A. Abu Sulayman, "Guiding Light: Selection from the Holy Qur'ān," vii.

⁶⁵³ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Jil. 3 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986), 506-588.

⁶⁵⁴ Ibid.

⁶⁵⁵ Sebagaimana yang pernah dijelaskan sebelum ini, jiwa dan jasad adalah dua entiti asas penciptaan manusia yang sentiasa saling berhubungan. Setiap perbuatan yang dilakukan menerusi jasad, akan memberi kesan pada jiwa (kepuasan dan kepercayaan). Pengulangan dalam melakukan perbuatan tersebut akan menguatkan lagi kesan tersebut, seterusnya membentuk tabiat spontan individu (melalui pergerakan jasad).

⁶⁵⁶ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*

Dalam kes Ani dan Ina, kaedah inilah yang menjelaskan bagaimana konsistensi diri mereka berlaku. Dalam masa mereka gigih untuk memperbaiki diri melalui pelaksanaan MAP, mereka juga sebenarnya mula menilai hasil tindakan mereka tersebut. Jiwa mereka merasa puas apabila mendapati pelaksanaan MAP tersebut telah membawa kesan positif pada diri mereka. Keadaan ini menambahkan kepercayaan mereka terhadap MAP dan mendorong konsistensi dalam pelaksanaannya.

Justeru itulah dalam konteks keimanan, Islam menekankan bahawa ia (iman) bukan hanya sekadar pengakuan pada lidah, tetapi ia juga adalah kepercayaan di dalam hati dan pelaksanaan melalui anggota. Malah, seorang individu belum dapat dikatakan memiliki iman yang sempurna, melainkan setelah benar-benar dibuktikan menerusi kegigihan amal perbuatan.⁶⁵⁷ Hal ini menunjukkan dalam proses pembangunan diri, kematangan yang mencetuskan keimanan ini mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan kegigihan amal perbuatan informan Ani dan Ina.

7.3 Tema Dua : Peluang Untuk Membangunkan Diri

Peluang dalam tema ini membawa maksud apa jua perkara sama ada berpunca dari persekitaran mahupun dari diri informan sendiri yang menentukan bagaimana pengaruh motivasi berlaku dalam proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri para informan. Berdasarkan kepada data temu bual, terdapat beberapa perubahan positif yang berlaku dalam proses pembangunan diri para informan. Namun begitu, hampir semua perubahan diri mereka didapati berlaku atas dorongan faktor lain selain daripada MAP. Perkara ini jelas ditunjukkan menerusi kes informan Man, Ira dan Iz.

⁶⁵⁷ Al-Qur'ān , al-Hujurat: ayat 14, Al-Ankabut : ayat 2-3

Dalam kes informan Man, beliau memberitahu bahawa terdapat beberapa perubahan telah berlaku di sepanjang tempoh enam bulan selepas program MAP tersebut. Man memulakan kisah perjalanan hidup dalam tempoh tersebut berhubung dengan perubahan pada cita-cita beliau. Menurut Man, pengalaman yang dilalui telah mendorong perubahan itu.

“Cita-cita saya menjadi tentera laut pun sudah berubah sedikit sebab dalam universiti kan ada major dan minor. Sebenarnya saya dapat ilham dari pengalaman menghadiri satu kem anjuran sekolah. Salah satu aktiviti dalam kem itu, saya diminta berlakon watak utama. Mula-mula memang saya menggigil, tapi akhirnya saya mula rasa gembira. Saya rasa saya bukan berlakon, tetapi saya sedang bergembira. Jadi, saya rasa, saya mula minat berlakon. Masuk universiti nanti, saya akan ambil major tentera, dan minor bidang kebudayaan. Saya rasa, saya minat kebudayaan. Daripada situ, teknik komunikasi meningkat dan kita lebih berani bercakap. Contohnya dalam temu duga nanti, kita lebih tahu berkomunikasi dengan berani dan tidak menggigil lagi. Dulu, memang saya menggigil juga, tetapi biasalah itu. Siapa yang tak menggigilkan ?”
(Man)

Menyentuh soal pengalaman ini juga, Man melanjutkan lagi ceritanya tentang pengalaman yang dilalui pula dengan rakan-rakannya. Man memberitahu bagaimana persepsi beliau dalam hubungan dengan rakan-rakan juga telah turut berubah.

“Enam bulan yang lalu, sayakan selalu kecewa disebabkan orang yang tak tahu menghargai saya. Tapi semua tu pengalaman yang saya belajar. Kalau kita tolong seseorang, jangan harapkan apa-apa balasan. Kalau dia berpaling tadah dan tak menghargai apa yang kita lakukan, kita buat biasa saja. Saya taklah sampai selalu fikir tentang ganjaran pahala semua tu. Cuma, kalau kita rasa apa yang kita buat itu baik, kita buat sajalah. Sama juga macam kalau kita nak tolong orang tua buka pintu contohnya, sebab mereka tak berupaya, kita tolonglah. Tapi waktu tolong tu, jangan harapkan apa-apa. Itu saja. Dalam masa yang sama, kita dapat juga pahalakan? Sekarang ni, kalau saya buat apa-apa saya tak nak fikir sangat. Kalau boleh tolong, saya tolong. (Man)

Ketika ditanya tentang apakah faktor yang mendorong perubahan sikap beliau dalam tempoh tersebut, Man memberitahu semuanya berpunca dengan tabiat beliau sendiri yang gemar menilai setiap perkara dan peristiwa yang berlaku dalam

persekitaran. Menurut Man dari dahulu lagi, beliau sememangnya seorang yang gemar menilai dan berfikir secara mendalam tentang sesuatu perkara. Dengan tabiat ini, banyak perkara yang dapat pelajari dari pengalaman beliau dan perkara tersebut diadaptasikan dalam kehidupannya.

“Perkara ni.. macam yang cikgu saya pernah ajar. Biasanya sebelum kita ambil peperiksaan, kita lihat draf prestasi kita dulu untuk tahu subjek apa yang kita perlu lebih fokus. Ada yang rendah, ada yang tinggi. Yang rendah tu, bukan bermakna akan kekal rendah. Bagi saya macam tu juga dengan diri kita. Kita boleh berubah dan belajar melalui pengalaman hidup. Daripada situlah saya sedar, dan betullah apa yang cikgu cakap itu.” (Man)

“Biasanya, saya memang suka apabila berlaku sesuatu, saya cari punca masalah itu. Saya suka belajar daripada permasalahan orang lain, dan daripada situlah saya belajar memperbaiki diri sendiri. Saya mendapat pengalaman baru. Daripada situ jugalah saya tahu perkara positif dan negatif. Apabila saya lihat orang itu tak baik, saya pun sedar, saya tidak boleh menjadi seperti itu. Dan kalau daripada pengalaman sendiri, saya belajar, dan saya tahu saya tak boleh ulangi lagi perkara tu. Selain tu, saya akan cuba mengelak daripada melakukan sesuatu yang dirasakan akan bawa kemudatan kepada saya. Kalau saya tengok sesuatu yang baik pula, saya tahu saya patut lakukan juga perkara baik itu.” (Man)

“Contohnya, di sekolah, saya tak menyukai seorang cikgu, tapi saya tak tahu puncanya. Saya berjumpa seorang ustaz, dan beritahulah ustaz yang saya tak suka cikgu tu. Ustaz pun cakap saya ni suka berfikir mendalam sangat. (ketawa) Hmm... tetapi saya tetap fikirkan hal itu dalam-dalam, kenapa saya tak suka cikgu itu, apa salah cikgu itu? Akhirnya saya tahu kenapa saya tak suka. Cikgu itu, memanglah orang tua. Tetapi yang buat saya tak suka, cikgu tu suka bercakap tanpa berlapik. Cakap lepas saja. Contohnya, saya pernah lihat cikgu tu menegur seorang budak nakal di sekolah. Cikgu itu cakap, ‘Kamu ini bodoh sangat, nak jadi apa?’ Pada pendapat saya, memanglah dia jahat, tetapi tidak selamanya dia akan menjadi jahat. Dia pun ada perasaan. Kalau cikgu itu tegur dengan cara macam tu, dan tentu akan buat pelajar tu ulang balik perbuatan dia. Satu lagi, dulu ada seorang pengetua sekolah ni, tapi hanya dua tahun saja jadi pengetua. Dia terlalu tegas dan cakap lepas juga. Mungkin dia memang macam tu sejak daripada sekolah lama lagi. Kalau bercakap sewaktu perhimpunan, terpaksa semua pelajar duduk bersila 30 minit untuk mendengar apa yang dia cakap. Sudahlah panas, tak selesa pula tu.” (Man)

“Saya juga tak suka tengok cara sesetengah ibu bapa melayan anak-anak, dan cara anak-anak melayan ibu bapa. Saya juga tak suka tengok cara sesetengah guru-guru mengajar, cara guru-guru respons terhadap murid-murid dan tak suka melihat cara murid-murid respons kepada guru-guru.” (Man)

Begitu juga berhubung dengan pemahaman agama beliau dalam tempoh enam bulan tersebut. Man menjelaskan beliau juga merasa lebih mudah untuk menambahkan pengetahuan agama kerana adanya rakan-rakan dan guru agama yang sering menjadi tempat rujukan tentang ilmu tersebut.

“Dalam masa ni, saya banyak tahu sesuatu itu baik ataupun tidak berpandukan hadis dan al-Quranlah. Saya tak perlu bersusah sebab saya ada kawan yang mahir jugak bab agama. Saya berkawan dengan Arif dan Irfan. Mereka baik dan saya banyak tanya pada mereka. Saya juga ada bertanya kepada ustazah. Tapi kalau pendapat yang diberi kawan-kawan berbeza, saya akan beli buku berkaitan sesuatu yang saya mahu tahu tu. Tapi biasanya saya lebih banyak bertanya kepada kawan-kawan dan ustazahlah sebab mereka lebih dekat dengan saya dan senangkan!” (Man)

Sehubungan itu, Man memberitahu bahawa MAP bukan sebab yang membawa kepada perubahan-perubahan positif diri beliau. Malah menurut Man, azam yang telah disemat semasa keluar dari MAP juga tidak diamalkan. Walaupun pernah membuka buku modul MAP iaitu tiga bulan selepas MAP, namun menurut Man hanya sekali itu sahaja ia berlaku kerana pada ketika itu terdapat teknik MAP yang dirasakan perlu untuk digunakan dalam peperiksaan. Setelah diingatkan semula tentang pengisian MAP tersebut, Man mengakui bukan sahaja sudah terlupa hampir kesemua pengisian, tetapi beliau juga tidak dapat merasakan kepentingan slot tersebut kepada diri beliau.

“Hmm.. jadi bagi saya, semua yang saya belajar kebanyakan daripada pengalaman hidup saya sendiri. Ada yang diajar oleh ustazah, daripada mata pelajaran di dalam kelas dan kursus motivasi yang saya ikuti. Tetapi pada pendapat saya, MAP dah tak bagi apa-apa kesan pada saya, kecuali program motivasi yang saya sertasi semasa darjah enam tu.” (Man)

“Selepas keluar dari MAP tu, adalah sekali saya selak balik buku MAP tu masa nak dekat pereksa ujian Mac. Tapi sekali tu sajalah. Lepastu tak buka dah. Saya bawa buku tu ke dewan peperiksaan. Saya nak tahu pasal teknik membaca. Sebelum peperiksaan masa tu, saya bacalah buku tu untuk tahu bagaimana cara mencari isi-isi penting dalam karangan atau petikan. Dalam peperiksaan PT3, ada soalan dia minta kita keluarkan isi-isi penting berkaitan kesan buli kepada budak sekolah. Tetapi teknik nota yang MAP ajar tu saya tak amalkan pun.” (Man)

“Terus terang saya bagi tahu memang saya dah tak ingat apa yang MAP ajar. Yang saya azamkan dulupun saya tak buat. Sama juga seperti ‘Bangkit Islam Bangkit’, Palestin, dan fungsi akal dan nafsu, itu semua tu saya tak amalkan.” (Man)

“Sekarang ni saya rasa slot ibu bapa yang diajar tu pun macam lebih kurang saja dengan apa yang diajar sewaktu kem darjah enam. Waktu slot MAP tu, saya tak boleh menangispun. Sebab perkara itu pernah saya buat semasa darjah enam dulu. Jadi, slot ibu bapa tu tak terlalu berikan kesan kepada saya. Kalau di kem sewaktu darjah enam, seingat saya memang ia beri kesan mendalam.” (Man)

“Slot sikap, yang *trainer* koyak kertas kerja sekolah diberi tu pun tak beri kesan kepada saya. Entah. Mungkin sebab masa itu saya tak ada perasaan pun bila tengok. Bila saya tengok dia koyakkan kertas tu, saya cuma rasa oh mungkin hasil kerja saya tak bagus. Tapi, sekarang saya rasa memang tak beri apa-apa kesan kepada saya.” (Man)

“Slot tanggapan? (terdiam) Hmm... oh, saya ingat, tapi tidak jelas sangatlah. Sebab saya tak fokus sangat kot waktu itu. Maaf, Saya tak ingatlah!” (Man)

Meskipun demikian, Man ketika itu memberitahu sesi temu bual dengan pihak pengkaji telah mengingatkan beliau semula tentang pengisian-pengisian MAP tersebut. Dari sini Man menyatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang biasa dilakukan dalam tempoh enam bulan tersebut dirasakan selari seperti apa yang diajar menerusi MAP.

“Saya memang tak ingat MAP tu. Lepas diberitahu semula ni baru saya ingat balik. Bila saya fikir-fikir semula, saya ada juga buat macam MAP ajar tu secara tak langsung la. Contoh macam muhasabah diri. Biasanya kalau saya terlajak bergurau dengan kawan dalam kumpulan saya yang nampak sensitif, saya memang akan fikir-fikir semula. Daripada situ saya muhasabah diri lah kan?”

Saya cuba bergurau dengan dia, ikut masa sebab dia sensitif orangnya.” (Man)

“Satu lagi contohnya, kalau tak dapat gred A, saya akan cuba lagi. Saya tak akan fikir yang negatif. Kalau saya dapat gred C, saya akan cuba sebaik mungkin untuk dapat gred B pula. Dalam slot tanggapanpun macam tulah yang diajarkan? Kalau kita berfikiran negatif, hasil akan negatif juga. Kalau fikir positif, kita akan dapat hasil yang positif. Tetapi perkara ini saya memang belajar dari pengalaman sendiri, bukan dari MAP.”(Man)

Man tidak menafikan MAP telah memberikan sesuatu yang bermanfaat. Dengan ini beliau masih lagi terbuka untuk menggunakannya pada masa akan datang.

“Saya tak kesah kalau nak guna apa MAP ajar ni pada masa akan datang. Selagi ada ilmu, saya akan terima saja. Contoh seperti satu slot yang memasang video tentang pelajar yang bercita-cita untuk menjadi setiausaha sulit PM tu, dulu dia gangster. Mungkin saya akan guna slot itu untuk didik anak-anak saya suatu hari nanti. Daripada slot itu juga, saya belajar untuk tidak berputus asa iaitu jangan berputus asa untuk didik anak-anak saya nanti. Saya suka perhatikan untuk diri sendiri. Sewaktu besarkan anak saya nanti, mungkin saya nak dia jadi seperti yang saya nak. Kalau anak saya tu gangster orangnya, perasaan saya sebagai seorang ayah pada dia tetap tak akan berubah. Saya akan cuba untuk ubah dia jadi yang lebih baik.” (Man)

“Saya rasa saya akan gunakan teknik membaca dan nota itu. Saya akan simpan dan gunakan sewaktu belajar di universiti nanti, walaupun tak guna lagi sekarang. Tentang Slot ‘Bangkit Islam Bangkit’ itu tadi (selepas diingatkan semula) , tiba-tiba saya rasa ada banyak keinginan, seperti saya nak bina sebuah sekolah dan menjadi cikgu. Jadi, sebelum buat keputusan nak jadi cikgu, saya perlu tengok orang lain dan saya akan buat lebih baik daripada mereka. Bila saya lihat cikgu mengajar, saya nak mengajar lebih baik supaya murid-murid mendapat cikgu yang terbaik. Daripada pengalaman yang saya ada, saya nak buat sesuatu yang lebih baik untuk semua orang dan Islam.” (Man)

Sebagaimana Man, perubahan diri yang positif juga banyak berlaku dalam kes informan Ira. Menurut Ira, beliau kini lebih yakin dengan diri beliau dan tidak lagi malas seperti enam bulan yang lalu. Beliau banyak berusaha melawan perasaan-perasaan negatif sekiranya ia terlintas dalam pemikiran.

“Perubahan selepas MAP ada sedikit tu dari segi pelajaran. Sekarang saya ada membeli dan membaca buku bahasa Inggeris. Selalu saya cakap pada diri, ‘saya boleh buat’. Selain tu, saya juga rasa lebih yakin pada diri sendiri. Kalau solat pula, saya tak malas

lagi, bangun pagi untuk solat subuh, dan solat isyak berjemaah. Saya juga ada tolong ibu kemas rumah.” (Ira)

“Agama pun saya rasa sangat penting sekarang. Contoh, kalau ibu bapa hantar kita duduk di asrama, kita perlu tentukan sendiri dengan siapa kita berkawan, dan bukan berkawan sesuka hati saja. Kita perlu cari kawan yang lebih baik. Kawan yang baik ni macam kawan yang jaga solat diorang.” (Ira)

Ira tidak menafikan bahawa terdapat cabaran yang perlu dihadapi untuk melakukan perubahan. Terutamanya cabaran dari rakan-rakan di sekolah. Bagi Ira, dalam situasi begini, pergantungan kepada Tuhan penting kepada beliau.

“Banyak cabaran juga nak berubah ni sebenarnya. Contoh macam sekarang ni, saya susah nak bagi tumpuan masa belajar dalam kelas. Pelajar lain suka sangat bising dalam kelas. Jadi bila diorang bising, saya susah nak belajar. Tapi bila diorang dah senyap, saya pula yang terfikir macam-macam tentang masalah saya. (ketawa) Tapi saya cuba juga la cepat-cepat lupakan.” (Ira)

“Kadang-kadang waktu saya nak tumpukan pada pelajaran, cikgu pun bagi tahu yang perkara itu penting tetapi entah kenapa, saya rasa susah sangat nak faham dan belajar. Waktu tu saya selalu kata dalam hati dan minta pertolongan Allah. ‘Ya Allah, tolonglah saya’. Pelajar-pelajar bising, memang saya sakit hati! Terasa nak jerit pun ada masa ni. Diorang tu macam memang tidak boleh senyap duduk diam. Saya pun kata di dalam hati, ya Allah tolonglah. Terasa macam nak menangis. Di dalam kelas tu sebenarnya ada yang pandai dan sederhana saja dalam pelajaran. Tapi entahlah, mereka suka membuat bising, seperti sengaja sahaja mahu kelas sentiasa bising. Benda ni cabaranlah.” (Ira)

Walau bagaimanapun sebagaimana Man, Ira juga menjelaskan pemahaman beliau terhadap agama serta perubahan-perubahan positif yang lain bukan disebabkan oleh MAP. Ira didapati masih berpegang dengan persepsi lama dan tidak percaya dengan keupayaan program-program motivasi. Merasakan MAP tidak memberi kesan positif pada diri beliau, Ira menganggap pengisian MAP sama seperti program-program motivasi lain yang pernah diikuti sebelum ini.

“ MAP pada pendapat saya langsung tak beri apa-apa perubahan pada saya. Selama ni saya lebih banyak membaca seperti buku hadis. Buku-buku tu yang mengajar saya lebih mendalam tentang Islam. Dari situ saya tahu apa yang boleh dan yang tak boleh dibuat. Jadi, pendapat saya, MAP tak beri kesan pada saya.” (Ira)

“Saya rasa MAP ni biasa saja pengisiannya. saya sudah banyak ikut kem-kem di sekolah, dan MAP saya rasa sama seperti kem yang saya pergi tu. Jadi saya berpendapat, kebanyakan perubahan saya lebih kepada usaha saya sendiri sebenarnya.” (Ira)

Ira bukan sahaja tidak mengamalkan apa yang diajar oleh MAP, malah beliau langsung tidak dapat mengingati intipati pengisiannya. Bagi Ira pengisian MAP berhubung dengan kaedah pembelajaran dan penulisan nota yang di ajar juga tidak sesuai dengan beliau.

“Jangan tanya saya tentang apa MAP ajar, saya memang dah tak ingat langsung! Kaedah belajar seperti yang diajar dalam MAP agak leceh. Pada saya kalau ada sesuatu perkara atau fakta yang saya nak ingatkan, saya akan terus saja simpan dalam fikiran. Tetapi kalau rasa seperti susah nak ingat, saya akan catat saja dalam buku perkara tu. Taklah saya nak buat nota kecil,ringkas, macam yang diajar. Sebab pada pendapat saya, cara itu agak leceh.” (Ira)

“ Masa selepas MAP baru saja tamat, memanglah waktu tu saya ingatlah juga apa diajar. Saya rasa bersemangat juga nak berubah. Tapi lama-lama, saya sudah lupa. Kalau kita nak tahu sesuatu, saya lebih suka guna pendekatan yang baru, kita belajar benda baru. Perkara yang lama saya biasanya saya tak berminat dan susah saya nak ingat.” (Ira)

Begitu juga dari segi mendapatkan bahan-bahan bacaan untuk menambah pengetahuan. Ira memberitahu beliau lebih tertarik dengan kaedah kaedah-kaedah pembelajaran yang mudah dan lebih memberi keseronokan kepada diri beliau.

“Saya lebih suka yang perkara-perkara yang kelihatan menarik epada saya. Tentang cara pembelajaran dan mendapatkan bahan-bahan agama, kalau buku itu nampak menarik dan seronok, saya baca. Cuma ada juga buku-buku yang nampak seronok, tapi saya malas nak baca. Semua itu bergantung juga lah pada keadaan. Kalau saya tak ada perasaan nak membaca, tapi dipaksa juga, saya memang jadi tidak bersemangat. Kalau dulu, saya kurang membaca buku agama. Kalau ada kawan-kawan memberitahu yang buku itu menarik, contohnya buku tentang jin, saya rasa seronok, jadi saya

pun pinjam. Saya suka baca buku yang mencabar seperti buku yang berkaitan benda-benda ghaib seperti hantu (ketawa).” (Ira)

Ira menceritakan keseronokan beliau mengulang-kaji buku-buku hadith bersama ahli keluarganya.

“Ayah ada beli buku hadis yang agak tebal. Biasanya, kalau ayah dan ibu ada di rumah selepas maghrib, saya akan baca dan terangkan tentang hadis di dalam buku itu. Baru tahun ini kami sekeluarga mula baca hadis selepas solat maghrib, hmm... kalau tak silap, mungkin dalam bulan Mac tahun ini.” (Ira)

Ketika menyentuh tentang aktiviti membaca kitab hadith tersebut, Ira tiba-tiba teringat tentang konflik kekeluargaan yang pernah dialami sebelum ini. Ira memberitahu konflik tersebut sudah semakin berkurangan. Tidak seperti sebelum ini, Ira merasakan hubungan beliau dengan ibu bapanya juga semakin rapat dan baik.

“Oh, duluan saya dan ayah taklah terlalu rapat sebab kami selalu bergaduh. Sekarang ni, tak tahu kenapa tiba-tiba kami okey. Saya ada masuk pertandingan silat dan sewaktu bertanding kaki saya terpelecek. Bila saya beritahu ayah, tak macam dulu, ayah terus urut kaki saya. Saya rasa sekarang ayah dah lebih memahami saya. Kalau dulu memang ayah langsung tak ambil peduli kalau saya mengadu sakit. Bila saya mengadu kaki saya sakit lagi, ayah buat tak tahu saja.” (Ira)

Jelas Ira, pengajian buku-buku hadith bersama keluarga dan hubungan yang baik dengan ibu bapa ini telah membuatkan hidup beliau lebih bermakna. Menurut beliau, hubungan kekeluargaan yang semakin rapat melalui inisiatif ibu bapa dan ahli keluarganya itulah punca yang banyak membawa kesan perubahan kepada diri beliau. Ira juga memberitahu banyak ilmu agama yang dipelajari dan dapat digunakan melalui pengajian buku hadith tersebut. Beliau juga berasa bangga apabila sering diberi peluang untuk mengetuai sesi pengajian tersebut dengan membacakan intipati pengisiannya.

“Kehidupan sekarang dah lain, saya rasa sangat gembira. Macam aktiviti yang dibuat setiap kali selepas solat maghrib tu, biasanya dalam pukul 7.30 petang. Selepas solat, kami akan berselawat dan

membaca doa. Selepas habis membaca doa, saya ambil buku dan baca. Biasanya saya yang akan bacakan isinya, saya akan terangkan pula tentang apa yang saya baca. Setiap hari begitu. Bila saya baca, barulah saya tahu semua sunnah Nabi Muhammad S.A.W. berkaitan dengan perkara yang disuruh dan tak disuruh dalam Islam. Dari sini saya banyak belajar dan guna dalam hidup sehari-hari” (Ira)

Namun begitu, masih sama seperti enam bulan yang lalu, Ira memberitahu bahawa beliau sangat jarang melakukan *muḥāsabah* diri dan ibadah-ibadah sunat seperti doa dan bangun bersembahyang malam. Bagi Ira, tiada sebab kukuh atau tekanan menghimpit yang dapat mendorong beliau untuk melakukan amalan-amalan tersebut.

“Tapi bermuhasabah diri tu memang saya tak ada buat sama macam dulu. Kecuali kalau tiba-tiba saya teringat tentang satu perkara tu. Tapi selalunya saya tak sengaja teringat tentang perkara tu, terutama bila saya susah nak tidur. Masa ni akan timbul rasa menyesal dan ada juga saya rasa kelakar apabila teringat tentang perkara itu. Tapi kalau secara sengaja nak buat muhasabah tu memang saya tak buat.” (Ira)

“ Nak berdoa bersungguh-sungguh, bangun malam untuk solat sunat tu saya tak buatlah. Bukan apa, sekarang ni mak ayah saya pun dah kurang marah saya. Jadi, sebab tu saya kurang buat semua tu. Saya rasa tak ada benda rumit dan masalah untuk dorong saya buat. Kalau solat, saya doa biasa-biasa sahaja.” (Ira)

Di akhir temu bual, Ira memberitahu bahawa paksaan ibu bapanya dahulu supaya beliau menyertai program MAP tidak membawa faedah pada dirinya. Sehingga saat itu, beliau masih tidak berminat untuk menggunakan apa yang diajar oleh MAP. Menurut Ira banyak lagi sumber-sumber lain yang boleh digunakan untuk membangunkan diri beliau.

“ Tentang MAP tu... mak ayah saya yang suruh saya pergi. Kebetulan kem itu diadakan sewaktu cuti sekolah. Saya rasa penat, sepatutnya waktu cuti tu saya berehat. Tiba-tiba kena pergi pula, jadi saya rasa buat pun kerana terpaksa. Jadi memang tak ada perasaan mahu belajar perkara baru waktu tu. Saya rasa saya dah tak nak guna lagilah apa MAP ajar, banyak lagi sumber-sumber lain yang saya boleh guna untuk belajar dan ubah diri ” (Ira)

Berbeza dengan Man dan Ira yang merasakan banyak perubahan positif pada diri mereka, bagi Iz pula, beliau masih sama seperti pada enam bulan yang lalu. Malah, pada sesetengah perkara Iz merasa motivasinya lebih merosot berbanding sebelumnya.

“Saya rasa diri saya sekarang biasa saja. Sama saja diri saya sebelum dan selepas MAP. Tak ada perbezaan pun. Selepas MAP, dalam beberapa minggu macam tu, memanglah saya rasa bersemangat, ada buat azam dan sasaran semua tu. Tapi semakin lama, saya rasa semakin malas. Isu-isu semasa pun, saya ambil acuh tak acuh ja macam berita berkaitan MH370 tu. Bahan-bahan agama pun saya tak baca kecuali buku sekolah. Buku sekolah tu pun sebab memang saya wajib baca, (ketawa) sebab ada ujian jadi terpaksa lah baca. Dari segi disiplin pun tak ada apa-apa perubahan. Hmm.. kalau saya tolong orang pun, contohnya saya tolong cikgu, bukan ikhlas. Biasanya saya harap sangat cikgu akan ingat saya balik. Saya akan rasa cikgu tak hargai saya dan tak layan saya bila, saya tak dapat balasan apa yang saya nak. Jadi dalam tempoh enam bulan, saya cuma nampak perubahan dari segi pergaulan saya dengan kawan-kawan.” (Iz)

Ketika sesi temu bual kedua dilaksanakan, Iz telah berpindah ke sekolah berasrama. Iz menceritakan bagaimana sekolah tersebut telah memberi suasana dan pengalaman baru dalam kehidupan beliau. Pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan asrama telah membuatkan beliau mempunyai banyak peluang untuk bergaul dengan rakan-rakan. Menurut Iz, peluang ini menjadikan beliau berbeza dari keadaan beliau sebelumnya yang kurang berkawan.

“Tapi lepas MAP tu, perubahan yang saya sedar pada diri saya dari segi pergaulanlah. Sebelum ni, saya jarang beriadah. Tapi sekarang duduk asrama, jadi saya memang sudah ada jadual tetap. Selepas *prep*, saya tak naik ke bilik asrama, kami terus sembahyang di surau. Kalau ada aktiviti persatuan ataupun kelab, saya akan naik sekejap ke bilik untuk bersiap.” (Iz)

“Sewaktu mula-mula masuk ke sekolah baru ni, saya tengok semua orang macam membuat hal sendiri dan tak bergaul dengan orang lain. Tetapi rupa-rupanya tanggapan itu salah. Saya silap, sebelum ini biasanya saya lebih pentingkan diri sendiri. Saya nak orang yang dekati saya dulu. Sepatutnya kalau menyesuaikan diri dengan orang lain, saya yang perlu menegur diorang dulu, bukannya diorang yang kene tegur saya. Akhirnya, dalam masa seminggu macam tu, barulah saya dapat sesuaikan diri.” (Iz)

Walaupun bagaimanapun, menurut Iz keadaan tersebut telah membuatkan beliau terleka dan menjadikan motivasinya semakin merosot. Iz memberitahu bahawa beliau lebih banyak menghabiskan masa berseronok dengan rakan-rakan. Walaupun banyak aktiviti yang diatitkan oleh pihak sekolah namun, masih ada ruang untuk beliau dan rakan-rakan untuk tidak menghadirkan diri ke program tersebut.

“Saya rasa motivasi diri saya merosot disebabkan terlalu banyak berseronok dengan kawan-kawan. Aktiviti sekolah agak ketat. Tapi, masih ada juga saya ponteng (ketawa). Kawan-kawan saya pula semuanya suka berseronok. Cuma bila tarikh peperiksaan semakin dekat tu, semua kawan-kawan akan mula mengulang kaji pelajaran. Malam sebelum peperiksaan, semua pelajar akan penuhlah di bilik belajar. Saya pula, kalau esoknya periksa, saya akan tengok dahulu subjek tu. Kalau senang, saya akan buat relaks sahaja.” (Iz)

Keadaan ini juga membuatkan beliau menanggukkan hasrat pembangunan diri yang dibuat enam bulan lalu semasa berada dalam MAP. Bagi Iz, beliau lebih suka menggunakan masa ketika itu untuk menikmati keseronokan bersama dengan rakan-rakan.

“Saya lupa pengisian yang MAP ajar. Bila difikirkan balik, perubahan dari segi pergaulan tu bukan disebabkan MAP, tetapi diri saya sendiri. Slot ibu bapa pun saya rasa biasa saja dan tak beri kesan pun pada saya. Kaedah-kaedah pembelajaran MAP yang saya rasa penting pun saya tak laksanakan lagi. Sekarang saya masih tak membuat apa-apa nota. Sekarang ni bagi saya fasa untuk sesuaikan diri di tempat baru, berkenalan dengan kawan-kawan, dan bergembira dengan suasana baru.” (Iz)

Namun begitu, terdapat juga pengisian MAP yang pernah digunakan iaitu kaedah penyampaian pidato dan kaedah tanggapan. Menurut Iz ketika itu beliau perlu melakukan pengucapan awam dan kaedah tersebut digunakan untuk membantu beliau.

“Tapi ada juga yang saya guna, macam slot Pidato. Contohnya jangan membawa kertas besar semasa pembentangan. Slot tanggapan pun saya pernah gunakan, contohnya bila saya geram pada seseorang. Saya kecil hati sebab dia cakap buruk-buruk

tentang diri saya dan ganggu kehidupan saya. Jadi, saya cuba la nak fikir positif.” (Iz)

Walau bagaimanapun Iz mengakui bahawa, nilai-nilai berhubung dengan sikap dan penghayatan kaagamaan yang diajar menerusi MAP sudah tidak terkesan kepada beliau dan juga tidak diamalkan. Kebanyakan perkara yang dilakukan dalam kehidupan sehariannya dikatakan sekadar memenuhi keperluan dan keinginan yang tidak berkaitan dengan kepentingan agama. Meskipun berpeluang untuk menghayati nilai-nilai keagamaan tersebut melalui aktiviti-aktiviti sekolah. Namun, perkara tersebut dikatakan hanya untuk memenuhi syarat peraturan sekolah yang diwajibkan. Selain pada waktu penganjuran aktiviti tersebut, beliau tidak terdorong untuk melaksanakannya.

“Slot pelaziman minda seperti yang diajar MAP pun saya tak buat. Zikir yang diajar MAP pun saya tak amalkan dalam tempoh enam bulan ini. Adalah sekali-sekala saya terfikir contohnya saya tak boleh menyinggung perasaan kawan tapi, saya tak fikirkan pula perbuatan tu dari sudut agamanya. Sengaja nak buat muhasabah untuk nilai diri tu memang tak adalah.” (Iz)

“Selalunya apabila saya nak lakukan sesuatu perkarapun, saya hanya fikir tentang kesan perbuatan itu pada diri saya. Tapi tak ada kaitan dengan Tuhan, neraka ataupun syurga. Saya pun jarang doa selepas solat. Kadang-kadang saya tak doa langsung. Cuma biasanya, kalau pada waktu malam peperiksaan tu saya rasa saya dah malas belajar, saya berserah saja kepada Tuhan. Terus terang, selepas MAP, perubahan dari segi usaha tu boleh dikatakan memang tak ada.” (Iz)

“Inisiatif nak berubah? Kalau macam ceramah-ceramah agama yang melibatkan ustaz-ustaz terkenal barulah saya pergi. Itu pun kalau kebetulan saya dapat tahu. Contohnya, baru-baru ini ada ceramah ustaz yang dikenali sebagai Ustaz Bollywood, ustaztu kan seronok saya pergilah. Tapi kalau tak ada ustaz yang saya rasa menarik, tak ada pula saya usaha nak mencari. Kalau kebetulan ternampak iklan tu, saya pergilah.” (Iz)

“Solat sunat macam solat hajat pun memang saya tidak buatlah sendiri. Cuma di sekolah biasanya selepas maghrib akan diadakan sola-solat sunat ni. Macam solat sunat hajat dan solat sunat taubat, waktu tu saya buatlah.” (Iz)

“Hmm.. dari segi aktiviti keagamaan memang sekolahlah yang banyak memberi banyak pengaruh, dari kawan-kawan memang tak

lah! (ketawa). Ajaran agama yang diajar di MAP pun, hmm... saya rasa sama saja sebelum dan selepas MAP. Langsung tak beri kesan pada saya. Dari segi solat, dan mengaji semua tu disebabkan aktiviti sekolah saja. Kalau tak ada aktiviti mengaji di sekolah, saya tidak mengaji.” (Iz)

Oleh yang demikian, Iz berpendapat dalam tempoh enam bulan tersebut MAP tidak begitu memberi kesan pada diri beliau. Walau bagaimanapun, Iz masih mengakui kebaikan program tersebut. Beliau percaya MAP pasti akan dapat memberikan kesan yang positif kepada individu yang benar-benar mengamalkan pengisian program tersebut. Sepertimana Man beliau juga masih menyimpan hasrat untuk menggunakan apa yang dipelajari daripada MAP pada masa akan datang.

“Kesimpulannya, MAP bagi saya tak memberi kesan sangat kepada diri saya. Hanya 10 peratus sahaja perubahan daripada MAP untuk diri saya. Pada pendapat saya, satu program tu boleh berkesan kalau seorang tu mudah menerima, mendengar dan amalkan semua yang diajar. Jadi program itu akan berkesan sepenuhnya. Tapi untuk mereka yang hanya pergi, kemudian balik tak buat apa-apa perubahan, mereka hanya membazirkan wang sahaja.” (Iz)

“Tapi mungkin dalam tempoh enam bulan akan datang, rasanya saya akan amalkan MAP. Biasanya, kalau ada perkara yang saya rasa penting, saya akan amalkan, kalau tak penting, saya tidak amalkan. Sebab akan datangpun waktu itu hampir SPM, doa-doa dan cara belajar semua tu saya amalkanlah masa tu.” (Iz)

Berdasarkan kepada kes-kes para informan di atas, kajian mendapati bahawa meskipun terdapat beberapa perubahan positif serta beberapa pengisian MAP yang pernah digunakan, namun secara keseluruhan motivasi terhadap pelaksanaan terhadap pengisian MAP secara konsisten telah merosot. Para informan dalam hal ini bukan sahaja mengakui tidak dapat mengamalkan komitmen yang telah dibentuk semasa dalam program, malah mereka juga telah lupa dengan hampir keseluruhan pengisian program tersebut. Kajian melihat punca utama yang menyebabkan kemerosotan tersebut adalah kerana kurangnya persediaan yang rapi untuk berhadapan dengan realiti sebenar kehidupan selepas keluar dari program. Hal ini didapati berlaku di atas pelbagai sebab seperti tiada program lanjutan daripada MAP,

persekitaran dan konteks sosial yang tidak membantu perlaksanaannya, serta tiada inisiatif yang dibentuk sendiri oleh para informan untuk memastikan konsistensi mereka.

Keadaan tersebut menyebabkan para informan lebih cenderung untuk menggunakan apa sahaja peluang yang sedia ada pada diri mereka ataupun dalam persekitaran untuk proses pembangunan diri mereka. Tidak kira sama ada peluang tersebut membawa mereka ke arah lebih baik, atau menyebabkan mereka kembali kepada tabiat asal ataupun menyebabkan motivasi mereka semakin merosot.⁶⁵⁸ Dalam hal ini, meskipun masih terdapat beberapa perubahan positif namun, tiada konsistensi dalam pelaksanaan MAP dan komitmen yang telah dibentuk tersebut, didapati telah menjejaskan aspek-aspek yang penting untuk proses pembangunan diri mereka. Hal ini termasuklah kehilangan hala tuju dan matlamat yang jelas, kurangnya penghayatan dalam menjadikan agama sebagai cara hidup serta kurangnya kualiti terhadap disiplin dan strategi perancangan yang lebih teliti untuk pencapaian matlamat.

Dari perspektif Islam, situasi yang berlaku dalam kes para informan ini adalah disebabkan oleh fitrah kejadian diri manusia itu sendiri.⁶⁵⁹ Wujudnya kecenderungan individu kepada keseronokan dan keseronokan, menyebabkan mereka lebih mudah terdorong dan terpengaruh kepada suatu perkara yang dapat memberikan ganjaran atau kesan kebaikan dengan kadar segera.⁶⁶⁰ Akibatnya, individu akan mengabaikan dan melupakan matlamat atau tujuan utama yang sepatutnya dicapai.⁶⁶¹ Berhubung dengan kes para informan, elemen-elemen yang wujud dalam persekitaran serta elemen yang sedia ada pada diri mereka adalah

⁶⁵⁸ Larimer, Mary E., and Rebekka S. Palmer. "Relapse prevention: An overview of Marlatt's cognitive-behavioral model." *Alcohol research and Health* 23, no. 2 (1999), 151-160.

⁶⁵⁹ Abd. Aziz Md Zin, "Dakwah Terhadap Golongan Minoriti", (Petikan ucapan dalam International Da'wah Conference on Minority Group, 10 Nov 2016).; Baharuddin, *Paradigma Psikologi Islami*.

⁶⁶⁰ 'Uthmān Najāfī, *'Ilmu an-Nafs al-Islamī*

⁶⁶¹ *Ibid.*

peluang yang mudah untuk digunakan bagi mencapai keinginan dan kepentingan diri mereka. Kecenderungan untuk menggunakan peluang sedia ada ini juga dilihat bertambah apabila terdapat nilai keseronokan dan peningkatan harga diri yang boleh diperoleh melalui penggunaannya..⁶⁶²

Dalam kes Iz misalnya, keseronokan bersama rakan-rakan adalah jalan ringkas dan mudah yang boleh digunakan untuk memenuhi keseronokan dan kegembiraan beliau. Oleh itu, berbanding kesusahan melaksanakan komitmen untuk membangunkan diri, peluang menikmati keseronokan sudah tentu lebih menarik perhatian beliau. Begitu juga seperti yang berlaku dalam kes Man dan Ira. Tanpa perlu bersusah payah mengingat dan mengulangkaji semula pengisian modul MAP untuk membangunkan diri, sudah tentu mereka lebih cenderung menggunakan peluang di sekeliling yang lebih mudah, cepat, menepati kehendak, citarasa serta tabiat kebiasaan mereka sebagai sumber rujukan.⁶⁶³ Dalam keadaan ini, pengisian MAP dan komitmen yang telah dibentuk sudah dianggap bukan lagi satu perkara penting dan perlu untuk diberi perhatian. Justeru itulah, lama kelamaan mereka semakin lupa dengan pengisian MAP dan komitmen tersebut.

Hal ini juga sejajar dengan apa yang disebut oleh Uthman Najātī. Menurut beliau, individu mudah lupa pada sesuatu perkara apabila mereka kurang memberikan perhatian terhadap perkara tersebut.⁶⁶⁴ Beliau menyandarkan hujah tersebut dengan kenyataan yang disebut oleh Allah S.W.T dalam surah Ta Ha, ayat 115.

⁶⁶² Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq Baina al-Islām wa 'Ilmi al-Nafs*, terj. Abdul Hayyie et.al, Pendidikan Remaja : Antara Islam dan Ilmu Jiwa (Jakarta: Gema Insani, 2007), 436-443; Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*, 85

⁶⁶³ Selina M. Robinson, "Adolescent Relapse – A Function of Strategic Knowledge, Strategic Efficacy, Perception of Risk and Sobriety Expectations", (Disertasi Master Pendidikan, Simon Fraser University, 1991), 8-11; Larimer, Mary E., and Rebekka S. Palmer. "Relapse Prevention: An overview of Marlatt's cognitive-behavioral model." *Alcohol research and Health* 23, no. 2 (1999), 151-160.

⁶⁶⁴ Najātī, Muḥammad 'Uthmān, *'Ilmu an-Nafs al-Islamī*. 39-67

Terjemahannya : Dan demi sesungguhnya, Kami telah berpesan kepada Adam pada masa yang lalu, tetapi dia lupa dan kami tidak mendapatinya mempunyai keazaman yang teguh.

Dalam ayat ini, Allah menceritakan tentang kisah nabi Adam yang lalai dengan perjanjian yang telah dibuat dengan Allah S.W.T sehingga menyebabkan baginda lupa dan melanggar perjanjian tersebut.⁶⁶⁵

Aisha Utz yang turut bersetuju dengan hal ini menyatakan situasi yang berlaku ini juga berkait rapat dengan soal kepercayaan dan iman seperti yang pernah dijelaskan sebelum ini. Menurut beliau, tahap keimanan manusia boleh meningkat dan menurun.⁶⁶⁶ Kelalaian yang berlaku akibat dari pelbagai faktor adalah salah satu sebab utama yang menyebabkan kemerosotan iman dan melemahkan jiwa individu untuk terus konsisten membangunkan diri.⁶⁶⁷ Dalam keadaan ini, peluang untuk terus dipengaruhi oleh elemen-elemen negatif dari persekitaran juga menjadi semakin besar kerana tidak mampu menilai kehidupan dengan lebih baik.⁶⁶⁸ Aisha juga berhubung dengan perkara ini menjelaskan terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan semula keimanan. Menurut beliau :⁶⁶⁹

There are many ways to renew and increase our faith. The main ways to accomplish this are by gaining knowledge, increasing righteous deeds, obeying Allah, remembering Him, contemplating the verses of the Quran, pondering Allah's names and attributes and remembering death and the hereafter.

Kesemua kaedah yang disebut oleh Aisha ini adalah bertujuan untuk menyedarkan semula hati yang lalai dan lupa. Tidak kira sama ada secara sendirian mahupun

⁶⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶⁶ Aisha Utz., *Psychology from the Islamic Perspective*, 64-65

⁶⁶⁷ *Ibid.*, 85.

⁶⁶⁸ *Ibid.*, 279

⁶⁶⁹ *Ibid.*, 65.

melalui kerjasama dari konteks sosial, kaedah tersebut perlu dilakukan dengan penuh penghayatan supaya motivasi dan tumpuan terhadap matlamat asal dapat dipertingkatkan.⁶⁷⁰ Dalam kes para informan kaedah-kaedah tersebut seharusnya digunakan untuk menyedarkan dan mengingatkan diri mereka semula dengan komitmen pembangunan diri yang telah dibentuk sebelum ini.⁶⁷¹

Berhubung dengan ini juga, Al-Balkhī menjelaskan bahawa kaedah tersebut perlu sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa dalam keadaan tenang dan rasional. Bukan sahaja untuk mengelakkan dari lupa dan lalai, malah sebagai persediaan rapi kepada emosi dan pemikiran ketika berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka.⁶⁷² Hal ini kerana, ketika berada dalam situasi tersebut, individu biasanya tidak dapat berfikir dengan baik. Sebaliknya, mereka lebih gemar untuk bertindak mengikut tabiat kebiasaan dan kecenderungan diri mereka.⁶⁷³ Oleh itu, dalam proses pembangunan diri, ketiadaan persediaan berterusan dari segi emosi dan pemikiran memberikan peluang yang tinggi untuk berlakunya kemerosotan motivasi serta kembali kepada tabiat dan akhlak lama. Dalam kes para informan, keadaan ini didapati turut menjadi salah satu halangan dalam pelaksanaan MAP. Menerusi kes informan Man misalnya, berfikir dan menilai secara mendalam terhadap setiap peristiwa yang berlaku dalam persekitaran dinyatakan sebagai tabiat diri beliau. Oleh kerana tidak mengamalkan pengisian MAP secara konsisten serta tiada usaha yang berterusan untuk mengingatkan diri tentang komitmen yang telah dibentuk, Man akhirnya kembali menggunakan tabiat lamanya dalam proses pembangunan diri. Begitu juga yang berlaku kepada informan Ira, persepsi dan kepercayaan tentang kelemahan program motivasi diluar sekolah adalah sebahagian daripada

⁶⁷⁰ *Ibid.*,

⁶⁷¹ Malik Badri, *Contemplation*, 17; Fatimah Abdullah, *Islamic Ethix and Character Building*, 122-123.

⁶⁷² Al-Balkhī, Abū Zayd Aḥmad ibn Sahl, *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus*.

⁶⁷³ *Ibid.* ; “Malik Badrī, Abū Zayd al-Balkhī: A Genius Whose Psychiatric Contribution Needed More Than Ten Centuries To Be Appreciated.” *Malaysian Journal of Psychiatry* 6, no.2, (1998).

tabiat pemikiran beliau.⁶⁷⁴ Walaupun di akhir program MAP, Ira telah menunjukkan tanda-tanda penerimaan terhadap program tersebut, namun tanpa adanya usaha persediaan dari segi pengawalan dan penstrukturan pemikiran secara berterusan dalam tempoh enam bulan tersebut, Ira didapati telah kembali kepada tabiat lama pemikiran beliau. Ira tidak lagi terbuka dan tidak menunjukkan sebarang minat untuk menggunakan pengisian MAP.

Justeru, berdasarkan dapatan di atas jelas bahawa pelbagai peluang yang positif sangat penting kepada para informan untuk memastikan perlaksanaan komitmen yang telah dibentuk dan mengelakkan berlakunya kemerosotan motivasi diri dan akhirnya kembali kepada tabiat lama yang menghalang proses pembangunan diri. Usaha sama antara diri informan sendiri dan konteks sosial perlu dilakukan bagi mewujudkan peluang-peluang tersebut.

7.4 Kesimpulan

Berdasarkan kepada konteks realiti para informan di atas, kajian menyimpulkan bahawa proses perlaksanaan komitmen pembangunan diri berlaku dalam situasi yang mencabar. Di atas pelbagai faktor, kesemua informan didapati telah mengalami kemerosotan motivasi diri untuk melaksanakan pengisian MAP yang dipelajari dan komitmen yang telah dibentuk sebelumnya. Dalam hal ini, kematangan dalam pembangunan diri serta peluang untuk membangunkan diri telah menentukan sejauh mana komitmen tersebut dapat dilaksanakan.

Kematangan membuatkan informan terus berusaha untuk melaksanakan komitmen yang telah dibentuk melalui pelbagai inisiatif seperti sentiasa membina kesedaran diri, melakukan *muhāsabah* dan berusaha untuk menggunakan MAP melalui pelbagai ruang yang ada. Dari perspektif Islam kematangan ini telah

⁶⁷⁴ *Ibid.*

didorong oleh penggunaan potensi al-ruh secara bijaksana sehingga mampu membentuk iman yang memberikan kekuatan dan kegigihan kepada diri informan. Hubungan antara jiwa dan jasad menyebabkan konsistensi diri informan ini dapat dikekalkan. Elemen persekitaran juga telah menguatkan lagi kegigihan motivasi diri para informan.

Namun begitu, peluang juga penting untuk menentukan pelaksanaan komitmen para informan. Informan yang tidak mempunyai peluang yang baik untuk melaksanakan komitmen yang telah dibentuk akan menggunakan apa saja peluang yang sedia ada dalam diri mahupun elemen persekitaran dalam proses pembangunan diri. Dalam hal ini, meskipun terdapat beberapa perubahan positif namun beberapa aspek penting yang diperlukan dalam proses pembangunan diri didapati terjejas. Dari perspektif Islam, kecenderungan fitrah manusia terhadap kesenangan dan kenikmatan akan membuatkan remaja terdorong untuk terpengaruh kepada elemen negatif serta mudah menjadi lupa dan lalai, melemahkan jiwa dan iman seterusnya kembali kepada tabiat lama.

Oleh itu, peluang untuk memastikan konsistensi seperti persediaan berterusan dari aspek pemikiran dan emosi perlu sentiasa diwujudkan bagi mengelakkan hal tersebut. Ini tidak kira sama ada melalui inisiatif sendiri atau dengan kerjasama dari konteks sosial.

BAB 8 : PENUTUP

8.1 Pendahuluan

Pada bab ini, rumusan tentang isu, tujuan dan metodologi kajian, objektif kajian dan rumusan dapatan daripada keempat-empat objektif akan dihuraikan. Selain itu, kesimpulan secara keseluruhan yang diperoleh berhubung pengaruh motivasi pembangunan diri remaja juga akan dibincangkan pada bahagian implikasi serta cadangan kajian.

8.2 Rumusan

8.2.1 Isu, Tujuan dan Metodologi Kajian

Pada Bab 1 tesis ini, terdapat dua isu utama berhubung dengan motivasi pembangunan diri remaja telah digariskan iaitu; berhubung dengan masalah kemerosotan motivasi remaja yang keluar dari program intervensi pembangunan diri selepas tempoh tertentu yang belum terjawab dengan baik serta kelompangan yang wujud dalam kajian-kajian lepas tentang mekanisme pelaksanaan suntikan motivasi berasaskan Islam yang lebih komprehensif dan sistematik.

Dua isu tersebut telah mendorong pelaksanaan kajian ini iaitu untuk membuat penyelidikan lanjutan berhubung dengan pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja. Disebabkan proses pengaruh motivasi pembangunan diri remaja adalah merupakan suatu proses yang kompleks, kajian secara kualitatif dalam reka bentuk kajian kes telah digunakan. Dengan ini, realiti sebenar proses pengaruh motivasi bagi lima kes remaja berasingan yang menjadi informan kajian ini dapat difahami. Sementara itu, untuk memastikan data yang diperoleh benar-benar kaya dan mendalam, beberapa prosedur pengutipan data telah digabungkan iaitu terdiri daripada temu bual mendalam terhadap remaja informan, pemerhatian turut

serta, analisis dokumen serta beberapa temu bual tambahan terhadap para pelatih MAP. Kesemua data yang diperoleh telah dianalisis dengan kaedah analisis bersilang atau *cross-checked* yang diketengahkan oleh Leedy dan Ormrod serta kaedah teoritikal tematik oleh Braun dan Clark.

8.2.2 Objektif Kajian dan Rumusan

Berdasarkan kepada dua isu dan matlamat kajian yang telah diketengahkan, empat objektif telah disasarkan dalam kajian ini iaitu :

- 1) Membincangkan pembentukan pengaruh motivasi pembangunan diri remaja menurut perspektif Islam
- 2) Mengenalpasti proses pembangunan diri remaja sebelum mengikuti program Motivasi Alihan Pelajar
- 3) Menganalisis faktor pembentukan komitmen pembangunan diri remaja semasa mengikuti Program Motivasi Alihan Pelajar
- 4) Menganalisis pembentukan pengaruh motivasi dalam proses pelaksanaan komitmen pembangunan diri remaja yang mengikuti Program Motivasi Alihan Pelajar

Menerusi dapatan yang diperoleh daripada keempat-empat objektif di atas, kajian merumuskan bahawa akhlak, potensi, al-ruh, elemen persekitaran, elemen *tazkiyah al-nafs* dan elemen niat adalah elemen penting dalam membentuk pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri informan. Kesemua elemen ini saling berhubungan dan memerlukan antara satu sama lain bukan sahaja dalam proses pembangunan diri informan malah bagi membentuk pengaruh motivasi yang berkesan dalam proses tersebut.

Akhlak yang banyak dibincangkan oleh ahli-ahli psikologi Islam seperti Miskawayh, Ibn Qayyim, Al-Ghazālī, Al-Balkhī dan sebagainya, adalah elemen asas yang menggambarkan dan menentukan personaliti dan pembangunan diri informan. Bagaimana akhlak terbentuk pada diri informan begitulah juga keadaan pembangunan diri mereka. Oleh itu, aspek-aspek pembangunan diri yang terdiri daripada pembangunan fizikal, sosial, intelektual, emosi dan spiritual adalah aspek yang turut membentuk akhlak informan. Namun begitu, penekanan berhubung dengan elemen akhlak dalam proses pembangunan diri yang lebih sempurna adalah kerana, akhlak merupakan suatu keadaan jiwa yang telah menjadi tabiat individu dan terbentuk menerusi pembelajaran latihan dan disiplin yang berterusan. Dalam proses pembangunan diri, akhlak didapati telah menentukan motivasi dan perbuatan informan. Walau bagaimanapun, oleh kerana akhlak terbentuk menerusi latihan dan disiplin yang berterusan, akhlak tidak berdiri sendiri dalam diri individu. Sebaliknya potensi al-ruh dan elemen persekitaran adalah elemen penting yang diperlukan dalam pembentukan akhlak.

Potensi al-ruh dan pelbagai elemen yang wujud dalam persekitaran ini akan sentiasa saling berinteraksi untuk membentuk sama ada akhlak yang baik atau buruk pada diri informan seterusnya menentukan proses pembangunan diri mereka. Sebagai individu yang baru memasuki usia remaja, pembentukan akhlak yang baik dan pembangunan diri yang sempurna adalah suatu yang amat mencabar. Berdasarkan kepada kes para informan, kajian mendapati mereka sering berada dalam keadaan mental-emosi yang tidak stabil. Ditambah dengan ilmu dan pengalaman yang masih terhad, para informan didapati kurang berupaya menggunakan potensi al-ruh yang dimiliki dengan baik untuk berinteraksi dengan elemen persekitaran mereka. Keadaan ini membuatkan proses pembangunan diri informan lebih mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur yang negatif.

Walau bagaimanapun, situasi yang mencabar ini didapati dapat dihadapi dengan lebih baik bagi oleh informan yang memperoleh peluang sokongan dari persekitaran dan orang-orang terdekat di sekeliling. Terutamanya apabila sokongan yang diberi menepati keperluan tahap perkembangan mereka seperti, ruang untuk berdikari, ruang bersuara dan menyatakan pendapat serta ruang mendapatkan rasa penghargaan dan kasih sayang. Sokongan ini memberi pengaruh yang besar dalam membantu pembentukan cara fikir dan kematangan mereka.

Justeru, apabila diberi dengan suntikan motivasi yang sesuai dan bertepatan dengan keperluan diri semasa berada dalam program MAP, para informan didapati mula membentuk komitmen untuk membangunkan diri. Pembentukan azam dan perjanjian untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik selepas keluar daripada program MAP menunjukkan mereka mempunyai hasrat yang tinggi untuk perubahan tersebut.

Berdasarkan kepada landasan teori kajian, fasa ketika para informan berada dalam program MAP ini adalah fasa II dalam proses motivasi pembangunan diri. Kesemua elemen motivasi yang diberi oleh MAP pada fasa ini adalah meliputi enam elemen *tazkiyah al-nafs* iaitu *mu'ātabah*, *mushāraṭah*, *mur'āqabah*, *muḥāsabah*, *mujāhadah* dan *mu'āqabah*.⁶⁷⁵ Melalui suntikan motivasi inilah para informan membuat penilaian semula terhadap diri mereka, seterusnya membentuk komitmen untuk membangunkan diri. Komitmen yang dimaksudkan ini ialah hasrat serta niat yang diputuskan oleh para informan untuk membangunkan diri dengan mengamalkan pengisian MAP yang telah di ajar dan melakukan perubahan-perubahan tertentu selepas keluar daripada program tersebut.

Berdasarkan kepada analisis ke atas data temu bual para informan, tiga elemen *tazkiyah al-nafs* yang terkandung dalam slot-slot motivasi MAP iaitu elemen

⁶⁷⁵ Huraian lanjut berhubung kandungan elemen *Tazkiyah al-Nafs* di dalam modul MAP boleh dirujuk dalam bab 4 (analisis kandungan modul MAP)

mu'ātabah, *mushāraṭah* dan *mur'āqabah* didapati telah menjadi elemen penting yang digunakan untuk membantu para informan dalam proses penilaian serta penetapan komitmen tersebut. Hal ini dapat ditunjukkan menerusi dapatan berhubung dengan faktor pembentukan komitmen yang diperoleh dalam analisis tersebut.

Terdapat dua faktor utama yang mendorong pembentukan komitmen yang telah dikenalpasti iaitu kesedaran yang timbul untuk memperbaiki diri dan keperluan terhadap kemahiran yang dibekalkan semasa dalam program tersebut. Dalam hal ini, elemen motivasi dari perspektif Islam yang menjelaskan tentang hakikat dan matlamat sebenar hidup, hala tuju, realiti kehidupan, keupayaan potensi diri yang dimiliki serta kepentingan dalam mengoptimumpkannya didapati telah membuka pemikiran dan mendorong kesedaran informan terhadap kesilapan mereka dari segi perbuatan dan pemikiran. Elemen-elemen tersebut telah membantu mereka untuk menilai dan merungkai segala pengalaman dan masalah yang pernah dilalui dalam kehidupan seharian selama ini. Matlamat kehidupan jangka panjang yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat membuatkan informan dapat membina sudut pandang kehidupan yang lebih luas dan berbeza, selain membentuk rasa tenang dalam jiwa mereka. Semangat perjuangan yang disuntik untuk memartabatkan Islam pula, telah membuatkan mereka lebih memahami tentang keperluan pengorbanan dan kesungguhan dalam mengejar matlamat tersebut. Manakala, penegasan berhubung dengan kepentingan aspek niat yang ikhlas dalam amal perbuatan pula telah menyedarkan informan terhadap keperluan membentuk matlamat yang selari dengan *syariatullah* dan *sunnatullah*. Kesedaran yang menimbulkan rasa penyesalan ini telah mendorong informan untuk benar-benar berazam melakukan perubahan selepas keluar daripada program MAP.

Begitu juga dengan pendedahan terhadap pelbagai bentuk kemahiran dan strategi yang diberi oleh MAP seperti kemahiran dalam membuat pilihan hidup yang

betul, kemahiran belajar, kemahiran membina motivasi diri serta kemahiran mengatasi cabaran psikologi dan cabaran luaran dari persekitaran. Pengakuan para informan tentang keadaan motivasi yang sering terbantut disebabkan kekurangan kemahiran dan strategi yang betul, membuatkan mereka lebih bersemangat apabila mendapat pendedahan terhadap kemahiran yang diperlukan. Bukan sahaja membantu mereka mengatasi masalah yang sering dihadapi, malah pendedahan tersebut juga dikatakan telah menjadi satu sistem sokongan dalam usaha pencapaian matlamat melalui persediaan mental dan emosi serta keyakinan diri yang tinggi. Kesedaran berhubung dengan keupayaan yang dimiliki untuk menentukan jalan kehidupan sendiri serta kewujudan kuasa Tuhan yang telah diberi sebelumnya telah membangunkan pula rasa tanggungjawab untuk membina perancangan yang teliti dengan kemahiran yang dipelajari dalam masa yang sama membentuk rasa pengharapan dan pergantungan tinggi kepada Allah S.W.T.

Sehubungan itu, kajian menyimpulkan suntikan melalui pendedahan yang betul dan tepat dengan diri dan keperluan informan didapati berupaya memberikan pengetahuan, membekalkan perancangan strategi, membuka pemikiran, membentuk kesedaran, membina rasa penyesalan seterusnya mendorong hasrat yang kuat dalam diri para informan untuk membangunkan diri. Kesemua elemen motivasi tersebut merupakan strategi atau kaedah *tazkiyah al-nafs* yang terdiri daripada elemen *mu'atabah*, *mushāraṭah* dan *mur'āqabah*.⁶⁷⁶ Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, elemen-elemen *tazkiyah al-nafs* ini berperanan memperbaiki diri, menstruktur emosi dan pemikiran serta membangunkan potensi al-ruh menerusi hubungan dengan Tuhan. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini juga selaras dengan model kerangka teori yang dicadangkan dalam kajian. Tiga elemen *tazkiyah al-nafs* iaitu *mu'atabah*, *mushāraṭah* dan *mur'āqabah* terbukti menjadi elemen yang

⁶⁷⁶ Huraian lanjut berhubung tiga elemen *tazkiyah al-nafs* ini dapat dirujuk pada bahagian teori kajian.

berperanan penting dan diperlukan pada fasa II (fasa pencetus, penilaian dan penetapan), bagi membantu pembentukan komitmen iaitu hasrat dan niat untuk membangunkan diri para informan.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati keadaan berbeza telah berlaku pada para informan selepas mereka keluar dari program MAP. Setiap informan didapati mempunyai latar perjalanan hidup masing-masing. Dalam hal ini, kajian mendapati keupayaan dalam mengekalkan konsistensi untuk pelaksanaan komitmen pembangunan diri ini bergantung kepada dua perkara iaitu; kematangan dalam membangunkan diri dan peluang untuk membangunkan diri. Kematangan didapati telah membantu para informan terus konsisten melaksanakan komitmen pembangunan diri yang telah dibentuk. Informan yang mempunyai kematangan dalam membangunkan diri didapati lebih bijak menguruskan potensi al-ruh yang dimiliki untuk mengawal ketidakstabilan yang berlaku terhadap psikologi diri serta keadaan persekitaran mereka. Ini telah dilakukan menerusi beberapa inisiatif seperti memastikan keteguhan matlamat, sentiasa melakukan penilaian diri serta menggunakan peluang yang ada dalam persekitaran untuk mengamalkan pengisian MAP serta komitmen yang telah dibentuk.

Namun begitu, tidak semua informan mendapat peluang yang baik untuk melaksanakan pengisian MAP dan merealisasikan komitmen yang telah dibentuk. Antara tindakan yang menutup peluang tersebut termasuklah, kehilangan fokus atau tumpuan terhadap matlamat dan komitmen yang telah dibentuk, tidak melakukan sebarang inisiatif untuk terus konsisten, tidak mendapat sokongan konteks sosial serta tidak mempunyai persediaan berterusan dari segi emosi dan pemikiran. Keadaan ini menyebabkan para informan semakin lupa dengan pengisian MAP, kembali berpegang dan mengamalkan kepercayaan dan tabiat lama mereka seterusnya membuatkan motivasi diri merosot.

Dalam hal ini, meskipun terdapat beberapa perubahan positif telah dikenalpasti pada para informan, namun tahap motivasi untuk melaksanakan komitmen MAP didapati merosot. Keadaan ini sekaligus menyebabkan proses pembangunan diri informan pada aspek-aspek tertentu turut terjejas. Misalnya, berkurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai keagamaan yang dipelajari menerusi MAP berhubung dengan niat dan matlamat sebenar kehidupan, menyebabkan kelalaian mereka dalam menjadikan agama sebagai satu cara hidup dan panduan utama dalam menjalani kehidupan. Begitu juga menanggukkan perancangan serta azam yang telah dibentuk semasa di dalam MAP seperti pelaziman minda, teknik belajar yang berkesan, teknik mengawal emosi dan pemikiran diri, membuatkan informan kembali kepada tabiat asal, kehilangan tumpuan serta ketiadaan perancangan dan strategi baik untuk mengekalkan momentum motivasi diri mereka.

Berdasarkan konsep *tazkiyah al-nafs* yang dicadangkan menerusi model kerangka teori kajian ini, kajian melihat kematangan dan peluang yang baik untuk perlaksanaan komitmen MAP tersebut dapat diperoleh melalui suntikan dan amalan tiga elemen *tazkiyah al-nafs* iaitu *muḥāsabah*, *mujāhadah* dan *mu'āqabah*. Tindakan seperti membina semula kesedaran diri, merenung kesilapan, membangunkan semula azam adalah tindakan yang termasuk dalam elemen *muḥāsabah*. Menerusi elemen ini masalah kehilangan fokus dan kekurangan persediaan dari emosi dan pemikiran dapat diatasi. Manakala, perbuatan yang dapat mengekalkan konsistensi dan mendapatkan sokongan konteks sosial untuk perlaksanaan komitmen yang telah dibentuk pula, adalah termasuk di dalam elemen *mujāhadah* dan *mu'āqabah*. Kedua-dua elemen ini akan membantu informan untuk melawan kehendak hawa nafsu dan terjebak dengan pengaruh negatif daripada persekitaran selain mendapatkan sokongan yang baik dari orang sekeliling. Selain itu, menerusi disiplin diri yang dapat dibentuk daripada kedua-dua elemen ini, tabiat buruk dari segi perbuatan


mahupun pemikiran dapat dihapuskan dan diganti dengan tabiat diri yang lebih baik dalam usaha pembinaan akhlak yang murni.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada dapatan yang diperoleh ini, kajian merumuskan bahawa perlaksanaan komitmen pembangunan diri dapat berhasil dengan baik sekiranya dilakukan melalui tiga elemen *tazkiyah al-nafs* yang terdiri daripada *muḥāsabah*, *mujāhadah* dan *mu'āqabah*. Walaupun ketiga-tiga elemen ini telah didedahkan kepada para informan semasa berada dalam MAP, namun suntikan terhadap elemen tersebut yang tidak diteruskan dan tidak diamalkan oleh para informan selepas keluar dari MAP boleh menyebabkan motivasi merosot dan kembali mengamakan tabiat lama. Hal ini didapati selari dengan kerangka teori kajian yang dicadangkan dalam kajian ini. Pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri informan yang berlaku pada ketiga-tiga fasa ini dapat digambarkan dalam rajah 8.1.

Secara keseluruhan, kajian merumuskan meskipun terdapat komitmen dari segi hasrat dan niat yang telah dibentuk untuk membangunkan diri semasa berada dalam MAP, namun terdapat pelbagai perkara yang boleh menyebabkan kemerosotan motivasi informan seterusnya menjejaskan proses pembangunan diri mereka. Remaja yang mengikuti program motivasi yang berkonsepkan elemen motivasi Islamik juga tidak terkecuali daripada berdepan dengan cabaran ini. Dalam hal ini, semua pihak sama ada ibu bapa, guru-guru, pihak pelaksana program mahupun remaja sendiri perlu menyedari bahawa program intervensi seperti Motivasi Alihan Pelajar ini bukanlah satu-satunya jalan atau inisiatif yang perlu diharapkan untuk memastikan proses pembangunan diri remaja secara holistik. Walau bagaimanapun, sebagai salah satu usaha ke arah itu, pengisian dan pendekatan yang dapat benar dan tepat perlu dipastikan dalam program-program seperti ini.

Pada bahagian berikutnya, kajian akan menjelaskan implikasi yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan kajian. Kesimpulan secara keseluruhan berhubung dengan pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri remaja juga akan turut dibincangkan pada bahagian tersebut.

University of Malaya



Rajah 8.1. Analisis Pengaruh Motivasi dalam Proses Pembangunan Diri Informan
 Sumber : Temubual Mendalam Inforaman Pada 16-19 Disember 2013 dan 7,9,10,12 & 13 Jun 2014

8.3 Implikasi dan Cadangan

Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan ini, beberapa implikasi telah dapat digariskan. Implikasi ini diharapkan boleh memberi sumbangan terhadap penyelidikan lanjutan berhubung dengan proses pembangunan diri remaja serta mana-mana pihak yang ingin menjalankan intervensi dan dakwah terhadap golongan ini pada masa akan datang.

8.3.1 Implikasi terhadap Pemahaman tentang Realiti diri Remaja

Perlaksanaan kajian ini membolehkan penerokaan dilakukan secara lebih dekat dengan memberikan peluang kepada remaja terlibat menyuarakan sendiri apa yang dialami. Dengan kaedah ini, realiti fenomena pengaruh motivasi pembangunan diri berdasarkan pengalaman remaja peringkat awal iaitu mereka yang berusia dalam lingkungan 13 tahun hingga 15 tahun dapat diketahui dengan lebih mendalam.

Golongan remaja khususnya remaja peringkat awal ini adalah golongan kurang diberi peluang untuk menyuarakan pendapat. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh anggapan tentang ketidakmatangan mereka dalam banyak hal. Walau bagaimanapun, kajian ini memperlihatkan bahawa suara dan pendapat golongan ini amat penting untuk didengari dan dititikberatkan. Hal ini kerana, berbanding remaja pertengahan dan remaja akhir, remaja awal adalah mereka yang sedang mengalami tahap perkembangan psikologikal yang paling pesat. Suara dan pendapat mereka yang melambangkan corak pemikiran dan persepsi tentang diri dan kehidupan inilah yang akan membentuk dan menentukan proses pembangunan diri mereka pada masa akan datang.

Dalam kajian ini, mendekati informan dengan lebih dekat bukan sahaja telah mendedahkan kepada keadaan sebenar proses motivasi pembangunan diri yang berlaku malah, dapatan kajian ini juga dapat mengeluarkan beberapa aspek lain yang memberi implikasi dalam memahami diri remaja. Hal ini penting untuk diketahui kerana kajian melihat bahawa membentuk suatu pengaruh motivasi yang berkesan bermula daripada fasa I lagi, iaitu sebelum remaja mengikuti program motivasi. Fasa ini dilihat memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan pembentukan pengaruh motivasi pada fasa-fasa berikutnya. Remaja yang mempunyai masalah pada fasa I, boleh berdepan dengan masalah dalam proses pembangunan diri pada fasa berikutnya. Misalnya, remaja yang bermasalah dari aspek psikologikal atau jiwa disebabkan pelbagai punca boleh menjejaskan penerimaan mereka terhadap suntikan motivasi yang diberi semasa berada di dalam program sekaligus konsistensi diri mereka selepas keluar dari program.

Dalam kes informan kajian ini misalnya, konflik utama yang sering berlaku ialah konflik pertembungan antara kehendak diri dan tanggungjawab sebagai anak, pelajar dan seorang muslim. Pertentangan dan perselisihan yang dialami ini menyebabkan informan lebih cenderung menjauhkan diri dari ibu bapa mereka, selain dilihat kurang berminat untuk membangunkan diri. Dalam hal ini, walaupun peranan orang dewasa di sekeliling remaja telah dibuktikan amat penting dalam banyak kajian sebelum ini, namun kajian ini menunjukkan kegagalan dalam memahami diri remaja semakin meletakkan mereka dalam pelbagai bentuk konflik. Menerusi dapatan yang diperolehi, walaupun terdapat banyak kajian yang dilakukan sebelum ini membuktikan tentang hubungan positif agama dan pelbagai aspek pembangunan diri, kajian ini menunjukkan terdapat informan yang diberi didikan dan penekanan agama semenjak dari kecil dilihat telah berdepan dengan masalah kekeliruan, tekanan dan kegelisahan apabila mula memasuki usia remaja. Sementara

dalam kes informan lain pula, inisiatif yang telah dibentuk oleh ibu bapa untuk memperbaiki kelemahan anak mereka bukan sahaja tidak berkesan malah, menyebabkan persepsi informan pada diri mereka semakin negatif. Situasi bagi kedua-dua kes ini, mempunyai hubungan dengan ciri-ciri perkembangan diri yang sedang aktif, ketidakstabilan tahap psikologikal, ilmu dan pengalaman yang terhad selain sifat kecenderungan semula jadi diri mereka. Kesemua perkara ini menyebabkan tidak semua cara atau inisiatif sesuai diberi kepada sasaran remaja.⁶⁷⁷ Perkara ini telah dijelaskan lebih lanjut menerusi bab analisis dapatan kajian pada bab 5.

Namun, hal ini hanya dapat diketahui, diperhalusi serta dapat diperbaiki sekiranya remaja diberi peluang untuk menyuarakan perasaan, pendapat dan pemikiran mereka. Sokongan dan bimbingan orang dewasa tidak dapat membantu selagi perkara asas dan punca tidak diketahui. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan bahawa, segala aspek yang berhubung dengan diri remaja perlu difahami terlebih dahulu sebelum suatu intervensi diberikan.⁶⁷⁸ Hal ini bertujuan untuk mengelakkan penggunaan teknik yang salah seterusnya penolakan terhadap intervensi tersebut.⁶⁷⁹ Setelah mengetahui asas dan punca, barulah pendedahan terhadap pelbagai maklumat yang luas termasuk kefahaman agama yang betul diberikan untuk merangsang daya pemikiran yang matang.⁶⁸⁰

Bagi ibu bapa, sejak dari awal lagi apabila anak-anak telah mula membesar dan boleh memahami, mereka perlu terus diberi pendedahan terhadap pelbagai ilmu dan maklumat yang betul, selain berusaha memastikan tidak berlakunya masalah atau jurang hubungan dan komunikasi dengan anak-anak mereka. Hal ini bertujuan untuk

⁶⁷⁷ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.506-645; Al-Za'balāwī, Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyah al-Murāhiq*; 'Abd Allāh Nāsiḥ Ulwān., *Tarbiyyah al-Awlād Fī al-Islām*.550-568

⁶⁷⁸ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. 506-645; 'Abd Allāh Nāsiḥ Ulwān., *Tarbiyyah al-Awlād*. 550-558; Miskawayh, Abū 'Alī Aḥmad ibn Muḥammad, *Tahdhīb al-akhlāq* (Beirut: Dār al-Maktabah al-Ḥayyāh., 1961), 233-437

⁶⁷⁹ Jas Laile Suzana Jaafar, *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*, 43-46

⁶⁸⁰ Aisha Hamdan, *Nurturing Eeman In Children*, 36-43.

membantu proses kematangan dan pembangunan diri yang baik apabila anak-anak menjejak usia remaja. Pendedahan pelbagai maklumat yang perlu diberikan haruslah bermula dengan pembinaan aspek paling asas seperti penjelasan tentang hala tuju, matlamat sebenar kehidupan serta potensi diri yang dimiliki.⁶⁸¹ Selain itu, kefahaman bahawa agama adalah suatu nilai dan cara hidup yang boleh memberikan kesejahteraan dari segenap aspek kehidupan juga perlu ditekankan. Nilai-nilai dalam ajaran agama dalam hal ini perlu ditekankan sebagai suatu yang dapat memenuhi keperluan diri mereka.⁶⁸² Nilai-nilai yang dapat dihayati dan dipegang sebagai satu cara hidup inilah yang akan mencetuskan dasar kepercayaan yang kukuh, mendorong pembentukan persepsi, tabiat dan akhlak yang baik seterusnya mengelakkan rasa kegusaran dan tekanan dalam diri remaja.⁶⁸³

Justeru, ibu bapa, para penyelidik serta mana-mana pihak yang ingin mengkaji dan melaksanakan intervensi untuk pembentukan motivasi pembangunan diri remaja, perlu membina lebih banyak peluang untuk golongan ini bersuara mewakili diri mereka. Dengan ini, masalah dan keperluan diri mereka dapat dikenalpasti dan penyelesaian terbaik yang sesuai dengannya dapat diberikan. Selain itu, pelbagai teori dari sarjana Islam yang benar-benar berkesan dalam memahami diri remaja perlu terus dicari-gali dengan lebih mendalam serta diharmonikan dengan teori-teori yang lebih terkini. Tidak kira sama ada teori yang diketengahkan oleh para sarjana dalam kalangan muslim mahupun bukan muslim. Usaha ini perlu dilakukan dalam rangka yang dibenarkan oleh syariat Islam.

⁶⁸¹ Hodge, D. R., dan Nadir, A., Moving toward culturally competent practice with Muslims: Modifying cognitive therapy with Islamic tenets. *Social Work*, 53, 31–41, Abu Raiya, H., and Pargament, K. I., “Religiously integrated psychotherapy with Muslim clients: From research to practice,” *Professional Psychology, Research and Practice* 41, no. 2, (2010), 181–188; *Ibid.*; Fatimah Abdullah, “Therapeutic Ethics Managing Anger, Negative Thought and Depression According to al-Balkhī,” 77-100.

⁶⁸² Aisha Hamdan, *Nurturing Eeman in Children*, 160-164.

⁶⁸³ Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī*, 35.

8.3.2 Implikasi terhadap Pembentukan Proses Pembangunan Diri untuk Jangka Panjang

Kajian ini memberi kesedaran tentang cabaran kemerosotan motivasi yang pasti wujud dalam proses pembangunan diri remaja khususnya untuk satu tempoh yang panjang selain mendedahkan punca dan keperluan terhadap kaedah Islam sebagai strategi yang baik untuk menghadapinya. Kesedaran ini amat penting bagi memastikan setiap pihak yang terlibat dalam proses pembangunan diri remaja untuk sama-sama menggembling tenaga untuk memastikan proses pembangunan diri remaja yang berkesan.

Penelitian jangka panjang yang dibuat ke atas kes para informan kajian ini mendapati, enam bulan selepas keluar daripada program motivasi adalah satu tempoh yang mencukupi untuk berlakunya kemerosotan tersebut. Kelima-lima informan kajian ini didapati telah mengalami kemerosotan motivasi selepas beberapa lama mengikuti program MAP. Pelbagai perkara dan peristiwa yang tidak terjangka dan tidak terkawal boleh berlaku dalam masa tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa hasrat dan keinginan yang kuat untuk melakukan perubahan sebelumnya, belum tentu dapat membentuk kestabilan motivasi remaja selepas mereka berada dalam dunia realiti mereka. Oleh itu, persoalan yang sering ditimbulkan oleh masyarakat umum berhubung dengan kesan suatu program motivasi telah dijawab menerusi kajian ini.

Kajian ini menjelaskan bahawa, ketidakstabilan motivasi ini adalah berpunca daripada keadaan pemikiran dan emosi yang berubah-ubah di sepanjang proses pembangunan diri. Corak pemikiran remaja semasa mendapat suntikan (fasa II) dan beberapa lama selepas keluar dari program (fasa III) adalah berbeza bergantung kepada apa yang sedang dialami oleh mereka pada ketika itu. Semasa menerima suntikan motivasi, potensi kesedaran diri remaja sedang dirangsang. Psikologikal

mereka berada dalam keadaan bersedia untuk menerima sebarang dorongan dan nasihat. Suntikan yang sesuai dan tepat dengan diri dan masalah remaja dapat menimbulkan rasa penyesalan dan kesedaran dalam diri mereka. Berbeza dengan situasi mereka setelah beberapa lama keluar dari program serta berada di dunia realiti. Psikologikal remaja yang tidak sentiasa berada dalam keadaan sedar dan bersedia menyebabkan pelbagai unsur dalaman dan luaran dari persekitaran lebih mudah mempengaruhi pemikiran emosi dan seterusnya motivasi diri mereka. Unsur-unsur ini termasuklah bentuk pemikiran mereka sendiri sama ada positif atau negatif, tekanan sosial daripada keluarga dan rakan terdekat atau keadaan persekitaran sekeliling yang tidak menyokong.

Walau bagaimanapun, kajian ini memberi petunjuk bahawa situasi yang berlaku ini mempunyai perkaitan penting dengan pengurusan potensi al-ruh, tabiat dan akhlak remaja. Kajian ini mendedahkan bahawa ketidakupayaan dalam mengurus potensi akal dan hati menyebabkan informan tidak mempunyai kekuatan jiwa, lemah fungsi pemikiran dan emosi seterusnya tergelincir kepada godaan hawa nafsu.⁶⁸⁴ Keadaan inilah yang menyebabkan remaja mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur yang negatif selepas keluar dari program akhirnya kembali mengamalkan tabiat lama yang telah menjadi kebiasaan diri mereka.

Dalam dapatan temu bual dengan para informan pada sesi kedua iaitu selepas enam bulan keluar dari program MAP, mereka didapati sedar tentang kepentingan membangunkan potensi al-ruh untuk pembangunan diri mereka. Kajian memperlihatkan bahawa kesedaran ini tidak hanya diperoleh melalui elemen motivasi yang telah disuntik melalui MAP. Malah kesedaran ini juga sebenarnya telah diterapkan dan dipupuk melalui elemen-elemen lain yang terdapat di sekitar mereka sejak dari kecil misalnya menerusi didikan keluarga, rakan dan pendidikan

⁶⁸⁴ Hassan langgulung, *The Ummatic Paradigm of Psychology*, 23-24.

sekolah. Elemen motivasi MAP serta komitmen yang dibentuk semasa di dalam MAP dalam hal ini seharusnya dapat membantu mereka membangkitkan lagi kesedaran dan terus konsisten untuk terus membangunkan diri. Namun, mereka juga mengakui bahawa kelalaian dalam mengurus potensi al-ruh tersebut adalah punca kemerosotan motivasi yang menyebabkan mereka gagal membentuk konsistensi diri dalam mengaplikasikan pengisian dan komitmen yang telah dibentuk dan kembali mengamalkan tabiat lama.

Berdasarkan sorotan literatur kajian terdahulu, penekanan tentang peranan potensi al-ruh dalam pembentukan aspek tabiat diri remaja dari perspektif Islam masih kurang diterokai dalam kajian-kajian terkini. Kebanyakan kajian berhubung dengan tabiat ini lebih banyak dikemukakan oleh pengkaji dari Barat dengan menggunakan teori-teori yang diketengahkan oleh para sarjana mereka. Keadaan ini menyebabkan wujudnya kelompangan dalam memberikan kaedah Islam yang lebih komprehensif berhubung dengan proses motivasi pembangunan diri remaja.

Berbeza dengan kajian ini, bagi membentuk pengaruh motivasi pembangunan diri remaja untuk tempoh jangka masa yang panjang, tabiat diri remaja telah ditekankan sebagai aspek yang sangat penting untuk pembentukan akhlak dan pembangunan diri yang positif. Mengekalkan tahap konsistensi motivasi diri ini sukar dicapai⁶⁸⁵ melainkan dengan disiplin diri dan pengorbanan jiwa sehingga perkara tersebut sehingga menjadi tabiat kebiasaan.⁶⁸⁶ Oleh kerana potensi al-ruh adalah asas yang dapat menguatkan jiwa remaja, maka mengoptimumkan penggunaan potensi tersebut untuk pembentukan tabiat dan akhlak tersebut adalah

⁶⁸⁵ Muhammad Abul Quāsem, *Ethics of Al-Ghazālī*, 92-95; Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb Sharḥ 'Ajā'ib al-Qalb*.

⁶⁸⁶ *Ibid.*

satu-satunya jalan untuk mengawal motivasi pembangunan diri secara lebih berkesan.⁶⁸⁷

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan sebarang inisiatif yang dibentuk untuk membolehkan perubahan diri positif juga tidak dapat berlaku sekiranya informan masih lagi terikat dengan tabiat lama yang bercanggah dengan perubahan yang cuba dibentuk. Bukan itu sahaja, malah selepas beberapa lama keluar dari program, informan juga didapati lebih cenderung untuk membangunkan diri dan membentuk matlamat berdasarkan kepada tabiat lama kebiasaan mereka. Hal ini sekali gus menjadi cabaran yang menyukarkan proses motivasi pembangunan diri remaja. Oleh itu, tabiat buruk pada diri remaja juga adalah perkara asas yang perlu disingkirkan terlebih dahulu sebelum memastikan pembentukan tabiat-tabiat baru yang lebih positif.

Justeru, berdasarkan implikasi yang diperolehi ini, kajian ini mencadangkan beberapa perkara perlu diambil perhatian bagi dalam pembentukan proses pembangunan diri remaja. **Pertama**, perubahan keadaan pemikiran, emosi, dan tahap motivasi di sepanjang proses pembangunan diri adalah perkara yang penting untuk dititik beratkan bagi menyediakan langkah strategi yang tepat dan berkesan. Semasa proses intervensi, perkara ini boleh dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa bermula di awal program, semasa di dalam program dan dalam tempoh tertentu selepas remaja keluar dari program. Semasa remaja berada dalam program penganalisaan terhadap corak pemikiran remaja ini perlu dilaksanakan sejak di awal program sebelum sebarang intervensi diberikan. Hal ini bertujuan agar bentuk pemikiran mereka benar-benar dapat dikenalpasti. Kemudian, diikuti pula semasa suntikan elemen motivasi diberikan. Ketika ini, remaja perlu dibantu untuk membuat penilaian semula terhadap diri mereka berdasarkan kepada elemen-elemen motivasi

⁶⁸⁷ Muhammad Abul Quasem, *Ethics of Al-Ghazālī*, 92-95; Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, Kitāb Sharḥ 'Ajā'ib al-Qalb*.

tersebut supaya benar-benar dapat memahami setiap fungsinya dan mengaplikasikannya untuk diri mereka. Di akhir program pula, perkara ini sekali lagi perlu dilakukan untuk membantu remaja memastikan komitmen pembangunan diri yang dibentuk di akhir program adalah komitmen yang realistik untuk dilaksanakan dan menepati keperluan serta masalah mereka. Sementara selepas keluar dari program, semakan semula terhadap bentuk pemikiran mereka perlu dilakukan dan memberikan jalan penyelesaian sekiranya terdapat sebarang masalah.

Kedua, remaja dan pihak yang melaksanakan intervensi perlu memahami dan meneroka tabiat diri yang menghalang proses pembangunan diri dan disingkirkan terlebih dahulu. Dalam hal ini, peranan yang dapat dimainkan oleh potensi al-ruh untuk pembentukan tabiat diri yang baik juga perlu diketahui dengan jelas. Semasa proses intervensi, perkara ini perlu sentiasa ditekan kepada remaja secara terperinci. **Ketiga**, kesedaran dan gambaran berhubung keadaan kemerosotan motivasi yang mungkin berlaku perlu didedahkan dengan baik kepada remaja supaya mereka betul-betul dapat bersedia dan membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan situasi tersebut.

8.3.3 Implikasi terhadap Pembentukan Model Motivasi

Kupasan meluas yang dilaksanakan oleh sarjana Islam sejak dari dahulu berhubung dengan fungsi elemen-elemen kerohanian adalah bertujuan supaya dapat digunakan oleh setiap individu bagi tujuan mengislahkan diri ke arah yang lebih baik. Namun begitu, berdasarkan sorotan literatur yang dilaksanakan, kebanyakan kupasan berhubung dengan terma-terma elemen kerohanian tersebut lebih bersifat umum berhubung dengan psikologi diri manusia dari pandangan Islam. Hal ini menyebabkan kesukaran kepada generasi hari ini termasuk golongan remaja itu sendiri bagi memahami makna dan fungsi elemen-elemen kerohanian tersebut untuk

diaplikasikan dalam proses pembangunan diri remaja. Keadaan ini juga mendorong para pelaksana program-program motivasi pada hari ini lebih senang menggunakan teori-teori yang dikemukakan oleh Barat dalam program mereka, sekaligus membentuk jurang antara diri remaja dengan agama Islam kerana kekurangan peluang untuk memahami fungsi elemen keagamaan dan kerohanian tersebut dengan baik dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, proses pembangunan diri remaja adalah melibatkan ciri-ciri khas diri mereka serta pelbagai perubahan corak pemikiran, emosi dan tahap motivasi. Tanpa satu model khas yang menitik beratkan perkara ini akan menyebabkan intervensi yang berkesan sukar diberikan.

Sehubungan itu, kajian ini menggariskan bahawa pembinaan suatu model berkonsepkan Islam yang lebih bersifat praktikal dan sistematik amat diperlukan sebagai dalam proses pembangunan diri remaja pada hari ini. Berdasarkan kes para informan, komitmen pembangunan diri yang dibentuk di akhir program juga didapati turut bergantung kepada faktor keterbukaan dan kematangan dalam menilai setiap pengisian yang disampaikan. Keupayaan berfikir yang semakin berkembang pada usia mereka telah meningkatkan kemampuan untuk membuat penilaian dan keputusan berasaskan kepada tahap pemikiran rasional mereka.⁶⁸⁸ Remaja juga sudah boleh mamahami bahawa tidak semua peraturan sosial itu perlu dipatuhi. Oleh itu, kemungkinan remaja untuk menolak pengisian yang dirasakan tidak berkaitan dan bersesuaian dengan diri mereka juga adalah agak tinggi.

Justeru, model tersebut mestilah suatu model yang mudah difahami, sesuai dengan keadaan realiti semasa diri remaja serta menepati keperluan psikologikal diri mereka di sepanjang proses pembangunan diri. Dalam hal ini, pendefinisian semula terhadap terma-terma elemen motivasi yang berkonsepkan kerohanian dalam konteks

